

LAPORAN TAHUNAN 2023

Universiti Teknikal Malaysia Melaka




LAPORAN TAHUNAN 2023



Isi Kandungan

	1.0 Maklumat Korporat	
4	1.1 Sejarah Penubuhan	
6	1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif	
7	1.3 Matlamat Pendidikan	
7	1.4 Piagam Pelanggan	
8	1.5 Nilai Teras	
8	1.6 Pelan Strategik UTeM 2021-2022	
10	1.7 Data Ringkas	
27	3.0 Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	
39	5.0 Petunjuk Prestasi Utama dan Keberhasilan Utama UTeM Bagi Tahun 2023	
71	7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan	
99	9.0 Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	
121	11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT dan Analitik Daya	
159	13.0 Pembangunan Bakat	
	2.0 Latar Belakang	
	2.1 Canselor	12
	2.2 Pro Canselor	14
	2.3 Lembaga Pengarah Universiti	16
	2.4 Pengurusan Tertinggi Universiti	18
	2.5 Senat Universiti	20
	2.6 Jawatankuasa Audit 2023	22
	2.7 Struktur Organisasi	23
	4.0 Pencapaian Berimpak UTeM 2023	31
	6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	41
	8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	85
	10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	113
	12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemeraksanaan Holistik	131
	14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan	183



1.0
Maklumat Korporat

Maklumat Korporat

1.1 Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model '*fachhochschule*' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima (5) program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan 4 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu "Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui".

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



1.2 Visi, Misi Objektif

VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

OBJEKTIF

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurang kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

1.3 Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai dikalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

1.4 Piagam Pelanggan

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Basiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang;
- iv. Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima.
- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh empat 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.

- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu;
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut; Peserta mendapat surat jemputan menghadiri
- xiii. kursus; Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi
- xiv. program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja; Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/
- xv. kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis; Memaklumkan kepada peserta tentang
- xvi. pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan Perpustakaan menyediakan perkhidmatan
- xvii. Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

1.6 Pelan Strategik UTeM 2021-2022

Sepanjang tahun 2021 hingga 2022, UTeM dipandu oleh Pelan Strategik yang dikenali sebagai Tujuh Sasaran Strategik UTeM / Seven Strategic Goals of UTeM (SSG). Dokumen SSG UTeM merupakan kesinambungan daripada perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2012-2020 sebelum ini. Ia beraspirasikan “Universiti Yang Melahirkan Teknologis Berkemahiran Tinggi dan Memperkasa Inovasi Serta Memberi Impak Terhadap Industri dan Masyarakat” merupakan fasa baharu untuk merealisasikan Visi UTeM iaitu “Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia”.

Agenda utama transformasi dalam SSG ini ialah memartabatkan UTeM sebagai sebuah organisasi pendidikan tinggi yang terus berwibawa melonjakkan lagi sektor pendidikan tinggi teknikal ke puncak kecemerlangan serta dapat menghasilkan dapatan yang memiliki daya saing, inovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

Pembentukan Tujuh Sasaran Strategik UTeM 2021-2022 ini juga adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 - Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) yang merangkumi pendekatan pembangunan organisasi berasaskan kecemerlangan perkhidmatan pendidikan, jaringan penyelidikan industri dan komuniti, pembangunan pelajar, kepimpinan sumber manusia, kemudahan sistem dan capaian dan pengurusan kewangan.

SSG UTeM tersebut adalah seperti berikut:

1. Universiti Pilihan Pelajar
2. Graduan Pilihan
3. Penyedia Penyelesaian untuk Kemajuan Industri dan Komuniti
4. Bakat yang Kompeten dan Cekal
5. Tersohor di Peringkat Global
6. Kampus Pintar dan Dinamik
7. Kewangan yang Mampan

Pelan strategik ini juga menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan samada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi Universiti bagi melonjakkan sektor pendidikan tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.

1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan:
Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [P.U. (A) 45/2007]

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
**Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
Naib Canselor**

Alamat:
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No. Telefon :
+606 270 1000

No. Faks:
+606 270 1022

Alamat emel :
vc_utem@utem.edu.my

Laman web:
<http://www.utem.edu.my>

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat
(Luar Kampus Induk)

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia



Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia

Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka, Malaysia

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kelestarian Alam Sekitar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia


Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pejabat Penasihat Undang – Undang

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Latar Belakang *2.0*




2.1

Canselor

Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia
Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam
Yang di-Pertua Negeri Melaka






2.2 ***Pro Canselor***

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad

15 Jan 2021 hingga 14 Jan 2024





2.3

Lembaga Pengarah Universiti**Pengerusi**

**Datuk Seri Dr. Haji Hashim
bin Hasan**

1 Mac 2022 - 18 Mei 2023
19 Mei 2023 (Tamat)



**Dato' Dr. Husaini
Bin Omar**

1 Jun 2023 – 31 Mei 2026

Ahli

**Profesor Datuk
Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin**



**YB Datuk Wira
Zaidi bin Johari**



**Tuan Haji Kamaruzaman
bin Mahmood**



Zulkhairil Amar bin Mohamad



**Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin
Bin Sahib, FASc.**



**Datuk Nik Airina
binti Nik Jaffar**



**Dato' Mohammad Azlan
bin Abdullah**



Farnida binti Ngah



Ts. Dr. Zahri bin Yunos



Datuk Hajah Rosnah Binti Haji
Abdul Rashid Shirlin



Rusnah Binti Aluai




Rozaini Bin Mohd Sani



Mazlina binti Mokhtar



Setiausaha
Masdzarif bin Mahat



2.4 Pengurusan Tertinggi



Naib Canselor
Professor Datuk Ts. Dr. Massila
Binti Kamalrudin



**Timbalan
Naib Canselor**
(Akademik & Antarabangsa)
Professor Dr. Zulkifilie
Bin Ibrahim



**Timbalan
Naib Canselor**
(Penyelidikan & Inovasi)
Professor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar



**Timbalan
Naib Canselor**
(Hal Ehwal Pelajar)
Professor Madya
Datuk Dr. Sabri
Bin Mohamad Sharif




Ketua Pegawai Operasi
Masdzarif Bin Mahat



Bendahari
Sabarina Binti Abdullah



**Penasihat
Undang-undang**
Mohd Nizam Bin Pavel



Pegawai Kanan Universiti



**Dekan
Sekolah Pengajian
Siswazah**
Profesor
Dr. Mohd Rizal bin Salleh



**Dekan
Fakulti Teknologi dan
Kejuruteraan Elektrik**
Profesor Madya
Dr. Hidayat bin Zainuddin



**Dekan
Fakulti Teknologi
dan
Kejuruteraan Elektronik &
Kejuruteraan Komputer**
Profesor Madya
Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim



**Dekan
Fakulti Teknologi
dan Kejuruteraan
Mekanikal**
Profesor Madya
Dr. Mohd Fadzi bin Abdollah



**Dekan
Fakulti Teknologi dan
Kejuruteraan Industri
& Pembuatan**
Profesor
Ir. Dr. Hambali bin Arep@Ariff



**Dekan
Fakulti Teknologi
Maklumat
dan Komunikasi**
Profesor Madya
Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi




**Dekan
Fakulti Pengurusan
Teknologi &
Teknousahawanan**
Profesor Madya
Dr. Mohd Syaiful Rizal bin
Abdul Hamid



**Dekan
Institut Pengurusan
Teknologi dan
Keusahawanan**
Profesor Dr. Ahmad Zaki
bin A Bakar



**Dekan
Pusat Pembelajaran
Bahasa**
Nurlisa Loke binti Abdullah



2.5 Senat

Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin

Pengerusi - Naib Canselor

Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Ir. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Dr. Mohd Rizal bin Salleh

Dekan Sekolah Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Hidayat bin Zainuddin

Dekan Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim

Dekan Fakulti Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Madya Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah

Dekan Fakulti Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep@Ariff

Dekan Fakulti Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri & Pembuatan

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi

Dekan Fakulti Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Madya Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid

Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Profesor Madya Dr. Safiah binti Sidek

Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Nurlisa Loke binti Abdullah

Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa

Profesor Dr. Abdul Rani bin Othman

Profesor

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ir. Dr. Badrul Hisham bin Ahmad

Profesor

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Dr. Zahriladha bin Zakaria

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep @ Ariff

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib

Profesor
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani

Profesor
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Burhanuddin bin Mohd Aboobaider

Profesor
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ir. Dr. Kenneth a/l Sundaraj

Profesor
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff

Pengarah
Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko

Encik Masdzarif bin Mahat

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Puan Sabarina binti Abdullah

Bendahari

Encik Mohd Nizam bin Pavel

Penasihat Undang-undang

Puan Siti Saluwa binti Jamal

Ketua Pustakawan

2.6

Jawatankuasa Audit 2023

Pengerusi



**YB Datuk Wira
Zaidi bin Johari**

05/07/2022 - 23/08/2023



Rozaini Bin Mohd Sani

23/08/2023 - 13/08/2026



Ahli

Ts. Dr. Zahri bin Yunos




Ahli

**Zulkhairil Amar
Bin Mohamad**



Ahli

Farnida binti Ngah



Pelan Strategik UTeM 2023 – 2025

Bagi memenuhi kehendak semasa dan cabaran global, Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2023 – 2025: Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan telah dihasilkan secara holistik dengan penglibatan semua pihak berkepentingan sebagai mekanisme utama untuk merealisasikan visi dan misi universiti ini. Selaras dengan transformasi negara, UTeM telah membangunkan Pelan Strategik UTeM 2023 - 2025 yang menggariskan hala tuju dan bidang fokus UTeM bagi tempoh 3 tahun bermula 2023 hingga 2025. Melalui kelulusan Lembaga Pengarah Universiti pada 29 November 2022, Buku Pelan Strategik UTeM 2023 – 2025 dilancarkan pada 22 Februari 2023 bertempat di Dewan Canselor UTeM.




Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik UTeM 2023 – 2025


Pelan Strategik UTeM 2023–2025 mengandungi 5 Teras Strategik iaitu Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya; Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan; Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan; Mencetus Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti dan Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran. Sebanyak 33 Inisiatif Strategik (IS), 74 Indikator Inisiatif Strategik (IIS), 175 Pelan Tindakan (PT) dan 358 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dikenal pasti dalam usaha memacu PTj, PBU dan UTeM Holdings Sdn. Bhd. untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar pada masa akan datang.

Kerangka Keseluruhan Pelan Strategik UTeM 2023-2025






Kerangka Utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025



Prestasi Pencapaian Pelan Strategik UTeM 2023

Bagi tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2023–2025 iaitu bagi tahun 2023, pencapaian keseluruhan bagi kelima-lima Teras Strategik adalah sebanyak 75.57% dan 51.26% pencapaian bagi sasaran tahun 2025 seperti yang telah dibentangkan kepada pihak Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti.

Pelan Strategik UTeM 2023–2025 merupakan komitmen Universiti sebagai Universiti Awam Teknikal pertama di Malaysia untuk menyediakan dan memastikan kelangsungan perancangan dan pelaksanaan tindakan strategik bagi menyokong aspirasi negara, selain dijadikan sebagai panduan kepada warga Universiti samada di peringkat PTj, PBU mahupun individu dalam membuat perancangan dan tindakan strategik seiring dengan visi dan misi UTeM.





***Laporan Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti***

Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Laporan Tahunan 2023 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak.

Tahun 2023, UTeM telah menerima seramai 3,161 orang pelajar baharu untuk mengikuti program di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi kemasukan sesi akademik 2023/2024. Manakala seramai 474 orang pelajar di peringkat Diploma bagi kemasukan sesi akademik 2023/2024. Jumlah enrolmen pelajar prasiswazah UTeM keseluruhan pada tahun 2023 adalah seramai 12,560 orang.

Pada tahun 2023, pihak UTeM telah berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-19 pada 4-6 November 2023 di Dewan Canselor, UTeM. Majlis Konvokesyen UTeM Ke-19 telah melibatkan seramai 3,383 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dalam bidang masing-masing di peringkat Ijazah Lanjutan, Sarjana Muda dan Diploma. Universiti merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor mempengerusikan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-19 tersebut.

UTeM telah memperkenalkan program bual bicara yang diadakan secara bulanan yang dikenali sebagai 'Chairman Lecture Series' bertujuan perkongsian pengalaman dan cabaran masa kini bersama pakar-pakar dari pelbagai bidang kepakaran dan industri terpilih selaras dengan bidang pengajian universiti. Program ini telah disertai oleh ahli-ahli akademik universiti, pelajar dari dalam dan luar UTeM dan masyarakat industri sekitar.

Untuk makluman juga bahawa sehingga kini, Universiti telah mempunyai sebanyak 99 program dengan 100% akreditasi (MQA, BEM, MBOT) seperti berikut:

Peringkat Pengajian			
Kedoktoran (12)	Sarjana (43)	Sarjana Muda (39)	Diploma (5)
(6) PhD	(11) Penyelidikan	(8) Kejuruteraan	(4) Kejuruteraan
(4) D. Engr	(26) Kerja Kursus	(7) ICT	(1) ICT
(1) DIT	(6) Mod Campuran	(6) Teknologi	
(1) DTM		(14) Teknologi Kejuruteraan	
		(4) Pengurusan Teknologi	

Universiti turut menambah nilai program sedia ada dengan menggalakkan pemilikan Pensijilan Profesional kepada setiap pelajar, di antaranya:

- IoT Fundamentals : Big Data & Analytics Professional Certification;
- ORACLE Database Foundation Junior Associate Professional Certification;
- Programmable Logic Controller (PLC) Level 1 & 2 Certification;
- CCNA Security Professional Certification Preparation;
- IBM Certified Specialist-SPSS Statistics Level 1 V2 Certification Preparation;
- Autocad Professional Certification Preparation; dan
- CATIA V6 - Part Design Associate Certification.

Universiti telah menganjurkan program mobiliti inbound dan outbound dengan melibatkan seramai 73 pelajar dengan penempatan di Universiti luar negara seperti Hochschule Hannover University of Applied Sciences & Arts di Jerman, Nagoya University dan Tokushima University di Jepun, Hangzhou Dianzi University di China, Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Universitas Sebelas Maret, Universitas Internasional Batam dan Universitas Sriwijaya di Indonesia.

Universiti turut menawarkan bantuan kepada pelajar UTeM melalui bantuan biasiswa seperti Anak Emas UTeM, Program Sulung serta bantuan pelajar melalui zakat daripada Yayasan Canselor UTeM.

Dalam usaha keterlibatan Universiti di peringkat antarabangsa, UTeM telah menandatangani beberapa perjanjian kerjasama strategik dalam bidang akademik dan penyelidikan antaranya ialah bersama Hannover University of Applied Sciences & Arts, Jerman, Heilongjiang Agricultural Economy Vocational College, China dan Kyusyu Institute of Technology, Jepun.

Universiti turut menerima geran penyelidikan berimpak tinggi melalui Program Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development (SATREPS) bernilai RM4,896,800.00 bagi tempoh 5 tahun mulai 2023 hingga 2027. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah bekerjasama dengan Japan Science and Technology Agency (JST), Japan Agency for Medical Research and

Development (AMED) dan Japan International Cooperation Agency (JICA).

Pada tahun 2023 juga, Universiti telah berjaya menstruktur semula 6 fakulti melibatkan 4 Fakulti Kejuruteraan dan 2 Fakulti Teknologi Kejuruteraan kepada 4 Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan. Berikut adalah fakulti yang terlibat dalam penstrukturkan ini iaitu:

Selain itu, Universiti telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Karnival Sukan MASUM Fasa 2 pada tahun 2023. Terdapat 8 jenis sukan telah dipertandingkan iaitu bola jaring, ragbi 15'S, petanque, hoki, karate, pencak silat, basikal MTB dan catur. Tahniah juga kepada kontingen Universiti yang telah berjaya meraih 2 pingat gangsa pada karnival sukan tersebut.

Bil.	Penstrukturkan Fakulti	
	Sebelum	Selepas
1.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik
2.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik dan Komputer
3.	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer
4.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal
5.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal
6.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan
7.	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan
8.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Melanikal dan Pembuatan	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

Universiti merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan semula Ahli Lembaga Pengarah Universiti selaras dengan Seksyen 17(1) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka iaitu YBr. Tuan Haji Kamaruzman bin Mahmood mewakili Kementerian Pendidikan Tinggi dan YBr. Ts. Dr. Zahri bin Yunos mewakili Alumni. Selain itu, pelantikan baru YBhg. Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin dan YBr. Encik Rozaini bin Mohd Sani yang mewakili sektor swasta. Ucapan tahniah juga kepada YBr. Puan Rusnah binti Aluai atas pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah mewakili ahli yang berpengetahuan dan berpengalaman.

Universiti turut merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan sebagai Ahli Silih Ganti Kementerian Pendidikan Tinggi kepada YBr. Puan Mazlina binti Mokhtar. Pelantikan ini selaras dengan Seksyen 17(3) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Universiti merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas jasa, sumbangan dan komitmen yang

telah diberikan sepanjang pelantikan di UTeM kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan yang telah tamat tempoh pelantikan sebagai Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti. Terima kasih juga kepada YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar dan YBhg. Dato' Mohammad Azlan bin Abdullah di atas sumbangan dan idea yang telah diberikan kepada Universiti sepanjang tempoh pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti.


Saya mewakili Lembaga Pengarah Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan amat berterima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi serta seluruh warga kerja UTeM atas segala komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam perkembangan dan kemajuan Universiti di sepanjang tahun 2023.

Saya berdoa agar kesepakatan dan semangat kebersamaan dalam UTeM terus erat dan kukuh di sanubari semua warga, demi merealisasikan kelangsungan serta kejayaan visi dan misi Universiti. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

Dato' Dr. Husaini bin Omar

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti





4.0
Pencapaian Berimpak
UTeM 2023

Pencapaian Berimpak UTeM 2023

UTeM Cipta Sejarah Pertama Kali Disenaraikan Dalam Kalangan Universiti Terbaik Dunia Menerusi Penarafan QS World University Rankings 2024

UTeM terus mengorak langkah kecemerlangan apabila pertama kali dalam sejarah disenaraikan kedudukannya sebagai salah sebuah universiti terbaik dunia dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2024. Berita bersejarah buat UTeM ini telah diumumkan menerusi kenyataan QS yang mana meletakkan UTeM pada kedudukan ke 1200 - 1400 daripada 2693 institusi yang dinilai.

Pencapaian itu menunjukkan komitmen UTeM yang tidak berbelah bagi kepada kecemerlangan akademik, penyelidikan, pengantarabangsaan, pembangunan pelajar dan inovasi yang memberi kesan langsung buat semua. Pencapaian julung kali ini dicapai menerusi inisiatif UTeM di peringkat global melalui kerjasama akademik, kolaborasi penyelidikan dan pelbagai bentuk kerjasama samada dengan institusi pengajian tinggi yang lain mahupun dengan industri dan organisasi antarabangsa.

Pencapaian yang membanggakan ini terhasil daripada dedikasi dan kerja keras semua lapisan warga universiti dari peringkat Lembaga Pengarah Universiti, pihak pengurusan tertinggi dan kanan, warga kerja hingga ke para pelajar bagi memastikan kedudukan ini berjaya dicapai. UTeM mula mengemukakan data bagi penilaian penarafan QS dan telah tersenarai pertama kali dalam penarafan QS Asia University Rankings 2020 dan kemuncak pencapaian ini apabila berjaya disenaraikan dalam penarafan tertinggi iaitu QS World University Rankings 2024 dalam tempoh 5 tahun dari penarafan peringkat Asia.

Elemen-elemen baharu yang diperkenalkan oleh QS World University Rankings seperti kelestarian dan kebolehpasaran graduan terus ditekankan oleh UTeM melalui beberapa inisiatif khusus yang telah dirancang rapi di bawah Pelan Strategik UTeM 2023-2025: Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan. UTeM juga akan memperkukuh peranannya sebagai universiti teknikal yang mengangkat agenda pemerkasaan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada semua peringkat.

Pertama kali UTeM dapat penarafan QS World Ranking Sustainability 2024

Prestij dan keunggulan UTeM di pentas global terus menyerlah apabila sejarah tercipta UTeM pertama kalinya tersenarai pula dalam penarafan QS World University Rankings: Sustainability (Kelestarian) 2024. Ini merupakan penghormatan atas dedikasi berterusan UTeM terhadap amalan lestari yang berkait langsung dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dunia.

QS World University Rankings: Sustainability 2024 merupakan satu penarafan yang diiktiraf di seluruh dunia yang mana ia menilai komitmen universiti terhadap kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi (ESG). Penyertaan UTeM dalam senarai berprestij ini sekaligus menaikkan martabat universiti ke peringkat antarabangsa dan menzahirkan komitmen kami yang memberikan kesan dan impak langsung terhadap dunia.

Pencapaian ini turut membuktikan adanya keberhasilan berantai bagi setiap usaha mampan UTeM secara menyeluruh melalui amalan kampus mesra alam dan penglibatan komuniti. Program-program ini juga bukan sahaja membantu menjadikan kampus lebih hijau malahan ia turut memupuk rasa tanggungjawab dan kesedaran dalam kalangan pelajar dan kakitangan.

Buat pertama kali telah tersenarai dalam QS World University Rankings: Sustainability ini UTeM kini berada pada kedudukan 1,001-1,050. Kedudukan ini turut menambah nilai buat UTeM sebagai sebuah institusi kecemerlangan teknikal yang terus menjadi rujukan di peringkat antarabangsa.

Peningkatan Enrolmen Pelajar Baharu Ke Ijazah Sarjana Muda Sesi 2023/2024

UTeM telah menjadi universiti pilihan pelajar untuk menyambung pengajian di peringkat TVET tahap tinggi di mana terdapat peningkatan enrolmen pelajar baharu ke program Ijazah Sarjana Muda Sesi 2023/2024. Untuk pengambilan pada sesi 2023/2024, bilangan pelajar yang mendaftar ialah 3,167 orang pelajar berbanding sasaran 3,097 orang pelajar iaitu 102% dari sasaran. Bilangan pelajar baharu ini juga adalah tertinggi dalam sejarah pengambilan pelajar baharu di UTeM dan tertinggi di kalangan MTUN lain.

Graduan Sulung Program TVET Sarjana Muda Teknologi UTeM (Work-Based Learning)

UTeM telah berjaya menghasilkan 37 orang graduan sulung bagi program Sarjana Muda Teknologi (BTech) sempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-19 yang telah diadakan pada 4 hingga 6 November 2023 bertempat di Dewan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka.

Program BTech merupakan program TVET yang bercirikan Mod Pengajian Industri yang mana kaedah Pengajaran dan Pembelajaran berlaku di industri iaitu menggunakan konsep 2 ½ tahun di kampus dan 1 tahun di industri. Sepanjang 1 tahun di industri, pelajar diberikan pendedahan kepada amalan industri dan kursus-kursus yang dijalani adalah berbentuk Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning (WBL).

Dua program yang terlibat adalah Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian dengan sejumlah 16 orang graduan dan Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian sejumlah 21 orang graduan.

UTeM perkenal Menu Siswa Rahmah pada harga RM3.50

Menyahut seruan negara dan KPT maka UTeM telah melaksanakan Menu Siswa Rahmah pada harga serendah RM3.50 sejajar aspirasi nasional dalam meringankan beban mahasiswa terutama golongan B40. UTeM menerusi inisiatif dan pendekatan segera telah melaksanakan Menu Siswa Rahmah bermula 20 Mac 2023. UTeM menempatkan lebih 62 peratus mahasiswa berstatus B40 daripada 11,000 pelajar layak menikmati Menu Siswa Rahmah pada harga serendah RM3.50. Universiti sentiasa berikhtiar dan berusaha menjayakan pelbagai inisiatif bagi membantu para mahasiswa miskin terutama golongan B40 supaya tidak terjejas pengajian mereka disebabkan kesusahan dan keperluan hidup.

Pelaksanaan menu ini berkuat kuasa sepenuhnya di semua kafeteria yang beroperasi dalam kampus UTeM malah sangat bertepatan ketika kos sara hidup menunjukkan tren peningkatan pada hari ini. Menu berkenaan terdiri daripada dua pilihan iaitu set nasi putih, ikan atau ayam, sayur dan kuah ataupun sup kosong bersama air kordial. Usaha ini dijayakan menerusi kerjasama bersama 7 pengusaha dalam kampus induk manakala dua buah di kampus Teknologi UTeM. Sebagai insentif dan imbal balik, pengurusan tertinggi universiti bersetuju untuk memberi pengecualian sewaan sehingga akhir tahun ini kepada semua pengusaha kafeteria.

UTeM Sedia RM10 Juta Biasiswa Untuk Pelajar Dari Negara Bergolak

Prihatin terhadap mangsa perang negara bergolak termasuk Palestin, UTeM memperuntukkan biasiswa sebanyak RM10 juta untuk membantu mereka melanjutkan pengajian di universiti itu. Tawaran di bawah Biasiswa Kesidang itu diberikan kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) untuk tempoh selama 5 tahun.

Ia digunakan untuk pembiayaan yuran pengajian bermula pada sesi pengambilan pelajar baharu 2023/2024. UTeM sangat prihatin dengan keadaan negara bergolak ini yang mana kami ada sediakan Biasiswa Kesidang dan buat masa sekarang fokus pada pelajar Palestin.

UTeM Naik Taraf Kelajuan Internet Kepada 13 Gbps Bagi Kampus Induk dan Kampus Teknologi

UTeM telah mula menaik taraf kelajuan capaian internet daripada 3 Gbps kepada 13 Gbps bermula 1 Oktober 2023 bagi kedua-dua kampusnya iaitu Kampus Induk Durian Tunggal dan Kampus Teknologi di Ayer Keroh. Usaha ini merupakan kerjasama penuh dengan syarikat TIME dotcom Berhad sehingga September 2025 dan pelaburan ini adalah seiringan dengan agenda Transformasi Pendigitalan secara menyeluruh di semua Universiti Awam. Perkara ini juga adalah selari dengan 5 Teras Strategik UTeM yang berkait langsung dengan Teras Strategik 4 UTeM iaitu Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti.

Ini adalah untuk memastikan akses kepada infrastruktur dan infostruktur digital yang berpatutan, boleh dipercayai, mampan dan bersepadu untuk semua termasuk pelajar, staf dan pemegang taruh. Usaha ini turut mewujudkan transformasi digital menyeluruh yang akan memberi impak positif kepada setiap aspek operasi pentadbiran dan pengajaran & pembelajaran (PdP) secara dalam talian tidak kira di mana dan waktu. UTeM komited dalam memajukan transformasi pendigitalan dalam operasi PdP dan operasinya dalam memberi impak, cabaran dan peluang yang besar dalam kehidupan bagi memudahkan segala urusan secara dalam talian.

Peningkatan perkhidmatan internet daripada 1Gbps kepada 10Gbps dinikmati buat seluruh warga di kampus induk termasuk kolej-kolej kediaman UTeM. Bagi Kampus

Teknologi pula perkhidmatan internet ditingkatkan daripada 2Gbps kepada 3Gbps. Sementara itu, peningkatan rangkaian antara kampus induk dan Kampus Teknologi juga telah dinaikkan daripada 550Mbps kepada 800Mbps. Secara operasinya proses berkenaan telah dilaksanakan secara optimum dan berjalan dengan lancar serta menyeluruh lalu impaknya telah mula dinikmati oleh seluruh warga UTeM pada masa kini.

UTeM Jayakan TVET Khas Wanita

Kerajaan bersetuju menubuhkan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Khas Wanita dengan pengambilan seramai 15,000 wanita untuk ke program berkenaan sebagai permulaan. Penubuhan TVET Khas Wanita melalui kerjasama antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Kolej Agro Sains Malaysia. Pusat Latihan TVET Wanita perlu dibangunkan untuk meningkatkan kapasiti wanita melalui program 'upskilling' (peningkatan kemahiran), 'reskilling' (kemahiran semula), 'multiskilling' (pelbagai kemahiran) dan 'future skilling' (kemahiran masa depan), di seluruh negara termasuk kawasan pinggir desa.

Program Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement (JELITA) di bawah program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat membantu meningkatkan ekonomi golongan wanita negara ini. Program JELITA menyasarkan wanita untuk memperkasakan ekonomi golongan itu melalui pengembangan bakat, kemahiran, keterampilan dan pengetahuan. Ia juga menawarkan pakej penyediaan pengajian eksklusif hasil kerjasama dengan rakan industri yang sedia menawarkan lebih 1,000 peluang pekerjaan mengikut keperluan pasaran.

Program JELITA akan dilaksanakan 3 tahun dengan menyasarkan pengambilan 150,000 orang wanita dan penyempurnaan Majlis Pelancaran JELITA telah berlangsung di Pusat Perdagangan Dunia (WTC). Melalui kerjasama strategik antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia, kedua-dua institusi itu akan berperanan sebagai penyedia latihan dan fasilitator untuk menyediakan tenaga mahir berkualiti khusus untuk wanita.

Menerusi JELITA, UCAM dan UTeM akan berkolaborasi dengan 87 penyedia latihan seluruh Malaysia, termasuk universiti awam, politeknik, dan institusi latihan TVET. JELITA menawarkan 10 bidang kemahiran dan pensijilan

lebih tinggi dan luas, yang mana kerjasama dengan 74 rakan strategik memastikan program dan pensijilan ditawarkan selaras keperluan industri.

JELITA juga diharapkan membuka jalan bagi wanita seluruh negara untuk menggali potensi mereka dalam bidang vokasional dan teknikal, serta mencipta peluang kejayaan dalam sektor pekerjaan yang berkembang pesat. Kerajaan menerusi program TVET MADANI akan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan supaya program berkenaan akan memberikan impak positif yang besar kepada ekonomi dan masyarakat negara kita.

UTeM Terajui RICE Melaka@UTeM

Kerajaan Melaka telah melancarkan pusat penyelidikan dan pembangunan yang dikenali sebagai RICE Melaka@UTeM bagi memperkukuh bidang sains, teknologi dan inovasi di negeri itu pada 13 Oktober 2023. Pusat itu dibangunkan dengan kerjasama UTeM menekankan 4 elemen penting iaitu penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan. Penyelidikan dan pembangunan akan memberi tumpuan pada empat elemen berkenaan dan hasil dapatan yang diperoleh daripada penyelidikan oleh UTeM akan digunakan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negeri pada masa hadapan.

Penubuhan RICE Melaka@UTeM juga selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035), Smart Melaka Blueprint 2035 (SMB 2035) dan Pelan Pembangunan Mampan (SDG). Pusat penyelidikan dan pembangunan ini juga berperanan memperkukuh ekosistem bidang sains, teknologi dan inovasi selain memperkasakan pembangunan dan penggunaan teknologi tempatan serta menggalakkan inovasi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, kesejahteraan masyarakat serta kualiti hidup yang inovatif dan berdaya saing.

RICE Melaka@UTeM diharap dapat menjadi Pusat Kecemerlangan yang unggul dan berupaya menarik banyak pihak untuk terbabit dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan serta inovasi di negeri itu di samping itu RICE Melaka@UTeM akan dapat menjadi peneraju kepada pembangunan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan menggubal kurikulum TVET yang berasaskan kepada keperluan semasa dan masa hadapan.

UTeM Laksana Sistem Pendigitalan Jayakan Majlis Konvokesyen

UTeM melaksanakan sistem dan proses penganjuran majlis secara pendigitalan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Majlis Konvokesyen UTeM ke-19 di Dewan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka, 4 hingga 6 November 2023. Pelaksanaan pendigitalan itu merangkumi proses sebelum, semasa dan selepas penganjuran majlis konvokesyen dan perkara itu selari dengan aspirasi nasional yang mana universiti awam perlu proaktif memperkasakan pendigitalan dalam proses dan gerak kerja urusan berkaitan.

UTeM terus dinamik menerapkan pendigitalan secara penuh dan proses ini memberikan pendedahan langsung kepada mahasiswa, graduan, kakitangan universiti serta semua ibu bapa yang terlibat. Ia melibatkan beberapa komponen seperti platform laman sesawang majlis konvokesyen yang menjadi rujukan utama graduan dan ibu bapa. Turut dibangunkan adalah sistem permohonan jubah graduan yang menjadi pemangkin kepada penjimatan masa dan melancarkan proses agihannya secara fizikal dengan lebih efisien.

Sistem permohonan jubah graduan dilengkapi pautan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dibangunkan KPT, bagi mengetahui status pekerjaan graduan setelah tamat pengajian. Sistem ini bertujuan mendapatkan pandangan mereka berhubung program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan di institut pengajian tinggi (IPT), sekali gus mengukur kebolehpasaran graduan UTeM.

Menerusi pendigitalan itu, UTeM turut menyediakan buku konvokesyen secara digital di mana setiap graduan, ibu bapa dan tetamu kenamaan boleh mendapatkannya di laman sesawang Majlis Konvokesyen UTeM. Tidak ketinggalan, pihak vendor bagi urusan gambar rasmi konvokesyen graduan menyahut ke arah pendigitalan dengan menyediakan platform permohonan dan pembayaran gambar secara dalam talian.

UI GreenMetric: UTeM 'Top 5' Dalam Negara, 106 Terbaik Dunia

UTeM terus melakar kecemerlangan di pentas dunia apabila mencapai kedudukan 106 terbaik dalam UI GreenMetric (UIGM) World University Ranking bagi penarafan kampus paling hijau dan paling menyerlah kelestarian alam sekitar. UIGM merupakan satu sistem penilaian sendiri dan sebagai pembuktian iltizam universiti untuk melestarikan alam sekitar yang disertai oleh institusi pengajian tinggi seluruh dunia.

Pada masa yang sama penilaian dalam UIGM juga seiring dengan pemetaan 17 matlamat dalam Sustainable Development Goals (SDG) bagi menilai aspek kemampanan atau kelestarian universiti. Penilaian UIGM berdasarkan 51 petunjuk dalam 6 kriteria dalam UI GreenMetric World University Rankings iaitu tetapan dan infrastruktur (SI), tenaga dan perubahan iklim (EC), sisa dan kitar semula (WS), air (WR), pengangkutan (TR) dan pendidikan (ED).

UTeM mula menyertai UIGM pada tahun 2016 dan berada pada kedudukan ke 269 daripada 516 universiti yang dinilai dan dalam tempoh 7 tahun UTeM terus cemerlang mencapai kedudukan terkini pada tangga ke 106 daripada 1,183 universiti yang dinilai.

Menariknya pencapaian ini turut melonjakkan kedudukan UTeM pada kedudukan 5 terbaik universiti paling lestari dan hijau di Malaysia.

Strategi lonjakan UTeM bagi pencapaian kedudukan tersebut adalah menerusi pelaksanaan beberapa pelan pembangunan program pemuliharaan kehijauan UTeM bagi memberi nilai tambah kepada kriteria SI. Turut menggubal beberapa dasar dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan sisa dan air yang lebih sistematik di samping melaksanakan program dan aktiviti yang menyokong dan bertepatan kriteria EC sebagai contohnya pemasangan solar di Kampus UTeM.

Antaranya mengadakan lawatan ukur takat perbandingan ke beberapa buah universiti yang mempunyai amalan terbaik dalam UIGM. Sehubungan dengan itu, penjajaran UIGM dengan 17 SDG menunjukkan aktiviti dan program yang dirangka dan dilaksana oleh UTeM seiring dengan keperluan dalam agenda kemampanan negara dan dunia.

Atlet Rejam Lembing Negara Terima Anugerah Pelajaran Diraja UTeM

Atlet rejam lembing negara, Syed Abrar Syed Ahmad Zawawi cemerlang dalam akademik sekali gus merangkul Anugerah Pelajaran Diraja pada majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka ke-19 pada 4 hingga 6 November 2023. Syed Abrar, 23, merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.73 mencapai kejayaan itu hasil disiplin tinggi dan pengurusan masa yang betul agar tidak tercicir daripada kedua-dua tanggungjawab sebagai pelajar dan atlet.

Anak kelahiran Perlis itu berhasrat menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana di UTeM dan bercita-cita menjadi seorang pensyarah. Berdasarkan rekod pencapaiannya, Syed Abrar berjaya mengumpul 13 pingat emas dan dua pingat perak daripada 16 kejohanan sukan yang disertainya dengan kejohanan terbaharu adalah temasya Sukan SEA Kemboja pada Mei lepas. Kejohanan lain yang beliau sertai termasuk Sukan Universiti ASEAN, Sukan Malaysia (SUKMA), Kejohanan Olahraga Kebangsaan MAF, Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi dan Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT).

Pada Konvokesyen UTeM ke-19 yang berlangsung selama tiga hari, Syed Abrar merupakan antara 3,378 graduan yang masing-masing menerima diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Dr Massila dinobatkan Tokoh Akademik UTeM

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Prof Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Universiti bagi tahun 2022 menerusi Majlis Akademik Universiti (AAU) yang diadakan pada bersekali dengan Majlis Makan Malam Konvokesyen ke 19 UTeM di Courtyard By Marriot Hotel, Melaka pada 3 November 2023.

Majlis AAU UTeM tahun 2022 merupakan pengiktirafan istimewa untuk ahli akademik UTeM dalam pelbagai aspek kecemerlangan termasuk pengajaran, penyelidikan, penulisan dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Majlis AAU menjadi satu tradisi sejak tahun 2009 dan dorongan penting kepada staf untuk terus meningkatkan pencapaian dan sumbangan mereka dalam

dunia akademik. Anugerah utama AAU UTeM 2022 itu disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Mohammad Yusof Apdal.

Penganugerahan itu sekali gus melayakkan Dr Massila menerima sebuah trofi, sijil dan wang tunai sebanyak RM8,000. Pada masa yang sama, beliau turut menerima Anugerah Penerbitan Buku Bidang Sains dan Teknologi. Sehingga tahun 2022, beliau meraih 11 anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta mendapat 52 sanjungan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kerana sering dijemput sebagai *Keynote* dan *Invited speaker*.

Sebanyak 13 kategori anugerah telah disediakan yang mana pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada penilaian yang telah dibuat oleh panel jawatankuasa penilai AAU yang dilantik. Penerima utama bagi setiap kategori menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang bernilai RM4,000. Manakala bagi penerima saguhati menerima sijil penghargaan dan wang bernilai RM500.

Pensyarah UTeM Wakili Malaysia Kongsi Kepakaran Pembangunan Telekomunikasi Masa Hadapan Dunia

Pensyarah yang merupakan pakar bidang telekomunikasi dari UTeM telah dipilih mewakili Malaysia untuk berkongsi kepakaran bagi mencorak dan membangunkan telekomunikasi masa hadapan dunia. Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) UTeM, Prof Madya Dr Imran Mohd Ibrahim telah mewakili Malaysia Technical Standard Forum Berhad (MTSFB) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ke mesyuarat ITU Working Party 5D (ITUR-WP5D), Geneva, Februari 2023.

ITUR-WP5D merupakan forum bawah International Telecommunication Union bertanggungjawab berkongsi kepakaran dan merangka pembangunan spesifikasi teknologi telekomunikasi untuk masa hadapan peringkat global. Perkongsian kepakaran ini melibatkan tenaga pakar lebih dari 100 buah negara antaranya adalah Amerika Syarikat, China, Great Britain, Jepun, Korea Selatan dan India.

Antara perkara utama yang disentuh adalah berfokus kepada perincian pembangunan spesifikasi teknologi 6G dan penambahbaikan pelaksanaan teknologi 5G. Di samping

itu, turut memperhalusi tentang kemodenan komunikasi besar-besaran antara peranti telekomunikasi dalam sektor kesihatan dan automotif dunia yang berfokuskan kepada kenderaan tanpa kendalian manusia.

Selain itu, pembangunan telekomunikasi dunia turut memperincikan pemeraksanaan penggunaan teknologi realiti maya (tanpa wayar) secara meluas dan dapatan daripada perkongsian tersebut wakil dari setiap negara akan memberikan laporan terperinci kepada kementerian dan badan berkaitan di peringkat negara masing-masing pula.

UTeM Jayakan Penganjuran Sulung Le Tour de IPT

Perlumbaan basikal Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama hebat Universiti Teknikal Malaysia Melaka berlangsung dari 17 hingga 20 Jun 2023. Perlumbaan yang julung kali diadakan itu akan bermula di Kolej Komuniti Segamat, Johor dan berakhir di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Putrajaya pada 20 Jun 2023. Kejohanan bertujuan memberi pendedahan kepada atlet dan pegawai IPT, khususnya bagi sukan berbasikal, pengalaman beraksi dalam jelajah lumba basikal ala Le Tour de Langkawi atau Jelajah Malaysia.

KPT mengharapkan LTdIPT mampu membantu merencanakan pembangunan sukan berbasikal dan melahirkan pelumba-pelumba berkaliber tanah air. Kejohanan dengan kerjasama hebat UTeM yang telah disertai pelbagai pasukan IPTA, IPTS di bawah naungan KPT. Saingan membabitkan empat peringkat perlumbaan dengan jarak keseluruhan sejauh 332.7 kilometer, dengan nilai hadiah keseluruhan RM40,000 menjadi rebutan lebih 100 pelumba.

Majlis pengenalan pasukan disempurnakan Yang Di-pertua Negeri Melaka yang juga Canselor UTeM, Tun Mohd Ali Mohd Rustam. Hadir sama Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Naib Canselor UTeM Profesor Ts. Dr Massila Kamalrudin. Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian adalah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang, Kolej Komuniti Malaysia, Majlis Sukan Politeknik Malaysia, Multimedia University, UIAM/UPM/UNIMAS, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, UTeM, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Malaysian University Cycling Team.

Peringkat pertama perlumbaan bermula di Kolej Komuniti Segamat dan berakhir di UTeM, Melaka dengan jarak sejauh 96.4km. Peringkat kedua menampilkan kriterium dengan jarak 60km dan disusuli peringkat ketiga antara Politeknik Port Dickson-Universiti Putra Malaysia (UPM) (92.8km). Peringkat akhir sejauh 83.5 km dari Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Bangi dan tamat di bangunan KPT di Putrajaya. LTdIPT adalah kesinambungan daripada penganjuran Varsity Cycling Challenge (VCC) yang mula dianjurkan pada tahun 2015.

68 Peratus Graduan UTeM Merupakan Lulusan Bidang TVET

Sebanyak 68 peratus atau 2,115 daripada 3,378 penerima diploma, ijazah dan doktor falsafah (PhD) pada Majlis Konvokesyen UTeM ke-19 pada 4 hingga 6 November adalah graduan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Daripada jumlah itu, sebanyak 2,478 adalah graduan Ijazah Sarjana Muda yang mempunyai sekurang-kurangnya satu pensijilan profesional melibatkan 25 kursus profesional tahap tinggi.

Pencapaian ini membuktikan UTeM terus memacu pemeraksanaan TVET aras tinggi sekali gus menjadikan Melaka sebagai hab pendidikan TVET yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri. Setiap pelajar UTeM wajib mempunyai satu pensijilan profesional dan UTeM akan usahakan inisiatif ini walaupun terdapat kekangan kewangan, menerusi pelbagai program dengan pihak industri dan badan profesional. Usaha ini bagi memberi nilai suntikan kebolehpasaran tinggi dalam kalangan graduan UTeM sekali gus memastikan mereka mendapat peluang pekerjaan yang sesuai dengan bidang dipelajari,

Majlis konvokesyen yang berlangsung selama tiga hari itu melibatkan 505 graduan diploma, ijazah sarjana muda (2,618 orang), ijazah sarjana (151 orang), ijazah doktor kejuruteraan (empat orang) dan PhD (100 orang).

UTeM Sedia Tujuh Inisiatif Bantu Lulusan SPM Sambung Pengajian

UTeM menyediakan tujuh inisiatif berupa pelbagai bantuan termasuk kewangan kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada keluarga B40 yang menyambung pengajian di peringkat diploma di universiti itu. Inisiatif itu akan diberikan sepanjang tempoh pengajian pelajar berkenaan menyambung pengajian di UTeM dalam usaha

menjamin kebajikan, kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka selain mengurangkan beban keluarga golongan itu.

Antara inisiatif yang disediakan ialah tajaan pengajian dan wang saku pelajar di bawah Program Anak Emas melalui Yayasan Canselor melibatkan peruntukan sebanyak RM90,324. Di bawah Program Anak Emas, pengajian pelajar tersebut akan ditanggung sepenuhnya dan usaha ini julung kali ditawarkan UTeM bermula tahun 2022. Selain itu, inisiatif TUAH Care Food@Campus berupa bantuan makanan kepada pelajar terbabit turut disediakan dan ia memberi manfaat kepada lebih 1,500 pelajar dengan peruntukan lebih RM150,000 sebulan.

UTeM turut menyediakan alternatif bantuan Pinjaman Jangka Pendek (PJP) sebanyak RM500 selain Program Menu Siswa Rahmah dan Program Food Bank kepada pelajar memerlukan. Sebagai universiti yang menerajui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) aras tinggi negara, UTeM turut menyediakan Bantuan Pengajian TVET sepanjang tempoh pengajian kepada pelajar yang memenuhi syarat kelayakan. UTeM turut membantu pelajar B40 mendapatkan bantuan zakat dan sumbangan dari agensi korporat bagi membantu meringankan beban kewangan sepanjang berada di universiti itu.

UTeM Terima Dividen RM 5 Juta Tertinggi Dalam Sejarah daripada UTeM Holdings Sdn Bhd

UTeM telah menerima penyerahan dividen sebanyak RM 5 juta nilai dividen daripada UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB) pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Tun Canselor di kampus induk UTeM pada 14 April 2023. Penyerahan replika cek itu disampaikan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Wira Sazali Mohd Din dan disaksikan oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dalam majlis berkenaan.


Amaun dividen yang diserahkan oleh UHSB kepada UTeM adalah amaun paling besar dan tertinggi dalam sejarah berbanding tahun sebelum ini. Angka tersebut jelas menggambarkan peningkatan hebat sebanyak RM 2.1 juta jika dibandingkan pada tahun sebelumnya sebanyak RM 2.9 juta yang telah diserahkan kepada pihak UTeM.

Ia merupakan satu kemajuan pada tahun 2022 setelah bergelut selama beberapa tahun menerusi inisiatif perniagaan dan pemantapan strategik yang dilaksanakan

oleh UHSB mula menzahirkan lonjakan pendapatan dan meraih keuntungan besar. UTeM serentak dan sentiasa menyokong segala bentuk kecekapan dan keberkesanan pengurusan yang dipamerkan oleh kumpulan pengurusan dan kakitangan UHSB kerana ianya berkadar langsung dan boleh menambah sumber kewangan untuk Universiti.

Penubuhan Pusat Kecemerlangan Teknologi Pengurangan Risiko Bencana

Penubuhan Pusat Kecemerlangan Teknologi Pengurangan Risiko Bencana atau Centre of Technology for Disaster Risk Reduction (CDR) sebagai sebuah pusat kecemerlangan di UTeM. CDR ini ditubuhkan agar menjadi pelopor kepada penyelidikan dan inovasi berkaitan teknologi menangani bencana di dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Ia membantu negara melalui agensi-agensi pengurusan bencana sedia ada seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), MetMalaysia dan JPS menerusi inovasi teknologi pengurangan bencana. Selain itu CDR juga berperanan sebagai pusat rujukan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi penyelesaian masalah teknikal berkaitan usaha-usaha menangani bencana.



5.0
***Petunjuk Prestasi utama
Dan Bidang Keberhasilan
Utama***

Petunjuk Prestasi utama Dan Bidang Keberhasilan Utama

Jadual Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2023

Bil.	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran	Pencapaian
1.	Peratus kebolehpasaran graduan di universiti.	95%	97.7%
2.	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	1.50	1.16
3.	Peratus penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus	20%	19.0%
4.	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	45.45	43.44
5.	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	≤5 %	2.77 %
	(ii) Sarjana	≤2.5 %	2.3 %
	(iii) PhD	≤2.6 %	2.3 %
6.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	85 %	93 %
	(ii) Sarjana	50 %	50.9 %
	(iii) PhD	40 %	12.5 %
7.	Bilangan pelajar antarabangsa di universiti.	450	542



6.0
Melonjak Kecemerlangan
Pendidikan Teknikal

Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal

Pencapaian Akademik

Program Akademik

Pada tahun 2023, UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program di peringkat Diploma dan 42 program di peringkat Sarjana Muda. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Jadual 1 Penawaran Program Diploma dan Sarjana Muda di UTeM

Fakulti	Program Akademik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	Diploma Kejuruteraan Elektrik
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	Diploma Kejuruteraan Elektronik
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dengan Kepujian
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
	Sarjana Muda Kejuruteraan Industri dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Teknologi Pengkomputeran Awan dan Aplikasi dengan Kepujian	
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)
	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan dan Logistik) dengan Kepujian


Fakulti	Program Akademik
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKKE)	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi <i>Internet of Things</i> (IoT) dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Telekomunikasi dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian
	Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian

UTeM Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) Laksana Program Latihan Sebelum Pelajar Bergraduat

UTeM telah memperolehi dana dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi program di bawah Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) untuk melaksanakan program-program yang memberi nilai tambah dalam bentuk sijil profesional kepada kelayakan sedia ada pelajar. Ini bagi meningkatkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan. UTeM telah menerima dana di bawah Program Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT-PACE) sebanyak 7 program pensijilan dengan jumlah keseluruhan RM2,710,000.00.

Pemeriksaan Program Akademik Melalui Kursus Persediaan Pensijilan Profesional

Seramai 2,523 graduan Ijazah Sarjana Muda telah bergraduasi dengan sijil profesional dan sehingga tahun 2023, sebanyak 34 kursus pensijilan profesional telah ditawarkan kepada pelajar UTeM.



Rajah 1 Jumlah Graduan dengan Kursus Pensijilan Profesional

Jadual 2 Senarai Kursus Persediaan Pensijilan Profesional yang ditawarkan di UTeM

BIL	BIDANG UTAMA	NAMA KURSUS	TAHAP SIJIL
1	Elektronik (6)	<i>Motorola Embedded Wireless Communication Certification</i>	Penuh
2		<i>SMC Plc Pneumatic Certification</i>	Penuh
3		<i>Level 1 Triz Certification</i>	Penuh
4		<i>Fiber Optic Technology Competency Certification Preparation</i>	Persediaan
5		<i>IBM Certified Specialist - SPSS Statistics Level 1 V2 Certification Preparation</i>	Persediaan
6		<i>Deep Learning In Computer Vision Certification Preparation</i>	Persediaan
7	Mekanikal (10)	<i>Lean Six Sigma Yellow Belt Professional Certification</i>	Penuh
8		<i>Hypermesh Certification</i>	Penuh
9		<i>Solidworks Associate Certification</i>	Penuh
10		<i>Catia V6 – Part Design Associate Certification</i>	Penuh
11		<i>Autocad Professional Certification Preparation</i>	Persediaan
12		<i>NDT Certification Preparation</i>	Persediaan
13		<i>Flammable Refrigerant Certified Personnel Certification Preparation</i>	Persediaan
14		<i>Ergonomics Trained Person (ETP) Certification Preparation</i>	Persediaan
15		<i>Catia V5 Part Design Professional Certification</i>	Penuh
16		<i>Persediaan Pensijilan Lean Six Sigma Yellow Belt Untuk TVET</i>	Persediaan
17	Elektrikal (6)	<i>Labview Associate Developer Certification</i>	Penuh
18		<i>Programmable Logic Controller (PLC) Level 1 & 2 Certification</i>	Penuh
19		<i>SMCT Mt1 - Practical Mechatronics 1 Certification</i>	Penuh
20		<i>IOT Fundamentals: Connecting Things Professional Certification</i>	Penuh
21		<i>IOT Fundamentals: Big Data & Analytics Professional Certification</i>	Penuh
22		<i>Basic Hydraulic Technology Certification</i>	Penuh
23	Sains komputer (11)	<i>Oracle Java Foundation Junior Associate Professional Certification</i>	Penuh
24		<i>Oracle Database Foundation Junior Associate Professional Certification</i>	Penuh

BIL	BIDANG UTAMA	NAMA KURSUS	TAHAP SIJIL
25		Rapidminer Analyst Professional Certification	Penuh
26		Digital Forensic First Responder Professional Certificate	Penuh
27		HTML Developer Professional Certification	Penuh
28		IEEE CS Software Development Associate Engineer Professional Certification	Penuh
29		CCNA Routing And Switching Professional Certification Preparation	Persediaan
30		CCNA Security Professional Certification Preparation	Persediaan
31		Unity Certified User Professional Certification (Programmer)	Penuh
32		Adobe Professional Certification (Visual Design Using Photoshop)	Penuh
33		Huawei Certified Ict Associate – Datacom Professional Certification	Penuh
34	Pengurusan (1)	Sage UBS Certification	Penuh

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswazah 2023

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

Jadual 3 Pengambilan Pelajar Baharu UTeM 2023

FAKULTI	*ISM	*ISM	*ISM	*ISM	DIPLOMA	JUMLAH
	TEMPATAN (AMBILAN MAC @ SEM II 2022/2023)	ANTARABANGSA (AMBILAN FEBRUARI @ SEM II 2022/2023)	TEMPATAN (AMBILAN OKTOBER @ SEM I 2023/2024)	ANTARABANGSA (AMBILAN OKTOBER @ SEM I 2023/2024)	(AMBILAN JULAI @ SEM 0 2023/2024)	
FTKE	45	0	464	8	73	590
FTKEK	73	4	535	2	60	674
FTKM	66	3	544	2	95	710
FTKIP	121	0	266	2	78	467
FTMK	46	13	688	29	168	944
FPTT	-	3	619	2	-	624
JUMLAH	351	23	3,116	45	474	4,009

Nota: ISM – Ijazah Sarjana Muda

Sehingga 31 Disember 2023, enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa yang mengikuti pengajian prasiswazah ialah seramai 12,560 orang pelajar. Jadual 4 di bawah menunjukkan enrolmen pelajar dari 2010 hingga 2023 mengikut peringkat pengajian:

Jadual 4 Enrolmen Pelajar Prasiswazah UTeM 2023

Tahun	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	
2010	1,001	5,778	6,779
2011	1,277	7,075	8,352
2012	1,173	7,795	8,968
2013	1,110	8,964	10,074
2014	853	9,366	10,219
2015	928	9,348	10,276
2016	1,119	9,439	10,558
2017	1,394	9,306	10,700
2018	1,548	9,530	11,078
2019	1,542	9,846	11,388
2020	1,537	10,291	11,828
2021	1,538	10,308	11,846
2022	1,412	10,534	11,946
2023	1,363	11,197	12,560

Merujuk kepada jadual di atas, sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2023 berlaku peningkatan enrolmen setiap tahun kerana faktor-faktor berikut:

- i) Pertambahan program-program baru
- ii) Pertambahan jumlah unjuran pengambilan pelajar bagi program-program tertentu
- iii) Dasar kerajaan mengambil pelajar aliran Teknologi dan Vokasional (TVET) terutama kepada Malaysian Technical University Network (MTUN)
- iv) UTeM semakin dikenali dalam kalangan para pelajar dan menjadi antara pilihan utama kemasukan ke universiti awam

Graduate On Time (GOT) Prasiswazah 2023

Graduate on Time (GOT) mengukur bilangan pelajar sesuatu kohort kemasukan yang berjaya bergraduat dalam tempoh yang diharapkan/ ditetapkan daripada program mereka (contohnya empat tahun untuk Ijazah Sarjana Muda). Dalam pengertian ini, GOT mengukur “output” universiti iaitu bilangan graduan yang dihasilkan.

Justeru bagi mengekalkan kos yang stabil, universiti perlu menjadi lebih produktif untuk memastikan bilangan graduan yang dihasilkan meningkat dan dapat bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan. Ini kerana pelajar yang mengambil masa yang lebih lama untuk bergraduat menyebabkan kos meningkat dan Universiti akan kehilangan pelajar baru kerana penempatan telah diberikan kepada pelajar yang tidak selesai bergraduat. Pada tahun 2023, GOT UTeM mencatatkan sebanyak **91.7%** orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang bergraduat dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu **2,328** orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai **2,540** orang pelajar (Jadual 5: Kohort 2019/2020). Manakala bagi pelajar program Diploma, UTeM mencatat sebanyak **94.7%** pelajar yang bergraduat dalam tempoh ditetapkan iaitu **480** pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai **507** orang pelajar (Jadual 6: Kohort 2020/2021).

Jadual 5 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Ijazah Sarjana Muda bagi Kohort 2019/2020 dan GOT

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	241	194	80.5%
FKEKK	230	201	87.4%
FKM	293	262	89.4%
FKP	182	175	96.2%
FTMK	420	356	84.8%
FPTT	405	397	98.0%
FTKEE	377	362	96.0%
FTKMP	392	381	97.2%
KESELURUHAN	2540	2328	91.7%

Jadual 6 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar Diploma bagi Kohort 2020/2021 dan GOT

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
DEK	81	77	95.1%
DEN	95	89	93.7%
DMC	88	84	95.5%
DMF	104	101	97.1%
DIT	139	129	92.8%
KESELURUHAN	507	480	94.7%

Konvokesyen 2023

Pada tahun 2023, Majlis Konvokesyen ke-19 UTeM telah dilangsungkan pada 4 - 6 November 2023 selama 3 hari dengan 6 sesi penganugerahan. Seramai 3,383 orang graduan berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat pengajian terdiri daripada 100 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 4 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 151 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,623 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 505 orang graduan Diploma. Jadual 7 adalah jumlah graduan mengikut fakulti dan peringkat pengajian pada Konvokesyen ke-19 UTeM:

Jadual 7 Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-19 UTeM

FAKULTI	Doktor Falsafah	Doktor Kejuruteraan	Sarjana	Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	8	0	12	262	82	364
FKEKK	4	1	17	221	93	336
FKM	7	2	26	344	87	466
FKP	8	1	25	186	102	322
FTMK	34	0	35	407	141	617
FPTT	13	0	27	409	0	449
FTKEE	0	0	0	385	0	385
FTKMP	0	0	0	409	0	409
IPTK	26	0	9	0	0	35
JUMLAH	100	4	151	2623	505	3383
		255		3128		

Pencapaian Akademik Pascasiswazah 2023

Program Akademik

Pada tahun 2023, UTeM telah menawarkan sebanyak 12 program di peringkat Kedoktoran Secara Penyelidikan dan 1 Program Secara Kerja Kursus. Manakala, 11 Program Sarjana Secara Penyelidikan dan 4 Program Sarjana Secara Mod Campuran serta 26 program Sarjana Secara Kerja Kursus. Senarai program yang ditawarkan mengikut Fakulti/ Institusi adalah seperti di Jadual 8.


Jadual 8 Penawaran Program Pascasiswazah UTeM

Fakulti	Program Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik
	Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekatronik
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
	Sarjana Kejuruteraan Mekatronik
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik
	FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)
Doktor Kejuruteraan	
Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektronik	
Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)	
Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik)	
Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)	

Fakulti	Program Akademik
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)	Doktor Falsafah
	Doktor Kejuruteraan
	Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Pembuatan
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)
	Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)
	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Termaju dan Pemprosesan)
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)	Doktor Falsafah
	Doktor Teknologi Maklumat
	Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet)
	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data)
	Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian dan Kepintaran)
	Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan)
	Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)
	Sarjana Teknologi (Sains Data dan Analitik)
	Sarjana Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Mudah Alih)
Sarjana Sistem Maklumat	
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN (FPTT)	Doktor Falsafah
	Doktor Pengurusan Teknologi
	Sarjana Sains dalam Pengurusan Teknologi
	Sarjana Sains dalam Keusahawanan
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju)
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)	Sarjana Teknoinovasi
	Doktor Falsafah
	Sarjana Sains Komunikasi Teknikal
	Sarjana Sains Kaunseling Industri
	Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia
Sarjana Pengurusan Maklumat Perniagaan	
Sarjana Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan	


Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah

Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) melaksanakan pengambilan pelajar pascasiswazah sebanyak 2 kali setahun pada Mac dan September. Statistik tren pengambilan pelajar pascasiswazah daripada tahun 2012 sehingga 2023 boleh dilihat seperti di Rajah 2.



Rajah 2 Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah di UTeM dari 2012- 2023

Berlaku peningkatan yang agak signifikan pada tahun 2023 berbanding 2022 yang mana pendaftaran pelajar telah dibuat secara dalam talian dan fizikal untuk 2 sesi tersebut. Statistik enrolmen pelajar untuk tahun 2023 menunjukkan peningkatan bilangan pelajar seramai 305 berbanding hanya 191 pada tahun 2022. UTeM terus mempergiatkan aktiviti promosi selepas pandemik yang telah memberikan impak besar kepada penurunan enrolmen semasa (Aktif dan Tangguh Pengajian) pelajar



Rajah 3 Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah di UTeM (data sehingga 31 Disember 2023)

Enrolmen semasa pelajar pascasiswazah bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah mencatatkan jumlah pelajar seramai 1,181 orang dengan peningkatan sebanyak 4.5% berbanding tahun 2022. Pecahan pelajar pascasiswazah tahun 2023 mengikut Fakulti/Institut dan program adalah seperti di Jadual 9.


Jadual 9 Enrolmen Semasa Pelajar Pascasiswazah 2023

Fakulti/ Institut	Program					Jumlah
	PhD	D.Eng	Sarjana Penyelidikan (MSc)	Sarjana Mod Campuran	Sarjana Kerja Kursus	
FTKE	54	-	62	-	8	124
FTKEK	52	-	86	-	42	180
FTKM	54	1	83	-	19	157
FTKIP	76	-	55	-	46	177
FTMK	159	-	35	-	42	236
FPTT	84	-	45	-	21	150
IPTK	134	-	19	-	4	157
JUMLAH	613	1	385	0	182	1181
Jumlah Keseluruhan = 1181						

Pengantarabangsaan Pascasiswazah


Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) terus komited melaksanakan inisiatif strategik dan operasi dalam memperkasakan pendidikan teknikal dan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di samping menjana pendapatan bertepatan dengan status autonomi.

Daripada jumlah pencapaian 1,181 orang pelajar pascasiswazah pada tahun 2023, 405 orang (34%) terdiri daripada pelajar antarabangsa dari pelbagai negara. Jumlah pelajar antarabangsa yang tinggi adalah dari 3 negara iaitu United Arab Emirates, 142 orang, Indonesia, 121 orang dan Yemen, 25 orang. Pecahan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah mengikut negara bagi tahun berakhir 2023 adalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.

**Rajah 4** Statistik Enrolmen Pelajar Antarabangsa Pascasiswazah di UTeM Mengikut Negara

Graduan Pascasiswazah

Graduan pascasiswazah yang dihasilkan pada konvokesyen 2023 adalah seramai 254 orang iaitu sebanyak 151 orang untuk program Sarjana. Pada tahun ini juga, UTeM telah mencatat sejarah dengan bilangan tertinggi pelajar program Kedoktoran bergraduasi iaitu 103 orang pelajar. Statistik jumlah graduan pascasiswazah yang telah dihasilkan dari tahun 2012 sehingga 2023 adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.




Rajah 5 Statistik Graduan Pascasiswazah Dari 2012 Sehingga 2023

Graduate On Time Pascasiswazah

Untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan pencapaian KPI pelajar tamat pengajian dalam tempoh yang ditetapkan *Graduate On Time* (GOT), SPS telah melantik beberapa orang Profesor dari Universiti Penyelidikan untuk memberi kursus pendek kepada pelajar Pascasiswazah yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian seperti kaedah penyelidikan, penulisan tesis yang berkualiti, kaedah menulis kajian lepas, alat penyelidikan dan pengurusan citation, menganalisa data dan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Untuk rekod pencapaian, peratusan GOT masih dilihat tidak konsisten dan ianya bergantung kepada bilangan pelajar yang mencapai GOT pada sesuatu tahun berbanding dengan jumlah graduan pada tahun tersebut. Peratusan GOT pelajar pascasiswazah dari tahun 2010 hingga 2023 adalah seperti di Rajah 6.



Rajah 6 GOT Pascasiswazah UTeM Dari 2010 Sehingga 2023


Inisiatif Promosi Program Akademik Pascasiswazah

Mempromosikan Program Akademik Pascasiswazah UTeM merupakan salah satu agenda dalam dalam usaha mencapai 5,000 orang pelajar menjelang 2025. Asasnya ialah menjadikan UTeM sebagai pilihan untuk melanjutkan pengajian Pascasiswazah dalam negara dan seterusnya membantu meningkatkan enrolmen pelajar Pascasiswazah. Beberapa program yang telah dijalankan mampu untuk memberikan impak iaitu:

- i. Mengadakan lawatan Promosi berfokus Ke Siltera Kulim, Kedah dan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) pada 4 dan 5 Disember 2023 adalah untuk memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama dalam mempromosikan program akademik di kalangan staf Siltera dan JMTI.
- ii. Bagi tahun 2023, SPS terlibat dalam Ekspo Pendidikan dan TVET Kerajaan negeri Pualau Pinang di Mydin Bukit Mertajam, Seberang Perai Penang pada 17 hingga 18 Jun 2023 dan Program Malaysia Largest Career Fair (Midvalley) Kuala Lumpur dan 9 dan 10 September 2023. Program ini, mampu untuk meningkat imej dan jenama SPS dan UTeM dalam kalangan masyarakat dan golongan sasaran seperti graduan ijazah pertama dan golongan profesional.
- iii. Promosi SPS merentasi sempadan di mana program Global Sulam Mobiliti *Outbound* Tanpa Kredit antara UTeM bersama Universitas Muhammadiyah Riau (UMRI), Pekan Baru, Riau, Indonesia anjuran SPS, FKE dan FTKMP julung kali dilaksanakan. Program Mobiliti Outbound Tanpa Kredit ini ditawarkan kepada pelajar Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah dari FKE, UpGrade dan pelajar ijazah sarjana dari FTKMP dan dilaksanakan pada 25/7/2023 – 7/8/2023 (secara bersemuka). Matlamat program ini juga untuk memberi nilai tambah dan kompetensi kepada pensyarah dan pelajar melalui program SULAM yang akan dijalankan. Program yang melibatkan pertukaran ilmu ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar di mana mereka akan menghubungkan teori dan praktis dengan penyelesaian permasalahan sebenar yang dihadapi oleh komuniti.


Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2023, seramai 538 orang pelajar dari 27 buah negara telah mendaftar dan ini ditunjukkan seperti di Rajah 7.



Rajah 7 Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2021, 2022 dan 2023

3 negara tertinggi yang menyumbang kepada enrolmen pelajar antarabangsa UTeM pada tahun 2023 adalah Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang mencatatkan seramai 142 orang, Indonesia seramai 130 orang dan Yemen seramai 79 orang. Pecahan keseluruhan pelajar antarabangsa di UTeM pada tahun 2023 adalah seperti di Rajah 8.



Rajah 8 Pecahan Pelajar Antarabangsa UTeM Mengikut Negara pada Tahun 2023

Kerjasama Antarabangsa Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)

Bagi tahun 2023, sebanyak 22 MoU dan 2 MoA telah ditandatangani antara UTeM dan institusi luar negara. Senarai MoU dan MoA yang telah ditandatangani adalah seperti Jadual 10:


Jadual 10 Senarai kerjasama MoU dan MoA antarabangsa UTeM

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
1	MoU	Universitas Balikpapan (UNIBA)	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
2	MoU	Universitas Ahmad Dahlan	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)
3	MoU	Universitas Bangka Belitung	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)
4	MoU	Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)
5	MoU	Universitas Muhammadiyah Surakarta	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)
6	MoU	Institut Sains & Teknologi Akprind	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)
7	MoU	Universitas Sumatera Utara (USU)	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
8	MoU	Universitas Muhammadiyah Magelang (UMM)	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
9	MoU	Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer Dumai, Indonesia	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)
10	MoU	Universitas Hasanuddin Makassar, Indonesia	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)
11	MoU	Liuzhou Jiatong School	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)
12	MoA	Zhongxing Education Management Co. Ltd (ZEM)	2023 – 2033 (10 tahun)	Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka
13	MoU	University of Plymouth	2023 – 2025 (2 tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)
14	MoU	Universitas Bandar Lampung	2023 – 2026 (3 tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)
15	MoU	Universitas Alma Atta	2023 – 2026 (3 tahun)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)
16	MoU	Ataturk University	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektronik Dan Komputer (FTKEK)
17	MoU	Japan Advanced Institute of Science & Technology (JAIST)	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Industri Dan Pembuatan (FTKIP)
18	MoU	Kasem Bundit University, Thailand	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)
19	MoU	International University of Sarajevo	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektronik Dan Komputer (FTKEK)
20	MoU	Islamic University of Technology, Gazipur Bangladesh	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Industri Dan Pembuatan (FTKIP)
21	MoU	Alibaba (China) Education & Technology Co., Ltd.	2023 – 2028 (5 tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)
22	MoA	Heilong Jiang Agricultural Economy Vocational College	2023 – 2026 (3 tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)
23	MoU	Zhengzhou Youth Vocational Secondary Professional School	2023 – 2028 (5 tahun)	Pusat Hubungan Strategik Korporat & Global (UGlobe)
24	MoU	"Dunarea de Jos" University of Galati (DJUG)	2023-2027 (4 tahun)	Pusat Hubungan Strategik Korporat & Global (UGlobe)

Program Mobiliti Pelajar

Bagi tahun 2023, sebanyak 18 program Inbound (Berkredit dan Tanpa Kredit) dan 21 program *Outbound* (Berkredit dan Tanpa Kredit) telah diadakan dan seramai 422 orang pelajar telah terlibat dalam program mobiliti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.



Rajah 9 Jumlah Pelajar Menyertai Program Mobiliti

Program-program mobiliti ini telah diadakan bersama 26 rakan antarabangsa seperti berikut:

1. Hochschule Hannover – University of Applied Sciences and Arts, Germany
2. Nagoya University, Jepun
3. Nagaoka University of Technology, Jepun
4. Tokushima University, Jepun
5. Okayama Prefectural University, Jepun
6. Shibaura Institute of Technology, Jepun
7. Japan Advanced Institute of Science and Technology, Jepun
8. Institut Teknologi Nagoya, Jepun
9. Zhejiang University of Technology, China
10. Hangzhou Dianzi University, China
11. Prince of Songkla University, Thailand
12. Islamic University of Technology, Bangladesh
13. Universiti Muhammadiyah Riau, Indonesia
14. Universitas Internasional Batam, Indonesia.
15. Universitas Sriwijaya, Indonesia
16. Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia
17. Universitas Sebelas Maret, Indonesia
18. Ministry of Education, Culture, Research and Technology, Indonesia
(Indonesia International Student Mobility Awards (IISMA) Program)
19. Universiti Islam Indonesia, Yogyakarta, Indonesia
20. Universitas Negeri Malang, Indonesia
21. Universitas Ahmad Dahlan, Indonesia
22. Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia
23. Universitas Lampung, Indonesia
24. Sekolah Tinggi Teknologi Bandung, Indonesia
25. Universitas Prima, Indonesia
26. Universitas Atma Jaya Yogyakarta, Indonesia

Aktiviti Hubungan Kerjasama Strategik

Pelbagai aktiviti hubungan kerjasama strategik rancak dijalankan pada tahun 2023 bagi memperkukuhkan hubungan UTeM dengan rakan strategik antarabangsa. Aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan ini secara tidak langsung mempromosikan UTeM di persada antarabangsa. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:

1. Lawatan Kerja UTeM Bersama Tuan Yang Terutama Tun Canselor ke Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Kali ke-21 di Phnom Penh, Kemboja.
2. Lawatan Kerja UTeM ke institusi pendidikan di Eropah Timur dan Jerman.
3. Lawatan Kerja UTeM ke Yunnan, Hainan dan Hangzhou, China.
4. Kunjungan hormat dan Majlis Menandatangani MoU bersama delegasi dari Hadhramout University, Yemen.
5. Kunjungan hormat delegasi dari Jabatan Pendidikan Wilayah Guizhou, China.
6. Kunjungan hormat ke Pejabat Kedutaan Republik Turkiye, Kuala Lumpur.
7. Kunjungan Hormat Delegasi dari *Chamber of Commerce Chile and Malaysia AG (CAMCHIMAL AG)* Santiago, Chile.
8. Lawatan Kerja UTeM dan Delegasi dari IPT Malaysia ke Guiyang, China sempena *China-ASEAN Education Cooperation Week (CAECW) 2023*.
9. Kunjungan Hormat Delegasi dari Mindanao State University - Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography, Filipina.
10. Kunjungan Hormat dari Pengarah *German Academic Exchange Service (DAAD)*.
11. Kunjungan Hormat Delegasi dari *Peking University*, China.
12. Kunjungan Hormat Delegasi dari *Jingdezhen University*, China.

Pusat Sumber dan Teknologi Pembelajaran

Pembelajaran Imersif dan Transformatif

Pembelajaran Imersif dan Transformatif di UTeM memberi tumpuan kepada pelajar bagi menjalani pembelajaran yang aktif. Pelajar diberikan peluang untuk mengambil bahagian secara langsung dalam proses pembelajaran dengan bantuan penggunaan teknologi terkini dan kaedah pengajaran yang berbeza. Ini memberi pelajar peluang untuk menguasai ilmu dan kemahiran yang lebih baik melalui pembelajaran yang efektif dan menyeronokkan.

Selain itu, pembelajaran imersif dan transformasi juga menggalakkan keterlibatan aktif pelajar dalam pembelajaran. Pelajar diberikan peluang untuk menyumbang dalam proses pembelajaran melalui sesi perbincangan, pembentangan dan aktiviti pembelajaran lain. Ini memberi pelajar ruang untuk memberikan pandangan mereka sendiri dan memberikan kemahiran berfikir kritikal dan kreatif.

Salah satu usaha PSTP adalah dengan menggunakan kaedah pengajaran secara terbuka dan jarak jauh (ODL). ODL adalah satu pendekatan pembelajaran yang memberikan peluang pembelajaran kepada pelajar dari jarak jauh melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). ODL memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran dan melakukan aktiviti pembelajaran di mana saja dan pada bila-bila masa. Ini membolehkan pelajar yang mempunyai kesibukan kerja atau komitmen lain untuk mengejar pendidikan secara terbuka dan fleksibel.

Selain itu, PSTP juga telah melatih para pensyarah untuk membangunkan Micro Credentials (MC). MC pula adalah satu bentuk pembelajaran yang membolehkan pelajar mengambil kursus-kursus secara modular dan terus-menerus untuk mendapatkan kemahiran atau pengetahuan tertentu. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengiktirafan melalui mikro-sijil serta lencana digital, yang dapat meningkatkan potensi mereka dalam pasaran pekerjaan dan pembangunan kerjaya.

Program-Program e-Pembelajaran

Hasil Pembangunan *Micro credentials* Berjaya

Seramai 33 daripada 40 orang penerima geran Micro Credentials 2022 telah berjaya menyiapkan Micro credentials. Ini menjadikan 33 judul Micro Credentials yang boleh ditawarkan kepada pelajar yang ingin mengikuti program Micro credentials UTeM.

Melalui pelantar UCreds di <https://ucreds.utm.edu.my/courses>, kursus ini mudah diakses dan disampaikan oleh tenaga pengajar berkelayakan. Senarai tajuk *Micro credentials* UTeM yang telah berjaya disiapkan adalah seperti berikut:

Jadual 11 Senarai 33 *Micro Credentials* UTeM yang berjaya disiapkan dan dimuatnaik dalam Pelantar UCreds

BIL	PENERIMA GERAN	FAKULTI	TAJUK MC
1	Dr. Mohamad Zahir bin Zainudin	IPTK	Berani Berucap
2	Dr. Zanariah binti Jano	IPTK	<i>The Essentials of Critical and Creative Thinking for Innovation</i>
3	Dr. Masni Azian binti Akiah	FKP	<i>CAD Modeling: Easy Modeling Vertebrae Bone Using MRI Images</i>
4	Dr. Mohd Nazmin bin Maslan	FKP	<i>Industrial Robotics for Industry 4.0</i>
5	Dr. Mohd Najib bin Ali Mokhtar	FKP	<i>3d Scanning To 3d Printing</i>
6	Dr. Nur Zareen binti Zulkarnain	FTMK	<i>Journey Towards Artificial Intelligence</i>
7	Puan Emaliana binti Kasmuri	FTMK	<i>Java Programming for Beginners</i>
8	Dr. Siti Azirah binti Asmai	FTMK	<i>Time Series Forecasting</i>
9	Dr. Norhazwani binti Md Yunos	FTMK	<i>Network Modelling</i>
10	Dr. Noor Fazilla binti Abd Yusof	FTMK	<i>Kick-start Your Ambition as Machine Learning Engineer</i>
11	Dr. Mohd Adili bin Norasikin	FTMK	<i>Photography Technique</i>
12	Ts. Dr. Noraswaliza binti Abdullah	FTMK	<i>Fundamentals of Database</i>
13	Ts. Erman bin Hamid	FTMK	<i>Security at Home Secure Social Media Use</i>
14	Ts. Dr. Mohd Fairuz Iskandar bin Othman	FTMK	<i>Password and Authentication 101 Public Wi-Fi Security</i>
15	Ts. Maslita binti Abd Aziz	FTMK	<i>8 Hours Flutter To Grow Your Business</i>
16	Ts. Hidayah binti Rahmalan	FTMK	<i>Data Modeling</i>
17	Dr. Nur Fadzilah binti Othman	FTMK	<i>Phishing Social Engineering</i>
18	Gs. Ts. Dr. Safiza Suhana binti Kamal Baharin	FTMK	<i>Normalization</i>
19	Profesor Madya Ts. Dr. Choo Yun Huoy	FTMK	<i>Working With Machine Learning By Examples</i>
20	Dr. Ihwan Ghazali	FTKMP	<i>3D Design Using Autodesk Inventor As Easy 1 2 3 (Beginner)</i>
21	Ts. Dr. Yusliza binti Yusuf	FTKMP	<i>Control Chart for Beginners in TVET Education</i>

BIL	PENERIMA GERAN	FAKULTI	TAJUK MC
22	Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Zaki bin Shukor	FKE	<i>Mudahnya Robot Mudah Alih!</i>
23	Dr. Loh Ser Lee	FKE	<i>First Order Linear Differential Equations</i>
24	Puan Irma Wani binti Jamaludin	FKE	<i>Laplace Transform</i>
25	Dr. Nur Latif Azyze bin Mohd Shaari Azyze	FKE	4 Asas Aturcara Arduino
26	Dr. Rahifa binti Ranom	FKE	<i>Fourier Series</i>
27	Dr. Khoo Chin Foon	FKEKK	<i>Second Order Linear Differential Equations</i>
28	Ir. Ts. Dr. Siti Aisyah binti Anas	FKEKK	<i>Easy-Peasy Python Programming</i>
29	Profesor Madya Dr. Syafeeza binti Ahmad Radzi	FKEKK	<i>What do you need to know about Artificial Intelligence?</i>
30	Dr. Cheong Kar Mee	PPB	<i>Speak Mandarin Using Chinese Phonetic</i>
31	Puan Tan Poh Ee	PPB	<i>Welcome To The World Of Chinese Numbers</i>
32	Dr. Ernie binti Mat Tokit	FKM	<i>Buoyancy: Float the body, or sink it?</i>
33	Dr. Suhaila binti Salleh	FKM	Partial Differential Equations

Micro Courses

Discover the world of learning with UCreds' free micro courses, available to anyone, anywhere! Dive into a wealth of knowledge at your fingertips. You can even earn a certificate of completion for a nominal fee and perhaps tackle a few extra assessments along the way. Learn more endless possibilities of learning pathways at UCreds!

Browse through our ever-growing course selection below; we're constantly adding new ones. Enroll today and embark on your learning journey with us!

Join us in our mission to broaden educational horizons for learners worldwide. Your contribution to UCreds goes a long way in supporting our cause.

Refine results

Sort by: -

Search: []

Showing 1 - 21 of 91


<p>Laplace Transform</p> <p>MVR 12.00</p> <p>2 Enrollment</p> <p>Course Intermediate</p>	<p>Second Order Linear Differential Equations</p> <p>MVR 12.00</p> <p>2 Enrollment</p> <p>Course Intermediate</p>	<p>Partial Differential Equations</p> <p>MVR 12.00</p> <p>1 Enrollment</p> <p>Course Intermediate</p>
<p>First Order Differential Equations</p> <p>MVR 12.00</p> <p>2 Enrollment</p> <p>Course Intermediate</p>	<p>Fourier Series</p> <p>MVR 10.00</p> <p>1 Enrollment</p> <p>Course Intermediate</p>	<p>Speak Mandarin using Chinese Phonetic</p> <p>MVR 10.00</p> <p>0 Enrollment</p> <p>Course Beginner</p>
<p>4 Asas Aturcara Arduino</p> <p>MVR 9.90</p> <p>1 Enrollment</p> <p>Course Beginner</p>	<p>3D Scanning to 3D Printing</p> <p>MVR 20.00</p> <p>0 Enrollment</p> <p>Course Beginner</p>	<p>Journey Towards Artificial Intelligence</p> <p>MVR 10.00</p> <p>00 Enrollment</p> <p>Course Beginner</p>

Rajah 10 Micro Cedentials yang di muat naik dalam Pelantar Ucreds

Pelaksanaan Pembelajaran Teradun


Kaedah pembelajaran teradun adalah salah satu cara yang efektif dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di UTeM. Pembelajaran Teradun Sokongan (PTS) dan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) memberikan alternatif pembelajaran yang fleksibel dan merangkumi pelbagai jenis bahan pengajaran yang memudahkan proses pembelajaran. Carta pembelajaran teradun PTS dan PTG mengikut semester adalah seperti berikut seperti berikut:

BL Course (Overall)



Rajah 11 Carta pembelajaran teradun PTS dan PTG bagi setiap kursus

BL each Parallel/Non-parallel Course



Rajah 12 Carta pembelajaran teradun PTS dan PTG bagi setiap halaman kursus

Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik

Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2022

Anugerah Akademik Universiti (AAU) tahun 2022 telah menerima sebanyak 64 permohonan bagi 8 kategori sedia ada iaitu Anugerah Akademik Harapan, Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk, Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal, Anugerah Kualiti Makalah dan Anugerah Khas Kumpulan dan 5 kategori Anugerah Baharu iaitu Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif, Anugerah Penjana Pendapatan Individu, Anugerah Penjana Pendapatan Pusat Tanggungjawab, Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan dan Anugerah Khas Kumpulan Komuniti.

Sebanyak 55 permohonan yang melepasi titik ambang kategori penilaian peringkat Fakulti dan Teknikal dibawa ke peringkat Universiti. Bagi pemilihan Tokoh Akademik pula, pihak Universiti melantik Panel Jawatankuasa Pencarian Tokoh Akademik untuk mempertimbangkan calon tokoh akademik yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2022 telah berlangsung dengan gemilang dan telah disempurnakan disempurnakan penyampaiannya oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi bersama YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM bertempat di Grand Ballroom, Courtyard by Marriott Melaka pada 1 November 2023 dengan tema "Ilmuwan Madani Menjulung Kebitaraan Universiti". Profesor Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin, Naib Canselor UTeM telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Universiti bagi tahun 2022 yang menerima wang tunai RM 8,000 beserta trofi dan sijil manakala penerima Anugerah lain menerima wang tunai RM 4,000 beserta trofi dan sijil manakala penerima saguhati menerima wang tunai RM 500 beserta sijil.

Jadual 12 Senarai penerima Anugerah Akademik Universiti 2022

Bil	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	
1	Anugerah Tokoh Akademik	Prof. Datuk Ts. Dr. Massila Kamaludin	
Bil	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	Saguhati
2	Anugerah Akademik Harapan	Ts. Dr. Hazriq Izzuan Jaafar (FKE)	1. Dr. Ridhwan Jumaidin (FTKMP) 2. Ts. Dr. Al-Amin Mohamed Sultan (FKP)
3	Anugerah Pengajaran	Dr. Rahifa Ranom (FKE)	Tiada
4	4.1 Anugerah Penerbitan Buku Bidang Sains dan Teknologi	Prof. Datuk Ts. Dr. Massila Kamaludin	1. Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad (FTMK) 2. Dr. Zaid @ Radin Zaid Radin Umar (FKP)
	4.2 Anugerah Penerbitan Buku Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial	Tiada	Tiada
5	Anugerah Penyelidikan	Tiada	Ir. Ts. Dr. Anuar Mohamed Kasim (FKE)
6	Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk	Ir. Ts. Dr. Anuar Mohamed Kasim (FKE)	Tiada
7	Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal	Dr. Najiyah Safwa Khashi'ie (FTKMP)	1. Dr. Iskandar Waini (FTKMP) 2. Ts. Dr. Faiz Arith (FKEKK)
8	Anugerah Kualiti Makalah Jurnal	Dr. Ridhwan Jumaidin (FTKMP)	1. Dr. Iskandar Waini (FTKMP) 2. Dr. Najiyah Safwa Khashi'ie (FTKMP)
9	Anugerah Khas Kumpulan	Prof. Madya Dr. Mohd Shahrieel Mohd Aras (FKE)	Tiada
10	Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan	Rehabilitation Engineering and Assistive Technology (REAT) – (FKE)	1. Smart Material (SM) – (FKP) 2. Green Tribology and Engine Performance Group (G-Triboe) – (FKM) 3. Optimization Modeling, Analytics & Simulation (Optimas) – (FTMK) 4. Sustainable Orange Tech Life Value Excellent (Solve) – (FPTT)

Bil	Kategori Anugerah	Penerima Anugerah	
11	Anugerah Khas Kumpulan Komuniti	Dr. Mohd Nazmin Maslan (FKP)	1. Ts. Mohd Zakarian Mohammad Nasir (FTKMP) 2. Prof.Madya Dr. Nur Izzan Syahriah Hussein (FKP)
12	Anugerah Penyampaian Pengajaran Inovatif		
	12.1 Kategori Pengajaran Transformatif	Tiada	Dr. Norhidayah Mohamad (FPTT)
	12.2 Kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif	Ts. Dr. Farah Nadia Azman (FTMK)	Dr. Mas Haslinda Mohamad (FKEKK)
	12.3 Kategori Inovasi PdP TVET	Ir. Ts. Dr. Lailatul Harina Pajjan (FTKMP)	1. Ts. Dr. Mohd Basri Ali (FTKMP) 2. Prof.Madya Ir. Ts.Dr. Mohd Hadzley Abu Bakar
13	Anugerah Penjana Pendapatan		
	13.1 Individu	Prof. Madya Ts. Dr. Suriati Akmal (FTKMP)	1. Prof.Madya Dr. Samer Ali Hussein Al Shami (IPTK) 2. Dr. Nusaibah Mansor (FPTT)
	13.2 Pusat Tanggungjawab	Pejabat TNCPi	1. Pejabat Pengurusan Pembangunan 2. Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Penganjuran Latihan 2023

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) secara umumnya bertanggungjawab dalam merancang dengan teliti dan seterusnya menganjurkan kursus /bengkel/latihan kepada staf akademik UTeM dalam memastikan kecemerlangan akademik dapat dicapai dan membentuk kesarjanaan dalam kalangan staf akademik UTeM. Semua bengkel/latihan/kursus yang dianjurkan oleh CAES, merangkumi beberapa komponen utama iaitu:

- i) Pengajaran dan pembelajaran
- ii) Profesional dan Nilai (Value)
- iii) Penyelidikan dan;
- iv) Perkhidmatan dan Pengamalan.


Penganjuran latihan 2023 telah mengambil kira keperluan semasa UTeM, khususnya sasaran pelan strategik 5ST, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) staf akademik, maklumbalas latihan anjuran CAES sepanjang tahun 2022, soal-selidik analisa keperluan latihan (Training Need Analysis, TNA) dan maklumbalas dari Fakulti/Pusat/Institut. Secara keseluruhannya, sebanyak 31 kursus/bengkel termasuk satu (1) program kerjasama dengan AKEPT telah berjaya dilaksanakan bagi tahun 2023. Bagi tujuan pembelajaran sendiri staf akademik boleh membuat rujukan melalui capaian akses kepada rakaman latihan / webinar dan bahan setiap latihan di laman web CAES <https://caes.utem.edu.my/training>



ACADEMIC EXCELLENCE AND SCHOLARSHIP


Learn, Unlearn and Relearn @ CAES

Training 2023



Rajah 13 Infografik Kursus Anjuran Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik (CAES) Tahun 2023

Flagship Training



Rajah 14 Infografik *Flagship Training* Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik (CAES)

Penganjuran Majlis Syarahan Perdana (*Inaugural Lecture Series*)

Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) telah menganjurkan Siri 1/2023 Majlis Syarahan Perdana (*Inaugural Lecture Series*): Profesor Ir. Ts. Dr. Sivarao a/l Subramonian pada 24 November 2023 dengan tajuk “*Tyre 5.0: Advancement Towards Economical Driving & Saving Lives*”



Majlis AAU 2022



Penganjuran Majlis Syarahan Perdana
(*Inaugural Lecture Series*)

Kilang Pengajaran (Teaching Factory)

Lawatan Kerja ke India pada 22-27 Februari 2023 - Garuda Aerospace dan Agni College of Technology di Chennai dan DroneAcharya di Pune

Lawatan ini diadakan sebagai lawatan balas mereka ke Kilang Pengajaran sebelum ini bagi membincangkan kerjasama antarabangsa dalam industri dron.



Produksi Pembungkusan Oleh Pelajar Latihan Industri Bagi Produk Daripada Prym Sdn. Bhd. Ogos 2023

Pelajar Latihan Industri didedahkan dengan produksi sebenar proses pembungkusan produk daripada Prym Sdn. Bhd. hasil kerjasama persefahaman sebelum ini. Semua bahagian-bahagian terlibat dalam sesuatu produksi seperti stor, proses pembungkusan dan kawalan kualiti dijalankan oleh pelajar sendiri dan dipantau oleh pengurus Kilang Pengajaran.



Platform Penempatan Pelajar Latihan Industri

Dalam memastikan fungsi penubuhan Kilang Pengajaran tercapai objektifnya maka pengambilan pelajar-pelajar UTeM dan pelajar luar untuk mengikuti Latihan Industri telah bermula sejak penubuhan Kilang Pengajaran iaitu mulai 13 Februari 2020. Pada tahun 2023, seramai 61 orang pelajar telah berjaya menjalani Latihan Industri di Kilang Pengajaran. Berikut merupakan jadual perbandingan statistik bilangan pelajar menjalani Latihan Industri di Kilang Pengajaran bagi tahun 2022 dan 2023.

Jadual 13 Statistik maklumat pelajar menjalani Latihan Industri di Kilang Pengajaran mengikut IPT tahun 2023

No.	IPT	Fakulti	Bil. Pelajar	Jantina	
				Lelaki	Perempuan
1	UTeM	FTMK	9	4	5
2	UTeM	FTKMP	1	1	-
3	UTeM	FTKEE	1	1	-
4	UTeM	FKEKK	2	-	2
5	UTeM	FKP	5	5	-
6	UTeM	FKE	2	2	-
7	UTeM	FKM	2	2	-
Jumlah			22	15	7

Jadual 14 Statistik maklumat pelajar menjalani Latihan Industri di Kilang Pengajaran mengikut IPT tahun 2023

No.	IPT	Fakulti	Bil. Pelajar	Jantina	
				Lelaki	Perempuan
1	UTeM	FTMK	18	12	6
2	UTeM	FKEKK	22	18	4
3	UTeM	FKP	2	2	-
4	UTeM	FTKEE	1	1	-
5	UTeM	FTKMP	4	3	1
6	UTeM	FTKEK	3	3	-
7	Universitas Islam Indonesia (UII)/ UTeM	Fakultas Teknologi Industri/FTKIP	3	2	1
8	IKM Johor	Teknologi Mekatronik	1	1	-
9	UiTM Jasin	Faculty of Computer and Mathematical Sciences	1	-	1
10	Universitas Negeri Malang, (UM), Indonesia	Fakulti Teknik, Mekanikal	6	6	0
Jumlah			61	48	13

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pendaftaran Pelajar dan Taklimat Program Separa Masa Bagi Semester 1 Sesi 2023/2024

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) telah menerima kemasukan pelajar baharu seramai 64 orang pelajar yang terdiri daripada FTKE (BELG) Kumpulan Melaka 9 – 23 orang, FTKE (BELG) Kumpulan Sabah 1 – 27 orang dan FTKM (BMKU) Kumpulan Melaka 8 – 14 orang pelajar. Pendaftaran pelajar baharu ini telah diadakan 2 sesi pada 27 September dan 7 Oktober 2023. Sesi Taklimat Pelajar Baharu telah diadakan pada hari pendaftaran secara dalam talian.

Taklimat ini diadakan bersama Penyelaras Pentadbiran Program Separa Masa, Penyelaras Akademik Fakulti serta PPSH untuk menerangkan kaedah pembelajaran serta mengalu-alukan pelajar baharu ke UTeM sebagai pelajar separa masa. Program separa masa ini juga buat julung kalinya dijalankan di satu lokasi pembelajaran baharu iaitu di University College Sabah Foundation (UCSF), Kota Kinabalu, Sabah iaitu merupakan lokasi ke-2 pusat pembelajaran bagi program separa masa UTeM dijalankan.

Pusat Pembelajaran (Lawatan dan Jumlah Pelajar Mengikut Lokasi)

Lawatan Audit Lokasi di Kolej Komuniti, Kota Tinggi

Satu lawatan audit lokasi dan perbincangan bersama Pengarah dan staf Kolej Komuniti Kota Tinggi telah diadakan pada 13 Januari 2023. Lawatan tersebut telah disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif UTeM Holdings Sdn. Bhd., Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Canselori, wakil T-Jana dan Pengarah serta staf Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH). Objektif penubuhan Pusat Pembelajaran di Kolej Komuniti Kota Tinggi, Johor adalah seperti berikut :

- Memberi akses PSH kepada komuniti dan industri setempat.
- Memperkasakan program TVET.
- Meningkatkan enrolmen pelajar melalui penawaran program sedia ada atau baharu yang relevan kepada industri.
- Menubuhkan cawangan UTeM di Johor pada masa akan datang.

Lawatan Audit Lokasi di China - Zhengzhou Youth Vocational Secondary Professional School

Satu lawatan ke Zhengzhou Youth Vocational Secondary Professional School, China telah dilaksanakan pada 9-12 Mac 2023. Lawatan ini diwakili oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH), Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA), UTeM International Center (UIC) dan T-Jana. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat kesesuaian mewujudkan Pusat Pembelajaran di ZYVSPS, China, melaksanakan kerjasama berkaitan pengajaran dan penyelidikan dalam bidang berkepentingan bersama melibatkan aktiviti pertukaran pelajar dan staf, serta penganjuran secara bersama aktiviti seperti seminar, bengkel, dan perkongsian saintifik dalam perkara-perkara berkepentingan bersama.

Kertas kerja kelulusan MoU telah diluluskan dalam Mesyuarat JKTSHEA Bil. 5/2033, 7 Julai 2023 untuk tempoh 5 tahun bermula 2023-2028 dan telah ditandatangani oleh TNCAA dan wakil yang telah ditetapkan dalam MoU pada 4 Ogos 2023.

Program dan Jumlah Pelajar Mengikut Pusat Pembelajaran Sehingga Disember 2023

Jadual 15 Program dan jumlah pelajar mengikut Pusat Pembelajaran sehingga Disember 2023

Pusat Pembelajaran	Program dan Jumlah Pelajar	Jumlah pelajar (keseluruhan)
UTeM Melaka	FTKE (BELG) – 113 FTKE (BELK) – 14 FTKM (BMKU) - 71	306 orang pelajar
Institut Kemahiran MARA (IKM Seri Manjung), Perak	FTKE (BELG) – 43 FTKM (BMKU) – 42	
University College Sabah Foundation (UCSF), Kota Kinabalu, Sabah	FTKE (BELG) - 23	

Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Promosi Program Separa Masa *Smart Melaka International Expo 2023*

Pada 12 – 14 Oktober 2023, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) telah mengikuti Smart Melaka International Expo 2023 yang berlangsung di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti promosi program Ijazah Sarjana Muda Mod Separa Masa yang membolehkan orang awam / individu untuk mendapatkan pencerahan dan maklumat tepat berkenaan penawaran program separa masa di UTeM.

Program Promosi Bersasar UTeM di Daerah Kota Tinggi dan Pasir Gudang, Johor

Satu promosi telah diadakan 15-17 Disember 2023 telah diadakan di 2 lokasi sekitar Masai dan Kota Tinggi, Johor yang mensasarkan komuniti dan masyarakat di sekitar Kota Tinggi, Pengerang, Bandar Penawar dan Pasir Gudang dalam memberikan pendedahan berkaitan peluang pendidikan di peringkat pengajian tinggi selaras dengan perancangan penubuhan Kampus Cawangan UTeM di Kota Tinggi, Johor. Aktiviti berjumpa pelanggan ini telah diadakan bersama kumpulan promosi fakulti dan juga pegawai PPSH. Sasaran calon pelajar adalah bagi kemasukan Semester II Sesi 2023/2024.

Rangkuman Pencapaian Berimpak Tahun 2023

Peningkatan Enrolmen Pelajar Baharu Ke Ijazah Sarjana Muda Sesi 2023/2024

UTeM telah menjadi universiti pilihan pelajar untuk menyambung pengajian di peringkat TVET tahap tinggi di mana terdapat peningkatan enrolmen pelajar baharu ke program Ijazah Sarjana Muda Sesi 2023/2024. Untuk pengambilan pada sesi 2023/2024, bilangan pelajar yang mendaftar ialah 3,167 orang pelajar berbanding sasaran 3,097 orang pelajar iaitu 102% dari sasaran. Bilangan pelajar baharu ini juga adalah tertinggi dalam sejarah pengambilan pelajar baharu di UTeM dan tertinggi di kalangan MTUN lain.

Graduan Sulung Program TYET Sarjana Muda Teknologi UTeM (Work-Based Learning)

UTeM telah berjaya menghasilkan 37 orang graduan sulung bagi program Sarjana Muda Teknologi (BTech) sempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-19 yang telah diadakan pada 4 hingga 6 November 2023 bertempat di Dewan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka.

Program BTech merupakan program TVET yang bercirikan Mod Pengajian Industri yang mana kaedah Pengajaran dan Pembelajaran berlaku di industri iaitu menggunakan konsep 2½ tahun di kampus dan 1 tahun di industri. Sepanjang 1 tahun di industri, pelajar diberikan pendedahan kepada amalan industri dan kursus-kursus yang dijalani adalah berbentuk Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work-Based Learning* (WBL)).

Dua program yang terlibat adalah Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian dengan sejumlah 16 orang graduan dan Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian sejumlah 21 orang graduan.

Pelaksanaan 2 Program Akademik Anjal

UTeM telah memperkenalkan 2 program akademik berbentuk anjal melalui inisiatif yang telah diperkenalkan oleh KPT dalam meningkatkan keterangkuman dan akses pendidikan tinggi, mengurangkan kos sara hidup pelajar serta membolehkan pelajar menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel.

Dua program berkenaan ialah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi) dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan dan Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) dengan Kepujian dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Kedua-dua program ini merupakan program pembelajaran secara konvensional yang dilaksanakan secara anjal di mana pelajar tidak perlu berada di kampus universiti sepanjang tempoh pengajian dan diberi fleksibiliti untuk mengikuti program pengajian secara dalam talian bagi tempoh tertentu. Program anjal ini telah ditawarkan mulai Semester 1, Sesi Akademik 2023/2024.

UTeM Lahirkan Graduan Sulung Separa Masa Pada Konvokesyen Ke-19

Kumpulan pelajar separa masa pertama telah berjaya bergraduasi pada Majlis Konvokesyen Ke – 19 pada 4 hingga 6 November 2023. Seramai 56 orang pelajar telah tamat pengajian yang terdiri daripada pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian (18 orang pelajar), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian (27 orang pelajar) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian sejumlah 11 orang pelajar.

UTeM Terima Dana Pelaksanaan Program Penjana KPT-Pensijilan Profesional (KPT PACE) Tertinggi Dari KPT

UTeM telah berjaya menyelaras sebanyak 27 program di bawah KPT-PACE (Fasa 1- Fasa 3) dengan peruntukan tertinggi dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebanyak RM 5,896,680.00 dan berjaya melatih 2,047 pelajar untuk mendapat pensijilan profesional.

Majlis Konvokesyen Ke-19: 68% Merupakan Graduan TVET

UTeM telah mencatat sejarah tersendiri sejak penubuhannya 23 tahun yang lalu apabila seramai 3,378 graduan akan mengikuti Majlis Konvokesyen Ke-19 dengan 2,115 graduan (68%) adalah graduan dalam bidang TVET. Jumlah ini menzahirkan komitmen UTeM dalam memacu pemeraksanaan TVET aras tinggi negara. Pada masa sama seramai 2,478 graduan ijazah sarjana muda telah lengkap mengikuti pensijilan profesional melibatkan 25 kursus tahap tinggi sekali gus meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan.

Bilangan Pelajar Kedoktoran Yang Bergraduasi Paling Tinggi Semasa Sesi Konvokesyen Ke 19, 2023

Majlis Konvokesyen Ke-19 telah mencatat sejarahnya tersendiri di mana pada Majlis Konvokesyen kali ini, bilangan graduan Kedoktoran (PhD) yang menerima skrol berjumlah 104 dan merupakan bilangan graduan PhD tertinggi dalam majlis konvokesyen. Peningkatan hampir 50% dari tahun sebelumnya adalah kejayaan besar UTeM dalam melahirkan lebih ramai graduan PhD yang akan membantu merencanakan lagi Ekonomi Madani.

Graduan Sulung Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantain Bekalan dan Logistik)

Dalam Majlis konvokesyen ke-19, tahun 2023, sebanyak 40 graduan sulung Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantain Bekalan dan Logistik) telah menerima ijazah mereka. Hampir semua graduan telah mendapat pekerjaan terutama dalam bidang *logistic executive* dan *supply-chain executive* dan lima (5) graduan telah menerima gaji premium.

Pelancaran Duta TVET UTeM

Duta TVET UTeM merujuk kepada sumbangan kepakaran UTeM kepada komuniti dengan kerjasama dari pihak KPT dan industry. Duta TVET UTeM merupakan staf akademik dan teknikal yang bertindak sebagai agen perubahan dengan memanfaatkan ilmu dan teknologi kepada komuniti melalui program yang melibatkan staf UTeM dan juga komuniti setempat. Terdapat 2 Program utama iaitu Pemindahan Ilmu dan Teknologi TVET (TVET KTTP) dan projek yang boleh dikembangkan untuk kesejahteraan hidup (*Social Enterprise*).

Program Kerjasama UTeM-UiTM: “Exploration of Malaysian Culture & Heritage”

Pusat Antarabangsa UTeM dengan kerjasama UiTM Global, UiTM Shah Alam dengan sokongan Bahagian Education Malaysia, KPT telah menjalankan Program Pertukaran Budaya Peringkat Kebangsaan iaitu “Exploration of Malaysian Culture and Heritage” pada 31 Mei 2023 hingga 5 Jun 2023. Program ini melibatkan penyertaan seramai 100 pelajar antarabangsa dan juga pelajar tempatan dari UTeM dan UiTM. Penganjuran program ini turut dibiayai geran sebanyak RM50,000 yang julung kalinya ditawarkan oleh KPT. Program ini memberi impak buat pelajar antarabangsa kedua-dua buah universiti mendalami secara lebih dekat budaya tempatan di samping membentuk hubungan erat 2 hala dengan masyarakat setempat.

Penstrukturan Semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di UTeM

UTeM telah berjaya melaksanakan penstrukturan semula fakulti kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan berkuatkuasa pada 15 September 2023. Selaras dengan hala tuju akademik UTeM sebagai IPTA Model 2 dan sejajar dengan Pelan Strategik UTeM 2023 – 2025 adalah menjadi keutamaan Universiti untuk memberi penekanan dalam memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dengan membuat penstrukturan semula 4 Fakulti Kejuruteraan dan 2 Fakulti Teknologi Kejuruteraan kepada 4 Fakulti mengikut fokus bidang kejuruteraan dan teknologi iaitu elektrik dan mekatronik, elektronik dan komputer, mekanikal serta pembuatan.

Objektif penstrukturan semula fakulti ini adalah untuk meningkatkan enrolmen pelajar TVET UTeM, meningkatkan program akademik TVET serta penyelidikan dan inovasi di UTeM, memperkasakan ekosistem TVET UTeM selaras dengan Pelan Strategik Universiti, mengoptimumkan sumber manusia, sumber kewangan dan penggunaan fasiliti; dan gunasama kepakaran, peralatan makmal, penyelidikan, perundingan dan khidmat komuniti dalam bidang yang berkaitan.

Nama-nama fakulti yang telah distrukturkan adalah dikenali seperti berikut;

- (i) Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE)
Faculty of Electrical Technology and Engineering
- (ii) Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK)
Faculty of Electronics and Computer Technology and Engineering
- (iii) Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)
Faculty of Mechanical Technology and Engineering
- (iv) Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP)
Faculty of Industrial and Manufacturing Technology and Engineering

UTeM Memeterai Dokumen Memorandum Persefahaman (MOU) Bersama “Dunarea De Jos” University of Galati (DJUG) Romania

Pada 16 Oktober 2023, UTeM telah memeterai dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) bersama “Dunarea de Jos” University of Galati (DJUG) yang merupakan universiti terbesar di bahagian tenggara negara Romania. DJUG merupakan rakan strategik pertama UTeM dari Romania dan hubungan 2 hala ini dijangka dapat meningkatkan bukan sahaja aktiviti-aktiviti penyelidikan secara bersama, malah turut memperkasakan aktiviti mobiliti pelajar di antara kedua-dua universiti memandangkan DJUG adalah salah satu universiti di Eropah yang mempunyai pembiayaan Erasmus+ untuk program mobiliti pelajar.

Selain itu, jalinan kerjasama antara UTeM dengan DJUG turut meningkatkan imej UTeM di peringkat antarabangsa terutama dalam aspek kecemerlangan akademik menerusi pertukaran kursus dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan dan pengurusan teknologi dan teknousahawan serta bidang-bidang lain yang berkaitan. Dokumen ini telah ditandatangani antara Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor UTeM dan Profesor Puiu Lucian Georgescu, Rektor DJUG.

UTeM Memeterai Dokumen Memorandum Perjanjian (MOA) Bersama Heilongjiang Agricultural Economy Vocational College (HAEVC), China

Majlis Pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) telah berlangsung secara maya antara UTeM dan Heilongjiang Agricultural Economy Vocational College (HAEVC), China pada 20 November 2023. MoA selama 3 tahun dengan HAEVC ini sudah pasti akan membuka peluang UTeM berkongsi amalan terbaik model pendidikan Vokasional China dan kemahiran vokasional dalam memupuk bakat yang kompetitif terutamanya dalam perniagaan digital atau E-Perdagangan melalui cadangan Malaysia Luban Workshop. UTeM diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim manakala HAEVC pula diwakili oleh Presidennya Zhang Jizhong dan Timbalan Presiden, Jiang Guijuan.



M72

M72

1001010



7

100101001,00101

100101001,00101

83,343434

65,34,0001

M72

01,00101

7.0
Merintis Teknologi
Masa Hadapan

Merintis Teknologi Masa Hadapan


Penubuhan Pusat Pengurusan Kolaborasi Rice Melaka@UTeM

Penubuhan RICE Melaka@UTeM pada 13 Oktober 2023 iaitu sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan bagi memperkukuh bidang sains, teknologi dan inovasi di negeri Melaka. Pusat itu dibangunkan dengan kerjasama kerajaan negeri dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang menekankan empat elemen penting iaitu penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan.

Penyelidikan dan pembangunan akan memberi tumpuan pada 4 elemen berkenaan dan hasil dapatan yang diperoleh daripada penyelidikan oleh UTeM akan digunakan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negeri pada masa hadapan. Penubuhan RICE Melaka @UTeM juga selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035), Smart Melaka Blueprint 2035 (SMB 2035) dan Pelan Pembangunan Mampan (SDG).



Penubuhan Bank Inovasi Melaka (BIM) merupakan platform pangkalan data bagi menyimpan, mengumpul dan mencari maklumat berkaitan inovasi. Ia merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Melaka di bawah RICE Melaka@Ute. BIM adalah produk sulung keluaran RICE Melaka @UTeM.



Perjanjian Kolaborasi Penyelidikan Bersama Semiconductor Component Industries

UTeM telah menerima geran antarabangsa yang bernilai hampir RM500,000 (USD100,420) melalui Perjanjian Kolaborasi Penyelidikan atau *Collaborative Research Agreement (CRA)* dengan *Semiconductor Components Industries, LLC, USA* dan *On Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd.* Penerimaan dana ini ialah bagi kerjasama penyelidikan yang memfokuskan kepada pembangunan dan penyelidikan bidang fabrikasi dan ujian IC berasaskan *Silicon Carbide Power Devices* untuk tempoh satu tahun bermula pada 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2024.

Penerimaan Geran Antarabangsa Satreps Bernilai Hampir RM 5 Juta

UTeM telah menerima geran antarabangsa *Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development* (SATREPS) dengan jumlah dana hampir RM5 juta untuk tempoh lima tahun bermula pada 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2028. Untuk projek ini, UTeM bekerjasama dengan Kindai University (KINDAI), Jepun dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan tujuan menjalankan penyelidikan bagi Program Penyelidikan Antarabangsa *Japanese Technical Cooperation for "Real- Time Lightning 3D Imaging and Forecasting Project for Sustainable and Reliable Supply of Energy and Storm Disaster Early Warning"*.


Penubuhan Pusat Kecemerlangan Teknologi Pengurangan Risiko Bencana

Penubuhan Pusat Kecemerlangan Teknologi Pengurangan Risiko Bencana atau Centre of Technology for Disaster Risk Reduction (CDR) sebagai sebuah pusat kecemerlangan di UTeM. CDR ini ditubuhkan agar menjadi pelopor kepada penyelidikan dan inovasi berkaitan teknologi menangani bencana di dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Ia membantu negara melalui agensi-agensi pengurusan bencana sedia ada seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (National Disaster Management Agency, NADMA), MetMalaysia dan JPS menerusi inovasi teknologi pengurangan bencana.

Selain itu CDR juga berperanan sebagai pusat rujukan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi penyelesaian masalah teknikal berkaitan usaha-usaha menangani bencana.

Penyenaraian Penyelidik UTeM Dalam *World's Top 2% Scientist's for Single Year 2022* oleh *Stanford University*

Seramai 5 orang penyelidik UTeM telah berjaya disenaraikan dalam *World's Top 2% Scientist's for Single Year 2022* Oleh *Stanford University*. Pengiktirafan bertaraf dunia ini membuktikan bahawa penyelidik di UTeM berjaya mempamerkan prestasi yang cemerlang dalam penyelidikan dan inovasi.




Dinamik Penyelidikan Merintis Inovasi Masa Hadapan


UTeM sebagai salah sebuah universiti Malaysian Technical University Network (MTUN) sentiasa bergerak pantas dalam memantapkan pencapaian penyelidikan dan inovasi yang menjulang aktiviti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan universiti diteruskan dan menjadi sebuah universiti teknikal bertaraf global.

Geran Penyelidikan

Pada tahun 2023 menyaksikan peningkatan yang amat memberangsangkan dalam perolehan dana melalui geran penyelidikan daripada pihak industri dan antarabangsa.



Rajah 15 Dana Penyelidikan UTeM dari tahun 2021 hingga 2023



Rajah 16 Perbandingan Bilangan Projek Penyelidikan Industri dan Antarabangsa UTeM


Melalui kolaborasi penyelidikan ini, UTeM telah berjaya menjalin kerjasama strategik dengan pihak industri dan antarabangsa yang memberi impak besar dalam meningkatkan kualiti produk penyelidikan yang dihasilkan serta memartabatkan UTeM ke peringkat global.

Sehingga kini UTeM telah melaksanakan jalinan kerjasama dengan lebih 100 institusi korporat dan antarabangsa. Kolaborasi ini semakin meningkat saban tahun yang membuktikan nama UTeM semakin dikenali dan mempunyai kredibiliti tinggi.

Jumlah geran penyelidikan yang diterima pada tahun 2023 melebihi RM9 juta menunjukkan peningkatan sebanyak hampir 40 peratus daripada jumlah yang diterima pada tahun 2022.

Jadual 16 Jumlah Geran Penyelidikan Bagi Tahun 2023

Kategori	Jumlah	Jumlah Peruntukan (RM)
Antarabangsa	23	3,044,702.00
Industri	9	590,300.00
Kebangsaan	36	3,666,893.00
Universiti	103	1,873,000.00
Jumlah Keseluruhan	171	9,174,895.00

**Rajah 17** Penerimaan Mengikut Jenis Geran Penyelidikan Tahun 2023

Aktiviti Pengkomersialan dan Inovasi Penyelidikan


Penyelidikan dan inovasi merupakan satu elemen penting dalam meneraju universiti yang dinamik dan berdaya saing bagi menyokong pertumbuhan negara yang maju dan makmur. Ia menjadi elemen penting dalam mencapai visi dan misi universiti yang menyemarakkan eksplorasi idea dan menjana kreativiti bagi menyediakan suasana kondusif mendepani dunia tanpa sempadan serta berteknologi tinggi. Setiap komponen di bawah aktiviti penyelidikan iaitu *Research, Innovation, Commercialization & Entrepreneurship (RICE)* adalah rangkaian nilai lengkap yang akan membawa sesuatu idea hebat di universiti untuk dikembangkan melalui pelbagai elemen yang memacu pencapaian universiti.

Penekanan aspek kualiti serta perlindungan harta intelek terhadap output penyelidikan dan inovasi di UTeM turut memberi ruang yang lebih efektif kepada penyelidik dalam meningkatkan hasil pulangan daripada dana penyelidikan.

Tahun 2023 menzahirkan usaha dan kesungguhan pihak UTeM dalam aspek pemerkasaan harta intelek serta pengkomersialan apabila berjaya membuahakan hasil memberangsangkan dengan pencapaian sebanyak 4 *patent granted*, 3 *patent filing*, 4 *trademark* dan 20 *copyright*. Jadual 1 menunjukkan statistik harta intelek 2023 UTeM dan Rajah 1 menunjukkan bilangan pemfailan harta intelek 2023 mengikut fakulti.

Jadual 17 Statistik Harta Intelek (IPR) 2023 UTeM

Perkara	FKE	FKM	FKP	FKEKK	FTMK	FTKEE	FTKMP	FPTT	PBPI	Lain-lain	Jumlah
Patent	0	0	2	0	0	0	1	0	0	0	3
Utility Innovation	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Copyright	1	2	2	1	7	2	4	0	0	1	20
Trademark	0	0	0	0	2	2	0	0	0	0	4
Industrial Design	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Paten Granted	0	0	2	1	1	0	0	0	0	0	4

**Rajah 18** Bilangan Pemfailan Harta Intelek 2023

PETUNJUK	
FKE	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
FKM	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
FKP	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
FKEKK	Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer
FTMK	Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
FTKEE	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
FTKMP	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan
FPTT	Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan
PPB	Pusat Pembelajaran Bahasa
LAIN-LAIN	Selain dari senarai Fakulti/Pusat di atas


Inisiatif Pengkomersialan

Syarikat *Spin-Off* Universiti Teknikal Malaysia Melaka

01 **IIOTSME**
THE INNOVATION HUB
IIOTSME SDN. BHD.
(En. Mazran bin Esro)



02 **INGENIOUS CITY ENGINEERING SOLUTIONS SDN. BHD.**
"Intelligent, Humanized and Digitalization"
INGENIOUSCITY ENGINEERING SOLUTIONS SDN. BHD.
(Ir. Ts. Dr. Anuar bin Mohamed Kassim)



03 **ERADA SOLUTION SDN. BHD.**
E-Research And Development Accelerator
ERADA SOLUTION SDN. BHD.
(Profesor Madya Ts. Dr. Haslinda binti Musa)



Bil.	Syarikat <i>Spin-Off</i> UTeM	Nama IP / Produk	Caj Yuran Perlesenan Yang Telah Dibayar Bagi Tahun Kedua (2023)
1.	IIOTSME SDN. BHD.	<i>IoT Flood Observatory System (iFOS)</i>	RM10,000.00
2.	INGENIOUSCITY ENGINEERING SOLUTIONS SDN. BHD.	a) <i>Intelligent Fire Alarm System (i-FAST)</i> b) <i>Intelligent Soil and Environment Monitoring System using IoT</i>	RM20,000.00
3.	ERADA SOLUTION SDN. BHD.	<i>Operations Management in Edutourism: A Framework For Tour Packages and Services</i>	RM10,000.00

Pengkomersialan Inovasi

Melihat kepada keperluan penjana pendapatan untuk Universiti, UTeM telah menyasarkan peluang ini dengan mengkomersialkan beberapa inovasi yang dikenalpasti mampu bersaing dan menembus pasaran. Berikut adalah senarai inovasi tersebut:

Penjualan Harta Intelek (IP) *People Relationship Information Management (PRIM)* secara *Outright Sales* kepada Syarikat MyItqan Solutions Sdn. Bhd. dengan nilai RM10,000.00



PRIM



Always A Pioneer, Always Ahead

Name of company : **MYITQAN SOLUTIONS SDN. BHD.**






PRODUCT DESCRIPTION


Parental Relationship Information Management (PRIM) technology is a product to connect schools with parents. This system is built to focus on allowing various types of fees such as membership of a club, school and donations to be managed systematically. This system provides greater benefits to various organizations facing difficulties in collecting and managing various types of fee collections where users and parties who manage various fees can still conduct business online.

The special features of 'PRIM' are:

- use of cheap local technology;
- reduce operating time;
- reduce the risk to the school in receiving a lot of money;
- the generation and analysis of data related to transactions carried out.
- Information monitoring for school management, especially for fee payment.








Pilot Plant of High Performance Lithium-Ion Battery in UTeM

Hayatech Sdn. Bhd., Shibaaura IT, Graphjet, Panasonic Energy



Always A Pioneer, Always Ahead

Product's Development Progress



This is our novelty and originality: **In-house produced graphene material for anode in LIB**

WHY GRAPHENE??

POTENTIALS & POC

BUSINESS PLAN & FUTURE DEVELOPMENT


This proposal consists of **all** elements including **proof of concept, detail planning and project costing, future R&D planning, environmental concerns, safety, etc.**

POC + Prototype: Done, 2011 – 2021
Very strong fundamentals + team in **nanomaterials and energy storage technologies**

Implementation Status

Item	Details	Status
Man	32 UTeM researchers, 6 contract staffs	
Machines	20% in-house, 80% purchase	
Materials	Ongoing of purchase	
Method	Patented processes	
Budget	RM 3.7 mils: UH; RM 400K: UTeM, RM 2 mils: State Govt	
Business	In the pipeline of developing "millions" of business and ROI (after 5-years of operation)	



Cadangan ekosistem, dasar dan garis panduan penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Pencapaian Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi

Pada tahun 2023, kebanyakan pertandingan inovasi telah dilaksanakan secara hibrid iaitu secara fizikal dan juga dalam talian. UTeM tidak ketinggalan telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa anjuran agensi swasta, badan akademik dan profesional. UTeM telah berjaya mencapai 100% kemenangan melalui kutipan sejumlah 27 pingat di Malaysia Technology Expo (MTE) 2023 dan 35th International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2023. UTeM juga turut bertanding di pertandingan inovasi anjuran universiti awam dan swasta di peringkat kebangsaan dan telah berjaya mencapai 100% kemenangan sejumlah 36 pingat.

Secara keseluruhannya, sepanjang lembaran prestasi inovasi UTeM pada tahun 2023 telah berjaya merangkul sebanyak 95 pingat merangkumi 53 pingat emas, 23 pingat perak, 9 pingat gangsa dan 10 anugerah khas di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini membuktikan bahawa hasil penyelidikan dan inovasi UTeM mempunyai kualiti dan berpotensi tinggi untuk memberi impak kepada industri serta komuniti. Teknologi yang digarap mampu melahirkan produk yang dapat menjana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Jadual di bawah menunjukkan senarai pameran dan pingat yang dimenangi dan rajah di bawah menunjukkan pecahan pingat mengikut anugerah antarabangsa dan kebangsaan.


Jadual 18 Senarai Pameran dan Pingat Yang Dimenangi Pada Tahun 2023

Antarabangsa

Bil.	Nama Pertandingan / Pameran	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas
1	35th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2023)	6	5	0	1
2	Ekspo Penyelidikan Antarabangsa	3	0	0	1
3	I-ARC, UTM	0	1	1	0
4	International Borneo Innovation Exhibition & Competition (IBIEC)	0	2	0	0
5	International Conference of Education And Futuristic Innovation Icefi	2	2	1	0
6	International Invention, Innovation & Design Competition 2023 (i3DC)	3	0	0	0
7	International Research & Information Science Expo (iRISE) 2023	4	0	0	0
8	International Research and Innovative Technology Competition (I-RITEC2023)	6	0	0	1
9	International University Carnival On E-Learning (IUCEL) 2023	0	1	0	0
10	Malaysia Technology Expo (MTE 2023)	9	2	1	3
11	Virtual Innovation Competition Malaysia (VIC 2022)	1	0	0	0
12	INVIDE, UNIMAP	1	0	4	0
Jumlah		35	13	7	6

Kebangsaan

Bil.	Nama Pertandingan / Pameran	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas
1	Ekspo IPTA/S	2	3	1	1
2	Ekspo Rekacipta UniMAP (EREKA 2023)	7	1	0	0
3	Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx 2022)	1	0	0	0
4	Johor Sutism Summit 2023	0	1	1	0
5	IVCCII ONLINE VIRTUAL	1	0	0	0
6	Johor Innovation Invention Competition and Symposium (JIICAS 2023)	3	2	0	0
7	Malaysia Grand Invention Expo 2023 (MAGIEX2023)	3	0	0	2
8	Microbes Invention, Innovation and Ideation Challenge (MINIC) 2023	1	0	0	0
9	New Academia Learning Innovation (NAL) 2023	0	1	0	0
10	Sulam Innovate Showcase & Symposium	0	1	0	0
11	STEM Invention & Innovation Competition	2	1	0	1
Jumlah		20	10	2	4




Rajah 19 Pecahan pingat mengikut anugerah antarabangsa dan kebangsaan 2023

UTeM sentiasa menggalakkan kemahiran reka cipta dan inovasi di kalangan penyelidik dan pelajar melalui penganjuran program Jejak Inovasi UTeM 2023 yang telah diadakan secara dalaman pada 25 Oktober 2023 melibatkan sejumlah 74 produk yang telah dinilai secara product pitching oleh barisan juri daripada industri dan akademik yang bertujuan untuk membuat saringan produk inovasi yang berkualiti untuk diangkat ke pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di dalam dan luar negara pada tahun 2023.


Projek Berimpak Tinggi

Sepanjang tahun 2023, UTeM telah mengenalpasti beberapa projek inovasi yang berimpak tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan di samping dapat membantu penyelidik UTeM mempromosikan hasil produk inovatif mereka kepada komuniti dan industri, menjadi pemangkin dalam meningkatkan pengkomersialan di samping menyuntik motivasi penyelidik untuk merangsang aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTeM.


i) Pilot Plant of High Performance Lithium-ion Battery in UTeM



UTeM
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Pilot Plant of High Performance Lithium-ion Battery in UTeM
Hayatech Sdn. Bhd., Shibaura IT, Graphjet, Panasonic Energy



Always A Pioneer, Always Ahead

Product's Development Progress



This is our novelty and originality: In-house produced graphene material for anode in LIB

WAY GRAPHENETI

POTENTIAL & POC

BUSINESS TRIALS - FUTURE DEVELOPMENT


This proposal consists of ALL elements including proof of concept, detail planning and project costing, future R&D planning, environmental concerns, safety, etc.

POC + Prototype: Done, 2011 – 2021
Very strong fundamentals + team in nanomaterials and energy storage technologies

Implementation Status

Item	Details	Status
Man	32 UTeM researchers, 6 contract staffs	
Machines	20% in-house, 80% purchase	
Materials	Ongoing of purchase	
Method	Patented processes	
Budget	RM 3.7 mils: UH, RM 400K: UTeM, RM 2 mils: State Govt	
Business	In the pipeline of developing "millions" of business and ROI (after 5-years of operation)	



(ii) Electrical Vehicle Developed by Autotronic Laboratory





Electrical Vehicle Developed by Autotronic Laboratory
Collaboration with UPNM












Product's Progress

Previous Status	Current Status
<p>The vehicle has been successfully tested experimentally. The standard test used are:</p> <ol style="list-style-type: none"> J1666_200210: Electric Vehicle Acceleration, Gradeability and Deceleration Test Procedure. SAE J866: Acceleration and braking test. SAE J1455: Slalom and double lane change test <p>Youtube link experimental test https://www.youtube.com/watch?v=roQFOOPP_RY</p>	<p>Our intention on this EV project are to design a totally electric vehicle, which mean all the system in the vehicle will be changed to electronic actuated mechanism, such as brake by wire and steer by wire.</p> <p>On that basis, a steer by wire system with torque feedback has been design and tested. the video of the experimental test is shown in the youtube link below. https://youtu.be/lymGibKOYt8</p> <p>The brake by wire also have been developed and tested. The video of the system is shown youtube: https://www.youtube.com/watch?v=Mcm8BmRvRXE</p>

Implementation Status

Item	Specification	Value
Max speed on level pavement	≤ 40km/h	35 km/h
Max speed on Gradient pavement	≤ 20 km/h	18 km/h
Max road Gradient slope	≤ 10%	8%

EV Performance :

Max speed on level pavement: ≤ 40km/h
Max speed on Gradient pavement: ≤ 20 km/h
Max road Gradient slope: ≤ 10%





(iii) Memperkasa Penglibatan Negeri Melaka Dalam Industri Makanan Negeri Melaka Dalam dan Luar Negara Tahun 2022 Hingga 2030










MEMPERKASA PENGLIBATAN NEGERI MELAKA DALAM INDUSTRI MAKANAN NEGERI MELAKA DALAM DAN LUAR NEGARA TAHUN 2022 HINGGA 2030
UTeM, YAYASAN DMDI & YAYASAN CANSOLOR
UTeM






Product's Progress

Previous Status	Current Status
<p>Perbincangan dengan agensi kerajaan di Hotel Muzaffar</p> 	<p>Perbincangan Bersama Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam Pada 21/12/2022</p> 


Implementation Status

Paperwork has been approved to organize few workshop as below

- 3rd Feb 2023
- 10th Feb 2023
- 13th Feb 2023
- 17th Feb 2023
- 23rd Feb 2023

Objectives :

- to collect and verify the data from agencies and stakeholders
- To produce coffee tables books



Penerbitan

Jurnal Berimpak

Jurnal berimpak merupakan jurnal berindeks Scopus, *Web of Sciences (WoS)* dan *Excellence in reserch for Australia (ERA)*. Pada tahun 2023, sebanyak 950 penerbitan berindeks SCOPUS / WOS / ERA bagi artikel jurnal dan kertas persidangan telah berjaya diterbitkan oleh penyelidik UTeM. Walaupun terdapat penurunan bilangan penerbitan berbanding tahun 2022 (790 penerbitan), penurunan tersebut tidak serendah penerbitan pada tahun 2021 (669 penerbitan).

Data membuktikan terdapat peningkatan kolaborasi penyelidik UTeM dengan pihak industri, antarabangsa dan nasional. Ini jelas menunjukkan kualiti penerbitan UTeM telah meningkat dan semakin kukuh cemerlang.



Rajah 20 Prestasi Penerbitan UTeM dari tahun 2021 hingga 2023



Rajah 21 Prestasi Penerbitan UTeM dari tahun 2021 hingga 2023

Jadual 19 Prestasi Kolaborasi Penerbitan UTeM 2021 hingga 2023


Kategori Kolaborasi	Bilangan		
	2021	2022	2023*
Industri	35	54	85
Antarabangsa	297	430	472
Kebangsaan	335	416	520



Rajah 22 Prestasi Penerbitan UTeM dari tahun 2021 hingga 2023

Penerbitan Ilmiah

Selain daripada penerbitan jurnal, UTeM juga bergiat secara aktif dalam penerbitan buku-buku ilmiah merangkumi buku karya asli, monograf, karya suntingan dan lain lain lagi. Saban tahun, penerbitan yang diterbitkan terus meningkat seperti rajah di bawah.



Rajah 23 Penerbitan Buku Bagi Tahun 2022 hingga 2023

Pengiktirafan Buku Berindeks

Buku penyelidikan terbitan UTeM telah berjaya mendapat buku berindeks *Book Citation Index Clarivate* yang kini berjumlah sebanyak 5 buah buku.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

TAHNAH UTeM

Buku-buku terbitan
Penerbit UTeM Press
telah berjaya disenaraikan sebagai
BUKU BERINDEKS
BOOK CITATION INDEX CLARIVATE

Clarivate

2023

PRINTED FLEXIBLE CIRCUIT
Dr. Ghassan Sami Omer

SUSTAINABLE PALM OIL MILL IN MALAYSIA
Dr. Wan Hanunizam Bin Wan Mardiana

2022

UTILIZATION OF LIQUID IONS TECHNOLOGY
Dr. Mubashir Iqbal

FUGITIVE MODELLING OF BRAKING NOISE
Dr. Muhammad Zahid Bin Hassan

LEAN DOMINANCY
Dr. Purnadewanti Ari A. Triandari

UTeM PRESS
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Teknikal Daripada
Penerbit Universiti
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BOOK CITATION INDEX
INDEXED

8.0

Memacu Potensi Industri dan Masyarakat



Memacu Potensi Industri dan Masyarakat

Anjakan RICE UTeM-Melaka

Menepati peranan sebagai penghubung industri-komuniti serta kerajaan negeri, Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka (RICE) yang dahulunya dikenali sebagai Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) memulakan tahun 2023 berpandukan fungsinya dalam memaksimumkan kesejajaran hala tuju UTeM dan keperluan industri dan komuniti.

Penubuhan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka merupakan kolaborasi mampan antara UTeM dan Kerajaan Negeri Melaka di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) diselaraskan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM sebagai PTj. Kolaborasi ini bertujuan untuk mencapai objektif Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) bagi menyahut dan menyokong 11 Flagship di bawah pelan tersebut dengan perspektif memajukan ekonomi dan sosial negeri Melaka dengan kerjasama UTeM di dalam penyelidikan, komersialan dan pembangunan pendidikan. Langkah-langkah ini secara langsung merapatkan jurang di antara Kerajaan Negeri Melaka dan UTeM dan seterusnya memberi impak positif kepada peningkatan taraf hidup rakyat Melaka khususnya.

Biarpun berhadapan dengan penstrukturan, 2023 menyaksikan sinergi berterusan antara RICE dan setiap Pusat Tanggungjawab di UTeM yang dibuktikan melalui kolaborasi dalam jalinan kerja dan pemindahan ilmu kepada industri dan komuniti, di samping konsistensi bagi penyelarasan program khidmat sosial dalam menyalurkan sumbangan dan tenaga menyantuni komuniti.

Program-Program Peningkatan Hubungan Industri

Pemeteraian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

Sepanjang tahun 2023 UTeM telah memeterai sebanyak 32 memorandum kerjasama yang terdiri daripada 29 Memorandum Persefahaman (MoU) dan 3 Memorandum Perjanjian (MoA).

Jadual 20 Bilangan MoU tahun 2023

Tahun	Tempatan			Luar Negara		
	Akademia	Industri	Agensi	Akademia	Industri	Agensi
2023	0	8	1	20	0	0

Jadual 21 Bilangan MoA tahun 2023

Tahun	Tempatan			Luar Negara		
	Akademia	Industri	Agensi	Akademia	Industri	Agensi
2023	0	2	0	0	1	0



Rajah 24 Jumlah Memorandum Kerjasama UTeM peringkat dalam dan luar negara bagi tahun 2023

Senarai agensi dan syarikat yang telah menjalinkan memorandum kerjasama bersama UTeM pada tahun 2023 adalah seperti di bawah.

Jadual 22 Senarai MoU yang dimeterai pada tahun 2023

Bil.	Nama Organisasi
1	Universitas Sumatera Utara (USU)
2	Universitas Balikpapan (UNIBA)
3	Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer Dumai, Indonesia
4	Universitas Hasanuddin Makassar, Indonesia
5	Universitas Ahmad Dahlan
6	Universitas Bangka Belitung
7	Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta
8	Universitas Muhammadiyah Surakarta
9	Institut Sains & Teknologi Akprind
10	Liuzhou Jiatong School
11	Longe Medikal Sdn. Bhd.
12	SIRIM STS Sdn. Bhd.
13	Universitas Muhammadiyah Magelang (UMM)
14	Dominant Opto Technologies Sdn. Bhd.
15	Nexperia R&D Malaysia Sdn Bhd
16	Kasem Bundit University, Thailand
17	International University of Sarajevo
18	Ataturk University
19	Alibaba Cloud (Malaysia) Sdn Bhd
20	World Business Affair Sdn Bhd
21	Universitas Bandar Lampung
22	University of Plymouth
23	Japan Advanced Institute of Science & Technology (JAIST)
24	Universitas Alma Atta
25	Petroleum Nasional Berhad
26	Jazro Technology Robotics Sdn Bhd
27	Free The Seed Sdn Bhd
28	Islamic University of Technology, Gazipur Bangladesh
29	Zhejiang University of Technology

Jadual 23 Senarai MoA yang dimeterai pada tahun 2023

Bil.	Nama Organisasi
1	Testhub Sdn. Bhd.
2	Zhongxing Education Management Co. Ltd (ZEM)
3	Qualitek Solution (M) Sdn Bhd

Skop bagi MoU/MoA ini meliputi peluang kerjasama antara pihak industri dan UTeM, rakan perniagaan dan syarikat masing-masing tidak hanya terhad kepada perniagaan, teknologi dan pembangunan modal insan sahaja malahan perkhidmatan teknikal bersama dalam pemindahan ilmu dan kepakaran kepada industri serta perkongsian ilmu dan pengalaman melalui aktiviti peningkatan kapasiti.

Antara lainnya merangkumi projek perundingan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama sebagai satu pasukan, Latihan Industri Pelajar/Sangkut Industri Staf antara kedua-dua pihak dan perancangan aktiviti lain yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa.

Aktiviti Bersama Industri

Program UTeM Industry Roundtable 2023

UTeM meneruskan tradisi Program *UTeM Industry Roundtable* bagi tahun 2023 yang telah diadakan pada 21 Disember lalu. Program mesyuarat meja bulat yang menjadi jambatan penghubung bagi mendekatkan UTeM dengan pihak industri. Program ini bertujuan untuk memaksimumkan kesejajaran hala tuju UTeM dengan keperluan industri terutamanya berkaitan kebolehpasaran graduan (GE) dan meningkatkan produktiviti serta kecemerlangan industri.

Antara pihak Industri yang terlibat dalam program ini adalah 3D Gens Sdn Bhd., Ligetech Automation Sdn Bhd, Cendana Auto Sdn. Bhd., Terra Drone Technology Malaysia Sdn Bhd., Inference Tech Sdn Bhd., Gandtrack Asia Sdn. Bhd., Mesizaman Auto (M) Sdn. Bhd., Teras Tegap Agrotech Sdn. Bhd., Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) dan Dominant Opto Technologies Sdn. Bhd..



Program ini antara lain untuk mendapatkan maklum balas terutamanya daripada pihak Industri mengenai pelbagai aspek yang boleh meningkatkan kerjasama strategik antara UTeM dan pihak industri, agensi kerajaan dan komuniti yang terlibat terutamanya dari sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dalam khidmat bantuan perundingan bagi meningkatkan perniagaan mereka serta mempromosikan bidang kepakaran UTeM dalam konteks penyelidikan.

Teh Tarik Session With CEO

Satu program sembang santai bersempena CEO@FACULTY Programme 1.0: Learn from the Pros (CFP 1.0) telah diadakan pada 20 Disember 2023. Program ini dipanggil sebagai 'Teh Tarik Session With CEO (CTRM)', bertempat di Samsung IoT, Kampus Teknologi UTeM. CEO yang dijemput semasa program ini ialah Shamsuddin Mohamed Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif bagi Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM).

Program sembang santai dengan tajuk 'Great Leaders, Great Influencers' yang telah berlangsung selama 2 jam dimoderatkan oleh Dr. Mohd Rusdy bin Yaacob dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE). Program ini telah dikhususkan kepada 60 orang pelajar terpilih dari setiap fakulti yang terdapat di UTeM. Antara objektif program adalah bagi membolehkan pemain industri berkongsi ilmu dan pengalaman industri bersama pelajar secara langsung, memberikan pendedahan kepada senario pekerjaan masa kini bagi membolehkan pelajar membuat persiapan mental untuk berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju serta meneruskan hubungan erat antara universiti dan industri terutamanya CTRM dalam menzahirkan peluang kerjasama situasi menang-menang secara berterusan.



Sumbangan Bantuan Pengajian oleh Xinyi Energy Smart

Rentetan keberhasilan impak berangkai jalinan kerjasama berterusan antara UTeM dan industri maka salah satu rakan industri UTeM, Syarikat Xinyi Energy Smart (M) Sdn. Bhd yang terletak di Lipat Kajang, Jasin, Melaka telah bersetuju menyalurkan bantuan pengajian sebanyak RM40,000 setahun kepada 3 orang pelajar baharu dari kategori B40 dalam bentuk biasiswa.

Biasiswa yang dinamakan XES Scholarship Program 2023-2026 ini akan diberikan bagi menampung yuran pengajian dan kos sara hidup pelajar berkenaan sepanjang tempoh pengajian di UTeM. Sepanjang tempoh pengajian selama 4 tahun di UTeM, setiap pelajar akan menerima bantuan sejumlah RM53,333 dari pihak Xinyi Energy Smart.



Sumbangan telah disampaikan oleh Pengarah Urusan bagi Xinyi Energy Smart (M) Sdn. Bhd., Datuk Sin Ket Hin sambil disaksikan oleh Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin dalam majlis penyerahan bantuan pengajian kepada pelajar UTeM yang telah diadakan pada 14 November 2023 bertempat di Pejabat Naib Canselor UTeM.

Jadual 24 Butiran Pelajar Yang Menerima Bantuan Pengajian Xinyi Energy Smart

Bil	Nama	No. Matrik	Program	PTj /Fakulti
1	Saudari Nur Syaida Nadhirah binti Azhar	B122310086	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian	FTKEK
2	Saudara Adam Nasrullah bin Azhar	B132310482	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian	FTKM
3	Saudara Lee Kok Sheng	B112310222	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian	FTKE

Program-Program Bersama Masyarakat

RICE tidak ketinggalan menyelaras dan menjalankan program pemindahan ilmu serta program tanggungjawab sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada komuniti. Objektif utama program ini meliputi konsistensi hubungan antara komuniti dan UTeM bagi melaksanakan aktiviti komuniti yang berimpak tinggi, menzahirkan sikap prihatin UTeM kepada komuniti setempat dan selanjutnya meningkatkan kualiti hidup komuniti sasaran. Berikut adalah program bersama komuniti yang dijalankan dengan jayanya :

Jadual 25 Program Pemindahan Ilmu (Komuniti)

Bil	Program	PTj /Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
1	Bengkel Pengintegrasian Teknologi Dalam <i>PDP 1.0: Reality Composer</i>	RICE	06/07/2023 -07/07/2023	Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM)	Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM)
2	<i>Academic Talk</i>	FTKMP	14/08/2023-27/08/2023	Universitas Ahmad Dahlan	Universitas Ahmad Dahlan, Indonesia

Bil	Program	PTj /Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
3	Perundingan: <i>Upskilling Sharp3D and Reality Composer Applications</i>	FKM	16/06/2023-18/06/2023	Politeknik Metro JB dan Politeknik Ibrahim Sultan	Politeknik Metro JB dan Politeknik Ibrahim Sultan, Johor
4	Kuliah Perdana Kepada Pelajar Fakultas Teknik Universitas Negeri Malang	FTKMP	01/03/2023	Universitas Negeri Malang	Universitas Negeri Malang
5	Forum "Apa itu TVET? - Latarbelakang dan Sumbangan dari Perspektif Sains Sosial"	PPB	14/4/2023	Auditorium Canselor, UTeM	ADTEC Melaka dan PUO Perak
6	Program 'Mastering Job Interview' Untuk Belia Di Komuniti Duyong, Melaka	PPB	9/12/2023	Kompleks JAPERUN Duyong	Golongan Belia Di Komuniti Duyong, Melaka
7	Program Bengkel Pendedahan IOT, Robotik dan Sains Data Beserta Promosi Pengajian Siswazah Kepada Pensyarah Kolej Matrikulasi Melaka(KMM)	FTMK	05/07/2023 - 06/07/2023	FTMK	Kolej Matrikulasi Melaka Alor Gajah, Melaka
8	Wacana Ilmu : Pembinaan Item kepada Pensyarah Kolej Matrikulasi Johor (KMJ)	FTMK	28/07/2023	FTMK	Kolej Matrikulasi Johor Tangkak, Johor
9	Kursus <i>Creative With Canva</i>	FTMK	21/08/2023-22/08/2023	FTMK	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Ayer Keroh Melaka
10	Bengkel Menghasilkan Ilustrasi Gambar Menarik Menggunakan Kepintaran Buatan (Bing Image Creator)	FTMK	30/08/2023	FTMK	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Ayer Keroh Melaka. Pelajar Sekolah dan komuniti Sekitar Melaka
11	<i>Cyberbullying And Privacy: Safe Use Of Social Media</i>	FTMK	07/09/2023	Dewan MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Ayer Keroh Melaka
12	Bengkel <i>Microsoft Word</i>	FTMK	05/09/2023	FTMK	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Ayer Keroh Melaka
13	Bengkel Pendedahan Teknologi dan Inovasi Dalam Pendidikan STEM Kepada Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Perak	FTMK	05/12/2023	FTMK	Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Bil	Program	PTJ /Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
14	KTP & ToT berkenaan dengan <i>Waste to Wealth</i> (W2W) bersama DUTA TVET UTeM di Pantai Kundor, Melaka	FKM	13/12/2023	Dewan Pantai Kundur, Melaka	DUN Pantai Kundur, Melaka
15	KTP & ToT berkenaan dengan <i>Waste to Wealth</i> (W2W) bersama DUTA TVET UTeM di Kampung Guntur Org Asli, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, bersempena Program SSM UTeM @ Guntur, Negeri Sembilan.	FKM	17/12/2023	Kampung Guntur, Negeri Sembilan	Orang Asli Kampung Guntur, Negeri Sembilan

Sementara itu, sebanyak 20 program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 yang melibatkan pemindahan ilmu kepada pelajar sekolah. Antara program yang telah dijayakan adalah Program Pemindahan Ilmu dan Pertandingan Robotik untuk menjaga Kelestarian Sungai Melaka. Program yang mendapat penajaan daripada Kerajaan Negeri Melaka ini telah melibatkan penyertaan menggalakkan dari sekolah-sekolah terpilih sekitar Melaka dan seluruh Malaysia.

Program pemindahan ilmu telah dijalankan bagi menarik peserta dalam bidang STEM seperti jadual di bawah.

Jadual 26 Program Pemindahan Ilmu STEM

Bil	Program	PTJ /Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
1	Bengkel Saponifikasi Sabun, Lilin dan Penghalau Serangga dari Minyak Masak Terpakai bersama Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka	CENSEi	17/01/2023	IPG Kampus Perempuan Melayu, Durian Daun	IPG Kampus Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka
2	Program Pemindahan Ilmu dan Pertandingan STEM ST-UTeM IOT Challenge Tahun 2022	FKEKK	28/01/2023	Makmal FKEKK, UTeM	Sekolah di sekitar Melaka dan Johor
3	Bengkel Saponifikasi Sabun, Lilin dan Penghalau Serangga dari Minyak Masak Terpakai bersama SK Ayer Keroh	CENSEi	31/01/2023	Sekolah Kebangsaan Ayer Keroh, Melaka	Sekolah Kebangsaan Ayer Keroh, Melaka
4	Bengkel Saponifikasi Sabun, Lilin dan Penghalau Serangga dari Minyak Masak Terpakai bersama Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah (MOZAC)	CENSEi	09/02/2023	Sekolah Menengah Sains (SMS) Muzaffar Syah (MOZAC), Melaka	Sekolah Menengah Sains (SMS) Muzaffar Syah (MOZAC), Melaka

Bil	Program	PTJ /Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
5	Bengkel Robotik LadyBug bersama Guru dan Pelajar Sekolah Sekitar Negeri Melaka	RICE	16/02/2023	Auditorium FKP, UTeM	Sekolah di sekitar Melaka
6	Program Train the Trainer (TTT) dan Perkongsian Ilmu Modul Nota Hijau Bagi Keperluan A Support Project for Developing an Educational Model in Primary Schools for Encouraging 3R Actions by The Local People to Promote the Green Melaka City in Malaysia	CENSEi	21/02/2023	Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak	Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak, Melaka
7	Digital Aspects of 4IR Cross-creative Learning Environment for Autism using Robots	FTMK	09/05/2023	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang, Melaka
8	STEM @ MRSM Muar 2023	FTMK	10/06/2023	Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Muar	Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Muar, Johor
9	Infineon Week: STEM Camp – 3D Printing	FTKMP FTKEE	17/06/2023	Lobi Dewan Canselor, UTeM	Sekolah di sekitar Melaka
10	Infineon Week: STEM Camp – Drone Fun Day	FTKMP FTKEE	17/06/2023	Lobi Dewan Canselor, UTeM	Sekolah di sekitar Melaka
11	Bengkel Saponifikasi Sabun, Lilin dan Penghalau Serangga dari Minyak Masak Terpakai bersama MRSM Tun Ghafar Baba (TGB)	CENSEi	26/07/2023	Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Ghafar Baba (TGB)	Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Ghafar Baba (TGB), Melaka
12	Bengkel micro.bit@FTMK	FTMK	08/08/2023 -09/08/2023	Makmal FTMK, UTeM	Sekolah Kebangsaan Durian Tunggal, SK Belimbing Dalam, SK Ganun, SK St. Francis, Melaka
13	Program STEM Peringkat Negeri Melaka "F1 in School - From Dream to Reality"	FTKM	11/10/2023	Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bendahara	Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bendahara, Melaka
14	Bengkel Micro:bit Reka Bentuk Teknologi (RBT) dengan kerjasama UTeM-Onsemi	RICE	27/10/2023	Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar 2, Senawang, Negeri Sembilan	Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar 2, Senawang, Negeri Sembilan
15	Pertandingan Robotik untuk menjaga Kelestarian Sungai Melaka	RICE	16/08/2023 -01/11/2023	Tasik UTeM	Sekolah di sekitar Melaka

Bil	Program	PTj /Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
16	Program Alam Hijau (W2W) & STEM Robotik bersama Duta TVET UTeM	RICE	07/11/2023	Sekolah Rendah Arab JAIM Tun Razak (SATURA)	Sekolah Rendah Arab JAIM Tun Razak (SATURA), Melaka
17	DUTA TVET UTeM - Pemindahan ilmu penghasilan baja kompos	HEPA	30/11/2023	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara, Melaka
18	DUTA TVET UTeM - Pemindahan ilmu teknologi mikropengawal <i>micro:bit</i>	HEPA	30/11/2023	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara	SK Tanjung Bid Sekolah Kebangsaan ara, Melaka
19	DUTA TVET UTeM - Pemindahan ilmu teknologi penghalang wifi	HEPA	30/11/2023	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara, Melaka
20	Pembentangan Pertandingan Robotik untuk menjaga Kelestarian Sungai Melaka	RICE	11/12/2023	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM)	Sekolah di sekitar Melaka

Berikut merupakan program CSR Komuniti yang telah dijalankan:

Jadual 27 Program CSR Komuniti

Bil	Program	PTj/Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
1	Misi Bantuan Pasca Banjir di Kelantan	HEPA	03/01/2023-04/01/2023	Kampung Serungga Hulu dan Serungga Hilir, Sekolah Menengah Ugama Arab Al-Falah Pasir Mas, Sekolah Kebangsaan Gual To'Deh Rantau Panjang dan rumah sekitar sekolah	Mangsa-mangsa banjir dari kawasan Kampung Serungga Hulu dan Serungga Hilir, Sekolah Menengah Ugama Arab Al-Falah Pasir Mas, Sekolah Kebangsaan Gual To'Deh Rantau Panjang dan rumah sekitar sekolah.
2	Misi Bantuan Pasca Banjir Di Kota Tinggi, Johor	Pejabat Pendaftar	07/02/2023	Kampung Mawai, Kampung Gembur, Kampung Sayang, Kampung dan kawasan terlibat sekitarnya	Mangsa-mangsa banjir dari kawasan Kampung Mawai, Kampung Gembur, Kampung Sayang, Kampung dan kawasan terlibat sekitarnya
3	Program Kembali ke Sekolah (PKS) 2023	FKEKK	07/03/2023	Mydin MITC Melaka	SK Serkam dan SK Serkam Darat, Melaka
4	Program Komuniti Moreh	PPAKG & AUTeM	05/04/2023 & 12/04/2023	Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM	Pelajar-pelajar UTeM

Bil	Program	PTj/Fakulti	Tarikh	Tempat	Penerima Manfaat Program
5	Bantuan Sentuhan Kasih Ramadhan	RICE	11/04/2023-14/04/2023	1. Sekolah Arab Jaim Merlimau Pasir , Jasin 2. Kampung Pulau, Berlimbing Dalam, Durian Tunggul 3. Kampung Gangsa, Durian Tunggul 4. Taman Desa Kesang, Kesang Pajak, Jasin 5. Kampung Ulu Duyung, Bemban	Golongan B40, asnaf, anak yatim dan penduduk sekitar Melaka seperti berikut: 1. Sekolah Arab JAIM Merlimau Pasir , Jasin 2. Kampung Pulau, Berlimbing Dalam, Durian Tunggul 3. Kampung Gangsa, Durian Tunggul 4. Taman Desa Kesang, Kesang Pajak, Jasin 5. Kampung Ulu Duyung, Bemban
6	Program 'Seribun Sumbangan, Seribu Kenangan'	CREATE, HEPA	12/04/2023	Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)	pelajar (B40/ asnaf) terpilih UTeM
7	Program 'Shopping Raya 2023' (PSR 2023).	FTMK	13/04/2023-14/04/2023	SK Jasin, SRA JAIM, Merlimau Pasir SK Bukit Lintang, SK Bukit Cina, SMKA Sharifah Rodziah & SMK Tun Tijah	SK Jasin, SRA JAIM, Merlimau Pasir SK Bukit Lintang, SK Bukit Cina, SMKA Sharifah Rodziah & SMK Tun Tijah
8	Program Anak Yatim Permata Hati (PERHATI)	FTMK	21/05/2023	Pusat Jagaan Kanak-Kanak CERIA	Pusat Jagaan Kanak-Kanak CERIA
9	DCFAC: <i>Deeper Connection with Fantastic Autistic Children</i>	FTMK	06/06/2023	The National Autism Society of Malaysia (NASOM) Melaka	The National Autism Society of Malaysia (NASOM) Melaka

Smart Hydro-Bike Melestarikan Sungai Melaka

Smart Hydro-Bike merupakan inisiatif dan idea yang diketengahkan oleh UTeM untuk memberi kesedaran dalam memulihara sungai dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dan alam sekitar. Selain digunakan untuk aktiviti riadah, konsep unik basikal-hidro mampu membantu dalam proses pembersihan sampah yang terapung dipermukaan air. Basikal ini juga dilengkapi dengan ciri keselamatan seperti peranti untuk mengesan lokasi basikal bertujuan untuk pengumpulan data berasaskan "Internet of Things" (IoT).

Pelaksanaan program Smart Hydro-Bike dalam usaha pembersihan sungai Melaka mendapat kerjasama erat dari Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM). Usaha mengangkat inovasi ini merupakan salah satu pencapaian KPI Flagship 8: Teknologi dan Komunikasi Digital di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035). Selain itu, Smart Hydro-Bike juga menajjar aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals/SDG) yang ke-6 iaitu dalam usaha melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air.

Penganjuran program ini juga adalah selaras dengan inisiatif Melaka Smart City dan mengangkat usaha kolaborasi pelbagai pihak untuk pembangunan negeri Melaka khususnya. Program ini telah mendapat sambutan yang amat baik terutama dari pihak PPSPM, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan juga peringkat sekolah di Negeri Melaka. Majlis Perasmian Smart Hydro-Bike Melestarikan Sungai Melaka Bersama PPSPM telah disempurnakan oleh YB Datuk Fairul Nizam bin Roslan, Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi mewakili YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada 11 Disember 2023 di Dataran Pengkalan Rama, Melaka.

Program Perasmian Smart Hydro-Bike Melestarikan Sungai Melaka ini merupakan kesinambungan daripada program Bengkel Penggunaan Smart Hydro-Bike Bagi Melestarikan Sungai Melaka yang telah dilaksanakan pada 14 Jun 2023 dan Pertandingan Robotik Untuk Menjaga Kelestarian Sungai Melaka yang berlangsung pada bulan Ogos hingga November 2023. Program ini melibatkan Knowledge Transfer Program (KTP) dan Training of Trainer (ToT) dengan penglibatan peserta di kalangan staf serta pelajar UTeM, pelajar sekolah dan juga staf dari PPSPM.

Penganjuran program-program ini juga bertujuan untuk menguji kreativiti dan kebijaksanaan peserta dalam menyelesaikan masalah kebersihan sungai-sungai terutama sungai di Melaka. Ianya juga merupakan salah satu strategi untuk melahirkan teknologis dan jurutera yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa seterusnya dapat mendepani cabaran Revolusi Industri (IR) 4.0. Smart Hydro-Bike mendapat sambutan Kerajaan Negeri Melaka dan telah dilibatkan dalam program Sambutan Tahun Melawat Melaka 2024 & Ambang Tahun Baru 2024 yang telah disempurnakan oleh TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka di Dataran Pengkalan Rama, Melaka.





Bengkel Penggunaan Smart Hydro-Bike Bagi Melestarikan Sungai Melaka



Pertandingan Robotik Untuk Menjaga Kelestarian Sungai Melaka



Perasmian Smart Hydro-Bike Melestarikan Sungai Melaka



Sambutan Tahun Melawat Melaka 2024 & Ambang Tahun Baru 2024



M72

100101001,001

M72

M72

83,3

100101001,001





9.0
Pembangunan Fizikal dan
Pengurusan Prasarana

Pembangunan Fizikal dan Pengurusan

Perancangan dan pembangunan fizikal serta infrastruktur yang komprehensif berkonsepkan pembangunan lestari merupakan fokus utama dalam pembangunan universiti pada masa kini. Perancangan pembangunan yang mampan dengan pengembelian tenaga serta sumber secara efisien mampu mewujudkan persekitaran kampus yang kondusif dan dinamik. Dalam usaha mewujudkan sektor pendidikan tinggi yang inklusif, selamat dan terbuka kepada semua kelompok termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), UTeM telah merancang pelbagai strategi dan inisiatif dalam menyediakan kemudahan fasiliti, infrastruktur serta prasarana terbaik kepada seluruh warga kampus.

Membina Dan Menyiapkan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung dan Terbuka Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan

Nama Kontraktor	Imech Ventures Sdn. Bhd.
Kos Projek	RM 2,945,509.42
Tarikh Mula	10 Mei 2022
Tarikh Siap	17 Mei 2023



Laluan pejalan kaki dari FTMK ke bulatan Laman Hikmah



Laluan pejalan kaki terbuka dan berbumbung dari Kolej Kediaman Satria ke Pusat Kesihatan dan bulatan Masjid



Laluan pejalan kaki dan tangga di Tasik Terbilang

Penyediaan laluan pejalan kaki akan memberikan manfaat kepada warga UTeM terutama para pelajar untuk ke kuliah. lanya penting bagi membantu meningkatkan keselamatan pejalan kaki malah dapat melancarkan pergerakan dan juga aliran kenderaan di atas jalan raya. Sekali gus dapat menjamin keselesaan warga kampus terutama para pelajar untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Membina Jalan Sambungan Bangunan Ko-Kurikulum Ke Kompleks Dewan Kuliah UTeM

Nama Kontraktor	RJ Maju (M) Sdn. Bhd
Kos Projek	RM538,685.00
Tarikh Mula	29 Jun 2022
Tarikh Siap	17 Februari 2023



Jalan sambungan

Pelaksanaan Projek Di Bawah Kendalian Jabatan Kerja Raya (JKR) - Pembinaan Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Nama Kontraktor	Pembinaan Pulau Sebang Sdn. Bhd
Kos Projek	RM72,045,714.51
Tarikh Mula	1 Jun 2020
Tarikh Siap	7 Mei 2023



Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Majlis Pra Penyerahan Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal di antara Pejabat Pengurusan Pembangunan dan kontraktor Pembinaan Pulau Sebang Sdn. Bhd. diadakan pada 8 Mei 2023. Manakala majlis simbolik penyerahan kunci bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal telah diadakan pada 7 Jun 2023 dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Naib Canselor UTeM.

Naik Taraf Kafetaria 3 di Pusat Pengajian Siswazah

Nama Kontraktor	IQ Rezky
Kos Projek	RM70, 900.00
Tarikh Mula	2 Mei 2023
Tarikh Siap	16 Julai 2023



Kafetaria 3

Membina Dan Menyiapkan Satu Bangunan Tambahan di Pusat Kesihatan Universiti

Nama Kontraktor	RP Enterprise
Kos Projek	RM142,017.00
Tarikh Mula	8 November 2022
Tarikh Siap	31 Julai 2023





Bangunan Tambahan PKU (Suci Hama)

Bilik SUCI HAMA berfungsi sebagai:



1. Instrumen/peralatan perubatan:
 - a. Disinfeksi peralatan/instrumen kotor atau kontaminasi
 - b. Sterilisasi instrumen tersebut
 - c. Simpanan- packaging dan storage instrumen bersih
2. Penyimpanan linen bersih

Naiktaraf Galeri Canselori dan Ruang Menunggu Canselori

Nama Kontraktor	Mantera Maintenance & Services
Kos Projek	RM 272, 272.00
Tarikh Mula	2 Mei 2023
Tarikh Siap	31 Ogos 2023



Galeri Canselori



Ruang Menunggu Canselori

Perkhidmatan Pembekalan Dan Pemasangan Arca Kesidang UTeM di Bulatan

Nama Kontraktor	UITM Technoventure Sdn. Bhd.
Kos Projek	RM 315,000.00
Tarikh Mula	3 Ogos 2023
Tarikh Siap	2 November 2023



Arca Kesidang UTeM


Simbolik pemilihan arca binaan bunga kesidang bersadur warna keemasan:

- Sebagai imej mercu tanda dan daya penarik di UTeM .
- Bunga kesidang adalah bunga rasmi negeri Melaka dan bunga rasmi UTeM.
- Bunga emas yang mempunyai nilai yang tinggi.

Binaan arca telah siap sepenuhnya pada 2 November 2023 dengan kerjasama kumpulan penyelidik UTeM dan perunding yang dilantik. Projek ini masih dalam tempoh Tempoh Libiliti Kecacatan (DLP) sehingga 1 November 2024.

Naik Taraf Kawasan Rehat Pelajar dan Gelanggang Terbuka Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK)

Nama Kontraktor	M&E Bina Enterprise
Kos Projek	RM60,006.00
Tarikh Mula	5 September 2023
Tarikh Siap	13 November 2023



Gelanggang Terbuka FTMK

Projek ini telah selesai dilaksanakan pada 13 November 2023. Gelanggang sukan terbuka dan kawasan rehat ini diharapkan dapat merancakkan aktiviti pelajar serta memberikan manfaat kepada seluruh warga FTMK.

Kerja- Kerja Pemasangan Pelantar Kayak

Nama Kontraktor	Kahar Umar Enterprise
Kos Projek	RM42, 780.00
Tarikh Mula	17 Oktober 2023
Tarikh Siap	20 November 2023



Pelantar Kayak

Pemasangan pelantar kayak ini bagi menggantikan pelantar kayak sedia ada yang sudah usang dan tidak selamat digunakan. Dengan penyediaan fasiliti riadah ini ianya secara tidak langsung menggalakkan aktiviti riadah di tasik UTeM dengan penyediaan fasiliti yang selamat serta selesa. Projek telah selesai dilaksanakan pada 20 November 2023.

Kerja-Kerja Pembinaan Longkang dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kampus Induk UTeM

Nama Kontraktor	Gagasan Emas Enterprise
Kos Projek	RM 93,280.00
Tarikh Mula	18 Oktober 2023
Tarikh Siap	21 November 2023




Pembinaan Longkang di Kampus Induk

Projek ini dilaksanakan bagi memastikan sistem perparitan di UTeM, Kampus Induk berfungsi dalam keadaan baik. Kegagalan sistem perparitan untuk pengaliran air akan menjejaskan kemudahan dan aset UTeM. Projek siap lebih awal daripada tempoh kontrak dan siap sepenuhnya pada 21 November 2023.

Pengurusan dan Penyelenggaraan Prasarana


Kecekapan Menyelesaikan Aduan Kerosakan

Bagi memastikan prasarana sentiasa dalam keadaan terbaik maka 88% aduan kerosakan daripada 3,959 aduan kerosakan telah berjaya diselesaikan sepenuhnya sepanjang tahun 2023.




Rajah 24 Penyelesaian Aduan Kerosakan

Rajah 24 menunjukkan aduan kerosakan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 3 hari menggambarkan kecekapan Kumpulan Pengurusan dan Profesional menguruskan penyelenggaraan prasarana di samping kemahiran Kumpulan Pelaksana melaksanakan penyelenggaraan dengan cemerlang.



Rajah 25 Pencapaian Mengikut Tempoh Penyelesaian Aduan



Rajah 26 Pencapaian Penyiapan Aduan Bagi Kategori < 3 Hari

Pengurusan Fasiliti Kampus Teknologi


Pejabat Pengurusan Fasiliti juga menguruskan Kampus Teknologi dengan baik dalam mengendalikan aduan. Sebanyak 737 jumlah aduan telah direkodkan dan 735 jumlah aduan berjaya diselesaikan pada tahun semasa di kesemua bangunan fakulti di sekitar Kampus Teknologi.



Rajah 27 Jumlah Aduan Mengikut PTj Tahun 2023

Pengurusan Fasiliti Kolej Kediaman Satria


Pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti di Kolej Kediaman Satria juga dilaksanakan secara berkala. Rajah di bawah menunjukkan taburan aduan kerosakan mengikut jenis kerosakan pada tahun 2023 di Kolej Kediaman Satria.



Rajah 28 Taburan Aduan Kerosakan Tahun 2023

Pengurusan Kenderaan

Aduan kerosakan kenderaan juga telah diselesaikan dengan baik menerusi Bengkel Panel yang telah dilantik dan secara pembaikan dalaman. Pada tahun 2023 sahaja, sebanyak 691 jenis kerosakan dapat diselesaikan dengan 30.4% daripadanya adalah jenis kerosakan mekanikal dan elektrik.



Rajah 29 Jenis Kerosakan berbanding Jumlah Laporan untuk Tahun 2023


Projek Penyelenggaraan

Sebanyak 68 projek penyelenggaraan sepanjang tahun 2023 yang terdiri daripada Projek Penyelenggaraan Berkala dan Projek Penyelenggaraan secara *One-off*.




Rajah 30 Pecahan Projek Penyelenggaraan

Rajah 30 memaparkan pecahan projek mengikut disiplin dalam Pejabat Pengurusan Fasiliti. Setiap disiplin mempunyai projek penyelenggaraan yang penting sama ada penyelenggaraan berkala atau projek *one-off* yang memberi impak positif kepada kesejahteraan dan keselesaan staf, pelajar dan pelawat UTeM.



Rajah 31 Pecahan Projek Mengikut Disiplin

Pada tahun 2023, sebanyak 95.6% daripada perancangan projek bagi kesemua disiplin di Pejabat Pengurusan Fasiliti berjaya dan sedang dilaksanakan bagi memastikan prasarana sekitar Universiti sentiasa berada dalam keadaan optimum.



Rajah 32 Status Projek

Kerja-kerja Pembaikan Struktur Bumbung Termasuk Kerja Berkaitan Pada Bangunan di Kampus Induk UTeM

Tarikh Mula : 18 April 2023

Tarikh Siap : 17 Julai 2023

Kerja-kerja penggantian struktur penutup bumbung pelbagai jenis termasuk kelengkapan yang berkaitan dengannya pada bangunan:

- i. Pusat Sukan
- ii. Dewan Canselor
- iii. Kafeteria Pelajar 1
- iv. Kafeteria Pelajar 3
- v. Kafeteria Eksekutif
- vi. Kompleks Latihan Pembuatan
- vii. Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik
- viii. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- ix. Arked Lestari, Kolej Kediaman Lestari
- x. Stor Am, Pejabat Pembangunan



Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menyusun Atur Perabot Berasaskan Kayu dan Logam Serta

Tarikh Mula : 21 Julai 2023

Tarikh Siap : 31 Disember 2023

Kerja-kerja membekal, memasang, menyusun atur perabot di bangunan:

- i. Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan
- ii. Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Pembuatan Industri
- iii. Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
- iv. Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik
- v. Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komunikasi
- vi. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- vii. Pusat Pengetahuan Sepanjang Hayat

- viii. Pejabat TNC HEPA
- ix. Pejabat TNC PI
- x. Pejabat Bendahari
- xi. Pejabat Pendaftar
- xii. Bahagian Pengurusan Akademik (Dewan Kuliah)
- xiii. Perpustakaan Laman Hikmah
- xiv. Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi
- xv. Pusat Islam
- xvi. Pejabat Pengurusan Fasilitas



Kerja-Kerja Penggantian Alat Ganti Elektrik, Pembaikan Kerosakan Elektrik Voltan Rendah dan Penyelenggaraan Papan Agihan Voltan Rendah di Kampus Induk UTeM

Tarikh Mula : 14 Julai 2023

Tarikh Siap : 28 Disember 2023

Kerja-kerja ini melibatkan kerja penukaran lampu kepada jenis cekap tenaga LED, penggantian lampu limpah hi-mast, pembaikan kerosakan elektrik dan penyelenggaraan papan agihan di bangunan Stadium UTeM, Perpustakaan Laman Hikmah, Kolej Kediaman Lestari, Dewan Canselor dan beberapa bangunan lain.



Kerja-Kerja Pembaikan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Antara Bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Kafeteria Pelajar 1 dan Bangunan Fakulti Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) di Kampus Induk UTeM

Tarikh Mula : 4 Julai 2023

Tarikh Siap : 20 November 2023

Kerja-kerja penggantian struktur bumbung laluan pejalan kaki termasuk penutup bumbung serta lain-lain kelengkapan yang berkaitan dengannya pada laluan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) ke Kafeteria Pelajar 1 dan Fakulti Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).



Kerja-Kerja Menaiktaraf Lif Sedia Ada (Lift Modernization) Untuk 2 Buah Lif Penumpang Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Perpustakaan Laman Hikmah di Kampus Induk UTeM

Tarikh Mula : 12 Januari 2022


Tarikh Siap : 11 Julai 2023

Kerja-kerja menaiktaraf lif penumpang di bangunan Perpustakaan Laman Hikmah dan Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik merupakan salah satu inisiatif universiti bagi memastikan peralatan lif yang telah melebihi 15 tahun dinaiktaraf kepada lif yang lebih mesra pengguna dan kawalan teknologi yang lebih moden. Projek berjalan dengan lancar mengikut tempoh kontrak dan telah mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.



Operasi Penggunaan Ruang & Peralatan

Bagi memastikan pelbagai majlis di Universiti dilaksanakan dengan baik, staf Pejabat Pengurusan Fasiliti juga terlibat dalam penyediaan dan pelaksanaan majlis dengan memberi sokongan di dalam menyediakan susun atur dan kemudahan seperti bekalan elektrik, hawa dingin, hiasan landskap dan lain-lain peralatan berkaitan. Rajah X menunjukkan sebanyak 1,017 tempahan ruang dan peralatan untuk pelbagai majlis di Universiti sepanjang tahun 2023.



Rajah 33 Tempahan Ruang dan Peralatan



10.0
Gedung Ilmu dan Institusi
Repositori

Gedung Ilmu dan Institusi Repositori

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khususnya dan negara amnya. Perpustakaan Laman Hikmah mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan fasiliti fizikal.

Sehingga Disember 2023, koleksi perpustakaan adalah berjumlah 146,720 judul bahan meningkat berbanding tahun 2022 sebanyak 142,119 yang merangkumi buku, jurnal, majalah, audio visual dan media elektronik. Seiring dengan keperluan pendigitalan semasa, 7 pangkalan data telah dilanggan dan pembelian tambahan 25 judul e-book baharu telah dibeli sebagai memenuhi keperluan pengguna dengan keseluruhan koleksi berjumlah 95 judul. Segala kemudahan fasiliti telah dipelbagaikan dengan mempraktikkan konsep santai serta penganjuran program/aktiviti yang lebih berimpak sesuai dengan kehendak generasi kini.

Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog dalam talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong visi dan misi UTeM.

Perkhidmatan Pengguna

Pengunjung, Pinjaman Bahan & Penggunaan Ruang

Jadual 28 Jumlah Pengunjung, Pinjaman Bahan dan Penggunaan Ruang PLH pada tahun 2023

Kategori	Jumlah
Pengunjung Fizikal	174,380 orang
Pengunjung Maya	310,353 akses
Pinjaman Bahan	5,043 naskah
Penggunaan Ruang	40,887 orang

Pengaksesan Pangkalan Data

Jadual 29 Pengaksesan Pangkalan Data yang dilanggan Perpustakaan Laman Hikmah pada tahun 2023

Senarai Pangkalan Data	Kategori	Jumlah Search	Jumlah Download	Jumlah Search + Download
<i>Science Direct</i>	e-Journal	89,556	953,380	1,042,936
<i>Emerald Insight</i>		21,972	41,971	63,943
<i>IEEE Xplore</i>		51,056	125,601	176,657
<i>ProQuest Dissertations & Theses (PQDT)</i>	e-book	4,026	6,519	10,545
<i>Journal Citation Reports (JCR)</i>	Perkhidmatan	1,835	12,032	13,867
<i>Turnitin</i>			39,066	39,066
<i>Web of Science</i>		14,042	2,650	16,692
Jumlah Akses Keseluruhan		182,487	1,181,219	1,363,706

Kelas Literasi Pengguna

Program Literasi Maklumat (PLM) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengguna bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran maklumat dengan menggunakan secara optimum sumber koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Laman Hikmah. PLM mempunyai 6 modul yang ditawarkan kepada pengguna PLH iaitu:

- i. *Introduction to Library*
- ii. *Information Searching Skills*
- iii. *Literature Search*
- iv. *Open Access*
- v. *Research Support for GRA/RA/SRA*
- vi. *Mendeley*

Jadual 30 Kelas Literasi Pengguna pada tahun 2023

Kategori	Pra Siswazah			Pasca Siswazah			Jumlah
	<i>Literature Search</i>	<i>Introduction To Library</i>	<i>Information Searching Skills</i>	<i>Open Access</i>	<i>Mendeley</i>	<i>Research Support for GRA / RA / SRA</i>	
Kelas	7	20	1	14	18	18	78
Peserta	44	233	1	147	235	211	871

Program Pembudayaan Ilmu

Pada tahun 2023, Perpustakaan Laman Hikmah telah menganjurkan 165 program kepada pengguna yang bercirikan pembudayaan ilmu. Program ini terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu sokongan pengguna, latihan & pembangunan staf dan program bersama komuniti. Penganjuran pelbagai program ini adalah bagi memastikan perpustakaan terus kekal relevan kepada warga universiti dan masyarakat setempat terutama dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang efektif dan efisien kepada pemegang taruh. Antara program berimpak tinggi adalah seperti berikut:

Talkshow@Library

Pada tahun 2023 sebanyak 3 sesi *Talkshow@Library* telah dianjurkan dengan kehadiran peserta daripada UTeM dan luar UTeM seperti organisasi setempat, pelajar sekolah dan sebagainya. Objektif penganjuran *Talkshow@Library* ini adalah untuk memperkasakan hubungan kerjasama antara Perpustakaan Laman Hikmah dengan agensi kerajaan mahupun swasta di samping menjadi pusat rujukan setempat dalam aspek perkongsian maklumat, kepakaran dan khidmat nasihat.



Jadual 31 *Talkshow@Library* yang telah dianjurkan pada tahun 2023

Tajuk	Tarikh	Platform	Kehadiran Peserta
Program <i>Talkshow@PLH</i> & Bicara Amalan Hidup Sihat bertajuk “Menangani Kos Sara Hidup : Kesan dan Solusi”.	21 Mac	Bersemuka / Dalam Talian	220
Program Bulan Membaca: Program Bedah Buku Bersama Y.bhg. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif	31 Mei	Bersemuka / Dalam Talian	97
Bicara Amalan Hidup Sihat Kalau Derma Darah	14 Jun	Bersemuka / Dalam Talian	250


Program Sembang AUTeM @Memori Korporat



Seiring dengan slogan “Memori Korporat: Menelusuri Kecemerlangan dan Kegemilangan UTeM”, Perpustakaan Laman Hikmah telah menganjurkan program Sembang Alumni UTeM @ Memori Korporat, PLH pada 11 Oktober 2023 di Auditorium, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP). Program ini merupakan kerjasama PLH dengan Pusat Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), HEPA.

Matlamat penganjuran program ini adalah untuk merakamkan pengalaman dan pengetahuan ahli panel alumni UTeM yang berkaitan dengan perjalanan, momen, kehidupan yang ditempuhi oleh seorang mahasiswa TVET pada awal penubuhan universiti melalui sejarah lisan. Selain itu, program sebegini dapat mempergiatkan usaha-usaha dan kaedah pengumpulan bahan bersejarah universiti bagi koleksi Memori Korporat UTeM untuk rujukan generasi pada masa hadapan.

Publisher Talk



Publisher Talk merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Perpustakaan Laman Hikmah sebagai salah satu aktiviti bagi menyokong perkhidmatan penyelidikan di UTeM. *Publisher Talk* memberi peluang kepada pihak penerbit untuk berkongsi ilmu, pengalaman, trend semasa, kaedah menghantar manuskrip penerbitan, persediaan kertas penyelidikan, 'best practice research', jurnal bereputasi, SCOPUS 'author profile', 'open access' dan jangkaan masa hadapan berkaitan dengan dunia penyelidikan.

Bagi tahun 2023, 2 *Publisher Talk* telah diadakan secara dalam talian dengan menggunakan platform WEBEX dan Microsoft Team. Penyertaan bagi program tersebut terdiri daripada staf pentadbiran, pelajar dan staf akademik. Penerbit yang terlibat merupakan penerbit yang membekalkan pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan Laman Hikmah.

Jadual 32 Program Publisher Talk tahun 2023

Tajuk	Penceramah	Tarikh	Platform	Jumlah
IEEE Xplore for Technical Research	Alex Liu Yupeng	3 April	Dalam Talian	51
Elsevier : Where to Publish?	Dr. Benny Ang	31 Oktober	Dalam Talian	65

Program Bulan Membaca 2023



Program Bulan Membaca 2023 merupakan aktiviti tahunan yang dijalankan bagi menyokong Dekad Membaca Kebangsaan yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membaca dalam tempoh 10 tahun bermula 2021 hingga 2030. Penganjuran program ini juga adalah antara inisiatif Perpustakaan Laman Hikmah dalam usaha menyokong aktiviti pembacaan ke arah membentuk masyarakat yang berpengetahuan, berilmu dan bermaklumat di kalangan warga universiti. Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah seperti berikut:

Jadual 33 Program Bulan Membaca tahun 2023

Aktiviti	Tarikh	Platform
Program Jom Membaca : Jom Membaca Bersama 10 Minit	18 Mei 2023	Bersemuka
Kuiz Jom Membaca	18 Mei 2023	Dalam talian
Program Bedah Buku Bersama Y.bhg. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif	31 Mei 2023	Bersemuka
Bicara Amalan Hidup Sihat Kalau Derma Darah	14 Jun 2023	Bersemuka
Pertandingan Info <i>Hunt</i>	21 Jun 2023	Bersemuka
Program Iqra Ul-Quran : Pertandingan Bacaan dan Terjemahan	21 Jun 2023	Bersemuka

Program Jalinan Komuniti

Program 'Knowledge Discovery' Pengawas Pusat Sumber Sekolah Negeri Melaka 2023

Pada 20 Julai 2023, Program 'Knowledge Discovery' Pengawas Pusat Sumber Sekolah Negeri Melaka 2023 telah berjaya dilaksanakan. Penganjuran bersama ini melibatkan Perpustakaan Laman Hikmah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan Persatuan Perpustakaan Sekolah-Sekolah Melaka (PUSTAKAM).

Objektif utama program adalah memberi pendedahan dan pengalaman dalam bidang tugas serta asas kemahiran khusus dalam pengurusan perpustakaan/literasi maklumat yang merangkumi peranan perpustakaan, pengurusan perpustakaan dan teknik pencarian maklumat. Peserta terdiri daripada 40 orang Pengawas Pusat Sumber Sekolah Menengah dan 10 guru pengiring setiap sekolah telah terlibat dari sekitar negeri Melaka.

Program Titian Kasih Ramadan



Perpustakaan Laman Hikmah telah menganjurkan program Titian Kasih Ramadan pada 11 April 2023. Objektif utama program ini adalah untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan B40 sekitar Melaka. Sumbangan yang disampaikan adalah berbentuk barangan dapur, barangan keperluan harian dan wang tunai.

Program *Rise Up Together* @ Sekolah Henry Gurney



Program ini merupakan anjuran bersama Perpustakaan Laman Hikmah & Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), Pejabat Hal Ehwal Pelajar Alumni (HEPA), UTeM. Penganjuran bersama program-program universiti ini telah bermula pada tahun 2021. Jalinan kolaborasi yang erat ini diteruskan dengan penganjuran program bersama komuniti di mana kedua-duanya mengambil pendekatan untuk menyebarkan peranan masing-masing bersama komuniti di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Antara objektif penganjuran program ini adalah untuk perkongsian ilmu, inspirasi dan kepimpinan serta menyemai kasih sayang dan prihatin kepada komuniti. Program ini melibatkan seramai 50 orang pelajar Sekolah Henry Gurney yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 21 tahun. Turut hadir adalah 13 orang pelajar UTeM yang terdiri daripada Kelab Sahabat Perpustakaan Laman Hikmah. Antara pengisian program ini adalah 2 talk show yang bertajuk 'Nak Berniaga? Kacang Jerr.' dan 'Hujung Jari Pun Boleh Berniaga...' yang disampaikan oleh alumni UTeM sendiri.

Anugerah dan Pencapaian

Johan Anugerah Persuratan Selatan 2023



Pada 24 Jun 2023 melalui Majlis Penyampaian Anugerah Persuratan Selatan bersempena dengan sambutan Ulang Tahun DBP ke-67 bertempat di Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor. Anugerah ini mengiktiraf karya dan karyawan Johor dan Melaka yang bergiat dalam seni persuratan serta memberi sumbangan dalam bidang persuratan Melayu. Penerbitan yang dicalonkan merupakan karya yang telah dihasilkan pada tahun 2021 dan 2022.

Anugerah Persuratan Selatan dilaksanakan secara dwitahunan bagi memberi peluang di Wilayah Selatan khususnya Johor dan Melaka untuk mencalonkan karya masing-masing. Anugerah ini telah mengiktiraf karya yang terbaik untuk dijadikan rujukan dan bacaan kepada masyarakat seterusnya menyebarkan kandungan persuratan Melayu. Antara kategori yang telah dipertandingkan adalah novel terbaik, kumpulan cerpen terbaik, kumpulan puisi terbaik, buku kanak-kanak bergambar terbaik, skrip drama pentas terbaik, laporan tahunan jabatan terbaik, majalah sekolah terbaik dan buletin jabatan terbaik.

Melalui penganjuran Anugerah Persuratan Selatan ini, Perpustakaan Laman Hikmah berharap dapat meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan, menggalakkan penerbitan karya yang bermutu dan memasyarakatkan bidang persuratan khususnya warga kerja kami di samping memberikan pengiktirafan kepada pengkarya untuk menghasilkan karya yang bernilai dan bermutu tinggi.

Serambi Ilmu Rakyat (SIR) Corner



Perpustakaan Laman Hikmah telah menerima sudut khas, Perpustakaan Digital Serambi Ilmu Rakyat atau lebih dikenali dengan nama SIR Corner dari Bank Rakyat Pada 27 Januari 2023. Objektif SIR Corner adalah untuk memberikan manfaat kepada seluruh pengguna perpustakaan dalam mendapatkan maklumat terkini serta bahan bacaan ilmiah secara digital dapat meningkatkan carian ilmu tanpa sempadan serta sebagai alternatif kepada pelajar untuk mencari sumber rujukan dalam penghasilan tesis atau tugas yang diberikan sepanjang tempoh pengajian.

Inisiatif ini menjadi salah satu medan pemerkasaan pendidikan dalam merealisasikan visi Yayasan Bank Rakyat yang berteraskan pendidikan serta akan menjadi kelebihan buat Yayasan Bank Rakyat berbanding yayasan lain.

Penyerahan rasmi telah diadakan pada satu majlis yang telah dirasmikan oleh Profesor Ts. Dr. Masila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM serta dihadiri Encik Syaiful Rizal bin Abdul Ghani, Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat. Sudut ini merupakan satu sokongan melalui Projek Khidmat Komuniti (CSR) dari Yayasan Bank Rakyat dalam bentuk Perpustakaan Digital Bank Rakyat. Lebih 100 ribu koleksi digital boleh diakses secara percuma melalui 7 pangkalan data yang merangkumi subjek seperti perniagaan, ekonomi, kewangan dan lain-lain serta bacaan umum. Yayasan Bank Rakyat juga turut menyumbang set perabot beserta 2 komputer dengan nilai anggaran RM15,000.00 yang telah ditempatkan di Perpustakaan Laman Hikmah di kedua-dua kampus.

Penyertaan Perpustakaan Laman Hikmah dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Kumpulan PLH Variant



Kumpulan PLH Variant telah berjaya menerima penarafan emas dalam penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Malaysia 2022 *Road To Beijing Siri 2 : ICQCC 2023* yang telah berlangsung pada 20 – 21 Mac 2023 bertempat di Hotel Swiss-Garden Bukit Bintang, Kuala Lumpur anjuran QKM Consults Sdn. Bhd.



11.0
**Pengurusan Infrastruktur &
Infostruktur ICT dan Analitik
Data Raya**


Pengurusan Infrastruktur & Infostruktur ICT dan Analitik Data Raya

Pejabat Ketua Pegawai Digital/ *Chief Digital Office* (CDO) bertanggungjawab untuk merancang, menyelia pembangunan dan pelaksanaan strategi teknologi pendigitalan di UTeM, serta memastikan operasi pendigitalan ICT (Aplikasi Sistem & Infrastruktur ICT/Internet) berjalan lancar dan selamat dalam mencapai wawasan “Kampus Pintar”.

Proses transformasi pendigitalan “Kampus Pintar” berhasrat untuk memastikan akses kepada infrastruktur dan infostruktur digital yang berpatutan, boleh dipercayai, mampan, berterusan dan bersepadu untuk semua. Proses ini juga melibatkan pengukuhan hub data raya berpusat yang menyokong kampus pintar dan IR 4.0 dalam membuat keputusan strategik berasaskan data.

Pejabat CDO dengan 2 Pusat Berkuasa Universiti, menggalas tanggungjawab dalam memacu transformasi, inovasi dan kecekapan melalui penggunaan teknologi digital. Sebagai peneraju pasukan transformasi pendigitalan UTeM, usaha ke arah matlamat untuk menyampaikan produk/ perkhidmatan yang berkualiti tinggi sangat dititik beratkan dan dirancang dengan berstruktur.

Peranan Pejabat CDO dapat digambarkan melalui carta organisasi di bawah:




Rajah 34 Carta Organisasi Pejabat Ketua Pegawai Digital

CDO menerajui Pelan Strategik Pendigitalan UTeM 2023-2025. Berikut adalah ‘Road Map’ yang telah dirangka:



Rajah 35 Hala Tuju Pendigitalan UTeM

Selaras dengan Halatuju Pendigitalan, berikut diringkaskan Halatuju Aplikasi UTeM yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat CDO:




Rajah 36 Hala Tuju Aplikasi UTeM

Bahagian Infrastruktur ICT

Bahagian Infrastruktur ICT, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksana dan menyelenggara rangkaian setempat, internet dan intranet universiti serta rangkaian luar kampus. Bahagian tersebut menyalurkan maklumat sekiranya terdapat ancaman yang boleh menyebabkan gangguan terhadap keselamatan ICT dan pengoperasian serta pembelajaran di UTeM.

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelidikan dan pengujian perkakasan, gajet dan sistem operasi terbaharu bagi memastikan pengalaman pengguna (end user experience) yang membawa peralatan sendiri *Bring Your Own Device* (BYOD) untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan kecekapan pentadbiran dapat dilaksanakan.

BILANGAN KESELURUHAN PROJEK INFRASTRUKTUR



Rajah 37 Pencapaian Infrastruktur ICT, PPPK pada tahun 2023

Sejumlah 237 projek telah dipertanggungjawabkan untuk dilaksanakan. Sehingga Disember 2023, sebanyak 214 (90%) projek dapat diselesaikan dengan sempurna. Antara projek yang memberi impak kepada UTeM adalah:

Pencapaian Infrastruktur ICT

Peningkatan Kapasiti Internet

(Fasa 2: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)

- Peningkatan kapasiti internet kepada 10Gbps (Kampus Induk) dan 3Gbps (Kampus Teknologi) memberi kesan yang baik terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian bagi penyampaian secara teradun (*blended learning*), Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*), *micro-credential* dan mod pembelajaran jarak jauh seperti pembelajaran sistem anjal.
- Peningkatan kualiti capaian internet daripada *Shared Bandwidth* (Unifi) kepada *Dedicated Bandwidth* (*Direct Internet Access*) membantu proses penyelidikan secara kolaboratif menerusi platform maya bagi projek-projek penyelidikan di UTeM.
- Pengemaskinian Infrastruktur ICT berdasarkan Penstrukturan Fakulti telah melengkapkan keperluan *network switches, access point, CCTV dan access door*.

Simulasi Bencana Dan Pemulihan Perkhidmatan ICT UTeM 2023

(Fasa 2: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)


Simulasi Bencana dan Pemulihan Perkhidmatan ICT telah dilaksanakan pada 25 November 2023 bersamaan hari Sabtu. Aktiviti simulasi Pelan Pemulihan Bencana (PPB) telah berjaya dalam tempoh **4 Jam 45 Minit** secara keseluruhan. Semua sistem terlibat telah disahkan integritinya oleh semua pemilik data apabila capaian aplikasi, sistem-sistem utama, Laman Web Universiti dan pangkalan data utama UTeM meliputi *virtual server* dan rangkaian setempat UTeM, berjaya dipulihkan.

Bahagian Infostruktur ICT

Bahagian Infostruktur bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara aplikasi sistem dalam menuju *UTeM Smart Campus*. Aplikasi sistem yang dibangun dan diselenggara bagi memastikan operasi pentadbiran staf, pengurusan hal ehwal pelajar, pengurusan PdP dan lain-lain dapat mencapai automasi yang maksimum ke arah transformasi pendigitalan sepenuhnya.

Sejumlah 260 projek telah dipertanggungjawabkan untuk dilaksanakan. Sehingga Disember 2023, sebanyak 214 (82%) projek dapat diselesaikan dengan sempurna. Antara projek yang memberi impak kepada UTeM adalah:

**Bilangan Keseluruhan Projek
Infostruktur ICT**



Rajah 38 Jumlah Projek Infrastruktur ICT

Pencapaian Infostruktur ICT

(Fasa 1, 4 & 5: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)

Sebanyak 24 sistem/ modul untuk pelbagai keperluan Universiti, telah dibangunkan oleh Bahagian Infostruktur ICT sepanjang tahun 2023:

Jadual 34 Senarai sistem/ modul yang telah pada tahun 2023

Bil.	Projek	Diskripsi
1.	<i>Research Proposal Defence</i> (e-RPD)	Calon pelajar penyelidikan pasca siswazah menyediakan proposal penyelidikan Semakan dan pengesahan online Dashboard e-RPD
2.	Modul Pengijazahan (SPSH)	Penetapan syarat pengijazahan, proses pengijazahan dan penajaan transkrip pelajar
3.	Penstrukturan Fakulti Baharu	Pengemaskinian laman web FTKE, FTKEK, FTKM dan FTKIP Migrasi data bagi SMP/SMPS/SPSH Migrasi Laporan (SMP)
4.	MyTALENT (Kumpulan P&P)	Penetapan kamus kompetensi, Penilaian kompetensi staf serta <i>dashboard</i> kompetensi staf
5.	Pengemaskinian Maklumat Staf (Kendiri)	Permohonan dan pengesahan pengemaskinian maklumat staf secara online
6.	Portal UICIS	Portal bersepadu pengurusan maklumat Visa/ Passport/ Insurans, pemantauan status pelajar antarabangsa dan pengurusan proses Personal Bond
7.	Jemputan Majlis Konvokesyen (QR Code)	Jemputan Ibu Bapa/Penjaga Majlis Konvokesyen UTeM Jemputan VIP Majlis Makan Malam Konvokesyen
8.	Pelajar Laluan Terbuka	Pendaftaran pelajar laluan terbuka bermula sesi 1-2023/2024. Jumlah Pelajar : 15 orang
9.	Dashboard e-VIVA (SMPS)	Maklumat Statistik Keputusan VIVA, Statistik status VIVA dan Progress VIVA Mudah, pantas dan berinformasi pemantauan lebih efektif
10.	Dashboard SMSM	Maklumat Profile Asas, Cuti, CPD, Isytihar Harta, Kehadiran, Prestasi dan Dokumen Mudah, pantas dan berinformasi
11.	SSO <i>Student Admission</i>	Sistem Pengambilan pelajar secara berpusat Pendaftaran ejen secara berpusat
12.	BEM <i>President Award</i>	Penilaian dan pemilihan penerima Anugerah BEM President Award dilaksanakan secara dalam talian Anugerah baharu disampaikan di Majlis Konvokesyen UTeM ke-19
13.	<i>Staff Directory</i>	Sumber rujukan utama yang memaparkan maklumat untuk menghubungi staf
14.	<i>Password Hint</i>	Pengguna mendapatkan katalaluan dengan menjawab dua (2) soalan Katalaluan dihantar melalui emel bagi keselamatan data

Bil.	Projek	Diskripsi
15.	<i>Early Warning Notification</i>	Kedudukan Penyata Akaun Pelajar Pelajar Hampir Tamat Tempoh (Pasca Siswazah) Kedudukan Mata CPD Staf
16.	MyMoheS	Penarafan lima (5) bintang bagi penilaian data 2022 Selesai 100% penghantaran data 2023 (staf, pelajar, penyelidikan dan institusi)
17.	Notifikasi Ucapan Selamat Hari Lahir Staf	Notifikasi emel ucapan selamat hari lahir kepada warga universiti bagi menghargai staf
18.	<i>Student Search</i>	Carian maklumat pelajar bersepadu, mudah dan pantas Informasi Profail Asas, Pengajian, Penasihat Akademik/ Penyelia dan Penjaga/Rujukan Kecemasan
19.	Pengemaskinian Penyata Akaun Pelajar (<i>Real-time</i>)	Carian maklumat pelajar bersepadu, mudah dan pantas Informasi Profail Asas, Pengajian, Penasihat Akademik/ Penyelia dan Penjaga/ Rujukan Kecemasan
20.	Permohonan <i>Intellectual Property</i> (IP)	Kaedah pembayaran melalui FPX atau MiGS Kedudukan penyata akaun pelajar dikemaskini secara <i>real-time</i>
21.	Penarafan Laman Web PTJ 2023	Penilaian dan penarafan laman web PTJ bagi tahun 2023
22.	Laman Web Baharu	Pejabat Audit Dalam RICE & DeRantau iUTeMEX Le Tour IPT (LTDIPT) Karnival Bulan Bahasa Kebangsaan
23.	Akaun Pelajar	Integrasi PTPTN-RHB Pengkreditan PTPTN ke akaun RHB peminjam PTPTN dilaksanakan pada 24 Mac 2023
24.	Modul Markah & Keputusan	Kemasukan markah secara terperinci berdasarkan penetapan/ penilaian di mesyuarat fakulti keputusan pelajar Proses iPO untuk penghasilan laporan iPO untuk keperluan OBE

Pengurusan Perkhidmatan ICT

(Fasa 1, 4 & 5: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)

Bahagian ini bertanggungjawab dalam menyediakan program latihan dan kandungan latihan yang berkaitan ICT dan memantapkan piawaian dalaman ICT dengan menyelaraskan pelaksanaan Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) di UTeM.




Rajah 39 Peranan Pengurusan Perubahan ICT

Latihan / Kursus ICT 2023

Dengan infrastruktur yang lengkap di Bangunan Pejabat Ketua Pegawai Digital sendiri, kami juga menyediakan premis latihan untuk disewa oleh pelbagai agensi. Oleh itu, pada tahun 2023, sebanyak RM21,950.00 telah berjaya diperolehi sebagai sumber penajaan.

Sebagai salah satu langkah memperkasa kompetensi untuk meningkatkan produktiviti serta kecekapan pentadbiran terutamanya dalam bidang ICT, modul latihan/ kursus berikut telah ditawarkan pada tahun 2023:



Rajah 40 Senarai Kursus ICT yang telah dilaksanakan pada tahun 2023

Bahagian Sistem Integrasi dan Inovasi


(Fasa 1, 4, 5 & 6: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)

Bahagian Sistem Integrasi dan Inovasi (IIS) ini menyediakan dasar dan penyelesaian penyepaduan sistem aplikasi yang dibangunkan pihak luar atau pihak ketiga dengan aplikasi perdana UTeM. Pada tahun 2023, IIS telah mula melaksanakan:

Projek Rintis Kampus Pintar dan Dinamik

(Fasa 6: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)

Selaras dengan pelan strategik UTeM 2023-2025 menerusi teras strategik ke-4 (Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti), Pejabat CDO merangka strategi baru untuk menjayakan agenda transformasi digital di UTeM. Strategi ini merangkumi beberapa fasa. Enam (6) Projek utama telah bermula sejak Oktober 2022 di mana projek tersebut diletakkan di bawah kawal selia IIS untuk memastikan projek berjaya dimanfaatkan oleh semua warga universiti. Integrasi dengan sistem perdana yang terdapat di UTeM melalui 6 projek kampus pintar ini adalah:



Rajah 41 Integrasi 6 Projek Kampus Pintar dengan Sistem Perdana Universiti

Pusat Perkhidmatan Data Raya dan Analitik (PADtRioT)

Pusat Perkhidmatan Data Raya & Analitik atau singkatannya PADtRioT, adalah sebuah Pusat Berkuasa Universiti di bawah Pejabat CDO. Mempunyai fungsi utama dalam mengurus pendigitalan data, pengumpulan data raya, analisis data bagi kemunculan teknologi baharu agar dapat meningkatkan keupayaan UTeM dalam menyokong dan menyediakan perkhidmatan ICT.

Terdapat tiga bahagian di bawah PADtRioT iaitu Bahagian Analitik yang bertanggungjawab untuk memanfaatkan analitik data yang memacu proses membuat keputusan dalam universiti, Bahagian Repositori yang menerajui pendigitalan repositori dan rekod pentadbiran universiti untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan pengurusan dokumen, dan Bahagian Apps dan IoT yang memfokuskan kepada pembangunan aplikasi dan penyelesaian IoT yang meningkatkan kesalinghubungan dan keselesaan komuniti universiti.

Pencapaian PADtRIoT 2023

(Fasa 3, 4 & 6: Hala Tuju Pendigitalan UTeM)

Sebanyak 15 sistem / modul untuk pelbagai keperluan Universiti, telah dibangunkan sepanjang tahun 2023:


Jadual 35 Senarai Sistem / Modul Bagi Tahun 2023

Bil.	Projek	Diskripsi
Bahagian Analitik		
1.	Dashboard Analisa Tenaga CENSEi	Membangunkan dashboard komprehensif untuk memantau dan mengoptimumkan penggunaan tenaga di seluruh kampus.
2.	Dashboard Kemajuan Pelan Strategik Universiti	Menjejak dan memvisualisasikan kemajuan pelan strategik universiti, memastikan keselarasan dengan matlamat jangka panjang universiti.
3.	Dashboard MyRA Fasa 2	Dashboard MyRA menawarkan perspektif menyeluruh tentang landskap penyelidikan universiti, membolehkan pengurusan yang lebih baik dalam aktiviti penyelidikan.
4.	Modul Trek dan Wajaran Kepimpinan (ePPTA)	Pertambaham modul bagi penilaian tahunan staf akademik.
5.	Modul Pengumpulan Data (ePPTA)	Modul pengumpulan data daripada staf akademik untuk pengumpulan mata ePPTA.
Bahagian Repositori		
6.	eThesis	Sistem pengumpulan laporan akhir PSM pelajar meliputi penyerahan digital, mengarkib, dan tesis dan disertasi, dan memperkemas proses repositori akademik untuk Laman Hikmah.
7.	myMesyuarat	Melaksanakan platform digital untuk mengatur dan menguruskan mesyuarat, meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyimpanan rekod.
Bahagian Apps dan IoT		
8.	Modul myUTeM: <i>myProfile</i>	Paparan maklumat staf merangkumi maklumat peribadi, penempatan, perjawatan, cuti, gaji, klinik panel).
9.	Modul myUTeM: eCuti	Permohonan cuti staf tetap dan kontrak merangkumi permohonan cuti, paparan cuti, pembatalan cuti, sokongan eMel.
10.	Modul myUTeM: <i>Reset Kata Laluan</i>	Penukaran kata laluan melibatkan Portal, Domain – Wifi, PC & email.
11.	Modul myUTeM: ePembayaran	Transaksi FPX & Kad Debit/Kredit online merangkumi pembayaran hutang dan yuran Pelajar – Pra Siswazah, Saman/denda, Sumbangan).

Bil.	Projek	Diskripsi
12.	Modul myUTeM: Pascasiswazah	Modul baru merangkumi penyata akaun dan paparan pendaftaran kursus).
13.	Naik taraf platform myUTeM	Dari platform Xamarin Form ke NET MAUI. Penambahbaikan modul sedia ada, pertambahan modul baru & perpindahan/migrasi UTeM <i>Panic Button</i> .
14.	Sistem & Modul Majlis Konvokesyen myUTeM	Sistem jemputan VIP (QR Code), sistem dan aplikasi myUTeM merekod kehadiran VIP & Ibu Bapa, semakan kenderaan.
15.	Penyediaan Sistem-sistem lain	Pendaftaran & Penjurian Mini INOTEK 2023, Penjurian IDEX 2023, Tempahan dan Pembayaran Tiket Ops Pulang Beraya, Pendaftaran Le Tour De IPT, Pendaftaran IDAD 2023, Pendaftaran & Juri INOTEK 2023



12.0
**Kecemerlangan Mahasiswa &
Pemeriksaan Holistik**




Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan

Anjakan RICE UTeM-Melaka

Persatuan Pelajar merupakan pertubuhan kumpulan pelajar dalam bentuk kelab, persatuan, sekretariat, jawatankuasa kediaman pelajar atau apa-apa jua nama ia disebut yang diluluskan dan didaftarkan penubuhannya di UTeM. Tujuan menubuhkan sesuatu Persatuan adalah untuk:

- menerapkan keupayaan dan kebolehan pelajar UTeM sebagai TUAH UTeM yang profesional, kompeten, beretika, ihsan dan daya juang yang tinggi berasaskan 8 Dimensi TUAH;
- Menjalankan aktiviti untuk melahirkan graduan yang profesional dan beretika dengan meningkatkan kompetensi dan kecemerlangan sahsiah serta kebolehpasaran graduan;
- Sebagai sebuah medium kolaborasi antara pelajar sesama pelajar, pelajar dengan komuniti serta masyarakat; dan
- Menjaga kepentingan dan kebajikan ahli.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 103 Persatuan Pelajar telah didaftarkan mengikut 8 Dimensi TUAH seperti dalam **Rajah 42** di bawah.



Rajah 42 Persatuan Pelajar Berdaftar Mengikut Dimensi TUAH

Program Mengikut Lapan Dimensi Tahun 2023 (Januari – Disember)

Sepanjang Januari hingga Disember 2023, sebanyak 1940 program berteraskan dimensi telah dianjurkan dan disertai oleh pelajar UTeM. Bilangan program mengikut pecahan dimensi adalah seperti berikut:

Jadual 36 Bilangan Program Mengikut Pecahan Dimensi

Dimensi	Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Jumlah
Akademik dan Kerjaya	28	103	26	83	240
Etika dan Kerohanian	15	50	13	46	124
Kebudayaan dan Identiti Nasional	10	50	9	22	91
Keusahawanan	36	33	24	37	130
Pengurusan dan Kepimpinan	12	63	16	62	153
Sukan dan Rekreasi	15	27	10	52	104
Sukarelawan	2	7	8	13	30
Teknikal dan Inovasi	22	31	30	15	98
Jumlah	280	728	272	660	1,940


Inisiatif Berimpak Kebajikan TUAH

Tahun 2023 – Kesenambungan Tahun Kebajikan Pelajar

UTeM terus menjadikan kebajikan pelajar sebagai agenda utama Universiti di mana Tahun 2023 dinobatkan sebagai Tahun Keupayaan, Kebajikan dan Kesejahteraan (3K) TUAH UTeM yang melibatkan keseluruhan kategori pelajar aktif di dalam dan luar kampus.

Berdasarkan demografi pelajar UTeM, seramai 10,587 orang pelajar atau 60.6% daripada jumlah keseluruhan demografi pelajar di Universiti ini merupakan pelajar dalam Kumpulan B40.


STATISTIK PENDAPATAN ISIRUMAH KESELURUHAN
PELAJAR TAHUN 2023 (10,587 PELAJAR)



Rajah 43 Statistik Pendapatan Isirumah Keseluruhan Pelajar Tahun 2023

Daripada demografi yang dinyatakan di atas, seramai 6,418 (60.6%) orang pelajar merupakan pelajar yang tergolong dalam kategori B40 iaitu julat pendapatan isi rumah adalah di bawah RM4,850.00 dan seramai 1,216 (11.5%) orang pelajar merupakan pelajar yang tergolong dalam kategori asnaf yang berpendapatan isi keluarga berada di bawah RM1,169.00.


Data demografi pelajar B40 UTeM juga telah diperincikan berdasarkan negeri asal pelajar masing-masing. Menerusi pendekatan ini, Pejabat HEPA UTeM berupaya merangka strategi berimpak bagi mendapatkan sumbangan dari pelbagai pihak mahupun agensi terutama Pusat Zakat Negeri, Yayasan Negeri terbabit juga dari sumber Tabung Kewangan dalaman yang telah diperuntukkan bagi tujuan kebajikan pelajar.



Rajah 44 Demografi Keseluruhan Pelajar B40 Berdasarkan Negeri


Tahun Kebajikan pelajar membawa maksud inisiatif secara holistik merangkumi aspek kebajikan dalam bentuk bantuan kewangan, barangan sumbangan mahupun secara in-kind kepada pelajar UTeM sepanjang tempoh pengajian mereka. Unit Kebajikan pelajar telah mengenalpasti keperluan pelajar terutama masalah kewangan terutama pembiayaan yuran pengajian, perbelanjaan harian serta khairat kemalangan dan kematian. Peningkatan kos sara hidup semasa juga turut memberi kesan kepada pelajar dalam menjalani kehidupan harian dan perlu ditangani dengan sebaik mungkin agar tidak menjejaskan fokus pelajar sepanjang pengajian mereka.

Pejabat HEPA telah menerima pelbagai inisiatif bantuan hasil sumbangan pelbagai agensi Kerajaan, swasta, korporat mahupun individu dermawan. Secara keseluruhannya, pada tahun 2023, UTeM telah menerima dana sumbangan zakat dan bantuan siswa siswi UTeM sebanyak RM900,000.00 melibatkan seramai 1,800 orang pelajar asnaf melalui Lembaga Tabung Haji (RM600,000.00) dan beberapa syarikat dan agensi seperti di bawah:



Rajah 45 Jumlah Keseluruhan Terimaan Zakat RM 900,000.00

PENERIMA ZAKAT (BERDASARKAN JANTINA -KESELURUHAN 3164 PELAJAR)



Rajah 46 Penerima Zakat Berdasarkan Jantina Keseluruhan 3,164 Pelajar

Daripada jumlah sumbangan ini, seramai 3,164 orang pelajar telah menerima bantuan zakat dan bantuan pelajaran pada tahun 2023. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) turut memberi sumbangan dalam bentuk *in-kind* berjumlah RM10,000.00. Sumbangan berbentuk *in-kind* daripada pelbagai agensi ini juga turut digunakan untuk menampung inisiatif Food Bank Siswa UTeM, yang telah diagihkan secara berperingkat kepada pelajar yang memerlukan.

Statistik Bantuan Tahun 2023

Selain itu, siswa siswi TUAH UTeM turut menerima bantuan kewangan Pinjaman Jangka Pendek (PJP) yang mana pada tahun 2023, seramai 148 pelajar telah menerima manfaat daripada pinjaman ini melibatkan jumlah bernilai RM65,480.00.

Jadual 37 Perbandingan Pinjaman Jangka Pendek Tahun 2022 & 2023


JENIS BANTUAN TAHUN 2023	JUMLAH PELAJAR	
	2022	2023
Pinjaman Jangka Pendek	142	148
JUMLAH KESELURUHAN	RM64,650.00	RM65,480.00

Tabung Khairat Pelajar UTeM telah diperkenalkan bagi membantu pelajar yang ditimpa musibah seperti kemalangan, bencana alam, kematian ibu/bapa/pasangan/anak, bantuan rawatan perubatan dan kes-kes khas tertakluk kepada kelulusan. Pada tahun 2023, sejumlah RM37,705.00 bantuan khairat pelajar UTeM telah disediakan hasil daripada kutipan yuran khairat pelajar sebanyak RM10.00 yang dikenakan ke atas pelajar bagi setiap semester. Berikut adalah prestasi perbandingan agihan peruntukan bantuan Tabung Khairat Pelajar pada tahun 2023:

Food Bank Siswa UTeM (Bantuan Bekalan Makanan)

Inisiatif Food Bank Siswa diteruskan bagi membantu keperluan siswa siswi UTeM termasuk pelajar yang tinggal di dalam dan luar kampus. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) telah menyumbang sebanyak 250 pek makanan berjumlah RM10,000.00. Seramai 655 orang pelajar yang mendiami kolej kediaman dalam kampus dan luar kampus telah menerima manfaat sumbangan ini sepanjang tahun 2023.

PENERIMA SUMBANGAN FOODBANK BAGI KOLEJ KEDIAMAN DAN PENEMPATAN LUAR



Rajah 47 Penerima Sumbangan Foodbank Bagi Kolej Kediaman dan Penempatan Luar

Biasiswa Penajaan Pengajian

Program Anak Emas

UTeM amat prihatin membantu masyarakat terutama golongan pelajar yang cemerlang dalam pendidikan tetapi tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Program Anak Emas merupakan inisiatif UTeM dalam memberi peluang kepada pelajar cemerlang daripada keluarga tidak bernasib baik untuk melanjutkan pengajian di UTeM dengan kos pembiayaan pengajian ditanggung oleh Yayasan Tun Canselor. Bermula dari Tahun 2022, sehingga kini UTeM telah menaja seramai 6 orang pelajar untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan.

Jadual 38 Senarai Pelajar Program Anak Emas UTeM

	Nama Penuh	Fakulti	Peringkat Pengajian
1	Siti Fatimah Binti Abdullah (Negeri Sembilan)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwan	Ijazah Sarjana Muda
2	Nurul Syafiqah Iwani Binti Nor Hasyimi (Johor)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Ijazah Sarjana Muda
3	Rohana (Kuala Lumpur)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Diploma
4	Nur Nabilah Binti Zainuddin	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Diploma
5	Nurul Syazarina Binti Zulkifli	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Diploma
6	Yasmine Safieeya Binti Abdul Manan	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Diploma

Misi Sukarelawan UTeM

1. Misi Bantuan Pasca Banjir Negeri Kelantan

Tarikh: 1 & 2 Januari 2023

Bantuan: Penyerahan Sumbangan Makanan sebanyak 200 pek makanan (Bakul Rahmah KPT). Misi ini telah dijayakan oleh Pejabat HEPA, Pusat Islam, UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB), Pejabat Pendaftar serta sumbangan dari unit dalaman UTeM.

2. Misi Bantuan Pasca Banjir Kota Tinggi, Johor 2023

Tarikh: 3 & 4 Februari 2023

Lokasi: Kolej Komuniti Kota Tinggi, Johor

Bilangan Sukarelawan: 20 staf

Bantuan: Penyerahan Sumbangan Makanan sebanyak 200 pek makanan (Bakul Rahmah KPT) serta sumbangan wang tunai sebanyak RM5,000.00. Misi ini telah dijayakan oleh Pejabat HEPA, Pusat Islam, UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB), Pejabat Pendaftar serta sumbangan dari unit dalaman UTeM.

3. Misi Sukarelawan Bantuan Pasca Banjir UTeM Bukit Gambir, Johor

Tarikh: 6 Mac 2023

4. Misi Sukarelawan Bantuan Pasca Banjir UTeM Kota Tinggi, Johor

Tarikh: 7 Mac

Lokasi: Tenggara, Kota Tinggi

Bilangan Sukarelawan: 18 pelajar dan 15 staf

Bantuan: Penyerahan Sumbangan Makanan sebanyak 200 pek makanan (Bakul Rahmah KPT) dan pembersihan di surau lokaliti tempatan.



5. Misi Bantuan Pasca Banjir Johor 2023

Tarikh: 16 Mac 2023

Lokasi: Parit Sulong, 2 Pusat Perpindahan Sementara (PPS) dan 3 rumah di Seri Medan

Bilangan Sukarelawan: 10 staf, 25 pelajar

Bantuan: UTeM telah menyerahkan sumbangan Bakul Rahmah KPT sebanyak 240 pek kepada komuniti setempat. Kerja-kerja pembersihan melibatkan 3 buah rumah serta penyerahan peralatan elektrik (mentol kalimantang dan starter) kepada pihak Surau Seri Medan telah dilaksanakan dengan jayanya. Misi ini telah dijayakan oleh Pejabat HEPA dengan kerjasama UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB), Unit Elektrik PPF UTeM, MASKUM, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dan TUAH Volunteer Team (TVT).



6. Program Semarak Madani, Negeri Sembilan

Tarikh: 24 Julai 2023

Lokasi: Kg. Panchur, Negeri Sembilan

Bilangan Sukarelawan:

Aktiviti:

- Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Penghawa Dingin
- Waste to Wealth (W2W) Knowledge Transfer Program
- Pengujian dan Pembaikan Pendawaian Elektrik
- Servis Asas Motorsikal

7. Program Semarak Madani, Johor

Tarikh: 7 September 2023

Lokasi: Simpang Jeram dan Perling

Bilangan Sukarelawan:

Aktiviti:

Simpang Jeram

- Waste to Wealth (W2W) Knowledge Transfer Program
- Servis Asas Motorsikal

Perling

- Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Penghawa Dingin
- Pengujian dan Pembaikan Pendawaian Elektrik

Program Semarak MADANI



Program Keusahawanan Pelajar

Job On Campus

Program Peluang Kerja @ CREATE (PEKA@CREATE) atau *Job On Campus* (JoC) khususnya kepada pelajar B40 dan asnaf merupakan antara agenda utama CREATE, HEPA dalam membantu pelajar mencari pengalaman dan mendapatkan duit tambahan melalui kerja separuh masa di dalam kampus. Antara program JoC adalah:

Nescafe Youth Entrepreneurship Programme

Program ini adalah untuk merangsang budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar serta memperkasakan lagi peserta dengan pengalaman perniagaan yang sebenar (real-world business experience). Program ini telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelajar dengan penyertaan seramai 25 orang peringkat awal dan pengurusan utama dalam kalangan pelajar 12 orang. Melalui program ini, pelajar telah diberikan latihan oleh pihak Nescafe dan peserta yang terlibat akan menguruskan pengoperasian Kiosk Nescafe di Kolej Kediaman Satria.



Kumpulan Pertama Pengurusan NYEP 2022/2023



Poster Program Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP 2022)

Program Bank Rakyat *UNIprenneur 3.0*

Program Bank Rakyat UNIprenneur 3.0 diteruskan lagi dengan penglibatan seramai 20 orang pelajar. Melalui program ini, sumbangan dana berjumlah RM 3,000.00 bagi seorang pelajar diberikan oleh Bank Rakyat sebagai suntikan bagi permulaan perniagaan. Pada tahun 2022, seramai 33 orang pelajar UTeM terpilih dengan peruntukan sebanyak RM 107,250.00. Melalui program ini turut membuka peluang JoC di UTeM termasuklah peserta yang membuka kedai gunting rambut, barista kopi, Ninja Van dan makanan serta minuman di Sasana Niaga.



Malaqa Coffee @ Sasana Niaga



Ninja Van @ Sasana Niaga



Penyerahan cek RM 66,000.00 bagi Bank Rakyat *UNIprenneur 3.0*

Program *Learn & Earn* dengan kerjasama *He & She Coffee*

Program ini adalah kerjasama CREATE, HEPA dengan *He & She Coffee* bagi merencanakan lagi JoC. Melalui program ini, pelajar akan dapat merasai pengalaman sebagai barista kopi dan juga mengembangkan aktiviti serta atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar seperti pengurusan perniagaan, berkomunikasi secara berkesan, kreativiti dan kerja berpasukan. Program ini telah mendapat sambutan baik dalam kalangan pelajar dengan permohonan penyertaan sebanyak 100 orang pelajar.



Poster Program *Learn & Earn* kerjasama CREATE dan *He & She Coffee*



Program Semarak MADANI

Jadual 39 Senarai Pencapaian Cemerlang Pelajar UTeM Sepanjang Tahun 2023

Bil	KPI	Pencapaian	Program
1	Penerima Basiswa Atlet Pelajar:	<ul style="list-style-type: none"> Mohd Syahrin Nazly bin Abdul Karim (FTM)- Taekwando (KBS) Muhammad Faiz bin Mohd Kamal (FKEKK) - Taekwando (KPT) Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi (FKE)- Olahraga (JPA) 	
2	Penerima Anugerah dan Pengiktirafan Peringkat Kebangsaan Atau Antarabangsa		
		<ul style="list-style-type: none"> Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi Pingat Emas acara Merejam Lembang / VTF Sirkit 1 2023 	Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) Sirkit 1, 2, 3 dan Grand Final 2023
		<ul style="list-style-type: none"> Nurul Hannan binti Azizi Pingat Perak acara 5000 Meter Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi Pingat Emas acara Merejam Lembang / VTF Sirkit 2 2023 Nurul Hannan binti Azizi Pingat Gangsa acara 3000 Meter Lari Berhalangan (W) / VTF Sirkit 2 2023 	

Bil	KPI	Pencapaian	Program
		<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Hannan binti Azizi Pingat Perak acara 5000 Meter • Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi Pingat Emas acara Merejam Lembing / VTF Sirkuit 2 2023 • Nurul Hannan binti Azizi Pingat Gangsa acara 3000 Meter Lari Berhalangan (W) / VTF Sirkuit 2 2023 • Noranita Yusnimiza binti Mohammad Yusof Pingat Gangsa acara Tukul Besi Wanita / VTF Sirkuit 2 2023 • Eison Edward Wong Pingat Gangsa acara Lontar Peluru Lelaki / VTF Sirkuit 2 2023 • Vijaya Damotharan A/L Nadaraj Pingat Gangsa acara 3000 Meter Lari Berhalangan (L) • Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi Pingat Emas acara Merejam Lembing / VTF Sirkuit 3 2023 • Noranita Yusnimiza binti Mohammad Yusof Pingat Gangsa acara Tukul Besi Wanita / VTF Sirkuit 3 2023 • Noranita Yusnimiza binti Mohammad Yusof Pingat Gangsa acara Lempar Cakera Wanita / VTF Sirkuit 3 2023 • Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi Pingat Emas acara Merejam Lembing / VTF Sirkuit <i>Grand Final</i> • Nurul Hannan binti Azizi Pingat Emas acara 3000 Meter Lari Berhalangan Wanita / VTF Sirkuit <i>Grand Final</i> • Amirun Hakim bin Fauzi Pingat Emas acara Merejam Lembing / VTF Sirkuit <i>Grand Final</i> 	

Bil	KPI	Pencapaian	Program
		<ul style="list-style-type: none"> • Noranita Yusnimiza binti Mohammad Yusof Pingat Gangsa acara Tukul Besi Wanita / VTF Sirkuit <i>Grand Final</i> • Muhammad Saufi bin Ahmad Kamal Pingat Gangsa acara 1500 Meter (L) / VTF Sirkuit <i>Grand Final</i> • Muhammad Danish Akhtar b. Shuzaimi Pingat Gangsa acara Lempar Cakera (L) / VTF Sirkuit <i>Grand Final</i> 	
		<ul style="list-style-type: none"> • Muhammad Ezzaddin bin Abd Majid Pingat Gangsa acara Kruogi(<87kg) Taekwondo /Karnival Sukan MASUM Fasa 1 • Muhammad Syahrin bin Abdul Karim Pingat Perak acara Kruogi(<54kg) Taekwondo /Karnival Sukan MASUM Fasa 1 • Siti Halimatul Sa'diah binti Othman Pingat Gangsa acara Berbasikal (W) / Karnival Sukan MASUM Fasa 2 • Nur Ilham bin Rosdi Pingat Perak acara Silat Olahraga (Putra Kelas-F) / Karnival Sukan MASUM Fasa 2 • Win Hui Zi Pingat Perak acara Karate (Kumite Individu-Wanita - Atas 68kg) / Karnival Sukan MASUM Fasa 2 • Pasukan Petanque Pingat Gangsa acara Petanque Lelaki (Tripple) / Karnival Sukan MASUM Fasa 2 	Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 dan 2 2023

Bil	KPI	Pencapaian	Program
		<ul style="list-style-type: none"> • Bambang Adliey bin Bamang Sumatera Pingat Gangsa acara Silat Olahraga (Putra Kelas-H) / Karnival Sukan MASUM Fasa 2 • Norfarah Hanim bin Nor Asmawi Pingat Gangsa acara Silat Olahraga (Putri Kelas-A) / MASUM Fasa 2 • Pasukan Berbasikal Pingat Gangsa acara Berbasikal MTB Campuran (XCR) / MASUM Fasa 2 	
		<ul style="list-style-type: none"> • Pasukan Rowing Pingat Emas acara <i>L/Weight Men Double Scull / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Men Single Scull / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>L/Weight Women Double Scull-Local / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Indoor Rowing (W) 1000 Meter / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Men 8+ / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Women 4 / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Emas acara <i>L/Weight Men Double Scull / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Men Single Scull / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>L/Weight Women Double Scull-Local / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Indoor Rowing (W) 1000 Meter / Varsity Boat Race</i> 	Penyertaan Varsity Boat Race 2023

Bil	KPI	Pencapaian	Program
		<ul style="list-style-type: none"> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Men 8+ / Varsity Boat Race</i> • Pasukan Rowing Pingat Perak acara <i>Women 4 / Varsity Boat Race</i> 	
		<ul style="list-style-type: none"> • Muhammad Hafiyzul Hadi b. Haidi Pingat Perak acara Memanah: <i>Recurve Men Qualification Round / HESF</i> • Muhammad Hafiyzul Hadi b. Haidi Pingat Gangsa acara Memanah: <i>Final Round Recurve Men / HESF</i> • Pasukan Memanah Wanita Pingat Gangsa acara Memanah: <i>Olimpik Berpasukan Wanita Recurve / HESF</i> 	Penyertaan ke Kejohanan Higher Education Sports Fest (HESF) 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Syed Abrar bin Syed Mohd Zawawi (FKE) Pingat Emas acara <i>Merejam Lembing / Kejohanan Tertutup MAF National Athletics Championship</i> 	Penyertaan ke Kejohanan Tertutup MAF National Athletics Championship 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Pasukan Hoki Lelaki Pingat Emas / <i>Karnival Hoki USM 2023</i> • Pasukan Hoki Wanita Pingat Gangsa / <i>Karnival Hoki USM 2023</i> 	Penyertaan Kejohanan Karnival Hoki USM 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Muhammad Syahrin Nazly bin Abdul Karim (FTMK) Pingat Gangsa acara <i>Kyorugi/ Taekwondo Malaysia (WTF) Olympic Day Taekwondo Championship</i> 	Penyertaan Kejohanan Taekwondo Malaysia (WTF) Olympic Day Taekwondo

Bil	KPI	Pencapaian	Program
			Championship 2023
		<ul style="list-style-type: none"> Pasukan Taekwondo 2 Pingat Perak dan Pingat Perak Kejohanan 7th UTeM Invitational <i>Taekwondo (WTF) Championship</i> 	Kejohanan 7th UTeM Invitational Taekwondo (WTF) Championship
		<ul style="list-style-type: none"> Nurin Syakirah binti Azizi (FTKM) Pingat Perak Kejuaraan Silat Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar Shah Alam 2023 Muhammad Naszrul Daniel bin Naszari Pingat Gangsa Kejuaraan Silat Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar Shah Alam 2023 	Kejohanan Kejuaraan Silat Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar Shah Alam 2023
		<ul style="list-style-type: none"> Muhammad Syahrin Nazly bin Abdul Karim (FTMK) Pingat Perak acara Kyorugi <i>Fin Category / Pahang Open 2023 Taekwondo Championship</i> Anis Marsya binti Azlan Reeza Pingat Gangsa Pingat Acara Kyorugi – <i>Light Category / Pahang Open 2023 Taekwondo Championship</i> Fakhirah Hazirah binti Shahrulazhar, Nor Syazwina binti Mohd Pauzi & Nurdina Izzati binti Muhammad Nur Pingat Gangsa Acara <i>Poomsae Team Female / Pahang Open 2023 Taekwondo Championship</i> 	Kejohanan Pahang Open 2023 Taekwondo Championship
		<ul style="list-style-type: none"> Pasukan Frisbee (Kelab KeReX) Pingat Emas Pertandingan <i>Black Disc Ultimate Challenge (BDUC) Indoor 2023</i> 	Pertandingan Black Disc Ultimate Challenge (BDUC) Indoor 2023

Bil	KPI	Pencapaian	Program
		<ul style="list-style-type: none"> • Pasukan Softball Pingat Gangsa UPM <i>Intervarsity Baseball Cup 2023</i> 	Kejohanan UPM Intervarsity Baseball Cup 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Tegap Pingat Emas dan Pingat Gangsa Kejohanan <i>Fit Warrior</i> Siri 3 2023 	Kejohanan Fit Warrior Siri 3 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Rowing 5 Pingat Emas, 8 Pingat Perak, 6 Pingat Gangsa di <i>Penang</i> <i>Rowing International Indoor</i> <i>Championship 2023</i> 	Kejohanan Penang Rowing International Indoor Championship 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Atlet Terbaik Universiti Kategori Lelaki Majlis Anugerah Sukan MASUM 2022 (Penganugerahan Tahun 2023) Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi • Atlet Terbaik Universiti Kategori Wanita Majlis Anugerah Sukan MASUM 2022 (Penganugerahan Tahun 2023) 	Anugerah Sukan MASUM 2023
		<ul style="list-style-type: none"> • Nurfarah Hanim bin Nor Asmawi 	
3	Bilangan pelajar yang diiktiraf sebagai Mentor/ Hakim/ Jurulatih di peringkat Kebangsaan / Antarabangsa	Pelantikan Pelajar di Peringkat Universiti, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa:	
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Muhammad Farhan bin Ibrahim - Jurulatih eSports (Sukan Sea Kemboja 2023) 2. Azizul Hakim bin Nor Azman (FPTT) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka 	

Bil	KPI	Pencapaian	Program
		<p>3. Muhammad Saufi bin Ahmad Kamal (FTKM) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p> <p>4. Muhammad Nur Hasif bin Abu Bakar (FTMK) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p> <p>5. Nur Laili binti Mujarab (FTKM) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p> <p>6. Nurul Hannan binti Azizi (FTMK) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p> <p>7. Amirul Izzat bin Sufardi (FTKEK) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p> <p>8. Muhamad Fahimuddin bin Muhamad Husni (FTKM) - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p>	
		<p>9. Syed Fazeel Shah bin Syed Anwar Shah - Pengadil MFL 2023</p> <p>10. Ahmad Imran bin Ahmad Zahir - Pengadil Bola Sepak Liga Negeri Melaka</p> <p>11. Kugannan A/L Segaran - Pengadil Hoki Kebangsaan</p> <p>12. Sharmmaragan A/L Murali - Mentor Karate</p>	

Kejayaan Penganjuran / Tuan Rumah Sukan

Perlumbaan Basikal Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023

Perlumbaan basikal Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023 anjuran KPT dan UTeM telah membabitkan 16 pasukan yang sah bertanding. Perlumbaan yang julung kali diadakan itu bermula di Kolej Komuniti Segamat mulai 15 Jun 2023, Johor dan berakhir di KPT Putrajaya pada 20 Jun 2023.

Saingan membabitkan 4 peringkat perlumbaan dengan jarak keseluruhan sejauh 332.7 kilometer, dengan nilai hadiah keseluruhan RM40,000.00 menjadi rebutan lebih 100 pelumba. Kejohanan berprestij dengan kerjasama UTeM ini disertai pelbagai pasukan IPTA, IPTS di bawah naungan KPT.

Penganjuran Karnival Sukan MASUM Fasa 2

UTeM menjadi tuan rumah bagi penganjuran Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 2 bermula 23 hingga 30 Ogos 2023 yang melibatkan semua universiti awam.

Sebanyak 8 jenis sukan telah dipertandingkan pada MASUM Fasa 2 melibatkan sukan bola jaring, Ragbi 15'S (lelaki & wanita), petanque, Hoki (lelaki & wanita), karate, pencak silat, Basikal MTB dan catur. Kesemua acara telah diadakan di Pusat Sukan UTeM dan lokasi sukan sekitar Ayer Keroh, Melaka.

Jumlah kontijen UTeM yang menyertai Karnival Sukan MASUM pada tahun ini merupakan yang terbesar dengan kekuatan seramai 335 orang yang terdiri daripada 281 orang atlit, 21 orang jurulatih, 25 orang pengurus pasukan, 5 orang urusetia kontijen dan 8 orang urusetia pelajar. Pasukan UiTM telah muncul juara keseluruhan diikuti oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai naib johan dalam penganjuran MASUM Fasa 2 kali ini.

Aktiviti Pelajar dan Impak TUAH Dalam Kebudayaan

Penganjuran Gilang Gemilang Program Pemantapan Pantun Dondang Sayang Peringkat Kebangsaan UTeM-MAKUM 2023

TUAH UTeM berjaya menganjurkan Program Pemantapan Pantun Dondang Sayang Peringkat Kebangsaan di Balai Adat Perkampungan Perigi Hang Tuah, Duyung Melaka. Program yang berlangsung selama 3 hari bermula 26 hingga 28 Mei 2023 dan telah mendapat penyertaan seramai 40 pelajar dalam kalangan universiti awam antaranya Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan banyak lagi. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kelab Kasawari UTeM dengan kerjasama Unit Tarian Bahagian Kebudayaan Pejabat HEPA, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan Institusi Warisan Melaka (INSWA) atas penganjuran program yang bermanfaat ini.

Kumpulan Dur Adikarya Hampir Menyapu Bersih Hadiah Utama Dalam Festival Antarabangsa Masyarakat Peranakan

Gerak tari yang sangat teratur dan menawan serta lenggok badan yang lemah gemalai membawa tuah kepada kumpulan tarian dari UTeM apabila mereka hampir menyapu bersih hadiah utama iaitu dengan muncul sebagai johan, naib johan dan tempat keempat sempena Festival Antarabangsa Masyarakat Peranakan. Festival ini melibatkan kebudayaan masyarakat peranakan melibatkan 3 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand ini telah berlangsung pada 16 hingga 18 Disember 2023 bertempat di Bandar Hilir, Melaka. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

Kumpulan Tarian Dur Adikarya yang dianggotai 12 pelajar dari Kelab Kasawari UTeM merupakan pelajar yang begitu berbakat besar dalam bidang tarian. Kejayaan bersejarah kali ini adalah hasil komitmen dan latihan yang berterusan daripada TUAH UTeM. Selain komitmen yang tinggi dan jitu dari pihak Pengurusan HEPA dan jurulatih yang terlibat.

Dur Adikarya Memenangi Ikon Bahtera Madani 2023

Malam Bahtera Madani merupakan Malam Kemuncak bagi acara Perkampungan Budaya: Bahtera Madani 2023 yang bermula dari 15 hingga 19 Oktober 2023. Perkampungan Budaya merupakan inisiatif KPT dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia yang juga telah diangkat menjadi satu program tahunan menghimpunkan hampir 500 pelajar dari 23 institusi pengajian tinggi melibatkan Universiti Awam, IPTS, IPG & Kolej Komuniti seluruh negara.

UTeM telah diwakili 15 orang pelajar dari pelbagai fakulti dalam perkampungan kebudayaan kali ini. Penyertaan kali ini membuahkan impak yang tinggi apabila kumpulan tarian Dur Adikarya telah diangkat untuk memenangi Ikon Bahtera Madani 2023. Kejayaan ini membuktikan bahawa mahasiswa/i TUAH UTeM mampu bersaing antara IPTA/S yang lebih berpengalaman dan kejayaan ini juga menjadi inspirasi kepada Dur Adikarya untuk berkarya dengan lebih bermutu tinggi di masa hadapan.

Program Keusahawanan Pelajar

Sebanyak 35 program dan aktiviti keusahawanan dengan penyertaan seramai 3,780 pelajar telah berjaya dilaksanakan sepanjang 2023. Program dan aktiviti terdiri daripada program yang dilaksanakan sendiri oleh CREATE, HEPA ataupun kolaborasi bersama mahupun penyertaan program anjuran agensi luar.

Kerjasama erat dengan pelbagai agensi dan industri membolehkan CREATE, HEPA memperolehi dana tajaan daripada pelbagai pihak bagi menganjurkan secara rancak program keusahawanan di UTeM di samping hubungan baik dengan KPT membolehkan CREATE turut memperolehi geran KPT bagi penganjuran program peringkat universiti.

Antara program CREATE yang memberi impak tinggi tahun 2023 ialah Majlis Menandatangani MoU antara UTeM dan He & She Coffee. Majlis Menandatangani MoU di antara UTeM dan He & She Coffee telah disempurnakan oleh Prof. Datuk Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor UTeM dan juga En. Zulkiflee Yusof, Pengasas dan CEO He & She Coffee Sdn. Bhd. Dengan termetrinya MoU ini maka secara rasminya He & She Coffee beroperasi di UTeM pada 2 Oktober 2023 di Perpustakaan Laman Hikmah (PLH). Selain itu, He & She Coffee komited bersama CREATE dalam program 'Learn & Earn' yang menawarkan lebih banyak peluang bekerja di kampus (job on campus) dan program-program keusahawanan yang lain.

Selain itu, program berimpak yang lain ialah program YB Menteri Ke UTeM (Sirih Pulang Ke Gagang) bersama YB Datuk Ewon Benedick meningkatkan lagi 'visibility' dan kerjasama erat UTeM dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) seperti Bank Rakyat, TEKUN, INSKEN, SME-Corp dan banyak lagi dalam pelaksanaan program-program keusahawanan dengan kerjasama KUSKOP serta mendapat tajaan luar. Dalam program tersebut turut diadakan program DNA bersama INSKEN dan juga Majlis Menandatangani MoU UTeM bersama SME-Corp Malaysia.

Pemeriksaan Alumni & Kebolehpasaran Graduan

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 18 program Alumni yang berimpak telah dilaksanakan dengan melibatkan 304 orang peserta melibatkan aktiviti-aktiviti berbentuk kerjaya, akademik, kerohanian, sukan dan lain-lain. Secara umum, program yang dianjurkan secara aktif oleh Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), HEPA telah membantu para Alumni untuk menyumbang semula samada dalam bentuk kemahiran, kewangan dan lain-lain kepada pihak UTeM dan telah memberi manfaat yang besar buat ALUMNI dan UTeM.

Jadual 40 Antara Program Berimpak Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), HEPA UTeM Tahun 2023

Bil	Program/Aktiviti	Sasaran	Catatan
1.	Program Jalinan Holistik ALUMNI	4 Program Jalinan Holistik ALUMNI seluruh negara	Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya yang melibatkan penubuhan Chapter ALUMNI di Chapter Timur (Terengganu), Chapter Timur (Pahang), Chapter Sabah dan Chapter Sarawak
2.	Menganjurkan program <i>National Aspire Career Fair UTeM X MYFutureJobs 2023</i> bertarikh 30-31 Mei 2023 bertempat di Dewan Canselor, UTeM	Inisiatif daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) untuk menaikkan peratusan Kebolehpasaran Graduan (GE) bukan sahaja di peringkat UTeM malahan di IPT di seluruh negara	Program <i>National Aspire Career Fair UTeM X MYFutureJobs 2023</i> ini adalah anjuran bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dan Centre For Enterprise And Technopreneurship Development (CREATE) bersempena <i>National Training Week Human Resource Development Corporation (HRD Corp)</i>

Bil	Program/Aktiviti	Sasaran	Catatan
3.	Menganjurkan secara bersama dengan pihak PERKESO Program <i>Aspire Career Fair @ UTeM 2023</i> (Karnival Kerjaya) bertempat di Bilik Auditorium, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, bersempena dengan Minggu Konvokesyen ke-19.	Lebih 1000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor ditawarkan menerusi program ini, antaranya jurutera & juruteknik dalam pelbagai bidang, <i>it programmer</i> , kerani, Eksekutif Pemasaran dan banyak lagi termasuk menawarkan peluang latihan industri yang sedang berlangsung di UTeM	Seramai hampir 500 pelajar telah ditemuduga dengan penglibatan 15 industri yang menyertai program ini
4.	Pelancaran Karnival Kerjaya 20 Universiti Awam di Dewan Za'ba pada 28 Oktober 2023 lepas di UTeM.	Mensasarkan kehadiran seramai 10,000 pengunjung	Menawarkan peluang kepada 8,000 graduan untuk mendapat pekerjaan atau lulus temuduga di peringkat pertama

Selain itu, menerusi kerjasama dan jalinan yang tinggi di antara pihak ALUMNI dan UTeM tahun 2023 telah menyumbang kepada penjanaan tabung ALUMNI hampir **RM100,000.00** melalui program-program berimpak dari awal tahun sehingga akhir tahun.

Tracey Study

Menerusi hasil kajian semasa *Tracer Study* yang dilakukan sepanjang tahun 2023 oleh pihak Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), didapati 97.7 peratus graduan telah memperolehi pekerjaan. Perincian peratusan ini melibatkan 76.7 peratus pelajar yang telah mendapat pekerjaan, 15.7 peratus pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, 3.7 peratus pelajar menyertai program peningkatan kemahiran dan 1.6 peratus sedang menunggu penempatan. Manakala, hanya 2.3 peratus sahaja yang belum memperolehi pekerjaan dalam tempoh 6 bulan tersebut.



Rajah 48 Peratus Kebolehpasaran Graduan UTeM Tahun 2023

Secara keseluruhan, kedudukan peratusan kebolehpasaran graduan (GE) keseluruhan 20 universiti awam, UTeM naik dari tangga ke 7 tahun 2022 kepada tangga ke 5 tahun 2023 selepas Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). UTeM memperolehi peratusan GE tertinggi dalam kalangan MTUN dengan mencatatkan peratusan GE 97.7% iaitu meningkat 1.3% berbanding graduan tahun 2022 iaitu 96.4%. Selain itu, UTeM turut mencatat peratusan graduan bekerja yang tertinggi dalam kalangan MTUN iaitu sebanyak 76.7%. Disamping UTeM turut tergolong dalam 4 universiti awam yang mencapai kadar responden 100% selain UTM, UMS dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Menerusi dapatan Tracey Study yang lebih tinggi dari tahun 2022 dan meyakinkan ini, membuktikan bahawa UTeM sentiasa menjadi pilihan utama para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran terutama bidang TVET / teknikal di universiti awam atau di MTUN sendiri.

Sumbangan & Perkhidmatan Pusat Sukan

Pusat Sukan HEPA UTeM sentiasa menawarkan dan memberi perkhidmatan terbaik kepada Warga UTeM khususnya kepada pelajar. Selaras dengan Pelan Strategik UTeM iaitu ST3, iaitu menjuarai khidmat insani, mengundang kesejahteraan, Pusat Sukan sentiasa menitikberatkan kebajikan kepada pelajar iaitu dengan menawarkan khidmat Rakan Sukan. Rakan Sukan merupakan peluang untuk pelajar bekerja di Pusat Sukan dan pada masa kini terdapat 10 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 2, 3 dan 4. Para pelajar ini dibayar elaun mengikut jam bertugas.

Para pelajar yang dihasilkan UTeM bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga turut cemerlang dalam bidang kokurikulum. Justeru itu, Pusat Sukan telah menggunakan medium Saluran Sukan untuk pengambilan bakat baru bagi mana-mana atlet yang memiliki potensi dalam sukan masing-masing untuk diserap masuk ke UTeM dengan kapasiti sebagai seorang atlet. Bagi tahun 2023, Pusat Sukan telah menawarkan seramai 8 pelajar melalui saluran sukan dan telah mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang di UTeM.

Selain itu, pelajar yang cemerlang dalam bidang sukan, Pusat Sukan akan salurkan maklumat berkaitan tajaan biasiswa kepada beberapa agensi dan sehingga kini 2 orang pelajar yang telah mendapat tajaan biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Belia & Sukan.

Penerima Biasiswa JPA

Sukan: Olahraga (Merejam Lembing)

Pencapaian: Mewakili Malaysia ke Sukan Sea di Cambodia.



Penerima Skim Biasiswa Sukan Persekutuan (BSP) KBS

Nama: Mohammad Iman Hakimi bin Aznan

Sukan: Bola Sepak

Pencapaian: Mewakili Malaysian Universiti (MUFT) ke Kejohanan Asian University Football Tournament (AUFT) di Taebaek, Korea.

Bagi menghargai sumbangan pelajar UTeM yang telah berjuang dan mengharumkan nama UTeM dan Malaysia, Pusat Sukan telah mengambil pendekatan dengan memberikan sumbangan berbentuk Insentif Sukan sebagai tanda penghargaan. Bagi tahun 2023, antara pelajar UTeM yang telah menerima Insentif Sukan:



Jadual 41 Antara Pelajar UTeM Yang Menerima Insentif Sukan Tahun 2023

Nama	Fakulti	Jenis Sukan / Peringkat	Jumlah Insentif
Syed Abrar bin Syed Ahmad Zawawi	FTKEE	Merejam Lembing / Sukan Sea	RM650.00
Sadiy Syahmi Rabbani bin Jamaludin	FTMK	Sofball / Asian Baseball Cup	RM400.00
Muhammad Afiq Fahmi bin Saad	FTMK	Sofball / Asian Baseball Cup	RM400.00
Muhammad Farhan bin Ibrahim	FKP	E-Sports / Sukan sea	RM650.00
Shachien Remesi	FKP	Kabaddi / Asian Games	RM400.00
Muhammad Hafiyzul Hadi bin Haidi	FTKE	Memanah / Memanah Kebangsaan	RM400.00
Ahmad Izzuddin bin Alias	FTMK	Sofball / Softball Terbuka Kebangsaan	RM300.00



Program yang dilaksanakan di Pusat Sukan amat menitikberatkan kepada keupayaan pelajar untuk mengembangkan bakat mereka. Sebagai contoh, program Kem Sukan yang dilaksanakan pada bulan Jun 2023 yang lalu telah melibatkan para pelajar yang mempunyai kepakaran dalam sukan seperti sukan berbasikal, boling padang, silat olahraga, taekwando, dan eSport. Dalam program ini, pelajar terlibat diberi tanggungjawab sebagai tenaga pengajar/fasilitator untuk memberi dan berkongsi ilmu kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di Negeri Melaka. Program Kem Sukan ini, telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Pejabat Pendidikan Negeri Melaka dan telah dikira sebagai PAJSK murid.



Fasiliti dan Kemudahan Sukan Untuk Pelajar

Dari segi kemudahan dan fasiliti sukan, Pusat Sukan sentiasa memastikan semua kemudahan berada dalam keadaan terbaik dan siap siaga untuk digunakan. Sebagai pemakluman, Warga UTeM boleh memanfaatkan kemudahan tersebut pada setiap hari bekerja bermula 8.30 pagi hingga 10.00 malam. Antara kemudahan sukan yang dimiliki adalah seperti berikut:



Stadium / Trek Balapan



DEWAN SUKAN

Dewan Sukan



STADIUM GIMNASIUM LELAKI

Gym Indoor



BOLA TAMPAR

Gelanggang Bola Tampar



BOLA KERANJANG & SEPAK TAKRAW

Gelanggang Bola Keranjang / Gelanggang Sepaktakraw



FUTSAL

Gelanggang Futsal



SOFTBALL & BOLA JARING

Padang Softball



**PADANG BOLA SEPAK
PADANG RAGBI**

Padang Ragbi / Bola Sepak



**ASTRO TURF
GELANGGANG TENIS**

Padang Hoki



**LAPANG SASAR
MEMANAH
GELANGGANG
PETANQUE**

Gelanggang Petanque

Sumbangan dan Perkhidmatan Pusat Kesihatan UTeM

Pengoperasian PKU adalah bermodelkan Klinik Kesihatan (KK) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkonsepkan Kesihatan Primer dimana amalan pencegahan diberi lebih penekanan selain pengubatan. Selain dari perkhidmatan Rawatan Harian / Pesakit Luar, PKU menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Awam, Perkhidmatan Kecemasan dan Ambulans, Perkhidmatan Pergigian, Perkhidmatan Berhenti Merokok, Promosi Kesihatan dan Kawalan Penularan Penyakit Berjangkit dan Tidak Berjangkit dan Perkhidmatan Sokongan Klinik (Farmasi dan Makmal), rawatan penyakit akut / kronik serta rehabilitasi.

PKU beroperasi di 2 Kampus iaitu di Kampus Induk dan Kampus Teknologi. PKU yang ditubuhkan pada tahun 2004 pada mulanya hanya untuk merawat pelajar namun kini telah berkembang maju dengan menawarkan rawatan kepada staf, tanggungan dan pesara.

Perincian Perkhidmatan di Pusat Kesihatan Universiti

Perkhidmatan Perubatan

- i. Rawatan Harian atau Pesakit Luar
- ii. Rawatan Kecemasan dan Ambulan
- iii. Perkhidmatan Lindungan Perubatan (Standby) Maj
- v. Pemeriksaan Kesihatan seperti Pelajar Baharu dan staf umur 35 tahun keatas.
- vi. Klinik pemanjangan masa.
- vii. Pendaftaran dan Rekod Perubatan
- viii. Prosedur Perubatan
- viii. Bilik Observasi
- vx. CSSD – disinfeksi dan pensterilan

Perkhidmatan Pergigian


- i. Pemeriksaan dan diagnosa
- ii. Ubat-ubatan
- iii. Tampalan
- iv. Penskaleran
- v. X-ray
- vi. Cabutan

Perkhidmatan Sokongan Klinikal

- i. Makmal Perubatan – perolehan, pengumpulan, penyimpanan reagent, persampelan dan penyelenggaraan
- ii. Farmasi – perolehan, penyimpanan, penyaringan preskripsi, pengisian, pelabelan dan dispenseri ubat

Perkhidmatan Promosi Kesihatan & Kawalan Penyakit

- i. Kawalan Penyakit Berjangkit seperti Denggi, HIV dan COVID-19
- ii. Promosi Kesihatan seperti program dan ceramah kesihatan
- iii. Klinik Berhenti Merokok
- iv. Kawalan dan pemantauan makanan
- v. Kawalan dan pemantauan Taska
- vi. Program Derma Darah dengan kerjasama Unit Tabung Darah



Rajah 49 Statistik Kedatangan Pelajar ke Pusat Kesihatan Universiti



Sumbangan dan Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling Pelajar

Unit Psikologi dan Kaunseling Pelajar, HEPA berperanan dalam memberikan perkhidmatan membantu pelajar dalam pertumbuhan dan perkembangan diri melalui pendekatan kaunseling dan psikologi kepada pelajar UTeM.


Fungsi utama unit ini adalah menyeimbangkan kesejahteraan emosi dan keintelektualan pelajar UTeM. Antara perkhidmatan yang dijalankan adalah kaunseling, bimbingan, konsultasi, pengujian dan pengukuran psikologi dan pelaksanaan program kaunseling & psikologi serta Saringan Minda Sihat (DASS-21).

Jadual 42 Program-Program Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling Pelajar

Bil	Nama Program	Tarikh	Jumlah Peserta
1	<i>Webinar Exam Tips & Tricks</i>	19 Januari 2023	24
2	<i>Webinar Love Yourself 2023 Siri 1 - Topik: Remaja dan Cinta</i>	16 Mac 2023	85
3	Program "Training of Trainer (TOT)" UTeM 2023-Siri 1	18 Mac – 19 Mac 2023	152
4	<i>Program We Care We Share (FKE)</i>	5-6 April 2023	309
5	<i>Webinar Love Yourself 2.0 : Topik : How To Love Yourself</i>	8 April 2023	118
6	Program We Care We Share (FKEKK)	11-12 April 2023	119
7	Program "Training of Trainer (TOT)" UTeM 2023-Siri 2	28 April – 30 April 2023	152
8	<i>PRS Open Day</i>	3-5 Mei 2023	1315
9	<i>Webinar Love Yourself 3.0 : Topik : Say No to Sexual Harrasment</i>	6 Mei 2023	137
10	<i>Talk With Counselor : The Art Of Thinking</i>	9 Mei 2023	30
11	<i>Talk With Counselor : Talk With Counselor 2.0</i>	10 Mei 2023	30
12	Program Kesejahteraan Psikologi 1.0	20 Mei 2023	43
13	<i>Program We Care We Share (FKM)</i>	23-24 MEI 2023	91
14	<i>University Young Motivator Competition</i>	27 Mei-7 Jun 2023	48
15	<i>Program Best – Version of Me! (B-VOM)</i>	27 Mei 2023	100
16	<i>Program We Care We Share (FPTT)</i>	30-31 Mei 2023	107
17	<i>Webinar Love Yourself 4.0 : Topik :Forgive But Not Forget</i>	3 Jun 023	189
18	Program Urus Emosi Elak Kemurungan	8 Jun 2023	124
19	Program "Training Of Trainer (TOT)" UTeM 2023-Siri 3 : <i>Program Assist to School (FATS)</i>	10 Jun – 11 Jun 2023	159
20	<i>Webinar Love Yourself 5.0 : Topik : Mental Health Awareness</i>	25 Ogos 2023	118

Bil	Nama Program	Tarikh	Jumlah Peserta
21	Webinar Love Yourself 6.0 : Topik : Self Harm & Suicide Preventioan	16 September 2023	76
22	Program Kesejahteraan Psikologi 2.0	27 September 2023	158
23	Program Relaksasi Diri, Ceria Emosi	28 September 2023	148
24	Sesi Kaunselor Bersama Pelajar Baharu (FPTT)	05 Oktober 2023	359
25	Sesi Kaunselor Bersama Pelajar Baharu (FTKEK)	05 Oktober 2023	307
26	Sesi Kaunselor Bersama Pelajar Baharu (FTKIP)	05 Oktober 2023	140
27	Sesi Kaunselor Bersama Pelajar Baharu (FTKM)	05 Oktober 2023	331
28	Sesi Kaunselor Bersama Pelajar BAHARU (FTMK)	07 Oktober 2023	130





13.0
Pembangunan Bakat

Pembangunan Bakat

Pembangunan Latihan

Agenda pembangunan dan pemeraksanaan bakat masih diteruskan dengan mengambil pendekatan keperluan kompetensi menjadi asas kepada peningkatan sikap, kemahiran dan pengetahuan seseorang staf. Penerapan elemen EQ (*Emotion Quotient*), IQ (*Intellectual Quotient*) dan SQ (*Spiritual Quotient*) akan terus menjadi teras kepada pembangunan staf yang seimbang melalui latihan yang komprehensif dan berfokus sifatnya.

Bagi keperluan latihan staf tahun 2023, sebanyak RM 500,000.00 diperuntukan untuk pelaksanaan program-program latihan berteraskan *Attitude* (Sikap), *Skill* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Pengetahuan) mengambil kira keperluan strategik berikut:

- MyTalent@UTeM:** program latihan/kursus yang memenuhi keperluan kompetensi staf Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan & Profesional (untuk tujuan tutup jurang bagi skim yang berkaitan).
- Pelan Strategik UTeM (5ST) 2023-2025:** menyokong ST4 iaitu pada SI 4.2 Memperkasa Kompetensi Untuk Meningkatkan Produktiviti Serta Kecekapan Semua Staf Merangkumi Staf Pentadbiran dan Sokongan Untuk Menyokong F1 Team & SI 4.3 Membangun dan Mengekalkan Kecemerlangan Kepimpinan (F1 Team).
- Pelan Strategik Sumber Manusia 2015-2025:** memperkasa 5 Nilai Teras UTeM melalui program dan latihan yang menyumbang kepada 3 kluster pembangunan staf iaitu: pembangunan kekeluargaan, pembangunan jiwa berintegriti dan pembangunan budaya pemikiran.

Sebahagian daripada latihan yang dianjurkan merupakan kursus-kursus berimpak tinggi dan ianya boleh diklasifikasikan kepada 4 komponen di bawah:



Manakala data standard bagi menunjukkan beberapa maklumat berkaitan pelaksanaan program (kursus/latihan) anjuran dalaman dan luaran adalah seperti mana paparan gambar rajah berikut:



DATA KURSUS ANJURAN DALAM 2023

Always A Pioneer, Always Ahead

MAKLUMAT AM LATIHAN

- JUMLAH LATIHAN = 58 KURSUS
 - BERSEMUKA = 51 KURSUS
 - DALAM TALIAN = 7 KURSUS

JUMLAH KATEGORI LATIHAN

- KHUSUS = 22 KURSUS
- UMUM = 36 KURSUS


JUMLAH PESERTA LATIHAN

KESELURUHAN = 3541 ORANG

KOS KESELURUHAN LATIHAN

- BAJET DILULUSKAN = RM 500,000.00
- BAJET DIGUNAKAN = RM 508,052.20

GRAF LATIHAN VS BULAN



DATA KURSUS ANJURAN LUAR 2023

Always A Pioneer, Always Ahead

MAKLUMAT AM LATIHAN

- JUMLAH LATIHAN = 447 KURSUS
 - BERSEMUKA = 335 KURSUS
 - DALAM TALIAN = 112 KURSUS

PENGANJUR

- KERAJAAN = 285 KURSUS
- SWASTA = 228 KURSUS


JUMLAH PESERTA LATIHAN

KESELURUHAN = 824 ORANG

KOS KESELURUHAN LATIHAN

- BAJET DILULUSKAN = RM 50,000.00
- BAJET DIGUNAKAN = RM 52,350.00

GRAF LATIHAN VS BULAN



Pembangunan Modul Latihan Berdasarkan Kompetensi (MyTalent@UTeM)

Sejajar dengan matlamat MyTalent@UTeM serta Pelan Strategik UTeM 2023-2025, keperluan membangunkan modul khas latihan berdasarkan kompetensi mula dirancang dan diselaraskan mengikut skim dan gred jawatan staf pentadbiran. Sehubungan dengan itu, selain mesyuarat dan perbincangan, beberapa bengkel berkaitan telah diadakan bertujuan untuk merealisasikan MyTalent@UTeM pada tahun 2024 di peringkat Universiti. Antara bengkel yang berjaya diadakan adalah:


- Bengkel Perancangan Pelan Latihan Tahunan UTeM 2024 Siri I (17-18 Oktober 2023)
- Bengkel Perancangan Pelan Latihan Tahunan UTeM 2024 Siri II (08 November 2023)

Penilaian Mytalent@UTeM 2023

Berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan, 28 staf telah memiliki tahap kompetensi tinggi, 7 staf memiliki tahap berkompetensi dan 14 staf berada di tahap kompetensi sederhana.

Jadual 43 Memaparkan Pencapaian Tahap Kompetensi

Kategori	Pencapaian
Kompetensi Tinggi	28
Berkompetensi	7
Kompetensi Sederhana	14
Jumlah Calon	49



Rajah 50 Memaparkan Pecahan Pencapaian Tahap Kompetensi

Fasa 2 (Kumpulan Pengurusan & Profesional) – 39 staf

Pelaksanaan penilaian kompetensi MyTalent@UTeM Bil. 1/2023 telah dilaksanakan kepada 39 orang staf dari kalangan Kumpulan P&P yang telah membuat permohonan kenaikan pangkat.

Berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan, 27 staf telah memiliki tahap kompetensi tinggi, enam (6) staf memiliki tahap berkompetensi dan enam (6) staf berada di tahap kompetensi sederhana.

Jadual 44 Memaparkan Pencapaian Tahap Kompetensi

Kategori	Pencapaian
Kompetensi Tinggi	27
Berkompetensi	6
Kompetensi Sederhana	6
Jumlah Calon	39

**Rajah 51** Memaparkan Pecahan Pencapaian Tahap Kompetensi


Fasa 3 (Kumpulan Pelaksana) – 54 staf

Pelaksanaan penilaian kompetensi MyTalent@UTeM Bil. 1/2023 telah dilaksanakan kepada 54 orang staf dari kalangan Kumpulan P&P yang telah membuat permohonan kenaikan pangkat.

Berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan, 43 staf telah memiliki tahap kompetensi tinggi, enam (6) staf memiliki tahap kompetensi tinggi (bersyarat) dan 5 staf berada di tahap berkompetensi.

Jadual 45 Memaparkan Pencapaian Tahap Kompetensi

Kategori	Pencapaian
Kompetensi Tinggi	43
Kompetensi Tinggi (Bersyarat)	6
Berkompetensi	5
Jumlah Calon	54

**Rajah 52** Memaparkan Pecahan Pencapaian Tahap Kompetensi

Sistem MyTalent@UTeM

Pejabat CIO telah selesai membangunkan sistem MyTalent@UTeM yang dibangunkan sebagai pemudahcara pengurusan profil kompetensi staf dan pencapaian data yang diperlukan. Semua proses penilaian kompetensi dilaksanakan menggunakan sistem MyTalent@UTeM bermula tahun 2024.

SISTEM MyTALENT



- DAFTAR BAWAH
- PERUBAH
- PERJAWATAN
- ROC
- PELAKSIAN PRESTASI
- PERSEKUTUAN STAF
- CUTI BELAJAR
- PERAKAM WAKTU
- LATIHAN
- CUBA
- KLERK & SAWAJAN
- BETIMAR LUARTA
- EKADOKSIAN
- CPD
- PELAKSIAN MAJLIS
- TAMPI/ E-TAMPI (PORTFOLIO)
- EP
- ANUGERAH
- BUKTI PROFESIONAL
- WITALESE

- MITALEN
- Komus Kompetensi
- Penetapan Profil Jawatan
- Penilaian Individu
- Penilaian Pegawai Penilai Pertama
- Penilaian Pegawai Penilai Kedua
- Profil Markah (Pegawai Penilai Pertama)
- Profil Markah (Pegawai Penilai Kedua)
- Profil Markah Staf

PENILAIAN P

Tahun

Senarai Staf

Tunjuk 10

Menunjukkan 0 ke 0

PANDUAN PENILAIAN KEPADA PEGAWAI YANG DINILAI (PYD) DAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP)

2. PYD dan PPP perlu menamatkan tahap kompetensi staf (asas / berkebolehan / mahir / pakar) dan memilih skala pemaknaan berdasarkan tahap yang ditentukan
3. PYD perlu memberikan Justifikasi ATAU memuatnalki lampiran (kertas kerja, s.jbl, laporan, surat) bagi tujuan pembuktian tahap kompetensi yang dipilih
4. PPP akan menilai tahap kecekapan PYD melalui maklum balas penilaian sendiri dan Justifikasi
5. PPP perlu memberikan ulasan / Justifikasi tahap kompetensi yang diberikan bagi memberikan maklum balas yang jelas dan tepat dengan tahap kompetensi staf
6. PPP digalakkan berhubung bersama Pegawai yang Dinilai (PYD) bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah telus dan menepati tahap kompetensi yang dipilih

PETUNJUK MARKAH

Petunjuk markah disertakan bagi memberi gambaran dan rujukan yang jelas sebelum melaksanakan penilaian. PYD dan PPP perlu memahami tahap dan skor yang diperlukan berdasarkan grid dan jawatan yang diisytiharkan

TAHAP DAN SKOR MARKAH LULUS RCL UNTUK GRED 41 :-

TAHAP 2 (BERKEBOLEHAN) DI SKALA 6 (BERKEBOLEHAN TINGGI) DAN KEATAS (MELEPASI RCL) KURANG SKALA 6 (TIDAK MELEPASI RCL)
 * RCL (REQUIRED COMPETENCY LEVEL / TAHAP KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN)

TAHAP DAN SKOR MARKAH LULUS RCL UNTUK GRED 44 :-

TAHAP 3 (MAHIR) DI SKALA 9 (MAHIR TINGGI) DAN KEATAS (MELEPASI RCL) KURANG SKALA 9 (TIDAK MELEPASI RCL)
 * RCL (REQUIRED COMPETENCY LEVEL / TAHAP KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN)

PENILAIAN INDIVIDU

NO STAF : 00093 PEJABAT : PEJABAT KETIDIA PEGAWAI MAKLUMAT (PEL. CIO)
 NAMA : HADZU ZUL BIN HAMKAN JAWATAN : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pilihan Kriteria

Tahun: 2023

Kategori Kumpulan: Teknikal

Butang: Paparan, Reset

Kategori Kompetensi	Nama Kompetensi	Status Penilaian	Tarikh Sah
FUNGSIAN	KT001 - Penjurangan Data dan Pelaporan Maklumat	✓	05/12/2023
FUNGSIAN	KT003 - Digitalisasi	✓	05/12/2023
FUNGSIAN	KT004 - Peningkatan Sistem Berkomputer	✓	05/12/2023
PENGURUSAN	KT034 - Komunikasi Berkesan	✓	05/12/2023
PENGURUSAN	KT037 - Pemikiran Analitis	✓	05/12/2023

Nama Kompetensi: KT001 - Penjurangan Data dan Pelaporan Maklumat

ELEMEN KOMPETENSI	TAHAP KOMPETENSI											
	ASAS			BERKEBOLEHAN			MAHIR			PAKAR		
Peranan Individu	Memahami pendekatan dan kaedah pengalihan data dalam analisis dan pelaporan maklumat untuk kegunaan pihak berkepentingan											
	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi
Pengurusan	Merancang dan melaksanakan pengumpulan, analisis dan penilaian data berdasarkan polisi/ peraturan/ garis panduan/ tatacara pekeliling yang ditetapkan serta mengambil kira elemen risiko yang berkaitan											
	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi
Komplekiti Tugas	Menerbitkan keupayaan maklumat dan kandungan pelaporan untuk menghasilkan maklumat yang tepat sah dan boleh dipercayai bagi kegunaan pihak berkepentingan											
	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi	Terdah	Sederhana	Tinggi
Melibatkan diri secara aktif dalam program												
Membimbing rakan sekerja melalui pengetahuan												
Mengaitkan pengetahuan ilmu berkaitan												
Menjadi sumber rujukan bagi proses analisis data dan												

Muatnalki Lampiran (Dokumen Kerja Sbl. Pengalihan)

Tampek fail yang diimport: PDF

Ukuran maksimum setiap fail: 10 MB

Choose File | No file chosen

Justifikasi Kendiri

pengalaman dalam membangun dan menyelenggara sistem maklumat serta pengetahuan pelaporan-pelaporan yang diperlukan oleh pihak berkepentingan, membabitkan proses kerja terutama dalam proses pengumpulan data, penyimpanan data serta struktur simpanan data. Pengalihan data yang sah, tepat dan berkualiti akan dapat meningkatkan kualiti maklumat serta membina pihak berkepentingan di dalam proses-proses perancangan dan penggabungan dasar, pelan strategik dan sebagainya

Talent Management for Excellence Series 2022-2023

Talent Management for Excellence Series – TaME Series 2023 merupakan program untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan aplikasi dalam kalangan pengurus-pengurus bakat Universiti Awam bagi memantapkan pelaksanaan pembangunan dan pengurusan bakat kepimpinan di organisasi masing-masing di samping mengukuhkan jaringan antara semua universiti awam dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Program ini telah diberi nilai tambah melalui persijilan ‘Professional Diploma in Competency Based Talent Management’ yang dikelola oleh UMP Advanced, Pusat Pengajian Sepanjang Hayat UMP yang menganjurkan program-program profesional dari peringkat Diploma sehingga ke Sarjana.

Chairman Lecture Series: ‘Industrial, Experience, Reality’

Program Chairman Lecture Series: ‘Industrial, Experience, Reality’ ini adalah untuk meningkatkan perkongsian maklumat, kefahaman dan pengalaman bersama tokoh terkemuka, pakar dan profesional dari industri untuk disebar luas agar Universiti lebih berdaya saing dan proaktif dalam menghadapi cabaran perkembangan kemajuan teknologi yang semakin pesat kini. Pada tahun 2023 sebanyak 4 siri program telah dianjurkan antara lain matlamatnya adalah bagi memantapkan lagi jaringan kolaborasi antara Universiti dan pihak industri. Berikut merupakan senarai program yang telah diadakan:



Jadual 46 Memaparkan Chairman Lecture Series Yang Berlangsung Sepanjang Tahun 2023

No	Siri	Tarikh	Tempat	Panel
1.	Siri 1	25 Julai 2023 (Selasa)	Dewan Kuliah 1, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Areehan Hj Abdullah, Ketua Program Kelestarian, CelcomDigi Berhad 2. Cik Agnes Wong, Pengarah Urusan, Seedset Advisory
2.	Siri 2	28 Ogos 2023 (Isnin)	Dewan Kuliah 8, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	<ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Timbalan Pesuruhjaya Dato' Hj. Idris bin Baharudin, Pengarah, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia 2. Encik Wan Shariman Wan Mohamed, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Citaglobal Berhad 3. Encik Mohd Zalmi bin Mahmood, Pengarah Urusan, Zi Wealth Group Sdn. Bhd.
3.	Siri 3	26 September 2023 (Selasa)	Dewan Auditorium, Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Industri dan Pembuatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Datuk Dr. Kassim Noor Mohamed, Group CEO & Managing Director / Vice Chancellor, ELMU Education Group Sdn. Bhd. 2. Dato' Hairul Ridza Hayata, Group Deputy CEO & President Group Strategy & Research, ELMU Education Group Sdn. Bhd. 3. KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Keselamatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 4. Maha Ramanathan Palan, Group Managing Director, Minda Global Bhd
4.	Siri 4	23 Oktober 2023 (Isnin)	Dewan Auditorium, Fakulti Teknologi & Kejuruteraan Industri dan Pembuatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Afizulazha Abdullah, Chief Enterprise Business Officer, CelcomDigi Berhad 2. Puan Rita Irina Wahab, Head of Government Affairs, Shopee Malaysia 3. Encik Selva Raja, Pengarah, DAG Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.

Pelan Penggantian

Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi UTeM telah diangkat sebagai satu inisiatif dalam Lima Teras Strategi UTeM dibawah Tema Mengungguli Modal Insan melalui Sub Tema Membina Pasukan Kerja Formula One dengan Inisiatif strategik iaitu Membangun dan Mengekalkan Kecemerlangan Kepimpinan (F1 Team). Pelaksanaan Garis Panduan Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi UTeM ini merupakan salah satu objektif bagi Dasar MyTalent@UTeM. Garis Panduan Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diterbitkan sebagai rujukan dalam proses untuk mengenalpasti dan membangunkan sumber manusia, khususnya dalam kalangan staf sesebuah organisasi bagi mengisi jawatan-jawatan utama dan kritikal di UTeM.

Objektif Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi UTeM adalah bagi:

- Membantu Universiti mengoptimumkan sumber manusia UTeM melalui pengembangan kepemimpinan yang fokus;
- Menyediakan barisan pelapis pemimpin Universiti yang berkualiti dan berdaya saing; dan
- Memastikan kelestarian kecemerlangan UTeM di dalam mencapai visi, misi dan objektif strategik Universiti.


Pelaksanaan Pelan Penggantian adalah satu kaedah pengurusan inovatif bagi mengenalpasti, menilai dan membangunkan bakat-bakat yang berpotensi tinggi demi kecemerlangan Universiti dalam jangka pendek dan panjang selaras dengan misi, visi dan objektif strategik Universiti.

Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi ini akan dilaksanakan setiap 2 tahun sekali dan calon yang akan melalui Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi ini adalah di kalangan semua staf Akademik yang akan dikenalpasti tahap kepimpinannya dan staf Pentadbiran di gred 48 dan ke atas.

Terdapat 5 fasa Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi iaitu:

- Profil Bakat;
- Penilaian Kompetensi;
- Pembangunan Bakat;
- Ketersediaan Bakat; dan
- Pemilihan dan Pelantikan.

Melalui Pelan Penggantian Kepimpinan Institusi ini, UTeM akan melaksanakan pengurusan sumber manusia secara professional, cekap dan berkesan untuk memastikan calon yang berkelayakan dipilih untuk menjawat jawatan strategik Universiti bagi memenuhi keperluan Universiti dan pemegang taruh.



Pemakluman Pelantikan Jawatan Pengurusan Tertinggi 2023

Pada tahun 2023 beberapa sesi temu bual telah diadakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pengurusan Tertinggi di UTeM. Antara jawatan Pengurusan Tertinggi yang terlibat adalah seperti berikut:

Ketua Pustakawan

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 20 Disember 2022;
- Lantikan mulai 1 Mac 2023 hingga 28 Februari 2026 (3 tahun).

Bendahari

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 16 Mac 2023;
- Lantikan mulai 30 Mac 2023 hingga 29 Mac 2026 (3 tahun).

Penasihat Undang-Undang

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 11 Ogos 2023;
- Lantikan mulai 23 Ogos 2023 hingga 22 Ogos 2026 (3 tahun).

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- Sesi Temu Bual telah diadakan pada 14 Julai 2023;
- Lantikan mulai 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2025 (2 tahun).



Program Kepimpinan dan Pengurusan Bakat Anjuran AKEPT

UTeM telah mengenalpasti 20 calon peserta dari kumpulan (Talent Pool) yang disasarkan merujuk kepada kriteria yang ditetapkan bagi mengikuti program anjuran AKEPT yang berobjektif untuk melatih dan mengembangkan pemimpin dengan kualiti yang diperlukan dan dihormati agar dapat memberi impak kepada UA dan meningkatkan kedudukan di peringkat global.

Jadual 47 Senarai Program Kepimpinan dan Pengurusan Bakat Anjuran AKEPT Yang diikuti Staf UTeM Pada Tahun 2023

Bil.	Tajuk Program	Bil. Staf ke AKEPT
1	<i>University Leaders Entrepreneurial Educators' Bootcamp (UniLEEB) Kohot 3 (Siri 2)</i>	2
2	<i>University Leaders Entrepreneurial Educators' Bootcamp (UniLEEB) Kohot 3 (Siri 3)</i>	2
3	Kepimpinan Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pendidikan Tinggi (ExceLib) Kohot 2	1
4	Kepimpinan Inovasi dan Pengkomersialan Harta Intelek (InnoCoL) Siri 1	2
5	<i>Changemaker Leadership Programme for Senior Administrators (CLAPSA) Siri 2</i>	4
6	<i>Competency Based Instrument: Behavioural Event Self Assessment (CBI BESA) Cohort 2 – 2022/2023 Siri 3</i>	1
7	<i>Competency Based Instrument: Behavioural Event Self Assessment (CBI BESA) Cohort 2 – 2022/2023 Siri 4</i>	2
8	<i>Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding Programme (DVCLead) Kohot 2 (Siri 1)</i>	1
9	<i>Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding Programme (DVCLead) Kohot 2 (Siri 2)</i>	1
10	<i>Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding Programme (DVCLead) Kohot 2 (Siri 3)</i>	1
11	Kepimpinan Inovasi dan Pengkomersialan Harta Intelek (InnoCoL) Siri 2	2
12	<i>Top Executive Programme (TEP) Kohot 3</i>	2
13	<i>Top Executive Programme (TEP) Kohot 3</i>	2
14	<i>Professional Certificate in Higher Education Leadership dan Management (PCHELM)</i>	2
15	<i>Sustainable Development Goals Leadership: University For Society (SDGU4S) Kohot 2</i>	1
16	Kepimpinan Inovasi dan Pengkomersialan Harta Intelek (InnoCoL) Siri 3	2
17	<i>Competency Based Instrument: Behavioural Event Self Assessment (CBI BESA) Cohort 2 – 2022/2023 Siri 5</i>	2
18	<i>Pelaksanaan program Vice Chancellor Executive Coaching (VCEC)</i>	1
19	Professional Finance For Non Finance (ProFinof) Tahun 2023	1
20	<i>International Seminar On Competency-Based Talent Management</i>	1
21	Kepimpinan Inovasi Dan Pengkomersialan Harta Intelek Lanjutan (InnoCoL.Ed)	2
22	Seminar Kepimpinan Wanita	8
23	<i>AKEPT Smart Partnership Tahun 2023 (Edaran Kedua)</i>	2
24	<i>Seminar on Employee Assistanve Programmes (EAP) and Student Assistance Programmes (SAP) in Higher Learning Institutions</i>	1
25	<i>Workshop On Space In Southeast Asian Higher Education : Are we Ready</i>	2
26	Kolokium Pembangunan Kompetensi Peringkat Kebangsaan 2023	2
Jumlah Keseluruhan Staf ke Program AKEPT		50


Pendedahan dan pengalaman yang diberikan oleh AKEPT dapat meningkatkan kompetensi dan kredibiliti dalam kalangan pemimpin dan bakal pemimpin UTeM yang telah dikenalpasti.

Penajaan Staf


Penghantaran staf cuti belajar dan staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah merupakan antara pelaburan signifikan yang telah dilaksanakan oleh Universiti melalui Bahagian Pembangunan Bakat (BPB). Peratusan pemegang PhD adalah salah satu tumpuan pelan tindakan Pelan Strategik UTeM 2023-2025 bagi memastikan peningkatan staf akademik mempunyai kelayakan PhD yang memberi impak kepada Inisiatif Strategik Ilmuwan Teknikal.

Berikut adalah prestasi penawaran bagi kuota Kementerian Pendidikan Tinggi:


1. Pada tahun 2021 dengan peratusan prestasi 68.80%. Seramai 4 orang staf telah menarik diri untuk mengikuti pengajian PhD dan tiada permohonan untuk 1 kuota Pasca Kedoktoran;
2. Pada tahun 2022 dengan peratusan prestasi 69.20%. Seramai 3 orang staf telah menarik diri untuk mengikuti pengajian PhD dan tiada permohonan untuk satu kuota Pasca Kedoktoran; dan
3. Pada tahun 2023 dengan peratusan prestasi 88.9% mencapai penuh kuota KPT tetapi tiada permohonan untuk satu kuota Pasca Kedoktoran.



Rajah 53 Prestasi Penawaran Tahun 2021 hingga 2023




Rajah 54 Unjuran Tajaan dan Prestasi Tajaan Bagi Tahun 2021 hingga 2023




Rajah 55 Laporan Pengisian Kuota Cuti Belajar KPT Bagi Tahun 2021 hingga 2023



Rajah 56 Laporan Pencapaian Prestasi Bagi Kuota Skim Pasca Kedoktoran Tahun 2021 hingga 2023




Rajah 57 Laporan Keseluruhan Staf Cuti Belajar




Rajah 58 Bilangan Staf Sedang Cuti Belajar Mengikut Fakulti


Manakala pada tahun 2023, staf yang berjaya memperoleh ijazah Doktor Falsafah adalah seramai 17 orang. Rajah di bawah menunjukkan perincian:



Rajah 59 Jumlah Staf Berjaya Memperolehi PhD Bagi Tahun 2002 hingga 2023



Rajah 60 Bilangan Staf Berjaya Memperolehi PhD Bagi Tahun 2023 Dalam dan Luar Negara



Rajah 61 Pencapaian Staf Berjaya Memperolehi PhD Bagi Tahun 2023 Mengikut Kategori

Penajaan Melalui SCuBBA

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) ialah satu skim yang merupakan insentif dalam bentuk pemberian biasiswa melanjutkan pengajian kepada staf dari kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan Universiti.

Universiti sememangnya menyokong hasrat dan usaha staf untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kelayakan iktisas demi untuk mencapai kemajuan dalam kerjaya.

Staf yang sedang aktif cuti belajar seramai 9 orang dan telah tamat keseluruhan berjumlah 19 orang. Dengan adanya perkembangan bakat ini, dapat meningkatkan kualiti staf di UTeM secara khususnya.

Jadual 48 Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) Dari Tahun 2011 Sehingga 2023

No.	Tahun / Kategori	Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCUBBA)													Jumlah Staf	
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023		
1	Pengurusan & Profesional	1	3	1	1	1	1	0	0	1	1	1	0	3	2	16
2	Pelaksana	0	2	0	1	0	0	0	3	0	3	2	0	1	1	13
Jumlah Keseluruhan															29	

Program Pengembangan Kerjaya Staf

Sepanjang tahun 2023, pelbagai program telah dilaksanakan di bawah Unit Pengembangan Kerjaya dan Pematuhan Kontrak (UPKPK) antaranya ialah Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA), Skim Cuti Sabatikal (SCS) dan Skim Jurulatih Profesional (Ir.). Program-program yang diuruskan di bawah Unit Pengembangan Kerjaya dan Pematuhan Kontrak (UPKPK), Pejabat Pendaftar ini bertujuan melahirkan ilmuwan teknikal yang kompeten, memperkasakan bidang kepakaran melalui penimbaan ilmu serta memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama bersama institusi mahupun industri. Sekaligus, ia menyumbang kepada usaha dan anjakan holistik Universiti untuk memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara bertaraf dunia.


Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA)

SSIA merupakan salah satu pelan tindakan dalam Pelan Strategik UTeM 2023-2025 melalui KPI 4.1.1.21 iaitu peratusan staf diiktiraf Jurutera Profesional (Ir.) yang memberi impak kepada inisiatif strategik melahirkan staf akademik ilmuwan Teknikal. Sepanjang Tahun 2023, seramai 9 orang staf akademik telah berjaya mengikuti SSIA. 8 orang telah mengikuti SSIA di dalam negara manakala seorang di luar negara.


Jadual 49 Jumlah Staf Akademik Yang Berjaya Mengikuti Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA) Mengikut Tahun

No.	Tahun/ Skim	Skim Sangkut Industri Akademik (SSIA)														Jumlah Staf		
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021		2022	2023
1	SSIA	12	1	3	8	6	11	12	5	9	6	25	8	18	5	8	9	146
Jumlah Keseluruhan Staf																	146	


Secara keseluruhannya sejak skim ini diperkenalkan sehingga tahun 2023, seramai 146 orang telah berjaya mengikuti SSIA. Seramai 58 orang daripada jumlah tersebut berfokus untuk berkongsi dan menimba pengalaman di industri manakala 88 orang adalah berfokus untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Jurutera Profesional (Ir.). **Rajah** di bawah merupakan perincian staf akademik yang berjaya mengikuti SSIA bagi tujuan mendapatkan pengiktirafan Jurutera Profesional (Ir.) mengikut prestasi pencapaian.



Rajah 62 Keseluruhan Staf Akademik Mengikut SSIA Dari Tahun 2008 Hingga 2023



Rajah 63 Perincian Staf Akademik Mengikut SSIA Bujuan Mendapatkan Pengiktirafan Ir. Mengikut Pencapaian



Rajah 64 Peratusan Staf Akademik Yang Belum Memperolehi Ir. Mengikut Status


Skim Cuti Sabatikal (SCS)

Secara amnya, cuti sabbatical merupakan kemudahan yang ditawarkan oleh Universiti kepada staf sebagai satu galakan untuk menjalankan aktiviti penulisan dan penyelidikan dalam bidang kepakaran mereka dan sebagai medium untuk berinteraksi dengan kumpulan penyelidik luar terutamanya di luar negara.


SCS telah diperkenalkan sejak penubuhan awal UTeM lagi dengan tujuan untuk meningkatkan kecermerlangan intelek serta produktiviti staf dalam bidang kepakaran masing-masing selari dengan perkembangan ilmu yang bersifat dinamik. Bagi mencapai matlamat ini, staf dibenarkan menjalani cuti sabbatical untuk aktiviti-aktiviti berikut:

- Pengajaran yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf di Universiti yang terkemuka di luar negara bagi tujuan perkongsian dan peningkatan pengetahuan akademik; atau
- Walau bagaimanapun, sekiranya bidang kepakarannya terdapat di dalam negara, maka skim ini boleh dipertimbangkan untuk diikuti di dalam negara.
- Penyelidikan dalam bidang pengkhususan;
- Penulisan buku karya asal/asli dengan syarat staf hanya menulis satu buku sahaja dalam tempoh sabbatical yang diluluskan. Kebenaran yang diberikan adalah hanya untuk menghabiskan penulisan sahaja dan bukan permulaan penulisan.


Sehingga 31 Disember 2023, seramai 2 orang staf akademik yang telah mengikuti Skim Cuti Sabbatical. Seorang staf telah menjalani di dalam negara (Universiti Tun Hussin Onn (UTHM) manakala seorang telah menjalani SCS di luar negara (University of Nottingham, United Kingdom). Bilangan ini menjadikan jumlah keseluruhan staf yang berjaya mengikuti SCS seramai 20 orang. **Rajah** di bawah di bawah adalah perincian jumlah keseluruhan staf yang mengikuti SCS mengikut fakulti, tahun dan negara.



Rajah 65 Bilangan Staf Akademik Mengikuti SCS dari Tahun 2011 Sehingga 2023 Mengikut Fakulti




Rajah 66 Bilangan Staf Akademik Mengikuti SCS Mengikut Negara




Rajah 67 Bilangan Staf Akademik Mengikut SCS Mengikut Tahun

Skim Jurutera Profesional

Pencapaian staf akademik yang telah berjaya memperolehi pengiktirafan Sijil Jurutera Profesional dan membawa gelaran Insenior (Ir.) sehingga 31 Disember 2023 adalah seramai 12 orang. **Rajah** di bawah menunjukkan staf yang memperolehi Ir. bagi tahun 2023 mengikut Fakulti.



Rajah 68 Jumlah Staf Akademik Aktif Yang Memperolehi Ir Bagi Tahun 2023 Mengikut Fakulti



Rajah 69 Jumlah Keseluruhan Staf Akademik Yang Memperolehi Ir Mengikut Fakulti Sehingga Tahun 2023

Berikut 12 orang staf akademik yang berjaya memperoleh pengiktirafan Sijil Jurutera Profesional (Ir.) pada tahun 2023.



Staf UTeM

Sehingga 31 Disember 2023, jumlah waran yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah sebanyak 2,043 yang merangkumi jawatan pengurusan utama, akademik dan pentadbiran bagi Pengurusan & Profesional manakala selebihnya jawatan pentadbiran kategori Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,035 jawatan telah diisi secara tetap dan kontrak.

Jadual 50 Waran dan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2023

Kumpulan	Bil. Waran	Bilangan Pengisian Mengikut Status		Isi	Baki
		Tetap	Kontrak		
Pengurusan Utama	4	4	0	4	0
Akademik	916	842	27	869	74
Pengurusan & Profesional	199	191	38	229	8
Pelaksana	924	876	57	933	48
Jumlah	2043	1913	122	2035	130

Jadual 51 Staf Akademik Universiti Tahun 2023

Jawatan	Gred	Jumlah Keseluruhan
Profesor	VK5	2
	VK6	0
	VK7	28
Profesor Madya	DS54	107
	DS53	5
Pensyarah	DS52	414
	DS51	69
	DS45	180
Jurutera Pengajar	DV52	3
	DV48	1
	DV44	29
	DV41	17
Guru Bahasa	DG52	1
	DG48	5
	DG44	9
	DG41	3
Jumlah		873

Staf Akademik

Seramai 873 orang staf akademik yang berkhidmat di Universiti yang berkecayaan PhD sekaligus menjadikan peratusan staf akademik berkecayaan PhD adalah sebanyak 64 % pada tahun 2023. Peningkatan peratusan staf akademik berkecayaan PhD adalah hasil daripada usaha dan strategi Universiti melalui staf baharu berkecayaan PhD dan peningkatan staf sedia ada yang lulus peringkat PhD di bawah Skim Cuti Belajar.

Jadual 52 Staf Akademik Berkecayaan PhD
Tahun 2020 hingga 2023

Tahun	PhD/ Jumlah Akademik	Peratusan %
2020	486/866	56
2021	515/857	60
2022	532/857	62
2023	559/873	64

Kejayaan Kumpulan KIK UTeM di ICQCC 2023, Beijing, China

Pada 31 Oktober hingga 2 November 2023 2 kumpulan KIK UTeM telah mewakili Malaysia bagi menyertai *International Conference on Quality Control Circles (ICQCC) 2023*, Beijing, China yang diadakan secara dalam talian.



Kumpulan OMSIFKEKK telah menerima penarafan emas (Gold Award) melalui projek inovasi: *The Long Process Of Moderating Assessment Questions*.




Kumpulan FAME Game telah menerima penarafan perak (Silver Award). Melalui projek inovasi: *Low utilisation of facility services in Faculty of Manufacturing Engineering (FKP)*, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Jalinan Kerjasama Dengan Penyelidik: Inovasi Memudahkan Warga Universiti

Pejabat Keselamatan UTeM sentiasa mengiringi pembangunan dan kemajuan Universiti telah meletakkan pemerksaan *Mind, Muscle, Machine* sebagai teras kepada perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. Sebagai pelengkap kepada pemerksaan *'Machine'*, penggunaan teknologi telah digunakan bagi membantu acuan perkhidmatan yang ditawarkan. Bermula dengan kerjasama dalam mewujudkan Sistem Pengurusan Keselamatan Universiti (SPKU) mulai tahun 2018, penggunaan teknologi diperluaskan lagi melalui kerjasama dengan para penyelidik UTeM pada tahun 2023 khususnya melalui geran penyelidikan yang berkaitan dengan keselamatan.

Projek E-Smartguard Bersama Penyelidik




Projek ini adalah di bawah geran penyelidikan 'smart campus'. Sistem ini dibangunkan dengan merangkumi fungsi telefon, *Walkie Talkie* dan *Patrolling Devices*.

Intelligent Vehicle Tracking System



Projek ini adalah di bawah geran penyelidikan 'Smart Campus'. Sistem ini dibangunkan bertujuan mengenalpasti kenderaan berdaftar dan tidak berdaftar serta direkodkan jumlah keluar dan masuk.

Development of UTeM 360 Virtual Tour Platform



Projek ini adalah di bawah geran penyelidikan 'Smart Campus'. Sistem ini dibangunkan bertujuan memperkenalkan dan mempromosi kampus UTeM melalui aplikasi laman web menggunakan teknologi *Tour 360*.

Laying & Pick Up Cone



Projek ini adalah di bawah geran penyelidikan 'Smart Campus' dan dibangunkan dengan objektif mengurangkan penggunaan masa dan tenaga kerja bagi pengaturan dan pengutipan kon keselamatan.

High Visibility Real Time Vehicle Speed Display System (VESPED)



Projek ini adalah di bawah geran penyelidikan 'smart campus'. Sistem ini dibangunkan bertujuan memberi kesedaran kepada pemandu kenderaan berkenaan had laju di dalam kampus.





14.0
Prestasi dan Laporan Keuangan

Ringkasan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN UTeM

Belanjawan Tahunan Universiti

Bajet Asal Universiti telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Mengikut Objek Sebagai (ABM7 Tahun 2023 UTeM) seperti yang telah dibentangkan di Parlimen pada 24 Februari 2023 yang terdiri daripada geran kerajaan sebanyak RM229,434,800 di bawah Dasar Sedia Ada. Pada tahun 2023, Universiti mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM4,000,000 melibatkan tambahan peruntukan Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK) Tahun 2023.

Bajet Asal daripada Sumber Dalaman (Rizab) UTeM di bawah Kumpulan Wang Pendapatan adalah sebanyak RM61,834,403 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 9 Januari 2023. Peruntukan tambahan sebanyak RM19,151,864 juga telah dibuat kepada bajet daripada Sumber Dalaman (Rizab) yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah Universiti.

RAJAH BELANJAWAN MENGURUS UNIVERSITI TAHUN 2023

KELULUSAN PERUNTUKAN MENGURUS AWAL TAHUN 2023		KEDUDUKAN PERUNTUKAN MENGURUS AWAL & TAMBAHAN TAHUN 2023	
RM 291,269,203		RM 314,421,067	
79%	GERAN KERAJAAN RM 229,434,800	74%	GERAN KERAJAAN RM 233,434,800
21%	RIZAB UNIVERSITI RM 61,834,403	26%	RIZAB UNIVERSITI RM 80,986,267

Pendapatan Keseluruhan

Pendapatan keseluruhan Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM375,147,670 berbanding RM373,971,230 pada tahun 2022 iaitu meningkat sebanyak RM1,176,440 (0.3%) disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan daripada urus niaga pertukaran melibatkan pelbagai pendapatan dalaman Kumpulan UTeM dan peningkatan geran Kerajaan yang dilunaskan.

Daripada jumlah pendapatan keseluruhan Kumpulan UTeM tahun 2023, sebanyak RM348,032,061 (92.8%) merupakan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang terdiri daripada pemberian geran mengurus Kerajaan, geran pembangunan yang dilunaskan, geran penyelidikan yang dilunaskan, geran pembangunan PFI yang dilunaskan, geran amanah yang dilunaskan, geran peruntukan khas yang dilunaskan dan pelbagai pendapatan yang terdiri daripada yuran dan hasil pelajar, denda dan gantirugi, pelbagai pendapatan/sumbangan lain dan pelbagai urus niaga bukan pertukaran lain. Manakala sejumlah

RM26,802,355 (7.1%) merupakan hasil daripada urus niaga pertukaran yang terdiri daripada sewa, jualan dan pelbagai hasil, faedah dan keuntungan dan hasil perkhidmatan akademik dan amanah. Manakala sejumlah RM313,254 (0.1%) adalah lain-lain pendapatan yang terdiri pendapatan daripada dana wakaf dan endowmen.

Pendapatan keseluruhan di peringkat Universiti pada tahun 2023 ialah berjumlah RM374,787,956 iaitu meningkat sebanyak RM1,571,750 (0.4%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM373,216,206.

Faktor yang mempengaruhi peningkatan pendapatan Universiti dalam tahun 2023 berbanding tahun 2022 adalah:

- Penjanaan hasil dalaman Universiti yang berjumlah RM64,461,303 iaitu telah meningkat sebanyak RM7,819,613 (13.8%) berbanding tahun 2022 berjumlah RM56,641,690. Hasil dalaman Universiti ini terdiri daripada yuran dan hasil pelajar, denda dan gantirugi, pelbagai pendapatan/sumbangan lain, pelbagai urus niaga bukan pertukaran lain, sewa, jualan dan pelbagai hasil, faedah dan keuntungan, dividen, hasil perkhidmatan akademik dan amanah dan lain-lain pendapatan seperti pendapatan daripada dana wakaf dan endowmen.
 - Pada tahun 2023, berlaku peningkatan yang ketara bagi aktiviti penjanaan pendapatan melalui keuntungan deposit iaitu sebanyak RM9,679,917 berbanding RM5,885,106 pada tahun sebelum iaitu peningkatan sebanyak RM3,794,811 (64.5%). Penetapan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang stabil oleh Bank Negara Malaysia memberi kesan positif kepada tawaran kadar oleh bank. Aktiviti rundingan kadar dan strategi kolaborasi atau usahasama yang berkesan bersama pihak institusi kewangan berjaya memastikan Universiti memperoleh tawaran kadar keuntungan deposit yang tinggi selain kawalan aliran tunai yang positif.
- Namun begitu, berlaku pengurangan penyaluran Geran Mengurus Kerajaan pada tahun 2023. Geran Mengurus tahun 2023 yang diterima Universiti termasuk geran tambahan ialah sebanyak RM233,434,800 berbanding RM242,818,000 pada tahun 2022 iaitu menurun sebanyak RM9,383,200 (3.9%).

Dividen Dibayar oleh Syarikat Induk UTeM

Syarikat induk UTeM iaitu UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) telah menyumbang Dividen bagi tahun kewangan 2022 yang telah dibayar pada tahun 2023 sebanyak RM5,000,000 iaitu bersamaan 90.3% daripada keuntungan bersih syarikat iaitu peningkatan sebanyak 72.4% berbanding bayaran Dividen tahun sebelum. Ia merupakan bayaran Dividen yang tertinggi sejak penubuhan syarikat. Hal ini susulan daripada penguatkuasaan Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM dan pemantauan yang berkesan Lembaga Pengarah Universiti melalui peranan Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti terhadap pengurusan syarikat induk.

Bagi tahun kewangan 2023, Dividen Akhir yang telah diisytihar dan diluluskan pada 28 Mac 2024 adalah sebanyak RM8,000,000 iaitu bersamaan 54.6% daripada keuntungan bersih syarikat tahun 2023.

Perbelanjaan Keseluruhan


Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM369,581,936 berbanding RM343,717,891 pada tahun 2022. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM25,864,045 (7.5%) disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan bayaran tetap, belanja pelunasan dan belanja hutang

ragu. Perbelanjaan Kumpulan UTeM ini terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan bayaran tetap, susut nilai dan pelunasan, perbelanjaan lain dan belanja hutang ragu.

Perbelanjaan keseluruhan di peringkat Universiti pada tahun 2023 ialah berjumlah RM375,242,951 iaitu meningkat sebanyak RM22,582,053 (6.4%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM352,660,898.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan perbelanjaan Universiti pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 adalah:

- Peningkatan perbelanjaan emolumen kakitangan Universiti sebanyak RM9,967,800 (5.6%).
- Peningkatan sebanyak RM14,423,277 (11.7%) bagi perbelanjaan operasi tahun semasa di bawah item perkhidmatan dan bekalan.
 - Selaras dengan hala tuju akademik Universiti dan sejajar dengan Pelan Strategik UTeM 2023-2025, adalah menjadi keutamaan Universiti untuk memberi penekanan dalam memperkasa TVET iaitu melalui penstrukturan semula empat (4) Fakulti Kejuruteraan dan dua (2) Fakulti Teknologi Kejuruteraan kepada empat (4) Fakulti mengikut fokus bidang Kejuruteraan dan Teknologi iaitu Elektrik dan Mekatronik, Elektronik dan Komputer, Mekanikal serta Pembuatan. Kesan penstrukturan fakulti ini turut melibatkan penambahan pada kos perpindahan aset
 - Bagi memenuhi keperluan penginapan pelajar berdasarkan unjuran kemasukan pelajar baharu dan pelajar tahun dua (2) bagi sesi 2023/2024, Universiti dengan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti telah membuat sewaan baharu Bangunan Asrama Al-Jazari bagi menempatkan kapasiti sehingga 1,000 orang pelajar untuk tempoh sewaan selama tiga (3) tahun.
- Peningkatan sebanyak RM5,265,420 (49.8%) bagi item pemberian dan bayaran tetap kesan pelarasan perbelanjaan bukan tunai iaitu melibatkan pelarasan peruntukan manfaat pekerja tahun 2023 bagi Ganjaran Cuti Rehat (GCR). Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 17 Tahun 2023 telah dikeluarkan berhubung had pengumpulan GCR yang mana mulai 1 Januari 2023 staf boleh mengumpul cuti rehat sehingga maksimum 180 hari berbanding 160 hari pada tahun sebelum.
- Pada tahun 2023, berlaku pengurangan dalam caj susut nilai tahunan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan sebanyak RM7,338,279 (18.9%) kesan penetapan semula kadar susut nilai mengikut jangka hayat bagi kemudahan infrastruktur daripada 20% kepada 10% berdasarkan kaedah garis lurus yang telah dibuat secara prospektif mulai tahun kewangan 2023.

GRAF PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UTeM TAHUN 2022 - 2023

Prestasi Keseluruhan

Kumpulan UTeM memperoleh Kurangan Selepas Cukai berjumlah RM399,622 berbanding Lebihan Selepas Cukai sebanyak RM30,217,068 pada tahun 2022. Secara perbandingan pada tahun 2022, terdapat penurunan terhadap pendapatan bersih Kumpulan UTeM disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan serta bayaran zakat dan cukai pada tahun 2023.

Di peringkat Universiti turut memperoleh Kurangan Pendapatan sebanyak RM454,995 berbanding Lebihan Pendapatan sebanyak RM20,555,308 pada tahun 2022. Hal ini berikutan, pada tahun 2022, Universiti telah menerima pelepasan sekatan Geran Mengurus sebanyak RM30,969,400 yang disalurkan semula pada 22 Disember 2022. Kurangan Pendapatan di peringkat Universiti juga adalah disebabkan peningkatan yang tidak setara antara Pendapatan berbanding Perbelanjaan yang mana Pendapatan meningkat hanya sebanyak 0.4% berbanding peningkatan dalam Perbelanjaan sebanyak 6.4%.

Secara keseluruhannya, UTeM telah berjaya mencapai sasaran penjanaan pendapatan dalaman pada tahun 2023 seperti yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Universiti iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak RM63.23 juta untuk tahun 2023. Perbelanjaan UTeM juga adalah terkawal dan berdasarkan Bajet yang telah diluluskan pada awal tahun sama ada melibatkan Geran Mengurus Kerajaan atau Sumber Dalaman Universiti (Rizab) termasuk peruntukan tambahan yang diluluskan.

Dana Zakat, Wakaf Dan Endowmen

Bagi mengurangkan kebergantungan terhadap dana Kerajaan, UTeM telah meraih dana sebanyak RM821,796 pada tahun 2023 yang merangkumi terimaan dan keuntungan daripada dana zakat sebanyak RM331,888, waqaf sebanyak RM114,822 dan endowmen sebanyak RM375,086.

Pendapatan daripada dana Wakaf dan Endowmen adalah penjanaan daripada keuntungan Simpanan Tetap yang diklasifikasikan sebagai Restricted Income dan direkodkan di bawah pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah melalui penubuhan Tabung Wakaf UTeM dan Tabung Endowmen UTeM.

Sebanyak RM855,032 daripada baki terkumpul dana zakat, wakaf dan endowmen telah digunakan pada tahun semasa, antaranya, bagi menampung keperluan bantuan sara hidup dan kebajikan pelajar serta pindahan atau agihan zakat kepada pelajar yang layak. Setelah mengambil kira pelbagai terimaan, pendapatan dan perbelanjaan, baki terkumpul dana zakat, waqaf dan endowmen UTeM pada 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM9,374,724.

KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN UTeM

Aset

Jumlah keseluruhan Aset Kumpulan UTeM pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1,116,271,702 (2022: RM1,124,483,725) dan jumlah keseluruhan Aset Universiti pada tahun 2023 adalah sebanyak RM888,623,995 (2022: RM893,623,125). Secara umumnya, kedudukan Aset Kumpulan UTeM adalah kekal kukuh pada tahun 2023.

Jumlah aset bukan semasa bagi Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM811,201,541 berbanding RM803,724,179 pada tahun 2022, iaitu meningkat sebanyak RM7,477,362 (0.9%). Manakala jumlah aset bukan semasa UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM618,432,069 berbanding RM608,506,260 pada tahun 2022, iaitu meningkat sebanyak RM9,925,809 (1.6%). Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan, aset tak ketara dan peningkatan dalam baki akaun belum terima.

Jumlah aset semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM305,070,161 berbanding dengan RM320,759,546 pada tahun 2022, iaitu menurun sebanyak RM15,689,385 (4.9%). Manakala jumlah aset semasa UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM270,191,926 berbanding RM285,116,865 pada tahun 2022, iaitu menurun sebanyak RM14,924,939 (5.2%). Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam baki tunai dan kesetaraan tunai yang terdiri daripada simpanan tetap dan tunai di tangan dan di bank.

Liabiliti

Jumlah keseluruhan Liabiliti Kumpulan UTeM pada tahun 2023 adalah sebanyak RM312,032,667 berbanding RM319,845,068 pada tahun 2022 iaitu menurun sebanyak RM7,812,401 (2.4%) manakala Liabiliti keseluruhan UTeM adalah sebanyak RM274,672,128 berbanding RM279,216,263 pada tahun 2022 juga menurun sebanyak RM4,544,135 (1.6%). Secara umumnya, kedudukan Liabiliti yang belum dijelaskan Kumpulan UTeM pada tahun 2023 adalah lebih baik berbanding tahun 2022.


Liabiliti semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM38,615,767 berbanding RM32,140,664 pada tahun 2022. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM6,475,103 (20.1%). Manakala Liabiliti semasa UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak 29,902,287 berbanding RM23,420,328 iaitu peningkatan sebanyak RM6,481,959 (27.7%) disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah akaun belum bayar dan pajakan kewangan.

Liabiliti bukan semasa Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah berjumlah RM273,416,900 berbanding RM287,704,404 pada tahun 2022. Ianya mencatatkan penurunan sebanyak RM14,287,504 (5.0%). Manakala Liabiliti bukan semasa UTeM pada

tahun 2023 ialah sebanyak RM244,769,841 berbanding RM255,795,935 iaitu menurun sebanyak RM11,026,094 (4.3%) disebabkan oleh pengurangan baki pajakan kewangan dan pendapatan tertunda yang belum dilunaskan.

Pada tahun 2023, jumlah Aset Bersih Kumpulan adalah sebanyak RM804,239,035 manakala Aset Bersih UTeM adalah sebanyak RM613,951,867.

GRAF ASET & LIABILITI UTeM TAHUN 2021 – 2023




TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM290,012,959. Kedudukan tunai dan kesetaraan tunai menurun sebanyak RM20,821,424 (6.7%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM310,834,383.

Manakala tunai dan kesetaraan tunai UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM250,957,501 berbanding RM269,381,496 pada tahun 2022 iaitu menurun sebanyak RM18,423,995 (6.8%). Ini adalah disebabkan oleh aliran tunai keluar bagi aktiviti operasi dan aktiviti pelaburan UTeM seperti rajah aliran tunai UTeM berikut:

RAJAH ALIRAN TUNAI UTeM TAHUN 2022 – 2023



PERGERAKAN ALIRAN TUNAI	2023	2022
Baki awal tunai dan kesetaraan tunai	269,381,496	232,525,562
Tunai bersih untuk aktiviti Operasi	(26,301,551)	(329,017)
Tunai bersih untuk aktiviti Pelaburan	(29,153,701)	(23,478,882)
Tunai bersih dari aktiviti Pembiayaan	37,031,257	60,663,833
Penambahan/Pengurangan bersih tunai	(18,423,995)	36,855,934
Baki tunai dan kesetaraan tunai	250,957,501	269,381,496
Pecahan tunai dan kesetaraan tunai:		
Simpanan tetap	239,015,761	236,440,265
Tunai di tangan dan di bank	11,941,740	32,941,231
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	250,957,501	269,381,496

Jumlah tunai dan kesetaraan tunai UTeM pada tahun 2023 ini adalah terdiri daripada baki tunai dan kesetaraan tunai dana pendapatan, pembangunan, penyelidikan dan pelbagai akaun amanah yang terikat dengan Surat Ikatan Amanah.


PRESTASI KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan Mengurus UTeM

Pendapatan mengurus UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM279,634,783 berbanding RM283,157,705 pada tahun 2022 iaitu menurun sebanyak RM3,522,922 (1.2%). Daripada jumlah pendapatan mengurus UTeM tahun 2023, sebanyak RM233,434,800 (83.5%) merupakan peruntukan Kerajaan dan bakinya sebanyak RM46,199,983 (16.5%) adalah sumber dalaman UTeM.

Pendapatan mengurus UTeM ini terdiri daripada Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pendapatan.


GRAF PENDAPATAN MENGURUS UTeM TAHUN 2022 - 2023



Perbelanjaan Mengurus UTeM

Perbelanjaan mengurus UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM295,097,991 berbanding RM265,694,977 pada tahun 2022 iaitu meningkat sebanyak RM29,403,014 (11.1%). Perbelanjaan mengurus UTeM ini terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan bayaran tetap, susut nilai dan pelunasan, perbelanjaan lain dan belanja hutang ragu.

GRAF PERBELANJAAN MENGURUS UTeM TAHUN 2022 - 2023




PRESTASI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan Pembangunan UTeM

Peruntukan pembangunan UTeM yang diterima daripada Kerajaan pada tahun 2023 ialah sebanyak RM55,434,000 berbanding RM70,414,000 pada tahun 2022. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM14,980,000 (21.3%) berikutan penyaluran peruntukan pembangunan oleh KPT adalah berdasarkan status kemajuan projek pembangunan. Peruntukan pembangunan UTeM tahun 2023 ini adalah termasuk geran pembangunan PFI yang diterima sebanyak RM33,714,000 bagi Projek Pajak Konsesi Kolej Kediaman Satria UTeM.


GRAF PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UTeM TAHUN 2022 - 2023



Perbelanjaan Pembangunan UTeM

Perbelanjaan pembangunan UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM59,021,556 berbanding RM63,966,040 pada tahun 2022. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM4,944,484 (7.7%) disebabkan oleh penurunan dalam susut nilai aset pembangunan.

GRAF PERBELANJAAN PEMBANGUNAN UTeM TAHUN 2022 - 2023



Secara keseluruhannya, jumlah Kumpulan Wang Pembangunan UTeM pada 31 Disember 2023 ialah sebanyak RM542,022,970 di mana hampir keseluruhannya adalah dalam bentuk hartanah, loji dan peralatan termasuk bangunan pajakan dan penilaian semula tanah pajakan.


Baki geran pembangunan tertunda yang belum dilunaskan pada 31 Disember 2023 ialah sebanyak RM34,472,752.

PRESTASI KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyelidikan UTeM

Geran dana penyelidikan yang diterima UTeM pada tahun 2023 ialah sebanyak RM5,114,310 berbanding RM5,721,420 pada tahun 2022. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM607,110 (10.6%) disebabkan oleh pengurangan dalam penerimaan geran dana penyelidikan Fundamental (FRGS) oleh Kerajaan. Perbelanjaan geran dana penyelidikan pada tahun 2023 ialah sebanyak RM6,596,979 berbanding RM5,883,658 pada tahun 2022 iaitu meningkat sebanyak RM713,321 (12.1%) disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, susut nilai aset penyelidikan dan belanja hutang ragu.

GRAF PERUNTUKAN & PERBELANJAAN PENYELIDIKAN UTeM TAHUN 2022 - 2023



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Ketua Audit Negara dalam laporannya bertarikh 30 Oktober 2024 berpendapat bahawa Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah memberi satu gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan UTeM.

RINGKASAN ANALISIS PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN

PERANGKAAAN KEWANGAN PENTING			KUMPULAN			UNIVERSITI		
			2023 RM	2022 RM	%	2023 RM	2022 RM	%
I.	Pendapatan	Keseluruhan	375,147,670	373,971,230	0.3	374,787,956	373,216,206	0.4
		• Mengurus - Pemberian Kerajaan	233,434,800	242,818,000	(3.9)	233,434,800	242,818,000	(3.9)
		• Mengurus - Sumber Dalaman	40,809,509	37,341,271	9.3	46,199,983	40,339,705	14.5
		Jumlah Mengurus	274,244,309	280,159,271	(2.1)	279,634,783	283,157,705	(1.2)
II.	Perbelanjaan	Keseluruhan	369,581,936	343,717,891	7.5	375,242,951	352,660,898	6.4
		Mengurus	263,715,056	237,847,677	10.9	295,097,991	265,694,977	11.1
III.	Lebihan/ (Kurangan)	Keseluruhan	(399,622)	30,217,068	(101.3)	(454,995)	20,555,308	(102.2)
		Mengurus	10,529,253	42,311,594	(75.1)	(15,463,208)	17,462,728	(188.5)
IV.	Lebihan/ (Kurangan) Terkumpul	Keseluruhan	804,239,035	804,638,657	(0.1)	613,951,867	614,406,862	(0.1)
		Mengurus	213,260,326	208,862,655	2.1	(20,953,249)	641,541	(3.366)
V.	Aset Bukan Semasa	811,201,541	803,724,179	0.9	618,432,069	608,506,260	1.6	
VI.	Aset Semasa	305,070,161	320,759,546	(4.9)	270,191,926	285,116,865	(5.2)	
VII.	Liabiliti Semasa	38,615,767	32,140,664	20.1	29,902,287	23,420,328	27.7	
VIII.	Liabiliti Bukan Semasa	273,416,900	287,704,404	(5.0)	244,769,841	255,795,935	(4.3)	
IX.	Aset Bersih/Ekuiti	804,239,035	804,638,657	(0.1)	613,951,867	614,406,862	(0.1)	
X.	Tunai Dan Kesetaraan Tunai	• Simpanan Tetap	269,680,623	237,759,419	(13.4)	239,015,761	236,440,265	1.1
		• Wang di Tangan dan di Bank	20,332,336	73,074,964	(72.2)	11,941,740	32,941,231	(63.7)
		Jumlah Tunai	290,012,959	310,834,383	(6.7)	250,957,501	269,381,496	(6.8)
XI.	Nisbah Kewangan							
	a)	Lebihan(Kurangan)/Pendapatan	(0.11%)	8.08%		(0.12%)	5.51%	
	b)	Aset Semasa/Liabiliti Semasa	7.90	9.98		9.04	12.17	
	c)	Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa	7.51	9.67		8.39	11.50	
	d)	Jumlah Hutang/Jumlah Aset	0.28	0.28		0.31	0.31	



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

30 OKTOBER 2024



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR dan PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



.....
DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR
Pengerusi Lembaga Pengarah



.....
PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : **28 MAR 2024**
Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, SABARINA BINTI ABDULLAH, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
SABARINA BINTI ABDULLAH, di negeri Melaka))
pada **28 MAR 2024**)



.....
SABARINA BINTI ABDULLAH
NO. K/P : 770905-04-5432

Di hadapan saya,



.....
PESURUHJAYA SUMPAAH



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM	
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	601,660,602	542,584,687	587,896,130	526,371,768
Pembinaan Dalam Kemajuan	4	15,409,682	68,148,245	15,409,682	68,148,245
Aset Tak Ketara	5	2,556,896	2,347,827	2,556,896	2,347,827
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal	6	-	-	1,000,000	1,000,000
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	7	5,000	5,000	-	-
Hartanah Pelaburan	8	180,000,000	180,000,000	-	-
Akaun Belum Terima	9	11,569,361	10,638,420	11,569,361	10,638,420
Jumlah Aset Bukan Semasa		811,201,541	803,724,179	618,432,069	608,506,260
ASET SEMASA					
Akaun Belum Terima	9	3,317,061	2,802,282	2,644,952	2,160,676
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	10	3,046,107	2,403,670	3,046,107	2,403,670
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	11	7,042,054	3,496,075	11,891,386	9,947,887
Pendapatan Terakru		1,651,980	1,223,136	1,651,980	1,223,136
Pelaburan Lain	12	-	-	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	13	290,012,959	310,834,383	250,957,501	269,381,496
Jumlah Aset Semasa		305,070,161	320,759,546	270,191,926	285,116,865
JUMLAH ASET		1,116,271,702	1,124,483,725	888,623,995	893,623,125
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat Pekerja	26	51,691,072	44,343,501	51,691,072	44,343,501
Pajakan Kewangan	27	140,034,998	142,804,714	140,034,998	142,804,714
Pinjaman Berjangka	28	28,647,059	31,908,469	-	-
Pendapatan Tertunda	29	53,043,771	68,647,720	53,043,771	68,647,720
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		273,416,900	287,704,404	244,769,841	255,795,935
LIABILITI SEMASA					
Manfaat Pekerja	26	564,348	754,969	564,348	754,969
Akaun Belum Bayar	30	25,705,296	21,612,906	25,209,477	19,354,855
Pajakan Kewangan	27	4,128,462	3,310,504	4,128,462	3,310,504
Pinjaman Berjangka	28	4,700,678	6,434,206	-	-
Peruntukan Cukai		3,516,983	28,079	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		38,615,767	32,140,664	29,902,287	23,420,328
JUMLAH LIABILITI		312,032,667	319,845,068	274,672,128	279,216,263
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		804,239,035	804,638,657	613,951,867	614,406,862
ASET BERSIH/EKUITI					
Kumpulan Wang Mengurus	14	102,898,488	155,953,511	(141,206,537)	(59,037,933)
Kumpulan Wang Pembangunan	15	469,240,742	462,872,315	469,240,742	462,872,315
Kumpulan Wang Penyelidikan	16	6,429,167	8,888,857	6,429,167	8,888,857
Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	17	72,782,228	69,703,295	72,782,228	69,703,295
Kumpulan Wang Pembiayaan Kenderaan	18	8,000,000	8,000,000	8,000,000	8,000,000
Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer	19	600,000	600,000	600,000	600,000
Kumpulan Wang Pendapatan	20	110,361,838	52,909,144	120,253,288	59,679,474
Kumpulan Wang Amanah	21	73,387,374	61,719,769	73,564,178	61,804,031
Kumpulan Wang Peruntukan Khas	22	2,550,071	1,391,960	2,550,071	1,391,960
Kumpulan Wang Perundingan	23	1,466,730	232,863	1,538,730	304,863
Kumpulan Wang Pembiayaan Peralatan Sukan	24	200,000	200,000	200,000	200,000
Kerugian Berkumpul Entiti yang Dikawal	25	(43,677,603)	(17,833,057)	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		804,239,035	804,638,657	613,951,867	614,406,862

Nota-nota di muka surat 7 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula	
PENDAPATAN					
Pendapatan daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	31	348,032,061	354,394,071	348,268,041	354,166,039
Pendapatan daripada Urus Niaga Pertukaran	32	26,802,355	19,383,161	26,206,661	18,856,169
Lain-lain Pendapatan	33	313,254	193,998	313,254	193,998
		375,147,670	373,971,230	374,787,956	373,216,206
PERBELANJAAN					
Emolumen	34	190,377,964	179,166,491	187,759,634	177,791,834
Perkhidmatan dan Bekalan	35	125,945,585	109,187,324	137,998,821	123,575,544
Pemberian dan Bayaran Tetap	36	15,841,602	10,653,650	15,841,602	10,576,182
Perbelanjaan Lain		169	74,773	169	24,773
Susut Nilai	3	34,778,333	42,797,809	31,516,442	38,854,721
Belanja Pelunasan		1,904,115	1,646,630	1,904,115	1,646,630
Belanja Hutang Ragu		734,168	191,214	222,168	191,214
		369,581,936	343,717,891	375,242,951	352,660,898
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI		5,565,734	30,253,339	(454,995)	20,555,308
ZAKAT		2,383,054	-	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI		3,182,680	30,253,339	(454,995)	20,555,308
PERBELANJAAN CUKAI	37	3,582,302	36,271	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI		(399,622)	30,217,068	(454,995)	20,555,308
JUMLAH LEBIHAN/(KURANGAN) DIAGIHKAN KEPADA: UNIVERSITI		(399,622)	30,217,068	(454,995)	20,555,308
		(399,622)	30,217,068	(454,995)	20,555,308

Nota-nota di muka surat 7 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSHIEKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus		Kumpulan Wang Pembangunan		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Inisiatif Swasta (PFI)		Kumpulan Wang Pembinaan Kenderaan		Kumpulan Wang Pembinaan Komputer dan Telefon Pintar		Kumpulan Wang Pendapatan		Kumpulan Wang Amanah		Kumpulan Wang Peruntukan Khas		Kumpulan Wang Perundingan		Kumpulan Wang Perbaikan Peralatan Sukam dan Rekreasi		Keuntungan/ (Kerugian) Tekumpul/Entiti Yang Dikawal		Jumlah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2023																											
Baki pada 1 Januari 2023	155,953,511	462,872,315	8,888,857	69,703,295	8,000,000	600,000	52,909,144	61,719,769	1,391,960	232,863	200,000	(17,853,057)	804,638,657														
Geran Kerajaan	233,434,800	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	233,434,800														
Geran yang Dilunaskan	-	34,755,372	3,667,618	33,713,544	-	-	-	3,001,896	1,753,423	-	-	-	76,891,853														
Pendapatan Lain	9,021,053	-	1,217,587	-	-	-	31,788,456	15,138,591	-	1,812,620	-	5,842,730	64,621,017														
	398,409,364	497,627,687	13,774,042	103,416,839	8,000,000	600,000	84,897,600	79,860,256	3,145,383	2,045,483	200,000	(11,990,327)	1,179,786,327														
(-) Perbelanjaan	(214,763,730)	(28,386,945)	(6,596,979)	(30,634,611)	-	-	(48,951,326)	(13,352,360)	(595,312)	(578,753)	-	(25,721,920)	(369,581,936)														
	183,645,634	469,240,742	7,177,063	72,782,228	8,000,000	600,000	35,746,274	66,507,896	2,550,071	1,466,730	200,000	(87,712,247)	810,204,391														
Zakat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(2,363,054)														
Cukai	(80,747,146)	-	(747,896)	-	-	-	74,615,564	6,679,478	-	-	-	(3,582,302)	(3,582,302)														
Pindahan antara Kumpulan Wang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-														
Baki pada 31 Disember 2023	102,889,488	469,240,742	6,429,167	72,782,228	8,000,000	600,000	110,361,838	73,387,374	2,550,071	1,466,730	200,000	(43,677,603)	804,239,035														
2022																											
Baki pada 1 Januari 2022	119,710,305	468,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	600,000	55,225,471	51,101,508	1,868,250	172,462	200,000	(2,705,395)	774,421,589														
Geran Kerajaan	242,818,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	242,818,000														
Geran yang Dilunaskan	-	27,368,681	5,272,937	34,846,853	-	-	-	4,954,878	1,313,087	-	-	-	73,756,516														
Pendapatan Lain	5,416,705	-	287,795	-	-	-	31,924,566	14,790,183	-	1,113,713	-	3,663,842	57,396,714														
	367,945,010	495,793,044	11,483,514	100,748,606	8,000,000	600,000	87,150,037	70,846,669	3,181,317	1,286,175	200,000	(1,158,447)	1,148,392,819														
(-) Perbelanjaan	(203,606,784)	(32,920,729)	(5,883,658)	(31,045,311)	-	-	(34,240,893)	(14,222,614)	(1,789,357)	(1,055,312)	-	(18,955,233)	(343,717,891)														
	164,338,226	462,872,315	5,599,856	69,703,295	8,000,000	600,000	52,909,144	56,624,055	1,391,960	232,863	200,000	(17,796,789)	804,674,928														
Cukai	(8,384,715)	-	(3,289,001)	-	-	-	5,095,714	-	-	-	-	(36,271)	(36,271)														
Pindahan antara Kumpulan Wang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-														
Baki pada 31 Disember 2022	155,953,511	462,872,315	8,888,857	69,703,295	8,000,000	600,000	52,909,144	61,719,769	1,391,960	232,863	200,000	(17,853,057)	804,638,657														

Nota-nota di muka surat 7 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIHKEJUJI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan Wang Mengurus		Kumpulan Wang Pembangunan		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Insentif Swasta (PFI)		Kumpulan Wang Pembinaan Kenderaan		Kumpulan Wang Pembinaan Komputer dan Telefon Pinar		Kumpulan Wang Pendapatan		Kumpulan Wang Amanah		Kumpulan Wang Peruntukan Khas		Kumpulan Wang Perundangan		Kumpulan Wang Pembinaan Peralatan Sukam dan Rekreasi		Keuntungan/ (Kerugian) Tertumpu/ Entiti Yang Dikawal		Jumlah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2023																											
Baki pada 1 Januari 2023	(59,037,933)	462,872,315	8,888,857	69,703,295	8,000,000	600,000	59,679,474	61,804,031	1,391,960	304,863	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	614,406,862
Geran Kerajaan	233,434,800	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	233,434,800
Geran yang Dilunaskan	-	34,755,372	3,667,618	33,713,544	-	-	-	3,001,896	1,753,423	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	76,891,853
Pendapatan Lain	9,021,328	-	1,217,567	-	-	-	37,178,655	15,231,133	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	64,461,303
	183,418,185	497,627,687	13,774,042	103,416,839	8,000,000	600,000	96,858,129	80,037,060	3,145,383	2,117,483	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	989,194,818
(-) Perbelanjaan	(243,877,586)	(28,386,945)	(6,595,979)	(30,634,611)	-	-	(51,220,405)	(13,352,360)	(595,312)	(578,753)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(375,242,951)
	(60,459,391)	469,240,742	7,177,063	72,782,228	8,000,000	600,000	45,637,724	66,684,700	2,550,071	1,538,730	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	613,951,867
	(80,747,146)	-	(747,899)	-	-	-	74,815,584	6,879,478	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan antara Kumpulan Wang																											
Baki pada 31 Disember 2023	(141,206,537)	469,240,742	6,429,167	72,782,228	8,000,000	600,000	120,253,288	73,564,178	2,550,071	1,538,730	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	613,951,867
2022																											
Baki pada 1 Januari 2022	(67,440,131)	466,424,363	5,922,872	65,901,753	8,000,000	600,000	59,003,659	51,146,326	1,868,250	224,462	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	583,851,554
Geran Kerajaan	242,816,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	242,816,000
Geran yang Dilunaskan	-	27,368,681	5,272,937	34,846,853	-	-	-	4,854,978	1,313,067	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	73,756,516
Pendapatan Lain	5,416,749	-	287,705	-	-	-	34,922,956	14,880,567	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	56,641,690
	180,794,618	495,793,044	11,483,514	100,748,606	8,000,000	600,000	93,926,615	70,981,871	3,181,317	1,358,175	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	987,067,780
(-) Perbelanjaan	(231,447,836)	(32,920,729)	(5,883,659)	(31,045,311)	-	-	(34,247,141)	(14,273,554)	(1,789,357)	(1,053,312)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(352,660,898)
	(60,653,218)	462,872,315	5,599,856	69,703,295	8,000,000	600,000	59,679,474	56,708,317	1,391,960	304,863	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	614,406,862
	(6,384,715)	-	3,289,001	-	-	-	5,095,714	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan antara Kumpulan Wang																											
Baki pada 31 Disember 2022	(59,037,933)	462,872,315	8,888,857	69,703,295	8,000,000	600,000	59,679,474	61,804,031	1,391,960	304,863	200,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	614,406,862

Nota-nota di muka surat 7 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	5,565,734	30,253,339	(454,995)	20,555,308
Pelarasan untuk :				
Pelunasan Geran	(76,891,853)	(73,756,516)	(76,891,853)	(73,756,516)
Faedah, Keuntungan dan Dividen Diterima	(10,770,909)	(6,520,820)	(14,993,171)	(8,979,104)
Manfaat Pekerja	8,835,173	3,649,081	8,835,173	3,649,081
Susut Nilai	34,778,333	42,797,809	31,516,442	38,854,721
Belanja Pelunasan	1,904,115	1,646,630	1,904,115	1,646,630
Belanja Hutang Ragu	222,168	191,214	222,168	191,214
Faedah Pajak	20,863,567	21,267,132	20,863,567	21,267,132
Pelarasan Pengkelasan Akaun	2,715,320	835,740	2,715,320	835,740
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan	(612,297)	-	(612,297)	-
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(15,840)	(172,241)	(15,840)	(172,241)
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	169	48	169	48
Lebihan/(Kurangan) Operasi sebelum perubahan Modal Kerja	(13,406,320)	20,191,416	(26,911,202)	4,092,013
Pengurangan/(pertambahan) dalam Akaun Belum Terima	(457,182)	65,737	(426,679)	(24,455)
Pengurangan/(pertambahan) dalam Urus Niaga Bukan				
Pertukaran Belum Terima	(836,886)	(591,508)	(836,886)	(591,508)
(Pertambahan)/pengurangan dalam Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	(3,545,979)	7,159	(1,943,499)	215,363
Pengurangan dalam Pendapatan Terakru	(428,844)	(724,529)	(428,844)	(724,529)
Pengurangan/(pertambahan) dalam Akaun Belum Bayar	4,161,550	971,027	5,923,782	763,559
Tunai (untuk)/daripada Aktiviti Operasi	(14,513,661)	19,919,302	(24,623,328)	3,730,443
Manfaat Pekerja Dibayar	(1,678,223)	(4,059,460)	(1,678,223)	(4,059,460)
Zakat Dibayar	(2,383,054)	-	-	-
Cukai Dibayar	(93,398)	(25,500)	-	-
Tunai Bersih (untuk)/daripada Aktiviti Operasi	(18,668,336)	15,834,342	(26,301,551)	(329,017)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Faedah dan Keuntungan Diterima	10,770,909	6,520,820	9,993,171	6,079,104
Dividen Diterima	-	-	5,000,000	2,900,000
Pelaburan Lain	-	4,025,000	-	-
Penerimaan Pinjaman Kenderaan/Komputer/Peralatan	1,675,447	1,601,215	1,675,447	1,601,215
Bayaran Pinjaman Kenderaan/Komputer/Peralatan	(2,691,704)	(1,222,384)	(2,691,704)	(1,222,384)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(19,555,327)	(12,829,038)	(18,741,883)	(10,363,172)
Pembelian Aset Tak Ketara	(1,593,457)	(2,138,016)	(1,593,457)	(2,138,016)
Terimaan Hasil Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	16,119	173,168	16,119	173,168
Pembayaran Pembinaan dalam Kemajuan	(22,811,394)	(20,508,797)	(22,811,394)	(20,508,797)
Tunai Bersih untuk Aktiviti Pelaburan	(34,189,407)	(24,378,032)	(29,153,701)	(23,478,882)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran Pajak Kewangan	(24,187,487)	(24,437,336)	(24,187,487)	(24,437,336)
Penerimaan Pinjaman Berjangka	-	6,434,206	-	-
Pembayaran Pinjaman Berjangka	(4,994,938)	(10,558,472)	-	-
Penerimaan Pelbagai Geran Khusus	61,218,744	85,101,169	61,218,744	85,101,169
Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan	32,036,319	56,539,567	37,031,257	60,663,833
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	(20,821,424)	47,995,877	(18,423,995)	36,855,934
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	310,834,383	262,838,506	269,381,496	232,525,562
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	13 290,012,959	310,834,383	250,957,501	269,381,496
Tunai dan Kesetaraan Tunai termasuk :				
Simpanan Tetap	269,680,623	237,759,419	239,015,761	236,440,265
Tunai di Tangan dan di Bank	20,332,336	73,074,964	11,941,740	32,941,231
13	290,012,959	310,834,383	250,957,501	269,381,496

Nota-nota di muka surat 7 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

NOTA	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR	VARIAN BAJET
	Asal RM	Akhir RM		
PENERIMAAN				
43 (i)				
Peruntukan/Pemberian Kerajaan	229,434,800	233,434,800	233,434,800	-
Yuran dan Hasil Pelajar	49,480,000	49,480,000	26,416,840	(23,063,160)
Sewa, Jualan dan Pelbagai Hasil	970,000	970,000	2,091,314	1,121,314
Faedah, Keuntungan dan Dividen	12,780,000	12,780,000	14,679,530	1,899,530
Hasil Perkhidmatan Akademik dan Amanah	-	-	203,878	203,878
Pelbagai Pendapatan Lain	-	-	2,808,421	2,808,421
JUMLAH PENERIMAAN	292,664,800	296,664,800	279,634,783	(17,030,017)
PERBELANJAAN				
Emolumen				
43 (ii)				
Gaji dan Upahan	131,808,045	129,470,571	129,440,971	29,600
Elaun Tetap	32,193,744	31,563,360	31,180,271	383,089
Sumbangan Berkanun	19,126,713	22,496,040	22,496,040	-
Elaun Lebih Masa	1,118,500	1,277,036	1,233,143	43,893
Faedah Kewangan yang Lain	204,174	3,423,404	3,408,809	14,595
	184,451,176	188,230,411	187,759,234	471,177
Perkhidmatan dan Bekalan				
43 (iii)				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4,357,090	4,120,589	2,985,582	1,135,007
Pengangkutan Barang-barang	87,247	1,924,452	1,923,697	755
Perhubungan dan Utiliti	12,413,118	13,465,889	12,678,495	787,394
Sewaan	29,990,261	32,914,878	30,333,917	2,580,961
Bahan Makanan dan Minuman	49,000	26,800	26,787	13
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	1,113,500	1,001,250	848,897	152,353
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	2,277,939	3,528,970	2,735,735	793,235
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	6,177,750	5,381,100	5,048,163	332,937
Perkhidmatan yang Lain	36,094,898	42,072,017	32,430,017	9,642,000
	92,560,803	104,435,945	89,011,290	15,424,655
Harta Modal				
43 (iv)				
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	1,770,000	4,961,636	2,572,266	2,389,370
Kemudahan Infrastruktur dan Pembaikan Kenderaan dan Jentera	4,880,000	4,969,003	2,670,298	2,298,705
	50,000	-	-	-
Alat Kelengkapan dan Perabot Inventori/Alat Tak Luak	3,653,100	6,532,889	910,665	5,622,224
Aset Tak Ketara	537,600	1,366,681	787,028	579,653
	-	285,172	285,172	-
	10,890,700	18,115,381	7,225,429	10,889,952
Pemberian dan Bayaran Tetap				
43 (v)				
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	1,000,000	908,000	814,197	93,803
Pemberian Dalam Negeri	1,810,323	1,598,557	1,510,969	87,588
Tuntutan Insuran dan Pampasan	113,526	75,526	64,782	10,744
Ganjaran	127,600	127,600	44,186	83,414
Gantian Cuti Rehat	315,075	929,647	903,152	26,495
	3,366,524	3,639,330	3,337,286	302,044
JUMLAH PERBELANJAAN	291,269,203	314,421,067	287,333,239	27,087,828

Nota

- Bajet Asal merupakan bajet awal tahun yang diluluskan oleh Kerajaan/Lembaga Pengarah Universiti bagi satu tempoh bajet.
- Bajet Akhir merupakan bajet asal mengambil kira semua tambahan/kurangan peruntukan serta pindah peruntukan bagi satu tempoh bajet untuk menampung keperluan perbelanjaan.
- Amaun Sebenar merupakan penerimaan atau perbelanjaan yang terhasil bagi satu tempoh bajet.
- Varian Bajet merupakan perbezaan di antara bajet akhir dan amaun sebenar bagi satu tempoh bajet.
- Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan perbelanjaan hanya merujuk kepada perbelanjaan daripada Bajet Mengurus Universiti iaitu melibatkan dana Geran Mengurus Kerajaan dan Sumber Dalam (Rizab)

Nota-nota di muka surat 7 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**1. MAKLUMAT AM**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) sebagai Universiti teknikal pertama di Malaysia.

Aktiviti utama UTeM ialah mengadakan, memajukan dan mengembangkan pendidikan tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu serta mengadakan penyelidikan, pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian. UTeM memfokuskan kepada bidang kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti yang berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada **28 Mac 2024**.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING**2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan entiti yang dikawal oleh Universiti.

Mulai tahun kewangan 2020, Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Penyata Kewangan entiti yang dikawal telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini, penyata kewangan Kumpulan dan Universiti telah menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) mulai Penyata Kewangan tahun 2016.

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan anak syarikat iaitu entiti yang dikawal oleh Universiti. Kawalan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Keuntungan dan perbelanjaan entiti yang dikawal disertakan dalam penyata kewangan Kumpulan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh di mana Universiti berhenti mengawal anak syarikat. Apabila Universiti berhenti mengawal anak syarikat, sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan anak syarikat dan nilai dibawa pada tarikh kawalan hilang adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian pada pelupusan anak syarikat.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urus niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama kecuali yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan. Penyesuaian yang sewajarnya dilakukan ke atas laporan kewangan entiti yang dikawal bagi memastikan penyata penyatuan Kumpulan disediakan bagi memenuhi keperluan polisi perakaunan yang berkaitan.

Semua baki, urus niaga di antara Kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

2.3 Penggabungan Perniagaan

Penggabungan perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos penggabungan perniagaan adalah diukur pada agregat nilai saksama, pada tarikh pengambilalihan, aset diberikan, liabiliti yang ditanggungkan atau diandaikan dan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan, sebagai pertukaran kawalan syarikat yang diambil alih, menambah sebarang kos boleh diagihkan secara langsung kepada penggabungan perniagaan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan memperuntukkan kos penggabungan perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh dikenal pasti, liabiliti boleh jangka dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama, kecuali aset atau liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada aset yang diperolehi dan liabiliti yang ditanggung dalam penggabungan perniagaan dan sesuatu liabiliti atau aset, jika ada, yang berkaitan dengan pengaturan faedah pekerja pemeroleh. Sebarang lebihan daripada kos penggabungan perniagaan di atas kepentingan pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti, liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah. Sebarang kepentingan bukan kawalan dalam pengambilalihan adalah diukur pada bahagian kepentingan bukan kawalan ke atas amaun yang diiktiraf ke atas aset bersih boleh dikenal pasti yang diperolehi.

Jika selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf melebihi kos penggabungan perniagaan, lebihan itu diiktiraf serta-merta dalam keuntungan atau kerugian.

Dalam penyata kewangan yang disatukan, kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih entiti yang dikawal adalah dimasukkan dalam ekuiti. Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan Universiti dalam entiti yang dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga dengan pemegang ekuiti dalam kedudukan mereka sebagai pemegang ekuiti. Justeru, amaun dibawa kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan Universiti dalam aset bersih entiti yang dikawal tersebut. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan demikian dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada Universiti. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan ini dan perubahan dalam amaun dibawa aset (termasuk muhibah) atau liabiliti akibat daripada urus niaga tersebut tidak diiktiraf.

2.4 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa Kumpulan dan Universiti mendapat manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan serta kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah pegangan bebas dan pembinaan dalam kemajuan. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf sebagai liabiliti. Sekiranya nilai saksama tidak dapat atau sukar ditentukan, kos andaian atau kos yang dianggap (*deemed cost*) boleh digunakan sebagai pengganti untuk kos perolehan pada tarikh tertentu.

Sesuatu item hartanah, loji dan peralatan yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000 diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Mulai tahun kewangan 2019, item perabot yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000 diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Apabila bahagian penting loji dan peralatan perlu diganti secara berkala, kos penggantian tersebut akan dipermodalkan dan disusut nilai berdasarkan jangka hayat kegunaan khususnya. Amaun dibawa bersih bahagian yang diganti akan dinyah iktiraf apabila penggantian berlaku. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan bilamana kos ditanggung.

Amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada penggunaannya atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan hartanah, loji dan peralatan ini dinyatakan sebagai keuntungan atau kerugian dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Susut nilai diperuntukkan berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset meliputi anggaran jangka hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan sama rata sepanjang tempoh pajakan.

Pada tahun sebelum, kadar susut nilai bagi kemudahan infrastruktur ditentukan pada kadar 5% hingga 20% mengikut jenis dan kategori sesuatu aset di bawah kumpulan aset kemudahan infrastruktur yang akan ditetapkan pengurusan Universiti mengikut kesesuaian berdasarkan pertimbangan yang wajar.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Mulai tahun kewangan 2023, pihak pengurusan Universiti telah menetapkan kadar susut nilai bagi kemudahan infrastruktur ditentukan pada kadar 10%. Berikutan terdapat kesukaran dalam menentukan nilai pelarasan yang terlibat yang mana kaedah secara retrospektif dirasakan agak sukar untuk dilaksanakan, maka perubahan pelarasan susut nilai bagi kemudahan infrastruktur dibuat secara prospektif.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :

Tanah Pajak	98 Tahun
Bangunan	2%
Infrastruktur	10%
Kenderaan	25%
Perabot dan Peralatan Pejabat	25%
Peralatan Komputer	25%
Peralatan Makmal	25%

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

2.5 Pembinaan dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang belum selesai dan aset yang belum disempurnakan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan sijil bayaran kemajuan. Tiada susut nilai yang diperuntukkan.

Kos pembinaan dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan yang berkenaan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada hartanah, loji dan peralatan berkenaan dalam tahun berkenaan.

2.6 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada hartanah yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk dijual dalam urus niaga yang biasa, digunakan untuk pembuatan atau pembekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

Nilai saksama hartanah pelaburan diukur dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran dalam urus niaga hartanah yang serupa. Tiada andaian yang signifikan dalam pengukuran yang digunakan. Entiti yang dikawal tidak mendapatkan penilaian daripada penilai bebas kerana melibatkan kos.

Apabila hartanah dilupuskan atau ia tidak digunakan langsung dan dijangka tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ia akan disingkirkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia dilupuskan.

2.7 Pelaburan dalam entiti yang dikawal

Pelaburan dalam entiti yang dikawal dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Kos pelaburan dalam entiti yang dikawal adalah termasuk kos transaksi. Pada pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.8 Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Pelaburan dalam syarikat bersekutu di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara, tetapi bukan kawalan ke atas kewangan dan operasi dasar. Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam Penyata Kedudukan Kewangan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan. Kos pelaburan ini adalah termasuk kos transaksi.

2.9 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenal pasti tanpa kewujudan secara fizikal. Pembelian perisian komputer secara berasingan daripada pakej komputer dikelaskan sebagai Aset Tak Ketara.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara yang diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijana secara dalaman termasuk kos penyelidikan kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 4 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf dan perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Universiti.

2.10 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi salah satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan dan kurangan, yang terlibat secara langsung dalam mengisui aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori aset kewangan iaitu aset kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Kumpulan dan Universiti mengkategorikan aset kewangannya seperti berikut:

Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Lebihan dan Kurangan

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan apabila aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang wajar. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

Pinjaman dan Belum Terima

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima.

Belum terima pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Hasil dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai dan melalui proses pelunasan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual merangkumi pelaburan dalam ekuiti dan instrumen sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan dan tidak termasuk dalam kategori aset kewangan lain.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan sedia untuk dijual dinilai pada nilai saksama. Sebarang hasil atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran wang asing bagi instrumen monetari dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung rugi sebagai pelarasan pengkelasan semula apabila aset kewangan tersebut dinyah iktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen bagi instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Universiti untuk menerima bayaran ditetapkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti dinilai pada kos tolak kerugian rosot nilai.

b. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) pembayaran tertunggak;
- iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufis; atau
- iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

Peruntukan rosot nilai dibuat berdasarkan semakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan mengikut sifat, status dan pengumuran hutang tersebut. Setiap jenis penghutang, kecuali penghutang staf yang masih berkhidmat yang menjelaskan bayaran ansuran melalui potongan gaji, yang mana tempoh pengumuran penghutang melebihi 1 tahun akan diperuntukkan rosot nilai sepenuhnya (100%). Hutang lapuk dilupakan dalam tahun ia dikenal pasti dan diluluskan. Peruntukan rosot nilai ke atas deposit dibuat apabila deposit telah tidak aktif iaitu tamat tempoh melebihi 1 tahun.

c. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.11 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi tunai di tangan dan di bank, deposit jangka pendek dan berkecairan tinggi dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.12 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kontrak perjanjian yang telah dimeterai dan takrifan liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi salah satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum bayar.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyah iktiraf dan melalui proses pelunasan.

Kumpulan dan Universiti mengkategorikan liabiliti kewangannya seperti berikut:

Liabiliti Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Lebihan dan Kurangan

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang wajar.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

Pinjaman dan Belum Bayar

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama dengan amaun cukai yang dikenakan oleh Kerajaan ditambah termasuklah kos urus niaga secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum bayar dinyah iktiraf atau dirosot nilai.

Kadar faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

b. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dinyah iktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh pengiktirafan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.13 Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan diambil kira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.14 Pajakan - sebagai Pemajak

a. Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Kumpulan dan Universiti.

Kumpulan dan Universiti pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan yang boleh disusut nilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan dan Universiti akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat kegunaannya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosot nilai.

b. Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.15 Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan berikut:

- Hasil daripada yuran pengajian pelajar adalah diiktiraf keseluruhannya apabila pendaftaran dibuka dalam tahun berkenaan.
- Hasil keuntungan daripada Simpanan Tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa.
- Hasil daripada bayaran balik pecah kontrak perjanjian staf cuti belajar dan *fellowship* diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan dengan munasabah.
- Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.
- Hasil-hasil lain diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

- f. Hasil Dividen diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tarikh hak penerimaan dividen diisytihar.

Hasil yang diterima bagi tujuan yang khusus dan sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

Urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ia berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan pasti. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

2.16 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran pembangunan, penyelidikan, amanah dan khas diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

Geran Kerajaan yang diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

2.17 Cukai Pendapatan

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967. Dividen yang diterima di bawah kategori *Single Tier Dividend* adalah dikecualikan daripada cukai.

Cukai dalam penyata kewangan entiti yang dikawal terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf apabila ia berkemungkinan pada masa hadapan terdapat keuntungan boleh cukai yang memanfaatkan perbezaan sementara tersebut.

2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, atau apabila penilaian rosot nilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, amaun boleh pulih bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama suatu aset ditolak kos untuk dijual dan nilai penggunaannya. Untuk menaksir rosot nilai, aset dikumpulkan pada nilai tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai, CGU).

Dalam menaksir nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset, didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Bila mana amaun dibawa aset melebihi amaun boleh pulih, aset diturunkan nilai kepada amaun boleh pulih.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk mengesan sama ada terdapat petanda bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurang. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai sebelumnya itu diiktiraf. Jika demikian, amaun dibawa aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih. Sekiranya kerugian rosot nilai tidak diiktiraf sebelumnya, peningkatan ini tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan bersih daripada susut nilai. Pembalikan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melainkan jika aset tersebut diukur pada amaun yang dinilai semula yang mana pembalikan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.19 Manfaat Pekerja

a. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

b. Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi pekerja yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

c. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan sebagai perbelanjaan tahun semasa dalam Penyata Prestasi Kewangan dan sebagai liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk semua pekerja berstatus tetap dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sehingga mencapai maksimum 180 hari semasa beliau bersara. Bagi staf yang memohon penebusan awal Ganjaran Cuti Rehat akan ditolak daripada jumlah cuti maksimum yang ditetapkan.

Pada tahun kewangan yang lepas, bilangan jumlah maksimum cuti rehat yang boleh dikumpulkan oleh pekerja sepanjang tempoh perkhidmatan adalah sebanyak 160 hari yang mana telah dinaikkan kepada maksimum 180 hari berdasarkan pelaksanaan dasar semasa Universiti.

Kadar gaji asas dan elaun tetap digunakan untuk mengira amaun liabiliti berdasarkan gaji akhir yang diterima oleh staf pada tahun persaraan dengan mengambil kira pergerakan gaji tahunan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan tempoh baki perkhidmatan sebelum staf bersara berdasarkan pengiraan nilai masa kini dengan mengandaikan faktor diskaun sebanyak 5% mengikut kadar bon kerajaan.

Universiti juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua dan tiga tahun berikutnya sebagai Perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dan liabiliti jangka panjang dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

2.20 Kos Pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia dilibatkan.

2.21 Pihak Berkaitan

Kumpulan dan Universiti menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan dan Universiti, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah dan pengurusan utama.

2.22 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan perbelanjaan hanya merujuk kepada bajet mengurus iaitu terdiri daripada pemberian kerajaan dan sumber dalaman (rizab).

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi Universiti sahaja dan tidak mengambil kira bajet untuk entiti yang dikawal. Jumlah bajet diterima adalah berdasarkan kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi pemberian kerajaan manakala kelulusan Lembaga Pengarah Universiti bagi bajet dari sumber dalaman (rizab).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.23 Pengurusan Risiko Kewangan

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insuran di mana perlu.

a) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan memperoleh kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit pada kadar faedah yang berpatutan.

Lebih dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

b) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan Kumpulan dan Universiti. Kumpulan dan Universiti terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang atau akaun belum terima. Risiko kredit wujud apabila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian, penetapan polisi dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang dan mengambil tindakan yang bersesuaian.

c) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

d) Risiko Pasaran

Kumpulan dan Universiti tidak terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan dan Universiti tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

2.24 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Kritikal dalam mengguna pakai Dasar-dasar Perakaunan

Penyediaan Penyata kewangan yang memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendapatan dan perbelanjaan yang mana keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

a) Perubahan Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini mungkin akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

b) Kerugian Rosot Nilai bagi Akaun Belum Terima

Kumpulan dan Universiti menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan dan Universiti menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar oleh penghutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang sama.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN 2023	Tanah Milik Bebas RM	* Tanah Pajakan RM	Bangunan RM	Kemudahan Infrastruktur RM	Kenderaan RM	Peralatan Pejabat RM	Peralatan Komputer RM	Peralatan Makmal RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2023	-	50,944,890	586,471,450	241,964,684	26,823,873	61,531,310	88,053,804	254,529,499	1,310,319,510
Tambahan	-	-	1,574,359	807,114	614,853	1,876,955	5,516,345	9,165,701	19,555,327
Tambahan Aset Pajakan	-	-	-	-	-	-	1,372,162	-	1,372,162
Aset dipermodalkan	-	-	60,205,388	2,845,932	472,000	8,756,717	-	554,600	72,834,637
Pelarasan	-	-	397,947	-	-	78,390	19,395	116,565	612,297
Pelupusan	-	-	-	(24,100)	-	(1,598,876)	(3,552,775)	(821,798)	(5,997,549)
Baki pada 31 Disember 2023	-	50,944,890	648,649,144	245,593,630	27,910,726	70,644,496	91,408,931	263,544,567	1,398,696,384
Susut Nilai Terkumpul									
Baki pada 1 Januari 2023	-	6,757,996	135,041,694	225,511,635	26,467,598	47,355,330	80,494,503	246,106,067	767,734,823
Susut Nilai	-	-	12,987,949	3,243,752	384,568	6,518,952	7,374,662	4,268,450	34,778,333
Pelunasan	-	519,846	-	-	-	-	-	-	519,846
Pelupusan	-	-	-	(24,098)	-	(1,598,771)	(3,552,606)	(821,745)	(5,997,220)
Baki pada 31 Disember 2023	-	7,277,842	148,029,643	228,731,289	26,852,166	52,275,511	84,316,559	249,552,772	797,035,782
Amaun Dibawa									
Baki pada 31 Disember 2023	-	43,667,048	500,619,501	16,862,341	1,058,560	18,368,985	7,092,372	13,991,795	601,660,602

* Tanah Pajakan adalah tanah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang dipajakkan kepada Universiti selama 98 tahun mulai 13 Januari 2010 sehingga 12 Januari 2108.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN 2022	Tanah Milik Bebas RM	* Tanah Pajakan RM	Bangunan		Kemudahan Infrastruktur		Kenderaan		Perabot dan Peralatan Pejabat		Peralatan Komputer		Peralatan Makmal		Jumlah	
			RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos																
Baki pada 1 Januari 2022	-	50,944,890	591,693,115	239,082,849	27,829,456	59,549,507	86,054,682	247,062,226	1,302,216,725							
Tambahan	-	-	437,795	1,234,114	23,400	1,534,248	2,132,208	7,467,273	12,829,038							
Aset dipermodalakan	-	-	5,079,220	1,744,980	-	-	-	-	6,824,200							
Pelarasan	-	-	(10,738,680)	-	-	10,738,680	-	-	-							
Pelupusan	-	-	-	(97,259)	(1,028,983)	(10,291,125)	(133,086)	-	-							
Baki pada 31 Disember 2022	-	50,944,890	586,471,450	241,964,684	26,823,873	61,531,310	88,053,804	254,529,499	1,310,319,510							
Susut Nilai Berkumpul																
Baki pada 1 Januari 2022	-	6,238,150	126,560,973	215,796,018	27,160,367	42,083,128	75,197,128	242,928,900	735,966,664							
Susut Nilai	-	-	11,745,013	9,810,870	336,199	12,298,996	5,429,564	3,177,167	42,797,809							
Pelunasan	-	519,846	-	-	-	-	-	-	519,846							
Pelarasan	-	-	(3,264,292)	-	-	3,264,292	-	-	-							
Pelupusan	-	-	-	(97,253)	(1,028,968)	(10,291,086)	(132,189)	-	-							
Baki pada 31 Disember 2022	-	6,757,996	135,041,694	225,511,635	26,467,598	47,355,330	80,494,503	246,106,067	767,734,823							
Amaun Dibawa																
Baki pada 31 Disember 2022	-	44,186,894	451,429,756	16,453,049	356,275	14,175,980	7,559,301	8,423,432	542,584,687							

* Tanah Pajakan adalah tanah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang dipajakkan kepada Universiti selama 98 tahun mulai 13 Januari 2010 sehingga 12 Januari 2108.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

UNIVERSITI 2023	Tanah Milik Bebas RM	* Tanah Pajakan RM	Bangunan		Kemudahan Infrastruktur RM	Kenderaan RM	Peralatan Pejabat		Peralatan Komputer RM	Peralatan Makmal RM	Jumlah RM
			RM	RM			RM	RM			
Kos											
Baki pada 1 Januari 2023	-	50,944,890	586,471,450	241,964,684	26,823,873	32,007,743	87,806,549	249,853,315	1,275,872,504		
Tambahan	-	-	1,574,359	807,114	-	1,734,219	5,465,790	9,160,401	18,741,883		
Tambahan Aset Pajakan	-	-	-	-	-	-	1,372,162	-	1,372,162		
Aset dipermodalakan	-	-	60,205,388	2,845,932	472,000	8,756,717	-	554,600	72,834,637		
Pelarasan	-	-	397,947	-	-	78,390	19,395	116,565	612,297		
Pelupusan	-	-	-	(24,100)	-	(1,598,876)	(3,552,775)	(821,798)	(5,997,549)		
Baki pada 31 Disember 2023	-	50,944,890	648,649,144	245,593,630	27,295,873	40,978,193	91,111,121	258,863,083	1,363,435,934		
Susut Nilai Terkumpul											
Baki pada 1 Januari 2023	-	6,757,996	135,041,694	225,511,635	26,467,598	29,824,163	80,419,647	245,478,003	749,500,736		
Susut Nilai	-	-	12,987,949	3,243,752	331,880	3,819,943	7,351,039	3,781,879	31,516,442		
Pelunasan	-	519,846	-	-	-	-	-	-	519,846		
Pelupusan	-	-	-	(24,098)	-	(1,598,771)	(3,552,606)	(821,745)	(5,997,220)		
Baki pada 31 Disember 2023	-	7,277,842	148,029,643	228,731,289	26,799,478	32,045,335	84,218,080	248,438,137	775,539,804		
Amoun Dibawa											
Baki pada 31 Disember 2023	-	43,667,048	500,619,501	16,862,341	496,395	8,932,858	6,893,041	10,424,946	587,896,130		

* Tanah Pajakan adalah tanah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang dipajakkan kepada Universiti selama 99 tahun mulai 13 Januari 2010 sehingga 12 Januari 2108.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

UNIVERSITI 2022	Tanah Milik Bebas RM	* Tanah Pajakan RM	Bangunan RM	Kemudahan Infrastruktur RM	Kenderaan RM	Perabot dan Peralatan Pejabat RM	Peralatan Komputer RM	Peralatan Makmal RM	Jumlah RM
Kos									
Baki pada 1 Januari 2022	-	50,944,890	591,693,115	239,082,849	27,829,456	30,594,836	85,865,471	244,224,968	1,270,235,585
Tambahan	-	-	437,795	1,234,114	23,400	965,352	2,074,164	5,628,347	10,363,172
Aset dipermodalkan	-	-	5,079,220	1,744,980	-	-	-	-	6,824,200
Pelapasan	-	-	(10,738,680)	-	-	10,738,680	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	(97,259)	(1,028,983)	(10,291,125)	(133,086)	-	(11,550,453)
Baki pada 31 Disember 2022	-	50,944,890	586,471,450	241,964,684	26,823,873	32,007,743	87,806,549	249,853,315	1,275,872,504
Susut Nilai Berkumpul									
Baki pada 1 Januari 2022	-	6,238,150	126,560,973	215,798,018	27,160,367	27,848,834	75,140,423	242,928,900	721,675,665
Susut Nilai	-	-	11,745,013	9,810,870	336,199	9,002,123	5,411,413	2,549,103	38,854,721
Pelunasan	-	519,846	-	-	-	-	-	-	519,846
Pelapasan	-	-	(3,264,292)	-	-	3,264,292	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	(97,253)	(1,028,968)	(10,291,086)	(132,189)	-	(11,549,496)
Baki pada 31 Disember 2022	-	6,757,996	135,041,694	225,511,635	26,467,598	29,824,163	80,419,647	245,478,003	749,500,736
Amaun Dibawa									
Baki pada 31 Disember 2022	-	44,186,894	451,429,756	16,453,049	356,275	2,183,580	7,386,902	4,375,312	526,371,768

* Tanah Pajakan adalah tanah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang dipajakkan kepada Universiti selama 98 tahun mulai 13 Januari 2010 sehingga 12 Januari 2108.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

4. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	68,148,245	54,463,648
Tambahan	22,811,394	20,508,797
Dipermodalkan	(72,834,637)	(6,824,200)
Pindahan/pengkelasan akaun	(2,715,320)	-
Baki pada 31 Disember	15,409,682	68,148,245
Ini mewakili :		
Bangunan Kampus Tetap	2,415,195	61,393,650
Infrastruktur	12,994,487	6,754,595
	15,409,682	68,148,245

5. ASET TAK KETARA

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Kos :		
Baki pada 1 Januari	38,922,535	37,450,105
Tambahan	1,593,457	2,138,016
Pelupusan	(1,739,531)	(665,586)
Baki pada 31 Disember	38,776,461	38,922,535
Pelunasan Terkumpul :		
Baki pada 1 Januari	36,574,708	36,113,492
Pelunasan	1,384,269	1,126,784
Pelupusan	(1,739,412)	(665,568)
Baki pada 31 Disember	36,219,565	36,574,708
Amaun dibawa bersih pada 31 Disember	2,556,896	2,347,827

6. PELABURAN DALAM ENTITI YANG DIKAWAL

	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Terdiri daripada :				
Kos Pelaburan	-	-	500,000	500,000
Saham Bonus	-	-	500,000	500,000
	-	-	1,000,000	1,000,000

Entiti yang dikawal telah menerbitkan 500,000 unit saham biasa bernilai RM1.00 seunit daripada Pendapatan Tertahan Entiti yang dikawal sebagai Saham Bonus pada tahun kewangan 2019.

Entiti yang dikawal berikut adalah milik penuh UTeM dan diperbadankan di Malaysia:

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti	
	2023	2022
UTeM Holdings Sdn. Bhd.	100%	100%

Aktiviti Utama Entiti yang Dikawal

Membantu Universiti dalam mempromosi, melaksanakan, memaju dan menyebarkan ilmu pengetahuan dan maklumat melalui aktiviti penyelidikan, perundingan dan perniagaan khusus berkaitan pendidikan, kejuruteraan, teknologi, tenaga, pembuatan, hartanah, pengurusan fasiliti, perkhidmatan makanan dan peruncitan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

UTeM Holdings Sdn. Bhd. merupakan syarikat induk pelaburan yang memiliki syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia seperti berikut:

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Aktiviti Utama
	2023	2022	
UTeM Holdings Properties Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Neraca Niaga Sdn. Bhd.)	100%	100%	Berperanan sebagai <i>Special Purpose Vehicle</i> (SPV) dalam aktiviti pelaburan hartanah antaranya seperti penyewaan hartanah, pembangunan serta pembelian hartanah dan lain-lain.
UTeM Holdings Education Sdn. Bhd.	100%	-	Menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan perkhidmatan pendidikan, latihan dan aktiviti-aktiviti lain berhubung pendidikan.

UTeM Holdings Education Sdn. Bhd. memiliki pegangan ekuiti dalam syarikat yang diperbadankan di Malaysia seperti berikut:

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Aktiviti Utama
	2023	2022	
Jelita TVET Women Academy Sdn. Bhd.	100%	-	Menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan perkhidmatan pendidikan, latihan dan aktiviti-

Penyata Kewangan UTeM Holdings Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat subsidiari tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan	
	2023	2022
	RM	RM
Terdiri daripada : Kos Pelaburan		
Intelligent Engineering Technology Services Sdn. Bhd.	2,000	2,000
IIOTSME Sdn. Bhd.	3,000	3,000
	<u>5,000</u>	<u>5,000</u>

UTeM Holdings Sdn. Bhd. memiliki pegangan ekuiti dalam syarikat bersekutu yang diperbadankan di Malaysia melibatkan syarikat *Spin Off* UTeM seperti berikut:

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Aktiviti Utama
	2023	2022	
Intelligent Engineering Technology Services Sdn. Bhd.	10%	10%	Menjalankan aktiviti perniagaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan produk.
IIOTSME Sdn. Bhd.	10%	10%	Menjalankan aktiviti perniagaan dalam bidang pembangunan sistem.

Penyata Kewangan UTeM Holdings Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat bersekutu tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

8. HARTANAH PELABURAN

	Kumpulan	
	2023	2022
	RM	RM
Pada 1 Januari	180,000,000	180,000,000
Pada 31 Disember	<u>180,000,000</u>	<u>180,000,000</u>

Hartanah Pelaburan diukur pada nilai saksama. Nilai saksama hartanah pelaburan diukur dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran dalam urus niaga hartanah yang serupa. Tiada andaian yang signifikan dalam pengukuran yang digunakan. Kumpulan entiti yang dikawal tidak mendapatkan penilaian daripada penilai bebas kerana melibatkan kos.

Hartanah Pelaburan pada nilai saksama RM180,000,000 (2022 : RM180,000,000) didaftarkan atas nama syarikat subsidiari bagi entiti yang dikawal pada 31 Mei 2012 dan dicagarkan kepada bank berlesen untuk kemudahan kredit seperti di Nota 28.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

9. AKAUN BELUM TERIMA

	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Amaun Matang Dalam Tempoh 12 Bulan :				
Penghutang Pinjaman Jangka Pendek	37,038	36,158	37,038	36,158
Penghutang Staf	906,638	1,279,176	906,638	1,279,176
Penghutang Pembiayaan Kenderaan	1,418,857	1,187,296	1,418,857	1,187,296
Penghutang Pembiayaan Komputer	151,892	145,455	151,892	145,455
Penghutang Pembiayaan Peralatan Sukan dan Rekreasi	3,890	3,470	3,890	3,470
Pelbagai Penghutang	1,034,536	507,123	1,034,536	507,123
Penghutang Perniagaan	1,184,109	641,606	-	-
	4,736,960	3,800,284	3,552,851	3,158,678
Tolak : Peruntukan Rosot Nilai	(1,419,899)	(998,002)	(907,899)	(998,002)
	3,317,061	2,802,282	2,644,952	2,160,676
Amaun Matang Selepas Tempoh 12 Bulan :				
Penghutang Staf	5,884,644	5,731,541	5,884,644	5,731,541
Penghutang Pembiayaan Kenderaan	5,461,390	4,707,950	5,461,390	4,707,950
Penghutang Pembiayaan Komputer	218,838	193,858	218,838	193,858
Penghutang Pembiayaan Peralatan Sukan dan Rekreasi	4,489	5,071	4,489	5,071
	11,569,361	10,638,420	11,569,361	10,638,420

Kadar keuntungan yang telah ditetapkan oleh UTeM bagi pembiayaan kakitangan melibatkan Pembiayaan Kenderaan, Komputer dan Peralatan Sukan adalah pada kadar 4% atas baki berkurangan dan boleh dipinda Universiti dari semasa ke semasa. Pembayaran balik pembiayaan termasuk kadar keuntungan dibayar secara ansuran melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian pembiayaan antara Universiti dan kakitangan.

Analisis pengumuran Akaun Belum Terima adalah seperti berikut:

Tidak melebihi 1 tahun	5,178,077	3,281,800	4,505,968	3,156,194
Melebihi 2 hingga 3 tahun	3,940,582	5,483,221	3,940,582	4,967,221
Melebihi 3 tahun	7,187,662	5,673,683	6,675,662	5,673,683
	16,306,321	14,438,704	15,122,212	13,797,098
Tolak : Peruntukan Rosot Nilai	(1,419,899)	(998,002)	(907,899)	(998,002)
	14,886,422	13,440,702	14,214,313	12,799,096

10. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Penghutang Pelajar	3,478,904	2,720,411
Tolak : Peruntukan Rosot Nilai	(432,797)	(316,741)
	3,046,107	2,403,670

Analisis pengumuran Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima adalah seperti berikut:

Tidak melebihi 1 tahun	3,046,107	2,403,670
Melebihi 2 hingga 3 tahun	432,797	309,429
Melebihi 3 tahun	-	7,312
	3,478,904	2,720,411
Tolak : Peruntukan Rosot Nilai	(432,797)	(316,741)
	3,046,107	2,403,670

11. PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Pendahuluan	1,148,745	157,411	770,070	101,848
Deposit	845,936	214,568	7,098,980	7,097,880
Prabayar	5,164,392	3,241,115	4,139,355	2,865,178
	7,159,073	3,613,094	12,008,405	10,064,906
Tolak : Peruntukan Rosot Nilai	(117,019)	(117,019)	(117,019)	(117,019)
	7,042,054	3,496,075	11,891,386	9,947,887

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

12. PELABURAN LAIN

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Pelaburan di Bank Berlesen dan Institusi Kewangan	-	-
	<u>-</u>	<u>-</u>

Pelaburan Lain adalah Simpanan Tetap yang dibuat pada tahun semasa di Bank Berlesen dengan tempoh matang simpanan melebihi 12 bulan.

13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Simpanan Tetap di Bank Berlesen	269,680,623	237,759,419	239,015,761	236,440,265
Tunai di tangan dan di bank	20,332,336	73,074,964	11,941,740	32,941,231
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember	<u>290,012,959</u>	<u>310,834,383</u>	<u>250,957,501</u>	<u>269,381,496</u>

14. KUMPULAN WANG MENGRUS

		Kumpulan		Universiti	
		2023	2022	2023	2022
		RM	RM	RM	RM
Pendapatan :					
Pemberian Kerajaan		233,434,800	242,818,000	233,434,800	242,818,000
Pelbagai Pendapatan		9,021,053	5,416,705	9,021,328	5,416,749
		<u>242,455,853</u>	<u>248,234,705</u>	<u>242,456,128</u>	<u>248,234,749</u>
Tolak : Perbelanjaan					
Emolumen		(179,930,979)	(173,991,484)	(179,930,979)	(173,991,484)
Perkhidmatan dan Bekalan		(22,857,218)	(24,970,659)	(51,971,074)	(52,811,711)
Pemberian dan Bayaran Tetap		(8,199,401)	(1,424,430)	(8,199,401)	(1,424,430)
Perbelanjaan Lain		(39)	(37)	(39)	(37)
Susut Nilai	Nota (i)	(3,774,264)	(3,214,464)	(3,774,264)	(3,214,464)
Belanja Pelunasan		(1,829)	(1,829)	(1,829)	(1,829)
Belanja Hutang Ragu		-	(3,881)	-	(3,881)
		<u>(214,763,730)</u>	<u>(203,606,784)</u>	<u>(243,877,586)</u>	<u>(231,447,836)</u>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan		<u>27,692,123</u>	<u>44,627,921</u>	<u>(1,421,458)</u>	<u>16,786,913</u>
Baki pada 1 Januari	Nota (i)	155,953,511	119,710,305	(59,037,933)	(67,440,131)
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan		27,692,123	44,627,921	(1,421,458)	16,786,913
Pindahan antara Kumpulan Wang	Nota (ii)	(80,747,146)	(8,384,715)	(80,747,146)	(8,384,715)
Baki pada 31 Disember		<u>102,898,488</u>	<u>155,953,511</u>	<u>(141,206,537)</u>	<u>(59,037,933)</u>

Nota:

- (i) Berdasarkan persetujuan Universiti bersama pihak Jabatan Audit Negara, mulai tahun kewangan 2021, perbelanjaan susut nilai bagi aset di bawah Kumpulan Wang PFI dicaj pada Kumpulan Wang Mengurus. Sehingga pada 31 Disember 2023, pelarasan pindahan terkumpul dari Kumpulan Wang PFI ke Kumpulan Wang Mengurus bagi perbelanjaan susut nilai tersebut adalah sebanyak RM100,647,284.
- (ii) Pindahan antara Kumpulan Wang adalah pindahan ke Kumpulan Wang Pendapatan sebanyak RM78,615,564 bagi transaksi melibatkan Sumber Dalaman termasuk kelulusan penggunaan dana Rizab ke Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM2,131,582.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

15. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	Kumpulan dan Universiti	
	2023 RM	2022 RM
Pendapatan :		
Geran Pembangunan yang Dilunaskan	34,755,372	27,368,681
	<u>34,755,372</u>	<u>27,368,681</u>
Tolak : Perbelanjaan		
Perkhidmatan dan Bekalan	(2,491,307)	(559,759)
Perbelanjaan Lain	(119)	(2)
Susut Nilai	(24,499,784)	(31,179,849)
Belanja Pelunasan	(1,395,735)	(1,181,119)
	<u>(28,386,945)</u>	<u>(32,920,729)</u>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	<u>6,368,427</u>	<u>(5,552,048)</u>
Baki pada 1 Januari	462,872,315	468,424,363
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	6,368,427	(5,552,048)
Baki pada 31 Disember	<u>469,240,742</u>	<u>462,872,315</u>
16. KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	Kumpulan dan Universiti	
	2023 RM	2022 RM
Pendapatan :		
Geran Penyelidikan yang Dilunaskan	3,667,618	5,272,937
Pelbagai Pendapatan	1,217,567	287,705
	<u>4,885,185</u>	<u>5,560,642</u>
Tolak : Perbelanjaan		
Perkhidmatan dan Bekalan	(6,043,435)	(5,380,251)
Perbelanjaan Lain	(9)	(2)
Susut Nilai	(466,648)	(415,593)
Belanja Pelunasan	(69,387)	(87,812)
Belanja Hutang Ragu	(17,500)	-
	<u>(6,596,979)</u>	<u>(5,883,658)</u>
Kurangan Pendapatan	<u>(1,711,794)</u>	<u>(323,016)</u>
Baki pada 1 Januari	8,888,857	5,922,872
Kurangan Pendapatan	(1,711,794)	(323,016)
Pindahan antara Kumpulan Wang	(747,896)	3,289,001
Baki pada 31 Disember	<u>6,429,167</u>	<u>8,888,857</u>
17. KUMPULAN WANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	Kumpulan dan Universiti	
	2023 RM	2022 RM
Pendapatan :		
Geran PFI yang Dilunaskan	33,713,544	34,846,853
	<u>33,713,544</u>	<u>34,846,853</u>
Tolak : Perbelanjaan		
Perkhidmatan dan Bekalan	(30,634,611)	(31,045,311)
	<u>(30,634,611)</u>	<u>(31,045,311)</u>
Lebihan Pendapatan	<u>3,078,933</u>	<u>3,801,542</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan dan Universiti			
	2023	2022		
	RM	RM		
Baki pada 1 Januari	69,703,295	65,901,753		
Lebihan Pendapatan	3,078,933	3,801,542		
Baki pada 31 Disember	<u>72,782,228</u>	<u>69,703,295</u>		
18. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KENDERAAN				
	Kumpulan dan Universiti			
	2023	2022		
	RM	RM		
Baki pada 1 Januari	8,000,000	8,000,000		
Baki pada 31 Disember	<u>8,000,000</u>	<u>8,000,000</u>		
19. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR				
	Kumpulan dan Universiti			
	2023	2022		
	RM	RM		
Baki pada 1 Januari	600,000	600,000		
Baki pada 31 Disember	<u>600,000</u>	<u>600,000</u>		
20. KUMPULAN WANG PENDAPATAN				
	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan :				
Pelbagai Pendapatan	31,788,456	31,924,566	37,178,655	34,922,956
	<u>31,788,456</u>	<u>31,924,566</u>	<u>37,178,655</u>	<u>34,922,956</u>
Tolak : Perbelanjaan				
Emolumen	(7,828,254)	(3,800,350)	(7,828,254)	(3,800,350)
Perkhidmatan dan Bekalan	(36,349,612)	(24,937,796)	(38,618,691)	(24,942,749)
Pemberian dan Bayaran Tetap	(2,492,194)	(2,079,906)	(2,492,194)	(2,081,201)
Perbelanjaan Lain	(1)	(24,725)	(1)	(24,725)
Susut Nilai	(1,911,057)	(2,974,297)	(1,911,057)	(2,974,297)
Belanja Pelunasan	(299,166)	(237,866)	(299,166)	(237,866)
Belanja Hutang Ragu	(71,042)	(185,953)	(71,042)	(185,953)
	<u>(48,951,326)</u>	<u>(34,240,893)</u>	<u>(51,220,405)</u>	<u>(34,247,141)</u>
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan	<u>(17,162,870)</u>	<u>(2,316,327)</u>	<u>(14,041,750)</u>	675,815
Baki pada 1 Januari	52,909,144	55,225,471	59,679,474	59,003,659
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan	(17,162,870)	(2,316,327)	(14,041,750)	675,815
Pindahan antara Kumpulan Wang	74,615,564	-	74,615,564	-
Baki pada 31 Disember	<u>110,361,838</u>	<u>52,909,144</u>	<u>120,253,288</u>	<u>59,679,474</u>

Nota:

- (i) Pindahan antara Kumpulan Wang adalah pindahan masuk daripada Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM78,615,564 bagi transaksi melibatkan Sumber Dalaman dan kelulusan penggunaan dana ke Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM4,000,000.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

21. KUMPULAN WANG AMANAH

	Kumpulan		Universiti	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Pendapatan :				
Geran Amanah yang Dilunaskan	3,001,896	4,954,978	3,001,896	4,954,978
Pelbagai Pendapatan	15,138,591	14,790,183	15,231,133	14,880,567
	<u>18,140,487</u>	<u>19,745,161</u>	<u>18,233,029</u>	<u>19,835,545</u>
Tolak : Perbelanjaan				
Emolumen	(400)	-	(400)	-
Perkhidmatan dan Bekalan	(7,455,400)	(6,560,964)	(7,455,400)	(6,608,164)
Pemberian dan Bayaran Tetap	(5,143,958)	(7,049,411)	(5,143,958)	(7,053,151)
Perbelanjaan Lain	(1)	-	(1)	-
Susut Nilai	(491,196)	(474,235)	(491,196)	(474,235)
Belanja Pelunasan	(137,998)	(138,004)	(137,998)	(138,004)
Belanja Hutang Ragu	(123,407)	-	(123,407)	-
	<u>(13,352,360)</u>	<u>(14,222,614)</u>	<u>(13,352,360)</u>	<u>(14,273,554)</u>
Lebihan Pendapatan	<u>4,788,127</u>	<u>5,522,547</u>	<u>4,880,669</u>	<u>5,561,991</u>
Baki pada 1 Januari	61,719,769	51,101,508	61,804,031	51,146,326
Lebihan Pendapatan	4,788,127	5,522,547	4,880,669	5,561,991
Pindahan antara Kumpulan Wang	6,879,478	5,095,714	6,879,478	5,095,714
Baki pada 31 Disember	<u>73,387,374</u>	<u>61,719,769</u>	<u>73,564,178</u>	<u>61,804,031</u>

Kumpulan Wang Amanah ini juga termasuk dana dari Wakaf dan Endowmen seperti butiran berikut:

	Kumpulan dan Universiti	
	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula
DANA WAKAF		
Pendapatan :		
Pendapatan daripada Wakaf	19,880	11,204
Pelbagai Pendapatan Lain	-	2,311
	<u>19,880</u>	<u>13,515</u>
Tolak : Perbelanjaan		
Perkhidmatan dan Bekalan	-	(72,417)
	<u>-</u>	<u>(72,417)</u>
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan	<u>19,880</u>	<u>(58,902)</u>
Baki Dana Wakaf pada 1 Januari	616,030	580,044
Dana Wakaf bagi tahun semasa	94,942	97,348
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan	19,880	(58,902)
Pindahan/Pelarasan	-	(2,460)
Baki Dana Wakaf pada 31 Disember	<u>730,852</u>	<u>616,030</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan dan Universiti			
	2023	2022		
	RM	RM		
DANA ENDOWMEN				
Pendapatan :				
Pendapatan daripada Endowmen	293,374	182,794		
Pelbagai Pendapatan Lain	286	111		
	<u>293,660</u>	<u>182,905</u>		
Tolak : Perbelanjaan				
Perkhidmatan dan Bekalan	(32)	(15,990)		
	<u>(32)</u>	<u>(15,990)</u>		
Lebihan Pendapatan	<u>293,628</u>	<u>166,915</u>		
Baki Dana Endowmen pada 1 Januari	7,830,672	7,598,293		
Dana Endowmen bagi tahun semasa	81,426	65,464		
Lebihan Pendapatan	293,628	166,915		
Baki Dana Endowmen pada 31 Disember	<u>8,205,726</u>	<u>7,830,672</u>		
22. KUMPULAN WANG PERUNTUKAN KHAS				
	Kumpulan dan Universiti			
	2023	2022		
	RM	RM		
Pendapatan :				
Geran Khas yang Dilunaskan	1,753,423	1,313,067		
	<u>1,753,423</u>	<u>1,313,067</u>		
Tolak : Perbelanjaan				
Perkhidmatan dan Bekalan	(215,769)	(1,179,667)		
Pemberian dan Bayaran Tetap	(6,050)	(13,400)		
Perbelanjaan Lain	-	(7)		
Susut Nilai	(373,493)	(596,283)		
	<u>(595,312)</u>	<u>(1,789,357)</u>		
Lebihan Pendapatan	<u>1,158,111</u>	<u>(476,290)</u>		
Baki pada 1 Januari	1,391,960	1,868,250		
Lebihan Pendapatan	1,158,111	(476,290)		
Baki pada 31 Disember	<u>2,550,071</u>	<u>1,391,960</u>		
23. KUMPULAN WANG PERUNDINGAN				
	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan :				
Pelbagai Pendapatan	1,812,620	1,113,713	1,812,620	1,133,713
	<u>1,812,620</u>	<u>1,113,713</u>	<u>1,812,620</u>	<u>1,133,713</u>
Tolak : Perbelanjaan				
Perkhidmatan dan Bekalan	(568,534)	(1,047,932)	(568,534)	(1,047,932)
Pemberian dan Bayaran Tetap	-	(4,000)	-	(4,000)
Belanja Hutang Ragu	(10,219)	(1,380)	(10,219)	(1,380)
	<u>(578,753)</u>	<u>(1,053,312)</u>	<u>(578,753)</u>	<u>(1,053,312)</u>
Lebihan Pendapatan	<u>1,233,867</u>	<u>60,401</u>	<u>1,233,867</u>	<u>80,401</u>
Baki pada 1 Januari	232,863	172,462	304,863	224,462
Lebihan Pendapatan	1,233,867	60,401	1,233,867	80,401
Baki pada 31 Disember	<u>1,466,730</u>	<u>232,863</u>	<u>1,538,730</u>	<u>304,863</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

24. KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN PERALATAN SUKAN DAN REKREASI	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	200,000	200,000
Baki pada 31 Disember	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>

25. KERUGIAN TERKUMPUL ENTITI YANG DIKAWAL	Kumpulan	
	2023	2022
	RM	RM
Pendapatan	5,064,992	3,782,260
Kos Pendapatan	<u>(15,063,562)</u>	<u>(7,869,269)</u>
Kerugian Kasar	<u>(9,998,570)</u>	<u>(4,087,009)</u>
Pendapatan Lain	777,738	81,582
	<u>(9,220,832)</u>	<u>(4,005,427)</u>
Perbelanjaan	<u>(10,658,358)</u>	<u>(11,085,964)</u>
Kerugian Sebelum Zakat dan Cukai	<u>(19,879,190)</u>	<u>(15,091,391)</u>
Zakat	<u>(2,383,054)</u>	-
Kerugian Sebelum Cukai	<u>(22,262,244)</u>	<u>(15,091,391)</u>
Cukai	<u>(3,582,302)</u>	<u>(36,271)</u>
Kerugian Bersih Selepas Cukai	<u>(25,844,546)</u>	<u>(15,127,662)</u>
Baki terkumpul pada 1 Januari	(17,833,057)	(2,705,395)
Kerugian Bersih Selepas Cukai	<u>(25,844,546)</u>	<u>(15,127,662)</u>
Baki terkumpul pada 31 Disember	<u>(43,677,603)</u>	<u>(17,833,057)</u>

Nota:

Kegiatan utama Entiti yang dikawal dan kumpulan adalah melibatkan transaksi perniagaan dengan Universiti iaitu menjalankan aktiviti penyewaan bangunan Kampus Teknologi dan Kolej Kediaman dengan jumlah tahunan sebanyak RM29,113,856. Perincian transaksi urusniaga pihak berkaitan antara Entiti yang dikawal dan Universiti yang telah dihapus sepenuhnya semasa penyatuan akaun adalah sebagaimana yang dinyatakan pada Nota 41.

26. MANFAAT PEKERJA	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	45,098,470	45,508,849
Peruntukan tahun semasa	8,835,173	3,649,081
Pembayaran tahun semasa	<u>(1,678,223)</u>	<u>(4,059,460)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>52,255,420</u>	<u>45,098,470</u>
Manfaat Pekerja Bukan Semasa	51,691,072	44,343,501
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	<u>564,348</u>	<u>754,969</u>
	<u>52,255,420</u>	<u>45,098,470</u>

Nota:

- Universiti mengambil kira perbelanjaan gantikan cuti rehat bagi semua pekerja berstatus tetap melibatkan 1,913 orang (2022 : 1,900 orang) dan bayaran pampasan bagi pekerja kontrak berjumlah 122 orang (2022 : 101 orang).
- Mulai tahun kewangan 2023, Universiti mengandaikan seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sehingga mencapai maksimum 180 hari semasa beliau bersara. Kadar gaji asas dan elaun tetap digunakan untuk mengira amaun liabiliti berdasarkan gaji akhir yang diterima oleh staf pada tahun persaraan dengan mengambil kira pergerakan gaji tahunan yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan tempoh baki perkhidmatan sebelum staf bersara berdasarkan pengiraan nilai masa kini dengan faktor diskaun sebanyak 5% mengikut kadar bon kerajaan. Sebelum ini Universiti mengambil kira peruntukan gantikan cuti rehat maksimum 160 hari dan berdasarkan gaji semasa dengan faktor diskaun 4%.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

27. PAJAKAN KEWANGAN

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Bayaran pajakan minimum pada masa hadapan :		
Tidak lebih dari 1 tahun	24,504,358	24,081,862
Lebih dari 1 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun	96,616,805	95,723,406
Lebih dari 5 tahun	209,070,037	232,883,435
	330,191,200	352,688,703
Caj kewangan pada masa hadapan	(186,027,740)	(206,573,485)
Nilai semasa pajakan kewangan	144,163,460	146,115,218
Nilai semasa pajakan kewangan dianalisis seperti berikut :		
Semasa :		
Tidak lebih dari 1 tahun	4,128,462	3,310,504
Bukan Semasa :		
Lebih dari 1 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun	21,807,356	18,277,771
Lebih dari 5 tahun	118,227,642	124,526,943
	140,034,998	142,804,714
	144,163,460	146,115,218

- i. Universiti telah memasuki perjanjian pajakan kewangan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan pada 16 Julai 2016 bagi penggunaan tanah seluas 293.2249 hektar untuk pembangunan dan pengoperasian UTeM. Tempoh pajakan adalah selama 98 tahun mulai 13 Januari 2010 sehingga 12 Januari 2108. Baki tempoh pajakan pada 31 Disember 2023 adalah 85 tahun. Kos pajakan dikenakan adalah pada kadar pasaran iaitu 5.55% setahun berdasarkan nilai kini.
- ii. Universiti telah memasuki perjanjian pajakan kewangan dengan Syarikat Konsesi Naluri Etika Sdn. Bhd. bagi membiayai pengambilalihan bangunan kolej kediaman pelajar secara konsesi selama 20 tahun. Pajakan bermula pada bulan Oktober 2017 dan dijangka tamat pada September 2037. Baki tempoh pajakan pada 31 Disember 2023 adalah 13 tahun dan 9 bulan. Kadar faedah adalah berdasarkan Kadar Faedah Efektif (EIR) 14.4% yang telah ditetapkan pada tarikh perjanjian konsesi dan amaun bayaran pajakan adalah tetap bagi sepanjang tempoh pajakan. Hak serahan akan diserahkan sepenuhnya kepada UTeM di akhir perjanjian konsesi.
- iii. Universiti telah memperoleh dua (2) kemudahan pajakan kewangan bagi membiayai peralatan komputer selama 4 tahun seperti berikut:
 - a) perjanjian pajakan kewangan dengan Applied Business Technologies Sdn. Bhd. bermula pada 1 Oktober 2021 dan tamat pada 30 September 2025. Baki tempoh pajakan pada 31 Disember 2023 adalah 1 tahun 9 bulan. Kos pajakan dikenakan adalah pada kadar pasaran iaitu 5.55% setahun berdasarkan nilai kini (PV) pada tarikh kuat kuasa pajakan.
 - b) perjanjian pajakan kewangan dengan Aceteam Networks Sdn. Bhd. bermula pada 1 Oktober 2023 dan tamat pada 30 September 2027. Baki tempoh pajakan pada 31 Disember 2023 adalah 3 tahun 9 bulan. Kos pajakan dikenakan adalah pada kadar pasaran iaitu 6.72% setahun berdasarkan nilai kini (PV) pada tarikh kuat kuasa pajakan.
Hak peralatan komputer akan diserahkan sepenuhnya kepada UTeM di akhir perjanjian.

28. PINJAMAN BERJANGKA

	Kumpulan	
	2023	2022
	RM	RM
Liabiliti Semasa	4,700,678	6,434,206
Liabiliti Bukan Semasa	28,647,059	31,908,469
	33,347,737	38,342,675

Pinjaman Berjangka adalah merujuk kepada pinjaman di bawah UTEM Holdings Properties Sdn. Bhd. (subsidiari di bawah UTeM Holdings Sdn. Bhd.) yang dicagangkan ke atas tanah pegangan pajakan PM 2895, Lot 16658, Mukim Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka seluas lebih kurang 119,800 kaki persegi termasuk 10 buah bangunan dan pelbagai binaan. Kumpulan entiti yang dikawal telah memperoleh pinjaman daripada SME Bank di bawah *Commodity Murabahah Term Financing* (RM40,000,000) dan (RM10,000,000) yang perlu dibayar untuk tempoh 10 tahun bagi pembaikan dan penyelenggaraan bangunan serta pengubahsuaian bagi makmal Kompleks Makmal Kejuruteraan Mekanikal.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

29. PENDAPATAN TERTUNDA

		Kumpulan dan Universiti	
		2023	2022
		RM	RM
Kumpulan Wang Pembangunan	Nota i.	31,797,522	44,832,894
Kumpulan Wang Penyelidikan	Nota ii.	9,424,336	9,278,351
Kumpulan Wang PFI	Nota iii.	2,675,230	2,674,774
Kumpulan Wang Amanah	Nota iv.	7,209,023	10,170,618
Kumpulan Wang Peruntukan Khas	Nota v.	1,937,660	1,691,083
		<u>53,043,771</u>	<u>68,647,720</u>

		Kumpulan dan Universiti	
		2023	2022
		RM	RM
i. Pendapatan Tertunda - Kumpulan Wang Pembangunan			
Baki pada 1 Januari		44,832,894	35,501,575
Geran Pembangunan bagi tahun semasa		21,720,000	36,700,000
		<u>66,552,894</u>	<u>72,201,575</u>
Tolak : Perbelanjaan			
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan		(2,491,426)	(559,761)
Belanja dipermodalkan		(32,263,946)	(26,808,920)
		<u>(34,755,372)</u>	<u>(27,368,681)</u>
Baki pada 31 Disember		<u>31,797,522</u>	<u>44,832,894</u>

Butiran Geran yang dilunaskan bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti berikut:

Geran Pembangunan yang Dilunaskan	34,755,372	27,368,681
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(2,491,426)	(559,761)
Belanja dipermodalkan	(32,263,946)	(26,808,920)
	<u>-</u>	<u>-</u>

		Kumpulan dan Universiti	
		2023	2022
		RM	RM
ii. Pendapatan Tertunda - Kumpulan Wang Penyelidikan			
Baki pada 1 Januari		9,278,351	12,926,278
Geran Penyelidikan bagi tahun semasa		3,896,743	5,433,715
		<u>13,175,094</u>	<u>18,359,993</u>
Tolak : Perbelanjaan			
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan		(3,524,267)	(4,772,661)
Belanja dipermodalkan		(143,351)	(500,276)
		<u>(3,667,618)</u>	<u>(5,272,937)</u>
Baki pada 31 Disember		<u>9,507,476</u>	<u>13,087,056</u>
Tolak : Pelarasan			
Pemulangan Geran		(152,300)	(153,982)
Pindahan	Nota (a)	69,160	(3,654,723)
Baki pada 31 Disember		<u>9,424,336</u>	<u>9,278,351</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Butiran Geran yang dilunaskan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti berikut:		
Geran Penyelidikan yang Dilunaskan	3,667,618	5,272,937
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(3,524,267)	(4,772,661)
Belanja dipermodalkan	(143,351)	(500,276)
	-	-

Nota:

- (a) Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Baki Geran Tamat dan Tidak Aktif yang mana baki geran tertunda bagi projek penyelidikan yang telah tamat dan tidak aktif melibatkan geran bersyarat dipindahkan ke Tabung-tabung Amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah bagi tujuan pemantauan dan kawalan.

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
iii. Pendapatan Tertunda - Kumpulan Wang PFI		
Baki pada 1 Januari	2,674,774	3,807,627
Geran PFI bagi tahun semasa Nota (a)	33,714,000	33,714,000
	36,388,774	37,521,627
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(30,634,611)	(31,045,311)
Belanja dipermodalkan	(3,078,933)	(3,801,542)
	(33,713,544)	(34,846,853)
Baki pada 31 Disember	2,675,230	2,674,774

Butiran Geran yang dilunaskan bagi Kumpulan Wang PFI adalah seperti berikut:

Geran PFI yang Dilunaskan	33,713,544	34,846,853
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(30,634,611)	(31,045,311)
Belanja dipermodalkan	(3,078,933)	(3,801,542)
	-	-

Nota:

- (a) Universiti telah diluluskan geran bagi pembangunan kolej kediaman 5,000 pelajar melalui projek konsesi selama 20 tahun secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). Geran disalurkan oleh Kerajaan kepada Universiti untuk bayaran konsesi secara tahunan bermula tahun 2017.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
iv. Pendapatan Tertunda - Kumpulan Wang Amanah		
Baki pada 1 Januari	10,170,618	7,273,160
Geran Amanah bagi tahun semasa	40,301	7,852,436
	<u>10,210,919</u>	<u>15,125,596</u>
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(3,001,896)	(1,371,790)
Belanja dipermodalkan	-	(3,583,188)
	<u>(3,001,896)</u>	<u>(4,954,978)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>7,209,023</u>	<u>10,170,618</u>

Butiran Geran yang dilunaskan bagi Kumpulan Wang Amanah adalah seperti berikut:

Geran Amanah yang Dilunaskan	3,001,896	4,954,978
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(3,001,896)	(1,371,790)
Belanja dipermodalkan	-	(3,583,188)
	<u>-</u>	<u>-</u>

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
v. Pendapatan Tertunda - Kumpulan Wang Peruntukan Khas		
Baki pada 1 Januari	1,691,083	1,449,150
Geran Peruntukan Khas bagi tahun semasa	2,000,000	1,555,000
	<u>3,691,083</u>	<u>3,004,150</u>
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(221,819)	(1,193,074)
Belanja dipermodalkan	(1,531,604)	(119,993)
	<u>(1,753,423)</u>	<u>(1,313,067)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>1,937,660</u>	<u>1,691,083</u>

Butiran Geran yang dilunaskan bagi Kumpulan Wang Peruntukan Khas adalah seperti berikut:

Geran Peruntukan Khas yang Dilunaskan	1,753,423	1,313,067
Tolak : Perbelanjaan		
Belanja operasi yang tidak dipermodalkan	(221,819)	(1,193,074)
Belanja dipermodalkan	(1,531,604)	(119,993)
	<u>-</u>	<u>-</u>

30. AKAUN BELUM BAYAR

	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Pemiutang	24,394,265	20,807,834	23,897,946	17,965,430
Deposit Diterima	1,178,531	602,072	1,179,031	1,186,425
Penerimaan Terdahulu	132,500	203,000	132,500	203,000
	<u>25,705,296</u>	<u>21,612,906</u>	<u>25,209,477</u>	<u>19,354,855</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 202331. PENDAPATAN DARIPADA URUS NIAGA BUKAN
PERTUKARAN

	Kumpulan		Universiti	
	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula
Geran dari Kerajaan (tiada syarat):				
Geran Mengurus	233,434,800	242,818,000	233,434,800	242,818,000
	<u>233,434,800</u>	<u>242,818,000</u>	<u>233,434,800</u>	<u>242,818,000</u>
Geran yang Dilunaskan (bersyarat):				
Geran Pembangunan	34,755,372	27,368,681	34,755,372	27,368,681
Geran Penyelidikan	3,667,618	5,272,937	3,667,618	5,272,937
Geran PFI	33,713,544	34,846,853	33,713,544	34,846,853
Geran Amanah	3,001,896	4,954,978	3,001,896	4,954,978
Geran Peruntukan Khas	1,753,423	1,313,067	1,753,423	1,313,067
	<u>76,891,853</u>	<u>73,756,516</u>	<u>76,891,853</u>	<u>73,756,516</u>
Pelbagai Pendapatan:				
Yuran dan Hasil Pelajar	33,965,345	32,508,055	34,029,685	32,508,055
Denda dan Gantirugi	1,198,819	1,387,120	1,198,819	1,387,120
Pelbagai Pendapatan/Sumbangan Lain	1,715,879	1,849,362	1,715,879	1,767,780
Pelbagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Lain	825,365	2,075,018	997,005	1,928,568
	<u>37,705,408</u>	<u>37,819,555</u>	<u>37,941,388</u>	<u>37,591,523</u>
	<u>348,032,061</u>	<u>354,394,071</u>	<u>348,268,041</u>	<u>354,166,039</u>

32. PENDAPATAN DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN

	Kumpulan		Universiti	
	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula
Sewa, Jualan dan Pelbagai Hasil	5,072,792	2,757,343	2,857,661	1,992,667
Faedah dan Keuntungan	10,457,655	6,326,822	9,679,917	5,885,106
Dividen	-	-	5,000,000	2,900,000
Hasil Perkhidmatan Akademik dan Amanah	11,271,908	10,298,996	8,584,303	8,078,396
Yuran dan Hasil Pelajar	-	-	84,780	-
	<u>26,802,355</u>	<u>19,383,161</u>	<u>26,206,661</u>	<u>18,856,169</u>

Nota (i):

- Dividen yang dibayar oleh entiti yang dikawal dalam tahun semasa merupakan Dividen pada sistem *single-tier* yang mana dikecualikan cukai kepada penerima/pemegang saham (Universiti).
- Dividen Akhir bagi tahun kewangan 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM5,000,000 iaitu RM5.00 bagi setiap unit saham dan telah dibayar pada 3 Julai 2023.
- Bagi tahun kewangan 31 Disember 2023, Dividen yang telah diisytihar pada 15 Februari 2024 adalah sebanyak RM8,000,000 dan dijangka akan dibayar pada 28 Mac 2024 tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

33. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	Kumpulan dan Universiti	
	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula
Pendapatan daripada Wakaf	19,880	11,204
Pendapatan daripada Endowmen	293,374	182,794
	<u>313,254</u>	<u>193,998</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

34. EMOLUMEN	Kumpulan		Universiti	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Gaji dan Upahan	131,239,657	123,375,996	129,440,971	122,374,296
Elaun Tetap	31,729,976	31,057,577	31,180,271	30,871,201
Sumbangan Berkanun untuk Staf	22,711,315	21,458,763	22,496,040	21,306,778
Elaun Lebih Masa	1,287,807	862,215	1,233,143	827,619
Faedah-faedah Kewangan yang Lain	3,409,209	2,411,940	3,409,209	2,411,940
	190,377,964	179,166,491	187,759,634	177,791,834

35. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	Kumpulan		Universiti	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4,325,735	3,000,229	3,989,096	2,888,955
Pengangkutan Barang-barang	2,420,644	186,096	2,420,644	186,096
Perhubungan dan Utiliti	12,701,690	10,342,998	12,679,628	10,322,350
Sewaan	4,771,666	4,517,426	33,884,046	32,308,406
Bahan-bahan Makanan dan Minuman	65,819	-	65,819	-
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	851,360	725,631	851,360	725,631
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	4,906,827	4,116,239	4,869,018	4,096,796
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	5,685,721	7,056,294	5,659,310	5,776,965
Perkhidmatan yang Lain	72,447,472	70,406,049	70,874,811	66,303,252
	108,176,934	100,350,962	135,293,732	122,608,451
Termasuk di dalam Perkhidmatan Dan Bekalan adalah:				
Kos Pendapatan	15,063,562	7,869,269	-	-
Inventori/Alat Tak Luak	2,705,089	967,093	2,705,089	967,093
	17,768,651	8,836,362	2,705,089	967,093
	125,945,585	109,187,324	137,998,821	123,575,544

Nota:

(i) Perkhidmatan yang Lain terdiri daripada:

Faedah Pajakan	20,863,567	21,267,132	20,863,567	21,267,132
Perkhidmatan yang Dibeli	31,052,857	28,233,752	30,731,119	25,133,816
Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid	338,102	343,071	319,418	311,911
Upahan	10,111,390	10,185,687	10,111,390	10,185,687
Keraian, Hospitaliti dan Honorarium	10,081,556	10,376,407	8,849,317	9,404,706
	72,447,472	70,406,049	70,874,811	66,303,252

36. PEMBERIAN DAN BAYARAN TETAP	Kumpulan		Universiti	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	804,181	696,233	804,181	696,233
Pemberian Dalam Negeri	5,930,092	5,431,904	5,930,092	5,436,939
Tuntutan Insuran dan Pampasan	64,782	198,802	64,782	116,299
Ganjaran	100,033	98,927	100,033	98,927
Gantian Cuti Rehat	8,942,514	4,227,784	8,942,514	4,227,784
	15,841,602	10,653,650	15,841,602	10,576,182

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

37. PERBELANJAAN CUKAI

	Kumpulan	
	2023	2022
	RM	RM
Peruntukan cukai tahun semasa	3,560,000	73,221
Pulangan cukai	-	(19,642)
Lebihan/(kurangan) peruntukan cukai tahun sebelum	22,302	(17,308)
	3,582,302	36,271

Penyata penyesuaian cukai yang dikenakan atas lebihan pendapatan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun dengan perbelanjaan cukai pada kadar cukai efektif Kumpulan adalah seperti berikut:

Lebihan pendapatan sebelum cukai	8,547,297	12,551,056
Cukai pada kadar 15% (2022: 17%)	22,500	102,000
Cukai pada kadar 17% (2022: -)	76,500	-
Cukai pada kadar 24% (2022: 24%)	2,027,591	2,987,773

Perubahan cukai disebabkan oleh :

Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	1,420,082	972,634
Pendapatan tidak bercukai	-	-
Elaun modal digunakan tahun semasa	(237,067)	(4,291,319)
Kerugian cukai belum diguna	423,428	493,695
Perbezaan kadar cukai	(80,775)	(191,562)
Zakat 2.5% daripada pendapatan agregat	(92,259)	-
Pulangan Cukai	-	(19,642)
Lebihan/(kurangan) peruntukan cukai tahun sebelum	22,302	(17,308)
Perbelanjaan cukai	3,582,302	36,271

Kumpulan entiti yang dikawal merupakan syarikat bermastautin di Malaysia dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta iaitu dikenakan cukai pada kadar 15%. Namun begitu kadar cukai dan jumlah cukai yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

38. ASET KONTINGENSI

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Hutang pecah kontrak staf cuti belajar yang dianggarkan	1,553,890	3,007,033
	1,553,890	3,007,033

39. LIABILITI KONTINGENSI

Tiada tuntutan perundangan terhadap Universiti dilaporkan sehingga pada 31 Disember 2023.

Pada 29 Disember 2022, Entiti yang Dikawal telah membatalkan tawaran jawatan Pengurus Pengurusan Fasiliti kepada seseorang individu mengikut peruntukan yang berkuat kuasa. Individu berkenaan telah membuat tuntutan undang-undang dan gantirugi khusus berjumlah RM114,600 terhadap Entiti yang Dikawal disebabkan oleh pembatalan tawaran pekerjaan. Pada 21 Disember 2023, diwakili oleh firma guaman, Entiti yang Dikawal telah memfailkan tuntutan balas yang menyatakan bahawa pihak Syarikat dengan suci hati telah membuat prosedur yang sepatutnya untuk membatalkan tawaran pekerjaan mengikut peruntukan yang berkuat kuasa.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

40. KOMITMEN

Perbelanjaan yang diluluskan tetapi tidak diperuntukkan di dalam Penyata Kewangan:

	Kumpulan dan Universiti	
	2023	2022
	RM	RM
Dilulus dan dikontrakkan		
- Kumpulan Wang Mengurus	12,000	252,450
- Kumpulan Wang Pembangunan	23,906,254	26,156,085
- Kumpulan Wang Penyelidikan	172,119	270,450
- Kumpulan Wang Pendapatan	6,700,344	3,634,102
- Kumpulan Wang Amanah	2,549,668	1,966,092
- Kumpulan Wang Peruntukan Khas	2,500	19,595
- Kumpulan Wang Perundingan	66,590	-
	33,409,475	32,298,774

41. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

a. Kakitangan Pengurusan Utama

Kakitangan pengurusan utama ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Universiti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

	Kumpulan		Universiti	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Jumlah transaksi kakitangan pengurusan utama	1,537,986	829,176	988,281	677,776

b. Transaksi Urusniaga Pihak Berkaitan

(i) Dividen Diterima daripada UTeM Holdings Sdn. Bhd.	5,000,000	2,900,000
(ii) Sewaan Bangunan Dibayar kepada UTeM Holdings Properties Sdn. Bhd.	29,113,856	27,790,980
(iii) Perkhidmatan Landskap dan Pembersihan Dibayar kepada UTeM Holdings Sdn. Bhd.	2,211,911	-

42. INSTRUMEN KEWANGAN

a. Berikut adalah analisis instrumen kewangan mengikut kategori:

- (i) Aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)
- (ii) Aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada kos terluas (AC)
- (iii) Aset kewangan iaitu instrumen ekuiti diukur pada kos tolak rosotnilai (CLI)

KUMPULAN 2023	Amaun dibawa RM	AC RM
Aset Kewangan		
Akaun Belum Terima	4,736,960	4,736,960
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3,478,904	3,478,904
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	7,159,073	7,159,073
Pendapatan Terakru	1,651,980	1,651,980
Tunai dan Kesetaraan Tunai	290,012,959	290,012,959
	307,039,876	307,039,876
Liabiliti Kewangan		
Akaun Belum Bayar	25,705,296	25,705,296
	25,705,296	25,705,296

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

UNIVERSITI 2023	Amaun dibawa RM	AC RM
Aset Kewangan		
Akaun Belum Terima	3,552,851	3,552,851
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3,478,904	3,478,904
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	12,008,405	12,008,405
Pendapatan Terakru	1,651,980	1,651,980
Tunai dan Kesetaraan Tunai	250,957,501	250,957,501
	<u>271,649,641</u>	<u>271,649,641</u>
Liabiliti Kewangan		
Akaun Belum Bayar	25,209,477	25,209,477
	<u>25,209,477</u>	<u>25,209,477</u>
KUMPULAN 2022	Amaun dibawa RM	AC RM
Aset Kewangan		
Akaun Belum Terima	3,800,284	3,800,284
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	2,720,411	2,720,411
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	3,613,094	3,613,094
Pendapatan Terakru	1,223,136	1,223,136
Pelaburan Lain	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	310,834,383	310,834,383
	<u>322,191,308</u>	<u>322,191,308</u>
Liabiliti Kewangan		
Akaun Belum Bayar	21,612,906	21,612,906
	<u>21,612,906</u>	<u>21,612,906</u>
UNIVERSITI 2022	Amaun dibawa RM	AC RM
Aset Kewangan		
Akaun Belum Terima	3,158,678	3,158,678
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	2,720,411	2,720,411
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	10,064,906	10,064,906
Pendapatan Terakru	1,223,136	1,223,136
Tunai dan Kesetaraan Tunai	269,381,496	269,381,496
	<u>286,548,627</u>	<u>286,548,627</u>
Liabiliti Kewangan		
Akaun Belum Bayar	19,354,855	19,354,855
	<u>19,354,855</u>	<u>19,354,855</u>

43. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Universiti telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Mengikut Objek Sebagai (ABM7 Tahun 2023 UTeM) seperti yang dibentangkan di Parlimen pada 24 Februari 2023 yang terdiri daripada Geran Kerajaan sebanyak RM229,434,800 di bawah Dasar Sedia Ada. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan dalam bajet asal oleh Universiti setelah menerima kelulusan masing-masing supaya dapat menutup bajet akhir. Pada tahun 2023, Universiti mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM4,000,000 melibatkan tambahan peruntukan Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK) Tahun 2023.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Bajet Asal daripada Sumber Dalaman (Rizab) UTeM di bawah Kumpulan Wang Pendapatan adalah sebanyak RM61,834,403 dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas Bilangan 1 Tahun 2023 pada 9 Januari 2023. Peruntukan tambahan sebanyak RM19,151,864 juga telah dibuat kepada bajet daripada Sumber Dalaman (Rizab) yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah Universiti.

Bajet dan Penyata Kewangan Universiti disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar dalam Penyata Kewangan ini dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet mengurus Universiti yang hanya menjurus kepada Pemberian/Geran Mengurus Kerajaan dan Sumber Dalaman (Rizab).

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan. Tiada perbezaan masa untuk Penyata Kewangan Universiti ini. Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambil kira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Varian bajet bagi Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar:(i) **Penerimaan/Pendapatan**

- a) Jumlah sebenar pendapatan bagi perbandingan bajet ini adalah merujuk kepada pendapatan tidak terhad (*non-restricted income*) yang dijana secara dalaman di bawah Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pendapatan yang mana tidak termasuk Yuran dan Hasil Pelajar yang disalurkan pada Tabung Amanah.
- b) Bilangan enrolmen dan kemasukan pelajar melibatkan pelajar antarabangsa ketika ini masih rendah. Di samping itu, sasaran bagi bilangan Pelajar Pascasiswazah pada tahun 2023 seramai 1,800 orang masih tidak dapat dicapai. Sehingga pada 31 Disember 2023, Universiti hanya mencapai 1,175 orang Pelajar Pascasiswazah iaitu Pelajar Tempatan seramai 766 orang dan Pelajar Antarabangsa seramai 409 orang.
- c) Berlaku peningkatan yang ketara bagi aktiviti penjanaan pendapatan melalui keuntungan deposit/Simpanan Tetap iaitu sebanyak RM9,679,917 berbanding RM5,885,106 pada tahun sebelum iaitu peningkatan 64.3%. Penetapan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang stabil oleh Bank Negara Malaysia memberi kesan positif kepada tawaran kadar oleh bank. Aktiviti rundingan kadar dan strategi kolaborasi/usahasama yang berkesan bersama pihak bank berjaya memastikan Universiti memperoleh tawaran kadar keuntungan yang tinggi selain daripada kawalan aliran tunai yang positif.
- d) Syarikat induk UTeM iaitu UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) telah menyumbang Dividen bagi tahun kewangan 2022 yang telah dibayar pada tahun 2023 sebanyak RM5,000,000 iaitu bersamaan 90.3% daripada keuntungan bersih syarikat iaitu peningkatan sebanyak 72.4% berbanding bayaran Dividen tahun sebelum. Ia merupakan bayaran Dividen yang tertinggi sejak penubuhan syarikat. Hal ini susulan daripada penguatkuasaan Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM dan pemantauan yang berkesan melalui peranan Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti terhadap pengurusan syarikat induk.
 - i. Bagi tahun kewangan 2023, Dividen yang telah diisytihar pada 15 Februari 2024 adalah sebanyak RM8,000,000 iaitu bersamaan 54.6% daripada keuntungan bersih syarikat dan dijangka akan dibayar pada 28 Mac 2024 tertakluk kepada kelulusan atau pengesahan Lembaga Pengarah Universiti.

(ii) **Perbelanjaan Emolumen**

- a) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM29,600 (0%) bagi Gaji dan Upahan dan Elaun Tetap sebanyak RM383,089 (1.2%) adalah disebabkan proses eksais pelantikan staf tidak dapat diselesaikan dalam tahun semasa.
- b) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM43,893 (3.4%) bagi Elaun Lebih Masa adalah disebabkan penjimatan ke atas perbelanjaan Universiti manakala lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM14,595 (0.4%) bagi Faedah Kewangan Lain adalah disebabkan lebihan peruntukan daripada penjimatan bayaran bantuan khas kewangan.

(iii) **Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan**

- a) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM1,135,007 (27.5%) bagi Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup adalah disebabkan terdapat perjalanan ke Luar Negara yang melibatkan TYT Tun Canselor UTeM tidak dilaksanakan dan terdapat penjimatan dalam perjalanan lawatan latihan industri oleh fakulti.
- b) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM787,394 (5.8%) bagi Perhubungan dan Utiliti adalah disebabkan terdapat penjimatan pada perolehan perkhidmatan talian internet dan *managed services*.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

- c) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM2,580,961 (7.8%) bagi Sewaan adalah disebabkan perkara berikut:
- sewaan bangunan di Makmal F5, Makmal Logistik 1 dan Stor Pusat tidak dapat dilaksanakan kerana menunggu kelulusan Kementerian Kewangan.
 - sewaan bas pelajar belum bermula kerana pembekal belum membuat penghantaran bas ke UTeM untuk digunakan.
 - sewaan kenderaan untuk Timbalan Naib Canselor tidak dapat dibuat pada tahun 2023 kerana lewat mendapat kelulusan jenis kenderaan yang akan disewa.
 - sewaan komputer bagi penggantian komputer usang tidak dapat dibuat kerana kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) lewat diperolehi iaitu pada November 2023.
- d) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM152,353 (15.2%) bagi Bekalan Bahan Mentah disebabkan oleh penjimatan dalam perbelanjaan serta pengoptimumkan sumber daripada perbelanjaan operasi Universiti. Manakala lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM793,235 (22.5%) bagi Bekalan dan Bahan-bahan Lain dan RM332,937 (6.2%) adalah disebabkan oleh pesanan tempatan yang belum selesai serta pengoptimuman sumber daripada perbelanjaan operasi Universiti.
- (iv) **Perbelanjaan Harta Modal**
- a) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir bagi perbelanjaan harta modal sebanyak RM10,889,952 (60.1%) umumnya adalah disebabkan terdapat projek yang dibatalkan dan juga perolehan belum selesai serta pengoptimuman sumber daripada perbelanjaan operasi Universiti antaranya melibatkan projek rangkaian wifi Universiti sebanyak RM3,600,000 yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun semasa kerana lewat mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) KPT iaitu pada November 2023.
- (v) **Pemberian dan Bayaran Tetap**
- a) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM93,803 (10.3%) bagi Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran adalah disebabkan pengoptimuman sumber. Manakala terdapat lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM87,588 (5.5%) bagi Pemberian Dalam Negeri yang disebabkan oleh penjimatan dalam perbelanjaan Universiti serta pengoptimuman sumber operasi Universiti.
- b) Lebihan peruntukan ke atas Bajet Akhir sebanyak RM83,414 (65.4%) bagi Ganjaran dan RM26,495 (2.9%) bagi Gantian Cuti Rehat adalah merupakan lebihan bagi tuntutan awal Gantian Cuti Rehat

Penyesuaian bagi Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar:

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti di bawah:

	Operasi 2023 RM	Pembiayaan 2023 RM	Pelaburan 2023 RM	Jumlah 2023 RM
Jumlah sebenar atas dasar perbandingan seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	280,107,810	-	7,225,429	287,333,239
Perbezaan asas	(253,806,259)	-	21,928,272	(231,877,987)
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	<u>26,301,551</u>	<u>-</u>	<u>29,153,701</u>	<u>55,455,252</u>

Butiran-butiran bagi perbezaan asas adalah seperti berikut:

	Operasi 2023 RM	Pembiayaan 2023 RM	Pelaburan 2023 RM	Jumlah 2023 RM
Penerimaan Geran/Pelbagai Pendapatan	(264,955,253)	-	-	(264,955,253)
Perbelanjaan dari lain-lain dana	22,485,359	-	-	22,485,359
Perbelanjaan yang diakru	(11,336,365)	-	-	(11,336,365)
Pembelian harta modal dari lain-lain dana	-	-	11,801,626	11,801,626
Pembelian aset tak ketara dari lain-lain dana	-	-	1,308,285	1,308,285
Penambahan kerja dalam kemajuan	-	-	22,811,394	22,811,394
Penerimaan dari jualan pelupusan aset	-	-	(16,119)	(16,119)
Penerimaan dan pemberian pinjaman	-	-	1,016,257	1,016,257
Keuntungan diterima dari pelaburan	-	-	(9,993,171)	(9,993,171)
Dividen diterima	-	-	(5,000,000)	(5,000,000)
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	<u>(253,806,259)</u>	<u>-</u>	<u>21,928,272</u>	<u>(231,877,987)</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

44. BILANGAN STAF DAN PELAJAR

Bilangan staf pada 31 Disember 2023 adalah seramai 2,082 orang berbanding 2,000 orang pada 31 Disember 2022.

Bilangan pelajar pada 31 Disember 2023 adalah seramai 14,095 orang berbanding 13,078 orang pada 31 Disember 2022.

45. PENGKELASAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan telah diklasifikasi semula kerana mengambil kira pelarasan yang dibuat dalam tahun semasa dan disesuaikan dengan persembahan dalam tahun semasa.

	2023 RM	2022 RM Dinyatakan semula	2022 RM Dinyatakan asal
KUMPULAN			
PENYATA PRESTASI KEWANGAN			
PENDAPATAN			
Pendapatan daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	348,032,061	354,394,071	352,544,709
Pendapatan daripada Urus Niaga Pertukaran	26,802,355	19,383,161	9,084,165
Lain-lain Pendapatan	313,254	193,998	12,342,356
	<u>375,147,670</u>	<u>373,971,230</u>	<u>373,971,230</u>
UNIVERSITI			
PENYATA PRESTASI KEWANGAN			
PENDAPATAN			
Pendapatan daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	348,268,041	354,166,039	352,398,259
Pendapatan daripada Urus Niaga Pertukaran	26,206,661	18,856,169	10,777,773
Lain-lain Pendapatan	313,254	193,998	10,040,174
	<u>374,787,956</u>	<u>373,216,206</u>	<u>373,216,206</u>

Sidang Pengarang

Penaung

Professor Datuk Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin

Ketua Pengarang

Profesor Madya Dr Siti Hajar binti Sheikh Md Fadzullah/
Hazman bin Hasib

Editor

Mohd Khairulhusaini bin Mohd Saad

Pembaca Prof

Mohd Khairul Nizam bin Suhaimin

Urusetia

Khairol Asikin bin Che Men

Pereka

Shahril Hazizi bin Abu Bakar

Sidang Pengarang

Mohammad Syarin bin Sapuan
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik Dan Antarabangsa)

Faradila binti Md Yusof
**Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan Dan Inovasi)**

Muhamad Sopian bin Baharom
**Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**

Zulaikha binti Md Radzai
Pejabat Pendaftar

Mohamad Jumairi bin Mohamad Yosoff
Pejabat Bendahari

Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali
Perpustakaan Laman Hikmah

Roszaimah binti Wahid
Pejabat Ketua Pegawai Maklumat

Junaidah binti Kasim
Pejabat Sekolah Pengajian Siswazah

Mohammad Al-Aiman bin Borkhan
Pejabat Pengurusan Fasiliti

Tinta Firmannika bin Selamat Pejabat Pusat
Dr. Mohd Nazmin Bin Maslan
Azmin Fadli Bin Mahyuddin
Norhafizah Binti Md Yusoh
Pengurusan Kolaborasi Rice UTeM-Melaka

Norihan binti Abu Nawar
Pejabat Perancangan Dan Pembangunan Akademik

Mohd Erwan bin Md Yusop
Pusat Pelajar Antarabangsa Dan Mobiliti (Cismo)

Norsuria binti Azis
Ts. Mohd Khairy bin Ismail
Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi

Norazah binti Mohamed Yazid
Pejabat Pengurusan Pembangunan

Mohd Shahrul Nizam bin Shukor
Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko



Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal,
Melaka, Malaysia.
Phone: +606 270 1000
Fax: +606 270 1022

